LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
Federal Agricultural Marketing Authority

FAMA

LAPORAN TAHUNAN 2020
ANNUAL REPORT



FAMADIHATIRAKYAT

ISI KANDUNGAN *CONTENTS*

MAKLUMAT KORPORAT FAMA *FAMA CORPORATE INFORMATION*	3
AHLI LEMBAGA PENGARAH FAMA *FAMA BOARD OF DIRECTORS*	4
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT *CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT*	10
JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH FAMA *COMMITTEES UNDER THE FAMA BOARD OF DIRECTORS*	12
PENGURUSAN KANAN FAMA 2020 *FAMA SENIOR MANAGEMENT 2020*	18
STRUKTUR CARTA ORGANISASI FAMA 2020 *FAMA ORGANISATIONAL STRUCTURE CHART 2020*	22
ALAMAT IBU PEJABAT DAN PEJABAT- PEJABAT FAMA NEGERI *ADDRESSES OF FAMA HEADQUARTERS AND STATE FAMA OFFICES*	24
LATAR BELAKANG FAMA *FAMA BACKGROUND*	26
VISI, MISI, OBJEKTIF, FUNGSI- FUNGSI UTAMA DAN STRATEGI *VISION, MISSION, OBJECTIVES, MAIN FUNCTIONS AND STRATEGIES*	27
PIAGAM PELANGGAN FAMA *FAMA CLIENT'S CHARTER*	29
SEKALUNG UCAPAN PENGERUSI FAMA *FAMA CHAIRMAN'S SPEECH*	30
SETITIP KATA OLEH KETUA PENGARAH FAMA *A WORD FROM THE DIRECTOR GENERAL OF FAMA*	34
ARTIKEL KHAS FAMA 2020 *FAMA SPECIAL ARTICLES 2020*	37
LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN *REPORT ON RECEIPT AND USAGE OF FEDERAL GOVERNMENT FUND RESOURCES*	47
LAPORAN PRESTASI FAMA TAHUN 2020 *REPORT ON FAMA PERFORMANCE IN 2020*	53
MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN *ENHANCING MANAGEMENT EFFECTIVENESS*	159
KALENDAR PERISTIWA FAMA 2020 *FAMA CALENDAR OF EVENTS 2020*	207
LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN *FINANCIAL REPORT AND STATEMENT*	217

AHLI LEMBAGA PENGARAH FAMA
FAMA BOARD OF DIRECTORS

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH FAMA
COMMITTEES UNDER THE FAMA BOARD OF DIRECTORS

PENGURUSAN KANAN FAMA TAHUN 2020
FAMA SENIOR MANAGEMENT 2020

STRUKTUR CARTA ORGANISASI FAMA 2020
FAMA ORGANISATIONAL STRUCTURE CHART 2020

ALAMAT IBU PEJABAT DAN PEJABAT- PEJABAT FAMA NEGERI
ADDRESSES OF FAMA HEADQUARTERS AND STATE FAMA OFFICES

LATAR BELAKANG FAMA
FAMA BACKGROUND

VISI, MISI, OBJEKTIF, FUNGSI- FUNGSI UTAMA DAN STRATEGI
VISION, MISSION, OBJECTIVES, MAIN FUNCTIONS AND STRATEGIES

PIAGAM PELANGGAN FAMA
FAMA CLIENT'S CHARTER

SEKALUNG UCAPAN PENGERUSI FAMA
FAMA CHAIRMAN'S SPEECH

SETITIP KATA OLEH KETUA PENGARAH FAMA
A WORD FROM THE DIRECTOR GENERAL OF FAMA





MAKLUMAT KORPORAT FAMA

FAMA CORPORATE INFORMATION

AHLI LEMBAGA PENGARAH FAMA
FAMA BOARD OF DIRECTORS



YBHG. SR. TUAN HAJI ISHAK BIN ISMAIL
Pengerusi FAMA / *FAMA Chairman*
01/11/2018 – 31/03/2020



YB. DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
Pengerusi FAMA / *FAMA Chairman*
01/05/2020 – 30/04/2022



YBHG. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN YANG RAZALLI
Ketua Pengarah FAMA / *FAMA Director General*
10/09/2019 – 09/09/2021



YBRS. ENCIK HUZAINI BIN RAMLI
Ahli Lembaga / *Board Member*
Timbalan Pengarah Belanjawan Negara
(Pengurusan, Penilaian dan Prestasi)
Kementerian Kewangan Malaysia
Deputy Director of National Budget
(Management, Evaluation and Performance)
Ministry of Finance Malaysia
01/04/2016 – 31/03/2020



YBRS. PUAN NOORHASLINDA BINTI HALID
Ahli Lembaga / *Board Member*
Ketua Seksyen Monetisasi Aset
(Bahagian Pengurusan Aset Awam)
Kementerian Kewangan Malaysia
Head of Asset Monetisation Section
(Public Asset Management Division)
Ministry of Finance Malaysia
16/05/2020 – 15/05/2022



YBRS. CIK SITI NORLAILASARI BINTI ABDUL RAHMAN
Ahli Lembaga / *Board Member*
Pengarah Kanan Sekyen Penyelidikan dan Statistik
(Bahagian Perancangan Strategik)
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Senior Director of Research and Statistics Section
(Strategic Planning Division)
Ministry of International Trade and Industry
03/12/2018 – 02/12/2020



YBHG. DATO' SALIM BIN PARLAN
Ahli Lembaga / *Board Member*
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Deputy Secretary General (Development)
Ministry of Agriculture and Food Industries
17/04/2019 – 03/03/2020



YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
Ahli Lembaga / *Board Member*
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Deputy Secretary General (Policy)
Ministry of Agriculture and Food Industries
15/06/2020 – 14/06/2022



YBRS. ENCIK TOISIN GANTOR
Ahli Lembaga / *Board Member*
Timbalan Ketua Setiausaha
(Perancangan Strategik dan Pengurusan)
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Deputy Secretary General
(Strategic Planning and Management)
Ministry of Plantation Industries and Commodities
15/11/2018 – 14/11/2020



YBRS. TUAN HAJI MOHD NASIR BIN WARRIS
Ahli Lembaga / *Board Member*
Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian Malaysia
Director General of Agriculture
Department of Agriculture Malaysia
01/02/2019 – 21/08/2020



YBRS. ENCIK ELIYAS BIN SAAD
Ahli Lembaga / *Board Member*
Timbalan Ketua Pengarah Pertanian
(Pembangunan Industri dan Pengembangan)
Jabatan Pertanian Malaysia
Deputy Director General of Agriculture
(Industrial Development and Extension)
Department of Agriculture Malaysia
01/10/2020 – 30/09/2022



YBRS. DR. ZUNIKA BINTI MOHAMED
Ahli Lembaga / *Board Member*
Timbalan Ketua Pengarah (Makro)
Unit Perancang Ekonomi
Deputy Director General (Macro)
Economic Planning Unit
01/12/2019 – 30/11/2021



YBHG. DATO' AZULITA BINTI SALIM
Ahli Lembaga / *Board Member*
Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang
Director General
Farmers' Organisation Authority
01/07/2019 – 30/06/2021



YBRS. TUAN HAJI MISDAN BIN ADAM
Ahli Lembaga / *Board Member*
15/11/2018 – 31/03/2020



YB. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
Ahli Lembaga / *Board Member*
15/11/2018 – 31/03/2020



YBRS. ENCIK MOHAMAD FIDZUAN BIN ZAIDI
Ahli Lembaga / *Board Member*
15/11/2018 – 31/03/2020



YBRS. TUAN HAJI ADNAN BIN SAAD
Ahli Lembaga / *Board Member*
15/11/2018 – 31/03/2020



YBRS. DR. ZULQARNAIN BIN LUKMAN
Ahli Lembaga / *Board Member*
15/11/2018 – 31/03/2020



YBHG. DATUK JAPLIN BIN AKIM @ ABD HAMID
Ahli Lembaga / *Board Member*
18/05/2020 – 17/05/2022



YB. DATUK WIRA HAJI GHAZALE BIN MUHAMAD
Ahli Lembaga / *Board Member*
18/05/2020 – 17/05/2022



YB. TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI
Ahli Lembaga / *Board Member*
18/05/2020 – 17/05/2022



YB. DATUK RAIME BIN UNGGI
Ahli Lembaga / *Board Member*
18/05/2020 – 17/05/2022



YBRS. ENCIK ABDUL RAZAK BIN KHAMIS
Ahli Lembaga / *Board Member*
18/05/2020 – 17/05/2022

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

Lembaga Pengarah FAMA mengguna pakai cadangan-cadangan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik diamalkan bagi memastikan FAMA melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan.

Pada tahun berakhir 31 Disember 2020, Lembaga Pengarah FAMA telah bersidang sebanyak lima kali. Berikut adalah maklumat mengenai mesyuarat tersebut:

The FAMA Board of Directors applies recommendations in the Malaysian Code of Corporate Governance to ensure that good corporate governance is practised to enable FAMA to discharge its responsibilities effectively.

In the year ended 31 December 2020, the FAMA Board of Directors had five meetings. Information regarding the meetings are given below:



LAPORAN KEHADIRAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH FAMA 2020

ATTENDANCE REPORT OF FAMA BOARD MEMBERS 2020

BILANGAN MESYUARAT / *NUMBER OF MEETINGS*

BIL. / *NO.*	NAMA / *NAME*	JAWATAN / *POSITION*	Kali Ke-267 Bil. 1/2020 267th No. 1/2020 30 Jan 2020 30 Jan 2020	Kali Ke-268 Bil. 2/2020 268th No. 2/2020 25 Feb 2020 25 Feb 2020	Kali Ke-269 Bil. 3/2020 269th No. 3/2020 23 Jun 2020 23 June 2020	Kali Ke-270 Bil. 4/2020 270th No. 4/2020 29 Sept 2020 29 Sept 2020	Kali Ke-271 Bil. 5/2020 271st No. 5/2020 28 Dis 2020 28 Dec 2020	BILANGAN KEHADIRAN / *NO. OF ATTENDANCE*
1.	YBhg. Sr. Tuan Haji Ishak bin Ismail	Pengerusi FAMA *FAMA Chairman*	●	●	Tamat tempoh lantikan pada 31 Mac 2020 *Appointment ending on 31 March 2020*			2/5
2.	YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh	Pengerusi FAMA *FAMA Chairman*	Lantikan bermula 1 Mei 2020 *Appointment beginning on 1 May 2020*		●	●	●	3/5
3.	YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Yang Razalli	Ketua Pengarah FAMA *FAMA Director General*	●	●	●	●	●	5/5
4.	YBrs. Encik Huzaini bin Ramli	Timbalan Pengarah Belanjawan Negara, MOF *Deputy Director of National Budget, MOF*	●	●	Tamat tempoh lantikan pada 31 Mac 2020 *Appointment ending on 31 March 2020*			2/5
5.	YBrs. Puan Noorhaslinda binti Halid	Ketua Seksyen Monetisasi Aset, MOF *Head of Asset Monetisation Section, MOF*	Lantikan bermula 16 Mei 2020 *Appointment beginning 16 May 2020*		●	●	●	3/5
6.	YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman	Pengarah Kanan Seksyen Penyelidikan dan Statistik, MITI *Senior Director of Research and Statistics, MITI*	●	●	●	●	●	4/5
7.	YBhg. Dato' Salim bin Parlan	Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), MAFI *Deputy Secretary General (Development), MAFI*	●	●	Tamat tempoh lantikan pada 3 Mac 2020 *Appointment ending on 3 March 2020*			0/5
8.	YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid	Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MAFI *Deputy Secretary General (Policy), MAFI*	Lantikan bermula 15 Jun 2020 *Appointment beginning on 15 June 2020*		●	●	●	3/5
9.	YBrs. Tuan Haji Mohd Nasir bin Warris	Ketua Pengarah Pertanian, DOA *Director General of Agriculture, DOA*	●	●	●	Tamat tempoh lantikan pada 21 Ogos 2020 *Appointment ending on 21 August 2020*		3/5
10.	YBrs. Encik Eliyas bin Saad	Timbalan Ketua Pengarah Pertanian, DOA *Deputy Director General of Agriculture, DOA*	Lantikan bermula 1 Oktober 2020 *Appointment beginning on 1 October 2020*				●	1/5
11.	YBrs. Encik Toisin Gantor	Timbalan Ketua Setiausaha, MPIC *Deputy Secretary General, MPIC*	●	●	●	●	●	3/5
12.	YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed	Timbalan Ketua Pengarah (Makro), UPE *Deputy Director General (Macro), EPU*	●	●	●	●	●	5/5
13.	YBhg. Dato' Azulita binti Salim	Ketua Pengarah, LPP *Director General, LPP*	●	●	●	●	●	5/5
14.	YBrs. Encik Misdan bin Adam	Ahli Lembaga *Board Member*	●	●	Tamat tempoh lantikan pada 31 Mac 2020 *Appointment ending on 31 March 2020*			2/5
15.	YB. Tuan Mohd Sany bin Hamzan	Ahli Lembaga *Board Member*	●	●	Tamat tempoh lantikan pada 31 Mac 2020 *Appointment ending on 31 March 2020*			1/5
16.	YBrs. Encik Mohamad Fidzuan bin Zaidi	Ahli Lembaga *Board Member*	●	●	Tamat tempoh lantikan pada 31 Mac 2020 *Appointment ending on 31 March 2020*			2/5
17.	YBrs. Tuan Haji Adnan bin Saad	Ahli Lembaga *Board Member*	●	●	Tamat tempoh lantikan pada 31 Mac 2020 *Appointment ending on 31 March 2020*			2/5
18.	YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman	Ahli Lembaga *Board Member*	●	●	Tamat tempoh lantikan pada 31 Mac 2020 *Appointment ending on 31 March 2020*			2/5
19.	YBhg. Datuk Japlin bin Akim @ Abd Hamid	Ahli Lembaga *Board Member*	Lantikan bermula 18 Mei 2020 *Appointment beginning on 18 May 2020*		●	●	●	3/5
20.	YB Datuk Wira Haji Ghazale bin Muhamad	Ahli Lembaga *Board Member*	Lantikan bermula 18 Mei 2020 *Appointment beginning on 18 May 2020*		●	●	●	3/5
21.	YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari	Ahli Lembaga *Board Member*	Lantikan bermula 18 Mei 2020 *Appointment beginning on 18 May 2020*		●	●	●	3/5
22.	YB Datuk Raime bin Unggi	Ahli Lembaga *Board Member*	Lantikan bermula 18 Mei 2020 *Appointment beginning on 18 May 2020*		●	●	●	3/5
23.	YBrs. Encik Abdul Razak bin Khamis	Ahli Lembaga *Board Member*	Lantikan bermula 18 Mei 2020 *Appointment beginning on 18 May 2020*		●	●	●	3/5

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH FAMA
COMMITTEES UNDER THE FAMA BOARD OF DIRECTORS

Lembaga Pengarah FAMA telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu dalam pelaksanaan tugas mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan dan penurunan bidang kuasa kepada Ahli Lembaga Pengarah. Butiran keahlian dalam Jawatankuasa Lembaga adalah seperti berikut:

The FAMA Board of Directors has set up several committees to assist in the discharge of its functions in accordance with the terms of reference and the authority delegated to the Board Members. Details of membership in the Board Committees are as follows:

Jawatankuasa Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah / Kumpulan Pengurusan Tertinggi / Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Pengerusi Jawatankuasa:
Pengerusi FAMA

Ahli Jawatankuasa:
i. Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
ii. YBhg. Dato' Azulita binti Salim **(01/01/2020 – kini)**
iii. YBhg. Datuk Japlin bin Akim @ Abd Hamid **(23/06/2020 – kini)**
iv. YBrs. Encik Eliyas bin Saad **(28/12/2020 – kini)**
v. YBrs. Encik Misdan bin Adam **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Disciplinary Committee for the Purpose of Dismissal or Demotion of Director General / Deputy Director General / Top Management Group / Management and Professional Group

Committee Chairman:
Chairman of FAMA

Committee Members:
i. Secretary-General, Ministry of Agriculture and Food Industries
ii. YBhg. Dato' Azulita binti Salim ***(01/01/2020 – now)***
iii. YBhg. Datuk Japlin bin Akim @ Abd Hamid ***(23/06/2020 – now)***
iv. YBrs. Encik Eliyas bin Saad ***(28/12/2020 – now)***
v. YBrs. Encik Misdan bin Adam ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah / Kumpulan Pengurusan Tertinggi / Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Pengerusi Jawatankuasa:
Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan

Ahli Jawatankuasa:
i. YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari **(23/06/2020 – kini)**
ii. YBrs. Encik Abdul Razak bin Khamis **(28/12/2020 – kini)**
iii. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman **(01/01/2020 – 02/12/2020)**
iv. YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Disciplinary Appeals Committee for the Purpose of Dismissal or Demotion of Director General / Deputy Director General / Top Management Group / Management and Professional Group

Committee Chairman:
Yang Berhormat Minister of Agriculture and Food Industries

Committee Members:
i. YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari ***(23/06/2020 – now)***
ii. YBrs. Encik Abdul Razak bin Khamis ***(28/12/2020 – now)***
iii. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman ***(01/01/2020 – 02/12/2020)***
iv. YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Jawatankuasa Tatatertib BUKAN dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah / Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Pengerusi Jawatankuasa:
Pengerusi FAMA

Ahli Jawatankuasa:
i. Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
ii. YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid **(23/06/2020 – kini)**
iii. YB Dato' Raime bin Unggi **(23/06/2020 – kini)**
iv. YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman **(01/01/2020 – 31/03/2020)**
v. YBhg. Dato' Salim bin Parlan **(01/01/2020 – 03/03/2020)**

Disciplinary Committee NOT for the Purpose of Dismissal or Demotion of Director General / Deputy Director General and Top Management Group

Committee Chairman:
Chairman of FAMA

Committee Members:
i. Secretary-General, Ministry of Agriculture and Food Industries
ii. YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid ***(23/06/2020 – now)***
iii. YB Dato' Raime bin Unggi ***(23/06/2020 – now)***
iv. YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***
v. YBhg. Dato' Salim bin Parlan ***(01/01/2020 – 03/03/2020)***

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib BUKAN dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah / Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Pengerusi Jawatankuasa:
Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan

Ahli Jawatankuasa:
i. YBrs. Puan Noorhaslinda binti Halid **(23/06/2020 – kini)**
ii. YBrs. Encik Abdul Razak bin Khamis **(23/06/2020 – kini)**
iii. YB Datuk Wira Haji Ghazale bin Muhamad **(28/12/2020 – kini)**
iv. YBrs. Encik Huzaini bin Ramli **(01/01/2020 – 31/03/2020)**
v. YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Disciplinary Appeals Committee NOT for the Purpose of Dismissal or Demotion of Director General / Deputy Director General / Top Management Group

Committee Chairman:
Yang Berhormat Minister of Agriculture and Food Industries

Committee Members:
i. YBrs. Puan Noorhaslinda binti Halid ***(23/06/2020 – now)***
ii. YBrs. Encik Abdul Razak bin Khamis ***(23/06/2020 – now)***
iii. YB Datuk Wira Haji Ghazale bin Muhamad ***(28/12/2020 – now)***
iv. YBrs. Encik Huzaini bin Ramli ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***
v. YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Jawatankuasa Tatatertib BUKAN dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Pengerusi Jawatankuasa:
Ketua Pengarah FAMA

Ahli Jawatankuasa:
i. Timbalan Ketua Setiausaha (Pentadbiran), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
ii. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed **(01/01/2020 – kini)**
iii. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman **(01/01/2020 – 02/12/2020)**
iv. YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman **(01/01/2020 – 31/03/2020)**
v. YBhg. Dato' Salim bin Parlan **(01/01/2020 – 03/03/2020)**

Disciplinary Committee NOT for the Purpose of Dismissal or Demotion for the Management and Professional Group

Chairman of Committee:
Director General of FAMA

Committee Members:
i. Deputy Secretary-General (Administration), Ministry of Agriculture and Food Industries
ii. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed ***(01/01/2020 – now)***
iii. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman ***(01/01/2020 – 02/12/2020)***
iv. YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***
v. YBhg. Dato' Salim bin Parlan ***(01/01/2020 – 03/03/2020)***

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib BUKAN dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Pengerusi Jawatankuasa:
Ketua Setiausaha (Pentadbiran), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Ahli Jawatankuasa:
i. YBrs. Encik Toisin Gantor **(01/01/2020 – kini)**
ii. YB Datuk Wira Haji Ghazale bin Muhamad **(23/06/2020 – kini)**
iii. YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari **(28/12/2020 – kini)**
iv. YBrs. Encik Misdan bin Adam **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Disciplinary Appeals Committee NOT for the Purpose of Dismissal or Demotion for the Management and Professional Group

Committee Chairman:
Secretary-General (Administration), Ministry of Agriculture and Food Industries

Committee Members:
i. YBrs. Encik Toisin Gantor ***(01/01/2020 – now)***
ii. YB Datuk Wira Haji Ghazale bin Muhamad ***(23/06/2020 – now)***
iii. YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari ***(28/12/2020 – now)***
iv. YBrs. Encik Misdan bin Adam ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Jawatankuasa Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Sokongan

Pengerusi Jawatankuasa:
Ketua Pengarah FAMA

Ahli Jawatankuasa:
i. Timbalan Ketua Setiausaha (Pentadbiran), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
ii. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
iii. YBrs. Encik Eliyas bin Saad **(28/12/2020 – kini)**
iv. YBrs. Encik Abdul Razak bin Khamis **(23/06/2020 – 27/12/2020)**
v. YBrs. Tuan Haji Mohd Nasir bin Warris **(01/01/2020 – 21/08/2020)**
vi. YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Disciplinary Committee for the Purpose of Dismissal or Demotion for the Support Group

Committee Chairman:
FAMA Director General

Committee Members:
i. Deputy Secretary-General (Administration), Ministry of Agriculture and Food Industries
ii. Legal Advisor, Ministry of Agriculture and Food Industries
iii. YBrs. Encik Eliyas bin Saad ***(28/12/2020 – now)***
iv. YBrs. Encik Abdul Razak bin Khamis ***(23/06/2020 – 27/12/2020)***
v. YBrs. Tuan Haji Mohd Nasir bin Warris ***(01/01/2020 – 21/08/2020)***
vi. YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Sokongan

Pengerusi Jawatankuasa:
Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Ahli Jawatankuasa:
i. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed **(01/01/2020 – kini)**
ii. YBrs. Encik Abdul Razak bin Khamis **(23/06/2020 – kini)**
iii. YBhg. Datuk Japlin bin Akim @ Abd Hamid **(28/12/2020 – kini)**
iv. YBrs. Tuan Haji Adnan bin Saad **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Disciplinary Appeals Committee for the Purpose of Dismissal or Demotion for the Support Group

Committee Chairman:
Secretary-General, Ministry of Agriculture and Food Industries

Committee Members:
i. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed ***(01/01/2020 – now)***
ii. YBrs. Encik Abdul Razak bin Khamis ***(23/06/2020 – now)***
iii. YBhg. Datuk Japlin bin Akim @ Abd Hamid ***(28/12/2020 – now)***
iv. YBrs. Tuan Haji Adnan bin Saad ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Jawatankuasa Tatatertib BUKAN dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Sokongan

Pengerusi Jawatankuasa:
i. Timbalan Ketua Pengarah FAMA **(23/06/2020 – kini)**
ii. Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Operasi) **(01/01/2020 – 22/06/2020)**

Ahli Jawatankuasa:
i. Ketua Bahagian yang bertanggungjawab bagi hal pentadbiran di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
ii. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
vi. YBrs. Puan Noorhaslinda binti Halid **(23/06/2020 – kini)**
iii. YBhg. Datuk Japlin bin Akim @ Abd Hamid **(23/06/2020 – kini)**
iv. YBrs. Encik Huzaini bin Ramli **(01/01/2020 – 31/03/2020)**
v. YBrs. Encik Mohamad Fidzuan bin Zaidi **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Disciplinary Committee NOT for the Purpose of Dismissal or Demotion for the Support Group

Committee Chairman:
i. Deputy Director General of FAMA ***(23/06/2020 – now)***
ii. Deputy Director General of FAMA (Operations) ***(01/01/2020 – 22/06/2020)***

Committee Members:
i. Head of Division responsible for administration matters at the Ministry of Agriculture and Food Industries
ii. Legal Advisor, Ministry of Agriculture and Food Industries
iii. YBrs. Puan Noorhaslinda binti Halid ***(23/06/2020 – now)***
iv. YBhg. Datuk Japlin bin Akim @ Abd Hamid ***(23/06/2020 – now)***
v. YBrs. Encik Huzaini bin Ramli ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***
vi. YBrs. Encik Mohamad Fidzuan bin Zaidi ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib BUKAN dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat bagi Kumpulan Sokongan

Pengerusi Jawatankuasa:
Ketua Pengarah FAMA

Ahli Jawatankuasa:
i. Timbalan Ketua Setiausaha (Pentadbiran), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
ii. YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari **(23/06/2020 – kini)**
iii. YB Datuk Raime bin Unggi **(28/12/2020 – kini)**
iv. YBrs. Tuan Haji Adnan bin Saad **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Disciplinary Appeals Committee NOT for the Purpose of Dismissal or Demotion for the Support Group

Committee Chairman:
FAMA Director General

Committee Members:
i. Deputy Secretary-General (Administration), Ministry of Agriculture and Food Industries
ii. YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari ***(23/06/2020 – now)***
iii. YB Datuk Raime bin Unggi ***(28/12/2020 – now)***
iv. YBrs. Tuan Haji Adnan bin Saad ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Jawatankuasa Perjawatan

Pengerusi Jawatankuasa:
i. Ketua Pengarah FAMA **(23/06/2020 – kini)**
ii. Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Pengurusan & Korporat) **(01/01/2020 – 22/06/2020)**

Ahli Jawatankuasa:
i. Wakil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
ii. Wakil Kementerian Kewangan
iii. YBhg. Dato' Azulita binti Salim **(01/01/2020 – kini)**
iv. YBrs. Tuan Haji Mohd Nasir bin Warris **(01/01/2020 – 21/08/2020)**
v. YBrs. Encik Mohamad Fidzuan bin Zaidi **(01/01/2020 – 31/03/2020)**
vi. Dua (2) orang Timbalan Ketua Pengarah FAMA **(23/06/2020 – kini)**

Personnel Committee

Committee Chairman:
i. FAMA Director General ***(23/06/2020 – now)***
ii. Deputy Director General of FAMA (Management & Corporate) ***(01/01/2020 – 22/06/2020)***

Committee Members:
i. Representative of Ministry of Agriculture and Food Industries
ii. Representative of Ministry of Finance
iii. YBhg. Dato' Azulita binti Salim ***(01/01/2020 – now)***
iv. YBrs. Tuan Haji Mohd Nasir bin Warris ***(01/01/2020 – 21/08/2020)***
v. YBrs. Encik Mohamad Fidzuan bin Zaidi ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***
vi. Two (2) Deputy Director Generals of FAMA ***(23/06/2020 – now)***

Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat

Pengerusi Jawatankuasa:
i. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed **(23/06/2020 – kini)**
ii. YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Ahli Jawatankuasa:
i. YBrs. Encik Toisin Gantor **(01/01/2020 – kini)**
ii. YB Dato' Raime bin Unggi **(23/06/2020 – kini)**
iii. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman **(01/01/2020 – 02/12/2020)**
iv. YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman **(01/01/2020 – 31/03/2020)**
v. Seorang Timbalan Ketua Pengarah FAMA **(23/06/2020 – kini)**

Appeals Committee on Promotions

Committee Chairman:
i. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed ***(23/06/2020 – now)***
ii. YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Committee Members:
i. YBrs. Encik Toisin Gantor ***(01/01/2020 – now)***
ii. YB Dato' Raime bin Unggi ***(23/06/2020 – now)***
iii. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman ***(01/01/2020 – 02/12/2020)***
iv. YBrs. Dr. Zulqarnain bin Lukman ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***
v. One Deputy Director General of FAMA ***(23/06/2020 – now)***

Jawatankuasa Audit Lembaga

Pengerusi Jawatankuasa:
i. YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid **(23/06/2020 – kini)**
ii. YBrs. Encik Misdan bin Adam **(01/01/2020 – 22/06/2020)**

Ahli Jawatankuasa:
i. YBhg. Dato' Azulita binti Salim **(01/01/2020 – kini)**
ii. YBrs. Encik Toisin Gantor **(23/06/2020 – kini)**
iii. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed **(23/06/2020 – kini)**
iv. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman **(01/01/2020 – 02/12/2020)**
v. YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan **(01/01/2020 – 31/03/2020)**
vi. YBrs. Encik Mohamad Fidzuan bin Zaidi **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Board Audit Committee

Committee Chairman:
i. YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid ***(23/06/2020 – now)***
ii. YBrs. Encik Misdan bin Adam ***(01/01/2020 – 22/06/2020)***

Committee Members:
i. YBhg. Dato' Azulita binti Salim ***(01/01/2020 – now)***
ii. YBrs. Encik Toisin Gantor ***(23/06/2020 – now)***
iii. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed ***(23/06/2020 – now)***
iv. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman ***(01/01/2020 – 02/12/2020)***
v. YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***
vi. YBrs. Encik Mohamad Fidzuan bin Zaidi ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Jawatankuasa Kewangan Lembaga

Pengerusi Jawatankuasa:
Wakil Kementerian Kewangan
i. YBrs. Puan Noorhaslinda binti Halid **(23/06/2020 – kini)**
ii. YBrs. Encik Huzaini bin Ramli **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Ahli Jawatankuasa:
i. YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid **(23/06/2020 – kini)**
ii. YBhg. Dato' Azulita binti Salim **(23/06/2020 – kini)**
iii. YBrs. Encik Eliyas bin Saad **(28/12/2020 – kini)**
iv. YBrs. Tuan Haji Mohd Nasir bin Warris **(01/01/2020 – 21/08/2020)**
v. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed **(01/01/2020 – 22/06/2020)**
vi. YBrs. Tuan Haji Adnan bin Saad **(01/01/2020 – 31/03/2020)**

Board Finance Committee

Committee Chairman:
Representative of Ministry of Finance
i. YBrs. Puan Noorhaslinda binti Halid ***(23/06/2020 – now)***
ii. YBrs. Encik Huzaini bin Ramli ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

Committee Members:
i. YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid ***(23/06/2020 – now)***
ii. YBhg. Dato' Azulita binti Salim ***(23/06/2020 – now)***
iii. YBrs. Encik Eliyas bin Saad ***(28/12/2020 – now)***
iv. YBrs. Tuan Haji Mohd Nasir bin Warris ***(01/01/2020 – 21/08/2020)***
v. YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed ***(01/01/2020 – 22/06/2020)***
vi. YBrs. Tuan Haji Adnan bin Saad ***(01/01/2020 – 31/03/2020)***

vii. Pengarah Kanan (Kewangan)
viii. Pengarah Bahagian (Kewangan)
ix. Pengarah (Kewangan)

vii. Senior Director (Finance)
viii. Division Director (Finance)
ix. Director (Finance)

Jawatankuasa Perolehan Tender (01/01/2020 - 22/06/2020)

Pengerusi Jawatankuasa:
Ketua Pengarah FAMA

Ahli Mesyuarat :
i. Wakil Kementerian Kewangan dalam Lembaga Pengarah FAMA
ii. Wakil Lembaga Pengarah FAMA dalam kalangan Penjawat Awam
iii. Dua (2) orang wakil Lembaga Pengarah FAMA dalam kalangan BUKAN Penjawat Awam

Tender Procurement Committee (01/01/2020 - 22/06/2020)

Committee Chairman:
Director General of FAMA

Meeting Members:
i. Representative of the Ministry of Finance on the FAMA Board of Directors
ii. FAMA Board of Directors' representative among Civil Servants
iii. Two (2) representatives of the FAMA Board of Directors among NON-Civil Servants

---

Jawatankuasa Perolehan Tender (23/06/2020 – kini)

Pengerusi Jawatankuasa:
Ketua Pengarah FAMA

Pengerusi Ganti:
YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid

Ahli Mesyuarat :
i. YBrs. Puan Noorhaslinda binti Halid
ii. YBrs. Encik Toisin Gantor
iii. YB Datuk Wira Haji Ghazale bin Muhamad
iv. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman
(23/06/2020 – 02/12/2020)

Tender Procurement Committee (23/06/2020 – now)

Committee Chairman:
Director General of FAMA

Alternative Chairperson:
YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid

Meeting Members:
i. YBrs. Puan Noorhaslinda binti Halid
ii. YBrs. Encik Toisin Gantor
iii. YB Datuk Wira Haji Ghazale bin Muhamad
iv. YBrs. Cik Siti Norlailasari binti Abdul Rahman
(23/06/2020 – 02/12/2020)

Jawatankuasa Penasihat Pemasaran Pertanian FAMA

Pengerusi Jawatankuasa:
Ketua Pengarah FAMA

Ahli Mesyuarat:
i. Dua (2) orang Pakar Individu
ii. Dua (2) orang daripada Kementerian / Agensi / Jabatan berkaitan
iii. Sembilan (9) orang daripada wakil industri, swasta dan persatuan

FAMA Agricultural Marketing Advisory Committee

Committee Chairman:
Director General of FAMA

Meeting Members:
i. Two (2) Individual Specialists
ii. Two (2) representatives from the relevant Ministry / Agency / Department
iii. Nine (9) people from industry, private and association representatives

PENGURUSAN KANAN FAMA 2020
SENIOR MANAGEMENT OF FAMA 2020



YBHG. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN YANG RAZALLI
Ketua Pengarah FAMA
Director General of FAMA



YBRS. ENCIK MOHAMAD MUSTAHAPA BIN AWANG
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Deputy Director General (Operations)



YBHG. DATO' ABDUL GHARIFF BIN RAMIN
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Deputy Director General (Development)



TN. HAJI MOHD ANIS BIN MOHD YASIN
Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan)
Deputy Director General (Management Services)



ENCIK FAISAL ISWARDI BIN ISMAIL
Pengarah Kanan
Bahagian Pemasaran Industri Makanan
Senior Director
Food Industry Marketing Division



ENCIK ABD RAHMAN BIN MAHMOOD
Pengarah Kanan
Bahagian Kontrak Pemasaran
Senior Director
Marketing Contract Division



ENCIK FARIDULATRASH BIN MD. MOKRI
Pengarah Kanan
Bahagian Regulatori
Senior Director
Regulatory Division



PUAN WAN FAIZATUL ANIZA BINTI ISMAYATIM
Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik
Senior Director
Strategic Planning Division



PUAN ROSILAWATI BINTI ABU HASSAN
Pengarah Kanan
Bahagian Galakan Pasaran
Senior Director
Market Promotion Division



ENCIK NOR HAIRI BIN HARUN
Pengarah Kanan
Bahagian Pemasaran Digital
Senior Director
Digital Marketing Division



PUAN SURAYA
BINTI MOHD YUSOF
Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Inovasi
Senior Director
Innovation Development Division



PUAN INTAN SURAYA
BINTI IBENI HAJAR
Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Senior Director
Human Resources Management Division



ENCIK OMAR SHARAFY
BIN MOHD YUSSOF
Pengarah Kanan
Bahagian Kewangan
Senior Director
Finance Division



ENCIK MEOR ROSLAN BIN IDRIS
Pengarah Kanan
Bahagian Kejuruteraan
Senior Director
Engineering Division



ENCIK ROSLI AW DA
Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Senior Director
Human Capital Development Division



ENCIK MOHAMMAD ZUBIR
BIN ABDUL RAZAK
Pengarah Bahagian
Bahagian Pembangunan Institusi
Pemasaran
Division Director
Marketing Institution Development
Division



PUAN SHARIFAH KHAIRUN NISA' BINTI HABIB ELIAS
Pengarah Bahagian
Bahagian Teknologi Pemasaran & Korporat
Division Director
Marketing Technology & Corporate Division



ENCIK NOORSHAM BIN RAMLY
Pengarah Bahagian
Bahagian Maklumat Pasaran
Division Director
Market Information Division



ENCIK MUHAMAD RAZIS BIN SAMSU
Pengarah Bahagian
Bahagian Pentadbiran
Division Director
Administration Division



ENCIK FAIDZ AFIZI BIN MOHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif
FAMA Corporation Sdn. Bhd.
Chief Executive Officer
FAMA Corporation Sdn. Bhd.



ENCIK AHMAD RAFIEE BIN MUSA
Pengurus
MyKopiesatu Sdn. Bhd.
Manager
MyKopiesatu Sdn. Bhd.

STRUKTUR CARTA ORGANISASI FAMA 2020



FAMA ORGANISATIONAL STRUCTURE CHART 2020



ALAMAT IBU PEJABAT FAMA DAN PEJABAT- PEJABAT FAMA NEGERI
ADDRESSES OF FAMA HEADQUARTERS AND STATE FAMA OFFICES

IBU PEJABAT / *HEADQUARTERS*

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY (FAMA)
Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1,
Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-6126 2020 Faks : 03-6138 5200 Laman Web : www.fama.gov.my

PEJABAT FAMA NEGERI / *STATE FAMA OFFICES*



PEJABAT FAMA NEGERI PERLIS
PERLIS STATE FAMA OFFICE
KM 2, Jalan Baru Kangar – Alor Setar,
Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-976 1513 / 976 5615
Faks : 04-976 0564



PEJABAT FAMA NEGERI KEDAH
KEDAH STATE FAMA OFFICE
No. 101–C, Kawasan Perindustrian Mergong,
Jalan Perak, 05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
Tel : 04-731 9344 / 731 9103 / 730 7317
Faks : 04-733 5154 / 730 6601



PEJABAT FAMA NEGERI PULAU PINANG
PENANG STATE FAMA OFFICE
No. 2442, Tingkat Perusahaan Satu,
Kawasan Perusahaan Perai, 13600 Perai, Pulau Pinang.
Tel : 04-390 7222 / 390 7886 / 399 2163
Faks : 04-397 9426 / 390 8107



PEJABAT FAMA NEGERI PERAK
PERAK STATE FAMA OFFICE
Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC)
Kawasan Perindustrian Gopeng 2,
KM. 16, Jalan Gopeng, 31600 Gopeng,
Perak Darul Ridzuan.
Tel : 05-357 6322 / 357 8664
Faks : 05-357 6545



PEJABAT FAMA NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE FAMA OFFICE
Tingkat 13, Plaza Masalam,
Jalan Tengku Ampuan Zabedah,
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5511 8114
Faks : 03-5511 8124



PEJABAT FAMA NEGERI SEMBILAN
NEGERI SEMBILAN STATE FAMA OFFICE
Lot 7929, KM. 5, Jalan Labu,
70200 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel : 06-763 5797 / 767 2885
Faks : 06-763 7466



PEJABAT FAMA NEGERI MELAKA
MALACCA STATE FAMA OFFICE
Lot 73, Jalan Usaha 12,
Kawasan Perindustrian Ayer Keroh, 75450 Melaka.
Tel : 06-231 2760 / 231 9650
Faks : 06-231 7172



PEJABAT FAMA NEGERI PAHANG
PAHANG STATE FAMA OFFICE
KM 9, Jalan Gambang,
25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel : 09-536 6110 / 536 6113 / 536 6114 / 536 6115
Faks : 09-536 6106 / 536 6109



PEJABAT FAMA NEGERI JOHOR
JOHOR STATE FAMA OFFICE
Lot 6313, Jalan Taruka, Off Jalan Datin Halimah,
Peti Surat 25, 80700 Johor Bahru, Johor Darul Takzim.
Tel : 07-231 3600
Faks : 07-234 1182 / 237 0832



PEJABAT FAMA NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE FAMA OFFICE
Bangunan RTC Kota Bharu,
Lot 3309, Bt 4, Lebuhraya Pasir Mas – Salor,
15150 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
Tel : 09-745 9200 / 748 2431 / 748 2577
Faks : 09-744 3030 / 743 3745



PEJABAT FAMA NEGERI TERENGGANU
TERENGGANU STATE FAMA OFFICE
Lot 1622, Jalan Hiliran,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.
Tel : 09-622 4144 / 622 4191
Faks : 09-622 1606



PEJABAT FAMA NEGERI SABAH
SABAH STATE FAMA OFFICE
Lot 2 Jalan 1, KKIP Timur, Commercial Zone 2,
Kota Kinabalu Industrial Zone (KKIP),
88450 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-491 807
Faks : 088-491 813 / 491 815



PEJABAT FAMA NEGERI SARAWAK
SARAWAK STATE FAMA OFFICE
Medan Niaga Satok,
Lot 13636, Seksyen 65 KTLD, Jalan Matang,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-422 578 / 414 744
Faks : 082-244 551 / 244 875



PEJABAT FAMA NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA)
FEDERAL TERRITORY STATE FAMA OFFICE (KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA)
Lot 12 & 13, Tingkat 1,
Jalan Paragon Utama 1, Paragon Utama,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-6128 2044 / 6128 1848
Faks : 03-6128 3433

LATAR BELAKANG FAMA
FAMA BACKGROUND

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (*Federal Agricultural Marketing Authority* atau FAMA) yang ditubuhkan di bawah Akta 141 merupakan sebuah agensi pemasaran di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). FAMA bertanggungjawab dalam pemasaran produk agromakanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan serta produk-produk Industri Makanan dan Asas Tani (IAT).

The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) that was established under Act 141 is a marketing agency under the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI). FAMA is responsible for the marketing of agro-food products such as vegetables, fruits and floriculture, as well as food and Agro-based Industry products.

Bagi memacu sektor pemasaran domestik dan antarabangsa, FAMA berperanan dalam memperluaskan saiz pasaran produk agromakanan dan meningkatkan pendapatan pengeluar. FAMA juga berperanan dalam memastikan produk pertanian dan industri makanan tersedia dan boleh diperolehi pada harga yang mampu dibayar oleh pengguna. Bagi melaksanakan peranan ini, FAMA telah menggiatkan usaha-usaha meningkatkan kecekapan di sepanjang rantaian pemasaran melalui strategi-strategi berikut:-

In order to drive the domestic and international marketing sectors, FAMA plays the roles of expanding the market size of agro-food products and increasing producer incomes. FAMA also serves to ensure that agricultural and food industry products are available and can be obtained at a price that is affordable to consumers. To perform this role, FAMA has intensified efforts to increase efficiency throughout the marketing chain through the following strategies:-

i. Pembangunan luang pasaran
Development of market channels

ii. Pembangunan infrastruktur pemasaran
Development of marketing infrastructures

iii. Pembangunan keusahawanan
Entrepreneurship development

iv. Pembangunan pemasaran produk
Product marketing development

v. Pembangunan regulasi pemasaran
Development of marketing regulations

VISI, MISI, OBJEKTIF, FUNGSI-FUNGSI UTAMA DAN STRATEGI
VISION, MISSION, OBJECTIVES, MAIN FUNCTIONS AND STRATEGIES

Visi
Vision

Peneraju utama pemasaran makanan dan hasil pertanian negara.
The leading authority on marketing of food and agricultural products of the country.

Misi
Mission

Membangunkan rantaian pemasaran makanan dan hasil pertanian yang cekap dan berkesan bagi meningkatkan nilai kepada pelanggan.
To develop an efficient and effective food and agricultural marketing chain to increase customer value.

Objektif

i. Merealisasikan Wawasan Negara dan Dasar Pertanian Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama makanan dunia melalui kecekapan dan keberkesanan produk pertanian dan makanan;
ii. Membangunkan infrastruktur pemasaran dan sistem rantaian bekalan yang cekap dan berkesan;
iii. Membangunkan pemasaran dan peningkatan permintaan hasil pertanian dan makanan dalam dan luar negara; dan
iv. Memacukan keupayaan sumber manusia dalam pemasaran pertanian berasaskan pengetahuan dan teknologi terkini.

Objectives

i. Realisation of the National Vision and National Agricultural Policy to make Malaysia a major world producer of food through the efficient and effective marketing of agricultural products and food;
ii. Development of marketing infrastructure and a supply chain system that is efficient and effective;
iii. Development of marketing and increasing demand for agricultural produce and food, both domestically and internationally; and
iv. Leading human resource capacity in agricultural marketing based on knowledge and the latest technology.

Fungsi-fungsi Utama

i. Menyelaras aktiviti-aktiviti pemasaran pertanian sama ada yang melibatkan pihak swasta atau jabatan/agensi kerajaan;
ii. Memperbaiki sistem pemasaran dan memperluas serta memajukan pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian Malaysia;
iii. Bekerjasama dengan pihak swasta dan jabatan/ agensi kerajaan bagi mewujudkan pemasaran pertanian yang cekap dan berkesan;
iv. Membangun dan memajukan pengurusan yang cekap dalam industri pertanian berkaitan dengan aktiviti pemasaran atau pemprosesan hasil-hasil pertanian; dan
v. Melibatkan secara langsung dalam industri pertanian terutama aktiviti pemasaran atau pemprosesan hasil-hasil pertanian.

Main Functions

i. To coordinate agricultural marketing activities, either involving the private sector or government departments / agencies;
ii. To improve the marketing system and to expand as well as develop new markets for Malaysian agricultural produce;
iii. To collaborate with the private sector and government departments/agencies to create efficient and effective agricultural marketing;
iv. To develop and enhance efficient management in the agricultural industry related to marketing activities or processing of agricultural products; and
v. To be directly involved in the agricultural industry, especially in marketing activities or processing of agricultural products.

Strategi

FAMA telah membangunkan satu Pelan Strategik jangka panjang bagi tempoh 2011 hingga 2020 selaras dengan Dasar Agromakanan Negara untuk meningkatkan dan meluaskan pasaran produk pertanian agromakanan serta memacu transformasi pemasaran agromakanan.

Berikut adalah teras pelan strategi FAMA iaitu:

i. Peningkatan bekalan hasil pertanian;
ii. Peningkatan akses pasaran;
iii. Peningkatan bilangan usahawan tani agromakanan;
iv. Penjanaan pendapatan kumpulan sasar di kalangan petani dan usahawan tani; dan
v. Peningkatan kecekapan khidmat pemasaran.

Strategies

FAMA has developed a long-term Strategic Plan for the period 2011 to 2020 in line with the National Agro- Food Policy to enhance and expand the market for agro-food agricultural products as well as drive the transformation of agro-food marketing.

The following are the core strategies of FAMA, namely:

i. Increasing the supply of agricultural produce;
ii. Increasing market access;
iii. Increasing the number of agro-food agro-preneurs;
iv. Generating income of target groups among farmers and agro-preneurs; and
v. Improving the efficiency of marketing services.

PIAGAM PELANGGAN FAMA
FAMA CLIENT'S CHARTER

Memproses setiap **Permohonan e-Sijil 3P** yang telah divarifikasikan melalui Sijil Perakuan Pematuhan Dieksport yang dipertanggungjawabkan kepada FAMA dalam tempoh **1 hari bekerja**.

*Process within **1 working day** each **3P e-Sijil Application** that has been verified through the Export Compliance Verification Certificate which is entrusted to FAMA.*

Hari / *Day*

Memberi Khidmat Pemasaran dengan mengaturkan jadual pemasaran hasil-hasil pertanian berkualiti bagi pihak pekebun kecil mengikut harga pasaran dalam tempoh **1 hari bekerja**.

***Provide Marketing Services** within **1 working day** by arranging a marketing schedule for quality agricultural products on behalf of small farmers according to the market price.*

Hari / *Day*

Memberi Khidmat Maklumat Pasaran dengan membekalkan maklumat terkini hasil-hasil pertanian terpilih untuk kumpulan sasar membuat keputusan pemasaran dalam tempoh **1 hari bekerja**.

***Provide Market Information Services** by supplying the latest information on selected agricultural products for the target groups to make marketing decisions within **1 working day**.*

Hari / *Day*

1

Hari / *Day* & Minggu / *Week*

Membalas Maklum Balas Pertanyaan Yang Diterima daripada orang awam dalam tempoh **1 hari bekerja** dan **Menjawab Sepenuhnya Aduan Awam** bermula daripada tarikh aduan diterima dalam tempoh **1 minggu bekerja**.

***Respond to Feedback on Questions Received** from the public within **1 working day** and provide **Complete Answers to Public Complaints** within **1 working week** starting from the date the complaint is received.*

Minggu / *Week*

Memproses Permohonan Penyertaan Pasar Tani atau **Pembaharuan Permit Berniaga Pasar Tani** dari tarikh permohonan lengkap diterima dalam tempoh **1 minggu bekerja**.

***Process Farmers' Market Participation Application** or **Renewal of Farmers' Market Business Permits** from the date the complete application is received within **1 working week**.*

Bulan / *Month*

Memproses Permohonan Sebagai Vendor AgroMas/ Olemas dari tarikh permohonan lengkap diterima dalam tempoh **1 bulan bekerja**.

***Process Applications to be AgroMas / Olemas Vendors** within **1 working month** from the date the complete application is received.*

SEKALUNG UCAPAN
PENGERUSI FAMA
FAMA CHAIRMAN'S SPEECH



YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
Pengerusi FAMA
FAMA Chairman

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama mengharungi tahun 2020 dengan jayanya. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada warga Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di atas komitmen dan kesungguhan dalam memastikan setiap program serta aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan selaras dengan fungsi dan peranan FAMA sebagai peneraju pemasaran pertanian negara. FAMA terus mengungguli kecemerlangan dalam pelaksanaan program, projek dan inisiatif untuk memartabatkan pemasaran produk agromakanan negara yang berkesan seiring dengan slogan "FAMA Di Hati Rakyat".

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Salam Sejahtera

First of all, I would like to express my gratitude to Allah S.W.T because with His bounty and permission, we managed to go through the year 2020 successfully. I also take this opportunity to express my appreciation to the staff of the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) for their commitment and dedication in ensuring that every programme and activity planned could be implemented in line with the functions and roles of FAMA as the leading authority in the nation's agricultural marketing. FAMA continues to excel in the implementation of programmes, projects and initiatives to enhance the effective marketing of the country's agro-food products in line with the slogan "FAMA Di Hati Rakyat".

Tahun 2020 merupakan tahun yang luar biasa. Pandemik COVID-19 yang menular di seluruh dunia telah memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi dunia apabila hampir semua aktiviti terpaksa dihentikan sepenuhnya. Dalam menghadapi persekitaran yang cukup mencabar ini, FAMA telah menerima suntikan dana tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Melalui dana ini, FAMA telah menambahbaik infrastruktur dan kemudahan asas di 39 buah Pusat Operasi FAMA, 157 buah bilik sejuk dan 20 buah depo penyimpanan bagi meningkatkan kecekapan pengedaran dan menambah ruang kapasiti penyimpanan produk segar serta proses.

The year 2020 was an extraordinary year. With the COVID-19 pandemic spreading around the world and its negative impact on world economic growth, almost all activities had to be stopped completely. In the face of this challenging environment, FAMA received an additional funding injection of RM30 million under the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN). Through this fund, FAMA managed to improve much-needed infrastructure and basic facilities at 39 FAMA Operations Centres, 157 cold rooms and 20 storage depots to enhance distribution efficiency and increase storage capacity for fresh and processed products.

Selain itu, FAMA turut melaksanakan pelbagai langkah proaktif bagi mengatasi kejutan pandemik terhadap isu jaminan dan ketersediaan makanan negara antaranya melalui pembukaan Pasar Segar Terkawal (PST). PST berperanan bagi memastikan pengeluar mempunyai luang pasaran dan pengguna mempunyai akses terhadap sumber makanan terutama produk segar.

In addition, FAMA implemented various proactive measures to overcome the pandemic shock on food security and availability in the country, among others through the opening of Controlled Fresh Markets (PST). PSTs played a key role in ensuring that producers had market channels for their produce and consumers continued to have access to food sources, especially fresh produce.

Kolaborasi bersama inter dan intra kementerian, jabatan serta agensi terus dipergiat bagi mengurangkan pertindihan fungsi dan meningkatkan kecekapan dalam penggunaan sumber sedia ada. Setiap kolaborasi dan kerjasama strategik yang dilakukan merupakan satu usaha bagi membantu petani dan usahawan untuk terus bergerak aktif di sepanjang tahun 2020.

Collaboration inter- and intra- ministries, departments and agencies continued to be intensified to reduce duplication of functions and increase efficiency in the use of existing resources. Every collaboration and strategic cooperation made was an effort to help farmers and entrepreneurs to continue to move actively throughout the year 2020.





Bagi mengurangkan bebanan rakyat dalam menghadapi cabaran pandemik ini, FAMA telah mengambil inisiatif bagi melaksanakan beberapa program *Corporate Social Responsibility* (CSR) antaranya bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan badan-badan NGO tempatan. Sumbangan dalam bentuk bahan keperluan harian seperti sayur, buah dan barangan proses sedikit sebanyak dapat membantu meringankan kesukaran di samping menceriakan kehidupan kumpulan sasar yang terkesan akibat kehilangan pendapatan.



To reduce the burden of the people in facing the challenges of this pandemic, FAMA took the initiative to implement several Corporate Social Responsibility (CSR) programmes, including jointly with the Department of Social Welfare, Royal Malaysian Police, Ministry of Health Malaysia and local NGOs. Contributions in the form of daily necessities such as vegetables, fruits and processed goods to some extent helped alleviate difficulties as well as brighten the lives of the target groups affected by the loss of income.



Pandemik COVID-19 ini banyak menguji dan mengajar mengenai kepentingan pengamalan nilai integriti dalam diri. Pematuhan SOP dititik beratkan terutamanya bagi semua kakitangan FAMA yang sering berada di lapangan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab. Pemakaian pelitup muka, pengimbasan kod QR MySejahtera, penggunaan sanitasi dan penjarakan fizikal haruslah dipandang serius. Pengamalan integriti yang baik dapat mengurangkan penularan wabak ini dalam kalangan kakitangan FAMA.

This COVID-19 pandemic greatly tested and provided lessons about the importance of practising the value of self-integrity. Compliance with SOPs was emphasised, especially for FAMA staff who were often in the field to carry out their duties and responsibilities. Wearing facemasks, scanning MySejahtera QR codes, use of sanitizers and physical distancing should be taken seriously. Good integrity practices could reduce the spread of this pandemic among FAMA staff.

Akhir kata, saya meletakkan harapan yang tinggi agar FAMA terus fokus dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab bagi memperkukuh rantaian pemasaran produk agromakanan supaya jaminan ketersediaan bekalan dan keselamatan makanan negara terus terpelihara.

Lastly, I place high hopes on FAMA to continue to focus on carrying out its roles and responsibilities to strengthen the marketing chain of agro-food products so that the security of supply and food security in the country is maintained.

Sekian, terima kasih.

Thank you.

"FAMA DI HATI RAKYAT"



YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
Pengerusi FAMA / *FAMA Chairman*



SETITIP KATA OLEH KETUA PENGARAH FAMA

A WORD FROM THE DIRECTOR GENERAL OF FAMA

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN YANG RAZALLI
Ketua Pengarah FAMA
FAMA Director General

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya pelaksanaan program FAMA dapat diterjemahkan melalui penerbitan Laporan Tahunan FAMA Tahun 2020. Sekalung penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga FAMA di atas kegigihan serta kesungguhan dalam memastikan peranan dan tanggungjawab FAMA dapat disempurnakan.

Tahun 2020 menyaksikan seluruh dunia bergelut dengan ancaman pandemik COVID-19. Penularan wabak ini bukan sahaja menggugat pertumbuhan ekonomi malahan merencatkan perkembangan pelbagai sektor negara dan sektor pertanian tidak terkecuali. Pelbagai halangan dan rintangan terpaksa dihadapi bagi merealisasikan apa jua program dan aktiviti yang telah dirancangkan. Banyak perancangan terpaksa diubah suai selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan norma baharu yang perlu dipatuhi. Namun, perkara tersebut tidak melemahkan atau mematahkan semangat warga FAMA dalam memastikan pelbagai keperluan dan perancangan kerajaan dapat dilaksanakan demi kelangsungan serta kesejahteraan hidup rakyat.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Salam Sejahtera

Alhamdulillah and thanks be to Allah S.W.T. because with His bounty, the implementation of FAMA programmes could be showcased through the publication of the FAMA Annual Report 2020. I would like to express my appreciation and congratulations to all FAMA staff for their perseverance and determination in ensuring that the roles and responsibilities of FAMA could be fulfilled.

The year 2020 witnessed the whole world grappling with the threat of the COVID-19 pandemic. The spread of this pandemic not only threatened economic growth but also inhibited the development of various sectors of the country and the agricultural sector was no exception. Various obstacles and challenges had to be overcome in order to carry out any programmes and activities that had been planned. Many plans had to be modified in line with the Movement Control Order (MCO) and new norms that needed to be adhered to. However, this issue did not weaken or break the resolve of FAMA staff in ensuring that the various needs and plans of the government could be implemented for the survival and well-being of the people.





FAMA telah memanfaatkan sepenuhnya dan mempelbagaikan penggunaan kemudahan dan infrastruktur pemasaran sedia ada seperti Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) dan Pusat Operasi FAMA di sepanjang tempoh PKP dengan menjadikannya sebagai hub pusat jualan runcit bagi produk segar dan proses terus kepada pengguna. Selain itu, FAMA turut membuat perubahan terhadap perkhidmatan pemasaran bagi memastikan bekalan rantaian pemasaran hasil pertanian tidak terjejas di samping mengurangkan risiko lambakan serta kerugian kepada petani dan usahawan. Penekanan difokuskan dengan membina jaringan pemasaran baharu antara pengeluar dan perantara pasaran bimbingan FAMA serta menaik taraf kemudahan logistik dan infra sedia ada bagi meningkatkan kapasiti penyimpanan dan pengedaran.

Throughout the MCO period, FAMA fully utilised and also diversified the use of existing marketing facilities and infrastructure such as Farm Collection Centres (PPL) and FAMA Operations Centres by making them a hub for direct retail sales of fresh and processed products to consumers. In addition, FAMA also made changes to marketing services to ensure that the supply chain of agricultural products was not affected while reducing the risk of dumping and losses to farmers and entrepreneurs. Emphasis was placed on building new marketing networks between FAMA-guided producers and market intermediaries as well as upgrading of existing logistics and infrastructure facilities to increase storage and distribution capacity.

Dalam usaha membantu kerajaan menangani isu jaminan dan ketersediaan bekalan makanan khususnya semasa fasa PKP berlangsung, FAMA telah mengambil inisiatif membuka 63 Pasar Segar Terkawal (PST) di beberapa outlet terpilih FAMA di seluruh Malaysia. Usaha ini dilaksanakan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan rakyat tanpa mengira keadaan sentiasa mendapat akses kepada bekalan makanan di samping mempercekapkan pengedaran makanan negara berpandukan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pembukaan outlet PST ini berkonsepkan jualan secara *walk-in*, pandu lalu, tempahan awal dan penghantaran terus ke rumah, telah menjana jualan sebanyak RM475.53 juta yang meliputi komoditi buah, sayur, hasilan laut, ayam, daging, barangan runcit dan produk asas tani.

In an effort to help the government address the issue of food security and availability, especially during the MCO phase, FAMA took the initiative to open up 63 Controlled Fresh Markets (PST) at selected FAMA outlets throughout Malaysia. This effort was implemented in line with the government's intention to ensure that the people, regardless of the situation, always had access to food supply as well as efficient distribution of national food based on Standard Operating Procedures (SOP) set by the National Security Council (NSC). The opening of the PST outlets with the concept of walk-in, drive-in, early booking and home delivery, managed to generate sales of RM475.53 million covering fruits, vegetables, seafood, chicken, meat, groceries and agro-based products.

Pada masa yang sama, FAMA turut mengukuhkan pengedaran bekalan produk makanan secara atas talian dengan memperkasakan jualan melalui portal Agrobazaar Online. Kerjasama strategik bersama platform e-dagang swasta seperti Shopee, Lazada, Foodpanda dan Ourshop, AirAsia telah dilaksanakan bagi meluaskan akses pasaran produk hasil pertanian keluaran tempatan. Kerjasama ini turut melibatkan seramai 37 usahawan dengan nilai jualan berjumlah RM128,000 bagi 258 produk segar dan proses. Kolaborasi logistik bersama Pos Malaysia, Lalamove dan lain-lain syarikat tempatan telah berjaya melancarkan proses penghantaran barangan kepada pengguna terutama melibatkan produk segar dan mudah rosak yang memerlukan pengendalian lebih teratur dan pantas.

At the same time, FAMA also strengthened the online distribution of food products by enhancing sales through the Agrobazaar Online portal. Strategic collaborations with private e-commerce platforms such as Shopee, Lazada, Foodpanda and Ourshop, AirAsia were implemented to expand market access for locally produced agricultural products. This collaboration involved 37 entrepreneurs with a sales value of RM128,000 for 258 fresh and processed products. Logistics collaboration with Pos Malaysia, Lalamove and other local companies successfully expedited the process of delivering goods to consumers, especially involving fresh and perishable products that require more orderly and fast handling.





Program galakan pasaran menerusi aktiviti promosi dan kempen di dalam dan luar negara serta di platform e-dagang sentiasa diperkukuh bagi membantu petani dan usahawan dalam meningkatkan pendapatan. FAMA juga turut menjalinkan kerjasama dengan agen pemasar di luar negara sebagai usaha melebarkan lagi jaringan produk hasil pertanian tempatan di persada antarabangsa.

Market promotion programmes through promotional activities and campaigns in and outside the country as well as on e-commerce platforms were constantly strengthened to assist farmers and entrepreneurs in increasing incomes. FAMA also collaborated with marketing agents abroad in an effort to further expand the network of local agricultural products on the international stage.

Dalam usaha kerajaan mempercepatkan pendigitalan masyarakat bagi mengadaptasi norma baharu pasca COVID-19 menerusi Revolusi Industri 4.0, FAMA telah memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan urusniaga tanpa tunai di outlet-outlet FAMA serta perlaksanaan kursus dan latihan secara maya melalui medium FAMA TV dan juga media sosial.

As part of the government's effort to accelerate the digital transformation of the community to adapt to the new post-COVID-19 norms through the Industrial Revolution 4.0, FAMA strengthened its service delivery system through the use of cashless transactions at FAMA outlets as well as the implementation of virtual courses and training through FAMA TV and social media.

Walaupun COVID-19 ini telah memberikan tamparan yang hebat kepada sektor pertanian negara, FAMA tetap terus mempertingkat kecekapan dalam rantaian pemasaran dengan memperkasakan perkhidmatan FAMA kepada kumpulan sasar melalui projek-projek pembangunan dan pengukuhan saluran pengedaran serta pasaran yang telah berjaya menjana nilai jualan sebanyak RM2.02 billion pada tahun 2020. Adapun segala perancangan dan usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen, keprihatinan serta sokongan keseluruhan warga FAMA di dalam menggalas amanah yang telah diberikan.

Although COVID-19 dealt a huge blow to the country's agricultural sector, FAMA continued to enhance efficiency in the marketing chain by strengthening FAMA's services to target groups through development projects and strengthening distribution channels and markets. These efforts successfully generated sales of RM2.02 billion in 2020. All these plans and efforts would not have been successful without the commitment, involvement and support of the entire FAMA work force in carrying out the trust that had been given to them.

Menyedari betapa pentingnya pendigitalan FAMA bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat terutama dalam bidang pemasaran pertanian, saya berharap FAMA akan terus kukuh memainkan peranan dalam memperkasakan pemasaran hasil pertanian demi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Recognising the importance of digitalisation of FAMA to improve the efficiency of the government's delivery system to the people, especially in the field of agricultural marketing, I hope FAMA will continue to play a strong role in strengthening the marketing of agricultural products to improve the well-being of the people.

Sekian, terima kasih.

Thank you.

"FAMA DI HATI RAKYAT"

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN YANG RAZALLI
Ketua Pengarah FAMA / *FAMA Director General*



ARTIKEL KHAS FAMA 2020

FAMA SPECIAL ARTICLES 2020

PENCAPAIAN FAMA DI SEPANJANG RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

FAMA'S ACHIEVEMENTS UNDER THE ELEVENTH MALAYSIA PLAN

FAMA DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

FAMA IN FACING THE COVID-19 PANDEMIC

PENCAPAIAN FAMA DI SEPANJANG RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

FAMA'S ACHIEVEMENTS UNDER THE ELEVENTH MALAYSIA PLAN

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020 merupakan rancangan pembangunan lima tahun terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020 yang menggariskan aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah Negara maju menjelang tahun 2020. RMKe-11, dengan bertemakan "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat", merupakan satu pelan strategik yang memperkukuh komitmen kerajaan untuk memenuhi aspirasi rakyat.

The Eleventh Malaysia Plan (11MP) 2016-2020 is the final five-year development plan towards realising the goals of Vision 2020 which outlines Malaysia's aspirations to become a developed nation by 2020. The 11MP, with the theme "Anchoring Growth on People", is a strategic plan that strengthens the Government's commitment to meeting the aspirations of the people.

Dalam memastikan hasrat kerajaan tercapai, FAMA memberikan tumpuan kepada program dan aktiviti bagi membantu dalam menggerakkan sektor pemasaran agromakanan negara supaya lebih cekap dan efisien serta dapat memberi manfaat kepada golongan sasar.

In ensuring that the government's aspirations were achieved, FAMA focused on programmes and activities to assist in mobilising the country's agro-food marketing sector to be more efficient and effective and to benefit the target groups.

FAMA telah menggariskan lima teras strategi dalam melaksanakan program/projek iaitu:-

FAMA had outlined five core strategies in implementing programmes/projects, namely:-

a) Pembangunan Infrastruktur Pemasaran
Infrastruktur dan kemudahan yang dibangunkan bertujuan untuk membantu usahawan memasarkan produk dan hasilan pertanian. Infrastruktur dan kemudahan yang dibangunkan bertujuan untuk membantu usahawan memasarkan produk dengan kos operasi seperti penyewaan outlet yang optima. Antara program yang terlibat adalah Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, *MyFarm Outlet*, Pasar Tamu, Medan Niaga Satok, RTC Perak dan RTC Kelantan.

a) Marketing Infrastructure Development
Development of infrastructure and facilities were aimed at helping entrepreneurs market agricultural products. In addition, they assisted entrepreneurs to market products with optimal operating costs such as outlet rentals. Among the programmes involved were Farmers' Markets, Permanent Farmers' Markets, MyFarm Outlet, Tamu Markets, Medan Niaga Satok, Perak RTC and Kelantan RTC.

b) Pembangunan Luang Pasaran
Pemberian insentif berupa peralatan dan kemudahan pemasaran diberikan kepada usahawan yang mempunyai outlet pemasaran di samping meluaskan akses pasaran dan memudahkan pengguna mendapatkan produk. Antara program yang terlibat Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat, Gerai Buah-Buahan Segar, Agrobazaar K-Shoppe dan Karavan Tani.

b) Market Channel Development
Incentives in the form of marketing equipment and facilities were provided to entrepreneurs who had existing marketing outlets. In addition, market access was expanded making it easier for consumers to obtain products. Among the programmes involved were Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat, Fresh Fruit Stalls, Agrobazaar K-Shoppe and Agro-Caravans.

c) Pembangunan Keusahawanan
Pelaksanaan latihan, kursus dan bimbingan kepada usahawan diberikan secara berterusan melalui pelbagai program antaranya Kursus Galakan Pelaburan dan Pemasaran, Pemasaran Digital, Kursus *Reskilling* dan *Upskilling*, serta Seminar Pembangunan Usahawan Eksport. Kursus dan seminar atas talian boleh dilayari menerusi portal FAMATV di https://famatv.com.my, *YouTube*: Pendidikan Pemasaran FAMA dan *Facebook*: Laman Sosial Rasmi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

c) Entrepreneurship Development
Training, courses and guidance to entrepreneurs were provided continuously through various programmes, including Investment Promotion and Marketing Courses, Digital Marketing, Re-skilling and Up-skilling Courses, as well as Export Entrepreneur Development Seminars. Online courses and seminars could be accessed through the FAMATV portal at https://famatv.com.my; YouTube: FAMA Marketing Education; and Facebook: Official Social Site of the Federal Agricultural Marketing Authority.

d) Pembangunan Produk

Persediaan produk ke pasaran melibatkan (i) penambahbaikan reka bentuk pembungkusan dan pelabelan yang memenuhi syarat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); (ii) meningkatkan ketahanan dan keselamatan produk; serta (iii) memastikan pembekalan produk yang konsisten dari segi kuantiti dan kualiti bagi memenuhi keperluan pasaran. Program promosi diperkasa menerusi (i) platform media cetak dan elektronik; (ii) program bersama *influencer* sosial media; serta (iii) kerjasama strategik dengan platform e-dagang swasta seperti Lazada, Shopee dan Foodpanda.

e) Pembangunan Regulasi Pasaran

Peraturan Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian atau dikenali sebagai Peraturan GPL telah diwartakan pada 2008. Peraturan ini memberi panduan pemasaran keluaran pertanian berkaitan gred berdasarkan kualiti, jenis pembungkusan yang sesuai dan keperluan label yang lengkap bagi meningkatkan daya saing keluaran pertanian tempatan di samping memudahkan daya jejak di pasaran domestik serta antarabangsa. Selain itu, penyediaan dan penyebaran maklumat berkaitan indeks harga ladang, borong dan runcit serta situasi pasaran turut dilakukan melalui pelbagai platform rasmi seperti laman web dan media sosial rasmi FAMA.

Pembangunan Pencapaian keseluruhan FAMA dapat dilihat menerusi **Rajah 1**.

d) Product Development

Preparation of products for the market involves (i) improvement of packaging design and labelling that meet the requirements of the Ministry of Health Malaysia (MOH); (ii) improvement of product shelf-life and safety; and (iii) ensuring a consistent supply of products in terms of quantity and quality to meet market needs. Promotional programmes are strengthened through (i) print and electronic media platforms; (ii) joint programmes with social media influencers; as well as (iii) strategic partnerships with private e-commerce platforms such as Lazada, Shopee and Foodpanda.

e) Development of Market Regulations

The Grading, Packaging and Labelling Regulations for Agricultural Products or known as the GPL Regulations were gazetted in 2008. These regulations provided guidelines for the marketing of agricultural products as related to grades based on quality, appropriate type of packaging and fulfilment of labelling requirements to enhance the competitiveness of local agricultural products while facilitating traceability in the domestic as well as international markets. In addition, the compilation and dissemination of information related to farm, wholesale and retail price indices as well as the market situation was also carried out through various official platforms such as the official website and social media of FAMA.

The overall performance of FAMA is shown in ***Figure 1***.

Rajah 1: Pencapaian FAMA di Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11
Figure 1: FAMA's Achievements throughout the 11th Malaysia Plan



RMKe-11 telah memberi penekanan kepada pemeliharaan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat. Selaras dengan hasrat itu, dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar, Projek *MyFarm Outlet* (MFO) telah dimulakan pada tahun 2016 yang melibatkan empat jenis model. MFO telah dibangunkan di enam lokasi iaitu Presint 7, Putrajaya; Manjung, Perak; Kuala Kedah, Kedah; RTC Kota Bahru, Kelantan; Simpang Empat, Perlis; dan Chendering, Terengganu. MFO menawarkan harga jualan 5-20 peratus lebih murah berbanding harga setempat mengikut kawasan bagi komoditi terpilih. Pewujudan outlet ini turut membabitkan penglibatan kerjasama antara jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)/Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)/Persatuan Penternak Ruminan (PRUM) serta usahawan pemasar di bawah bimbingan jabatan/agensi.

The 11MP emphasised on the nurturing of the welfare and well-being of the people. In line with this desire, in reducing the cost of living of the people, especially in urban and suburban areas, the My Farm Outlet (MFO) project was started in 2016 involving four types of models. MFOs were developed in six locations, namely Precinct 7, Putrajaya; Manjung, Perak; Kuala Kedah, Kedah; RTC Kota Bahru, Kelantan; Simpang Empat, Perlis; and Chendering, Terengganu. MFOs offered selling prices that were 5-20 percent cheaper than local prices by region for selected commodities. The creation of this outlet also involved cooperation among various departments/agencies under the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) such as the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) / National Fishermen's Association (NEKMAT), Farmers Organisation Authority (FOA) and the Department of Veterinary Services (DVS) Ruminant Breeders Association (PRUM) as well as marketer entrepreneurs under the guidance of departments/agencies.





Aktiviti pemasaran di *My Farm Outlet,* Putrajaya
Marketing Activity at My Farm Outlet, Putrajaya

Salah satu strategi yang telah digariskan di dalam RMKe-11 adalah memfokuskan kepada memperkasa ekonomi bumiputera. FAMA telah membangunkan outlet peruncitan Agrobazaar yang berperanan sebagai pusat pemasaran *one stop centre* dan promosi bagi produk Industri Asas Tani (IAT) serta lain-lain hasil berasaskan pertanian. Outlet ini diwujudkan bagi mengumpulkan usahawan Bumiputera yang berwibawa untuk meningkatkan mereka ke tahap seterusnya dan sekaligus melahirkan usahawan yang berjaya dan berdaya saing.

One of the strategies outlined in the 11MP was to focus on empowering the Bumiputera economy. FAMA developed Agrobazaar retail outlets that served as one-stop marketing and promotion centres for Agro-Based Industry products as well as other agro-based products. These outlets were created to bring together competent Bumiputera entrepreneurs to propel them to the next level and at the same time produce successful and competitive entrepreneurs.





Produk pengusaha IKS yang dipamer dan dijual di outlet Agrobazaar FAMA
Products of SME entrepreneurs displayed and sold at FAMA Agrobazaar outlets

Pembangunan industri berteraskan produk hiliran diperkasa di sepanjang RMKe-11. Penekanan diberikan kepada pensijilan, kepelbagaian produk, promosi dan pengukuhan rantaian ekport. Sebagai contoh, dengan komitmen dan kerjasama jabatan/agensi di bawah MAFI, industri durian sejuk beku sama ada dalam bentuk *pulp* atau *whole fruit* terus diperhebat. FAMA mempunyai dua buah Pusat Pemprosesan Durian sejuk beku yang berakreditasi GACC (*General Administration of Custom China*) serta berstatus GMP dan Halal. Bagi pengeluaran buah bermusim terutamanya durian kampung, FAMA telah membuat belian untuk jualan segar dan pemprosesan produk nilai tambah yang terdiri daripada pes, *pulp* serta tempoyak durian di 11 Pusat Memproses Buah-buahan FAMA seluruh negara. Selain itu, FAMA turut bekerjasama dengan pihak swasta melalui pusat memproses mereka yang mempunyai akreditasi daripada GACC bagi tujuan pengeksportan ke negara China.

The development of downstream product-based industries was strengthened throughout the 11MP. Emphasis was placed on certification, product diversification, promotion and strengthening of export chains. For example, with the commitment and cooperation of departments/agencies under MAFI, the frozen durian industry, either in the form of pulp or whole fruit, continued to be intensified. FAMA had two frozen Durian Processing Centres that were accredited by GACC (General Administration of Customs China) as well as GMP and Halal status. For the production of seasonal fruits, especially village durian, FAMA made purchases for fresh sales and processing of value-added products consisting of paste, pulp and fermented durian at 11 FAMA Fruit Processing Centres nationwide. In addition, FAMA also cooperated with the private sector through their processing centres that were accredited by the GACC for the purpose of export to China.

FAMA turut menyediakan fasiliti pemprosesan bertaraf *Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)* di Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF) Rengit, Johor. Fasiliti ini memproses hasil tanaman yang dikeluarkan oleh petani tempatan untuk dijadikan produk hiliran dan dieksport. Sehingga kini, PMMF Rengit telah mengeluarkan 35 *Stock Keeping* Unit (SKU), antaranya kordial, produk sedia diminum (*Ready-To-Drink, RTD*), Seri Kaya Madu dan jem (Jem Roselle, Jem Nanas dan Jem Belimbing). Selain itu, pusat ini turut menyediakan perkhidmatan bagi pengeluaran produk secara *Original Equipment Manufacturing* (OEM), khidmat nasihat dan bimbingan produk bagi pensijilan HALAL, MESTI, HACCP dan perkhidmatan fasiliti *Good Manufacturing Practices* (GMP) kepada usahawan.

FAMA also provided Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) processing facilities at the FAMA Food Processing Centre (PMMF) in Rengit, Johor. This facility processed crops produced by local farmers into downstream products and exports. To date, PMMF Rengit has issued 35 Stock Keeping Units (SKU), including cordials, Ready-To-Drink (RTD) products, Honey Coconut Spread and jams (Roselle Jam, Pineapple Jam and Star fruit Jam). In addition, the centre also provided services for the production of products by Original Equipment Manufacturing (OEM), advisory services and product guidance for HALAL certification, MESTI, HACCP and Good Manufacturing Practices (GMP) facility services to entrepreneurs.

Penguncupan ekonomi yang berlaku di akhir tempoh lima tahun RMKe-11 berpunca daripada pandemik COVID-19 telah menyebabkan banyak agenda yang dirangka tergendala dan tidak dapat dilaksanakan. Bagi membantu rakyat mendepani cabaran ini, kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac 2020 bernilai RM250 billion yang memberikan manfaat kepada keseluruhan rakyat Malaysia. FAMA telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Program Stok Bekalan Makanan bagi menangani kenaikan kos sara hidup rakyat. Melalui peruntukan ini, FAMA telah menambahbaik kaedah penyampaian perkhidmatan dan menaiktaraf kemudahan infra serta logistik sedia ada bagi meningkatkan kapasiti penyimpanan di samping mempercekapkan pengedaran.

The economic contraction that occurred at the end of the five-year period of the Eleventh Plan due to the COVID-19 pandemic caused many agendas to be disrupted and untenable. To help the people meet this challenge, the government announced the People's Caring Economic Stimulus Package (PRIHATIN) on 27 March 2020 worth RM250 billion which was aimed at benefitting all Malaysians. FAMA received an additional allocation of RM30 million under the Food Supply Stock Programme to address the rising cost of living of the people. Through this allocation, FAMA improved service delivery methods and upgraded existing infrastructure and logistics facilities to increase storage capacity as well as streamline distribution.

Dalam usaha mengadaptasi norma baharu pasca COVID-19 menerusi Revolusi Industri 4.0, FAMA telah mengambil pendekatan proaktif dalam mengubah proses kerja dan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar supaya ianya lebih efisien. Transformasi perkhidmatan FAMA ke arah pendigitalan mula dirangka bagi memenuhi kehendak dan potensi pasaran agromakanan. Di samping itu, FAMA terus meningkatkan usaha dalam merencanakan perkhidmatan lestari yang lebih cekap dan prihatin pelanggan.

In an effort to adapt to the new post-COVID-19 norms through the Industrial Revolution 4.0, FAMA took a proactive approach in changing work processes and service delivery to target groups so that they were more efficient. The transformation of FAMA services towards digitalisation began to be designed to meet the needs and potential of the agro-food market. In addition, FAMA continues to step up efforts in planning for more efficient and customer-centric sustainable services.

FAMA DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19
FAMA IN FACING THE COVID-19 PANDEMIC

Penularan pandemik COVID-19 yang telah memberi impak yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi global, sektor kesihatan dan sosial di seluruh dunia. Ekonomi Malaysia pada tahun 2020 menyaksikan penguncupan yang mendadak kepada kadar paling rendah yang pernah dicatatkan sejak tahun 1998 iaitu -5.6 peratus. Sumbangan sektor pertanian kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada tahun 2020 telah menguncup kepada -2.2 peratus. Secara khususnya, sektor agromakanan negara telah menyusut kepada -0.3 peratus pada tahun 2020 berbanding 3.5 peratus pada tahun 2019.

The outbreak of the COVID-19 pandemic had a major impact on global economic growth, health and social sectors throughout the world. The Malaysian economy in 2020 saw a sharp contraction to the lowest level recorded since 1998 at -5.6 percent. The contribution of the agriculture sector to Gross Domestic Product (GDP) in 2020 contracted to -2.2 percent. In particular, the country's agro-food sector shrunk to -0.3 percent in 2020 from 3.5 percent in 2019.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah pembendungan tempatan pada tahun 2020 termasuklah (i) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac hingga 3 Mei, (ii) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 4 Mei hingga 9 Jun, dan (iii) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun dan seterusnya. Tindakan ini merupakan satu usaha kerajaan untuk mencegah dan memutuskan penularan wabak dalam kalangan rakyat.

The Malaysian government implemented local containment measures in 2020 including (i) Movement Control Order (MCO) from March 18 to May 3; (ii) Conditional Movement Control Order (CMCO) from May 4 to June 9; and (iii) Recovery Movement Control Order (RMCO) from June 10 onwards. These initiatives were part of the government's efforts to prevent and stop the spread of the pandemic among the people.

Tambahan itu, penularan wabak ini juga turut memberi implikasi negatif terhadap sektor pemasaran agromakanan. Antara kesannya adalah:-

a) Pengedaran terjejas disebabkan oleh gangguan perkhidmatan logistik dan kawalan pergerakan;

b) Penurunan permintaan dari sektor ekonomi domestik khususnya hospitaliti dan perkhidmatan seperti restoran, hotel, sekolah-sekolah, universiti-universiti dan kilang-kilang; dan

c) Kelembapan ekonomi global yang memberi kesan kepada penguncupan permintaan yang besar terhadap sektor eksport.

In addition, the spread of this pandemic also had negative implications for the agro-food marketing sector. Among the effects were:-

a) Distribution affected due to disruption of logistics services and movement control;

b) Declining demand from the domestic economic sector, especially hospitality and services such as restaurants, hotels, schools, universities and factories; and

c) Global economic slowdown, which resulted in a large contraction in demand for the export sector.

Bagi memastikan sektor pertanian domestik mampu bertahan dan terus berkembang dalam situasi ekonomi mencabar ini. FAMA telah mengambil beberapa langkah proaktif, antaranya melalui:-

a) Penyediaan luang pasaran untuk meningkatkan akses kepada pengguna menerusi pembukaan Pasar Segar Terkawal (PST) yang telah memberi manfaat kepada 9,790 orang usahawan tani dan 25 juta pengunjung di seluruh negara;

b) Pembukaan semula operasi 493 outlet di outlet runcit seperti Agrobazaar, Pasar Tani, *MyFarm Outlet* dan Pasar Tani Kekal;

To ensure that the domestic agricultural sector was able to survive and continue to grow in this challenging economic situation, FAMA took several proactive measures, including:-

a) Providing market channels to increase access to consumers through the opening of Controlled Fresh Markets (PST) which benefited 9,790 agro-entrepreneurs and drew 25 million customers nationwide;

b) Reopening of 493 outlets in retail outlets such as Agrobazaar, Farmers' Markets, MyFarm Outlets and Permanent Farmers' Markets;

c) Penyediaan platform jualan atas talian (*e-commerce*) iaitu Agrobazaar Online. Selain itu, FAMA telah mengatur pelbagai program kerjasama strategik dengan platform e-dagang swasta seperti Shopee, Lazada, Ourshop, AirAsia, Mukmin Mart, Grab dan Foodpanda bagi memastikan usahawan tani mempunyai alternatif pasaran;

d) Pengukuhan pengedaran dengan kerjasama strategik bersama penyedia perkhidmatan logistik seperti Poslaju, Citylink, GDEX, Lalamove, dan Mukmin Rider; dan

e) Pemerkasaan usahawan melalui kursus dan latihan berkaitan dengan pemasaran digital. Program yang dijalankan bagi memberi fokus kepada Pendigitalan Pemasaran Melalui Media Sosial (seperti *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, TikTok), Pendigitalan Pemasaran melalui *Marketplace* (seperti Lazada, Shopee & Retail Website) dan Pendigitalan melalui Automasi Pemasaran (seperti *messenger*, *email marketing*, *chatbox*).

c) Providing an online sales platform (e-commerce) namely Agrobazaar Online. In addition, FAMA arranged various strategic collaboration programmes with private e-commerce platforms such as Shopee, Lazada, Ourshop, AirAsia, Mukmin Mart, Grab and Foodpanda to ensure that agro-entrepreneurs had market alternatives;

d) Strengthening distribution through strategic partnerships with logistics service providers such as Poslaju, Citylink, GDEX, Lalamove, and Mukmin Rider; and

e) Empowerment of entrepreneurs through courses and training related to digital marketing. The programmes focussed on Digitalisation of Marketing through Social Media (such as Facebook, Instagram, WhatsApp, TikTok), Digitalisation of Marketing through Marketplaces (such as Lazada, Shopee & Retail Website) and Digitalisation through Marketing Automation (such as messenger, email marketing, chatbox).

Bermula 1 April 2020, kerajaan telah membenarkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membuka PST di 63 lokasi terpilih. Pelaksanaan PST 1.0 telah bermula pada 30 Mac sehingga 1 Mei 2020.

Beginning 1 April 2020, the government allowed the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) to open PSTs in 63 selected locations. The implementation of PST 1.0 started on March 30 and lasted until 1 May 2020.

FASA PERTAMA PELAKSANAAN PST 1.0
FIRST PHASE PST IMPLEMENTATION 1.0

37 Outlet PST dibuka membabitkan:-
PST outlets opened involving:-

- **17** Pusat Operasi FAMA
  FAMA Operations Centres
- **17** Pasar Tani Kekal
  Permanent Farmers' Markets
- **3** *MyFarm Outlet*
  MyFarm Outlet

FASA KEDUA PELAKSANAAN PST 1.0
SECOND PHASE PST IMPLEMENTATION 1.0

26 Outlet PST dibuka membabitkan:-
PST outlets opened involving:-

- **10** Pasar Tani Terpilih
  Selected Farmers' Markets
- **16** Pasar Tani Kekal
  Permanent Farmers' Markets

Pembukaan outlet ini telah berjaya menjana jualan sebanyak RM41.57 juta melibatkan jualan komoditi bagi buah (54,048.89 MT); sayur (15,143.85 MT); runcit/produk IAT (9,446.79 MT); ayam (1,825.88 MT); ikan (1,432.26 MT); dan daging (222.49 MT).

The opening of these outlets successfully generated sales of RM41.57 million involving sales of fruits (54,048.89 MT); vegetables (15,143.85 MT); retail/ agro-based industry products (9,446.79 MT); chicken (1,825.88 MT); fish (1,432.26 MT); and meat (222.49 MT).

Segala pengoperasian di outlet pemasaran FAMA adalah berpandukan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pematuhan dan penguatkuasaan SOP di sepanjang tempoh PKP telah memberi keyakinan kepada pengunjung dan pembeli untuk sentiasa berurusniaga di outlet pemasaran FAMA. Pematuhan yang dilaksanakan meliputi aspek penyediaan kod QR MySejahtera dan alat imbasan suhu badan di setiap premis, penjarakan fizikal serta kemudahan yang lebih tersusun, bersih dan selamat.

All operations at FAMA marketing outlets were guided by the Standard Operating Procedures (SOP) as outlined by the National Security Council (NSC). Compliance and enforcement of SOPs throughout the MCO period gave confidence to shoppers and buyers to always do business at FAMA marketing outlets. Compliance was implemented covering aspects of the preparation of MySejahtera QR codes and body temperature scanners in premises, physical distancing as well as more organised, clean and safe facilities.



Pematuhan SOP di pintu masuk Pasar Segar Terkawal (PST) FAMA di Pasar Tani Stadium Paroi, Negeri Sembilan
Compliance with SOPs at the entrance of FAMA Controlled Fresh Market (PST) at Paroi Stadium Farmers' Market, Negeri Sembilan

Bagi meminimakan risiko penularan COVID-19, FAMA telah membuat beberapa penyesuaian dalam aktiviti pemasaran di semua outlet yang beroperasi. Antaranya seperti:-

a) Pengguna dibenarkan datang berbelanja secara *walk-in* di outlet FAMA dengan pematuhan SOP sepertimana yang ditetapkan;

b) Pengguna boleh membuat tempahan awal menerusi Agrobazaar Online dengan pilihan penghantaran secara *self-pick-up* atau penghantaran terus ke rumah;

c) Kaedah penggunaan pembayaran secara tanpa tunai diperluas; dan

d) Konsep pandu lalu di PST terpilih dilaksanakan bagi memudahkan urusan urusniaga.

To minimise the risk of COVID-19 transmission, FAMA made some adjustments in marketing activities at all operating outlets, including:-

a) Consumers were allowed to walk-in and shop at FAMA outlets in compliance with SOPs as prescribed;

b) Consumers could place orders through Agrobazaar Online with the option of self-pick-up or home delivery;

c) Methods of using cashless payments were expanded; and

d) The drive-through concept was implemented at selected PSTs to facilitate transactions.

Aktiviti jualan secara pandu lalu di Pasar Segar Terkawal (PST) Pusat Operasi FAMA Seremban yang bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 1.00 petang
Drive-through sales activities at the Controlled Fresh Market (PST) at FAMA Seremban Operations Centre from 9.00 am to 1.00 pm

Selain itu, FAMA juga mengambil inisiatif untuk membantu usahawan yang terkesan akibat penularan wabak ini. Pengecualian bayaran sewaan tapak telah diberikan bagi tempoh enam bulan, bermula daripada bulan April sehingga September 2020. Pasar Tani misalnya, memberi insentif pengecualian sewaan tapak kepada 13,000 usahawan dengan jumlah keseluruhan hampir mencecah RM2.4 juta bagi meringankan beban usahawan dalam mengharungi cabaran penularan wabak COVID-19. Selain Pasar Tani, pemberian insentif pengecualian sewa turut diberikan kepada 96 usahawan Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) dengan nilai keseluruhan sebanyak RM93,750. Seramai 78 usahawan Agro Bazaar R&R turut mendapat manfaat pemberian insentif pengecualian sewaan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM80,380.

In addition, FAMA also took the initiative to help entrepreneurs affected by the spread of this pandemic. Site rental exemption was given for a period of six months, starting from April to September 2020. Farmers' Markets, for example, provided site rental exemption incentives to 13,000 entrepreneurs amounting to almost RM2.4 million to ease the burden of entrepreneurs in facing the challenges of the COVID-19 pandemic. Apart from Farmers' Markets, rental exemption incentives were also given to 96 Fresh Fruit Stall (GBBS) Park entrepreneurs; this was worth a total value of RM93,750. Rental exemption incentives were also given to 78 Agro Bazaar R&R entrepreneurs with a total value of RM80,380.

Di samping itu, penularan wabak ini juga telah menyumbang kepada perubahan corak pemasaran dan pembelian dalam kalangan masyarakat. Nilai urusniaga di Agrobaazar Online (ABO) telah menunjukkan peningkatan hampir 550 peratus dan telah memberi manfaat kepada 6,200 orang usahawan dengan jangaan nilai jualan sebanyak RM3.63 juta. Kolaborasi bersama platform e-dagang swasta seperti Shopee, Lazada, Foodpanda dan Ourshop, AirAsia turut diperkasakan bagi membuka luang pasaran kepada usahawan. Kerjasama ini telah memberi manfaat kepada 1,991 orang usahawan dengan nilai jualan terkumpul sebanyak RM65 juta.

The spread of the pandemic also contributed to changes in marketing and purchasing patterns in the community. The value of transactions in Agrobaazar Online (ABO) showed an increase of almost 550 percent and benefited 6,200 entrepreneurs with a sales value of RM3.63 million. Collaboration with private e-commerce platforms such as Shopee, Lazada, Foodpanda and Ourshop, AirAsia was also strengthened to open up market opportunities for entrepreneurs. This collaboration benefited 1,991 entrepreneurs with a cumulative sales value of RM65 million.

Selain itu, FAMA telah mengadaptasi pendekatan strategi pemasaran *omni-channel* di mana kedua-dua pemasaran secara *offline* dan *online* diintegrasikan. Bahkan, FAMA juga membuat perubahan drastik dalam kaedah penyampaian latihan dan kursus kepada golongan sasar. Sebanyak 125 program latihan dan kursus telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai lebih 10,000 peserta.

FAMA adopted an omni-channel marketing strategy approach where both offline and online marketing were integrated. In fact, FAMA also made drastic changes in the method of delivering training and courses to the target groups. A total of 125 training programmes and courses were successfully implemented with the participation of more than 10,000 participants.

Pandemik COVID-19 ini tidak mematahkan semangat FAMA untuk membantu petani dan usahawan dalam meningkatkan pendapatan mereka. Saranan dan galakan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi para petani menyertai Progam Ladang Kontrak sedikit sebanyak membantu dalam mengurangkan isu lambakan hasil pertanian. FAMA telah membantu memasarkan kira-kira 40,342.80 MT hasil pertanian bernilai RM67.73 juta sepanjang tahun 2020. Di samping itu, FAMA terus komited dan bergerak aktif dengan mempelbagaikan kaedah penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar supaya setiap daripada mereka menerima manfaat yang sebaiknya.

This COVID-19 pandemic did not break the resolve of FAMA to assist farmers and entrepreneurs in increasing their incomes. The recommendations and encouragement of the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) for farmers to participate in the Contract Farming Programme to some extent helped in reducing the issue of dumping of agricultural produce. FAMA helped to market about 40,342.80 MT of agricultural products worth RM67.73 million throughout 2020. In addition, FAMA continued to be committed and active by diversifying service delivery methods to the target groups so that they received the best possible benefits.

LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN

REPORT ON RECEIPT AND USAGE OF FEDERAL GOVERNMENT FUND RESOURCES

Geran Peruntukan

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan geran peruntukan sejumlah RM237,370,000 (2019: RM216,686,400) bagi tahun kewangan 2020 dengan peningkatan sebanyak 10 peratus berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, RM178,370,000 adalah peruntukan di bawah Kumpulan Wang Mengurus (KWM) dan RM59,000,000 adalah peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan (KWP). Geran peruntukan yang diterima bagi tiga tahun kebelakangan adalah seperti di **Jadual 1** dan **Rajah 2**.

Allocation Grants

*The Federal Government approved an allocation grant of RM237,370,000 (2019: RM216,686,400) for the financial year 2020 with an increase of 10 percent over the previous year. Of the total, RM178,370,000 was an allocation under Operating Funds (OF) and RM59,000,000 was an allocation under Development Funds (DF). The allocation grants received for the past three years are shown in **Table 1** and **Figure 2**.*

Jadual 1: Peruntukan Geran dari Tahun 2018 hingga 2020
Table 1: Grant Allocations from 2018 to 2020

TAHUN *YEAR*	PERUNTUKAN MENGURUS *OPERATING ALLOCATIONS* (RM)	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN *DEVELOPMENT ALLOCATIONS* (RM)	JUMLAH *TOTAL*
2018	180,500,000	22,805,000	203,305,000
2019	182,866,400	33,820,000	216,686,400
2020	178,370,000	59,000,000	237,370,000

Rajah 2: Perbandingan Peruntukan Mengurus & Pembangunan Tahun 2018 hingga 2020
Figure 2: Comparison of Operating & Development Allocations 2018 to 2020



PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN
PERFORMANCE OF ALLOCATION EXPENDITURE

Peruntukan Mengurus

Prestasi perbelanjaan yang dilakukan daripada peruntukan mengurus tahun 2020 ialah RM171,312,095 (termasuk tanggungan) atau 96.04 peratus daripada jumlah peruntukan tersebut. Baki lebihan geran ialah RM7,057,905 atau 3.96 peratus. FAMA telah dikenakan sekatan peruntukan sebanyak RM49,840,000 melalui Notis Penyekatan Peruntukan Mengurus Bil. 62 Tahun 2020 yang bertarikh 6 Oktober 2020. Rayuan telah dikemukakan oleh FAMA kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui MAFI dan telah diberi pelepasan sekatan berjumlah RM986,000 sahaja. Namun begitu, keseluruhan prestasi perbelanjaan adalah terkawal. Prestasi perbelanjaan Peruntukan Mengurus bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 2** dan **Rajah 3**.

Operating Allocations

*The performance of expenditure incurred from the operating allocations for 2020 was RM171,312,095 (including liabilities) or 96.04 percent of the total allocations. The remaining grant surplus was RM7,057,905 or 3.96 percent. FAMA was imposed an allocation restriction of RM49,840,000 through the Operating Allocation Restriction Notice No. 62 of 2020 dated 6 October 2020. An appeal was submitted by FAMA to the Ministry of Finance Malaysia (MOF) through MAFI and was subsequently given a restriction relief of RM986,000 only. Nevertheless, the overall expenditure performance was under control. The performance of the Operating Allocation expenditure for 2020 is shown in **Table 2** and **Figure 3**.*

Jadual 2: Prestasi Perbelanjaan Geran Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2020
Table 2: Operating Allocation Grant Expenditure Performance for 2020

	PERUNTUKAN *ALLOCATION*	GERAN *GRANT* (RM)	PERBELANJAAN *EXPENDITURE* (RM)	%
1.	Emolumen *Emolument*	125,100,000	117,469,438	93.9
2.	Perkhidmatan dan Bekalan *Services and Supplies*	44,616,000	45,701,421	102.43
3	Aset (*One-Off*) *Asset (One-Off)*	2,700,000	2,218,753	82.18
4.	Pemberian Lain *Other Grants*	2,500,000	2,538,086	101.52
5.	Bayaran-bayaran Lain *Other Payments*	3,454,000	3,384,397	97.98
	JUMLAH / *TOTAL*	**178,370,000**	**171,312,095**	**96.04**

Rajah 3: Perbandingan Peratusan Perbelanjaan Geran Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2020
Figure 3: Comparison of Percentage of Operating Allocation Grant Expenditure for 2020



Peruntukan Pembangunan

Peruntukan Pembangunan di FAMA terdiri daripada dua jenis peruntukan iaitu:

i. **Peruntukan Pembangunan**
Pada tahun 2020, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM59,000,000. Daripada peruntukan tersebut prestasi perbelanjaan daripada peruntukan pembangunan tahun 2020 ialah RM58,049,354 (termasuk tanggungan) iaitu 98 peratus daripada jumlah peruntukan tersebut. Baki lebihan geran pula adalah sebanyak RM950,646 atau 2 peratus daripada jumlah peruntukan tersebut. Prestasi perbelanjaan Peruntukan Pembangunan bagi tiga tahun kebelakang adalah seperti di **Jadual 3** dan **Rajah 4**.

Development Allocations

Development Allocations in FAMA consists of two types of allocations namely:

i. ***Development Allocations***
*In 2020, the total allocation approved was RM59,000,000. Of the allocation, the expenditure performance from the 2020 development allocation was RM58,049,354 (including liabilities), which was 98 percent of the total allocation. The remaining grant surplus was RM950,646 or 2 percent of the total allocation. The performance of Development Allocation expenditure for the past three years is shown in **Table 3** and **Figure 4**.*

Jadual 3: Prestasi Perbelanjaan Geran Pembangunan Tahun 2018 hingga 2020
Table 3: Development Grant Expenditure Performance from 2018 to 2020

TAHUN *YEAR*	PERUNTUKAN MENGURUS *OPERATING ALLOCATIONS* (RM)	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN *DEVELOPMENT ALLOCATIONS* (RM)	%
2018	22,805,000	21,974,603	96
2019	33,820,000	33,329,576	99
2020	59,000,000	58,049,354	98

Rajah 4: Prestasi Perbelanjaan Geran Pembangunan bagi Tahun 2018, 2019 dan 2020
Figure 4: Development Grant Expenditure Performance for 2018, 2019 and 2020



ii. Peruntukan Pembangunan (Dana Ditindik dan Dana Khas)

Lembaga dari semasa ke semasa dalam tahun 2020 telah menerima peruntukan khas daripada beberapa Kementerian dan Agensi lain sebanyak RM33,481,776 dan menjadikan keseluruhan peruntukan pembangunan dana ditindik dan dana khas terkumpul di FAMA sebanyak RM65,504,815. Antara contoh dana khas FAMA adalah dana bagi projek khas yang dilaksanakan oleh pihak FAMA seperti Ladang Kontrak, Kajian Kepenggunaan Agromakanan dan program-program lain yang berkaitan dengan fungsi dan peranan FAMA.

ii. Development Allocations (Placement Funds and Special Funds)

The Authority from time-to-time in 2020 received special allocations from several other Ministries and Agencies amounting to RM33,481,776, which brought the total development allocation of placement and special funds accumulated in FAMA to RM65,504,815. Among the examples of FAMA special funds were funds for special projects implemented by FAMA such as Contract Farming, Agro-Food Consumption Study and other programmes related to the functions and roles of FAMA.

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Punca Kewangan

Lembaga telah menerima geran peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2020 berjumlah RM237,370,000. Daripada jumlah tersebut, Peruntukan Mengurus berjumlah RM178,370,000 dan Peruntukan Pembangunan berjumlah RM59,000,000.

Sources of Finance

The Authority received allocation grants from the Federal Government for the financial year 2020 totalling RM237,370,000. Of this amount, the Operating Allocation was RM178,370,000 and the Development Allocation was RM59,000,000.

Terimaan dan Lebihan/Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan

Pada keseluruhannya, pendapatan Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menurun kepada RM249,073,689 (2019: RM302,970,730) iaitu penurunan sebanyak RM53,897,041 atau 18 peratus disebabkan oleh penurunan dalam hasil urusniaga bukan pertukaran dan hasil urusniaga pertukaran. Bagi hasil urusniaga bukan pertukaran ianya melibatkan pengurangan dalam pemberian kerajaan sebanyak RM53,799,900 atau 29 peratus. Bagi hasil urusniaga pertukaran pula pengurangan adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam pendapatan sewa dan dividen bank. Agihan pendapatan Lembaga adalah seperti di **Rajah 5**.

Receipts and Surplus/Deficit of Revenue over Expenditure

*Overall, the Authority's revenue for the year ended 31 December 2020 decreased to RM249,073,689 (2019: RM302,970,730), which was a decline of RM53,897,041 or 18 percent due to the fall in non-exchange transaction revenue and exchange transaction revenue. For non-exchange transaction revenue, it involved a reduction in government grants of RM53,799,900 or 29 percent. As for the proceeds of exchange transactions, the decrease was due to the decline in rental income and bank dividends. The income distribution of the Authority is shown in **Figure 5**.*

Rajah 5: Agihan Pendapatan Lembaga bagi Tahun 2020
Figure 5: Authority's Income Distribution for 2020



Rajah 5 menunjukkan sebahagian besar pendapatan ini adalah merupakan wang Peruntukan Geran Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM195,426,354 atau 78 peratus daripada keseluruhan pendapatan. Manakala yang selebihnya, iaitu RM53,647,335 atau 22 peratus adalah merupakan pendapatan lain daripada aktiviti-aktiviti jualan urusniaga, sewaan, dividen bank dan lain-lain.

Figure 5 *shows that most of this income was from the Federal Government Grant Allocation which was RM195,426,354 or 78 percent of the total income. While the rest, which was RM53,647,335 or 22 percent, was other income from sales, rentals, bank dividends and others.*

Pelaburan dalam syarikat subsidiari menunjukkan rosot nilai sebanyak RM2,130,743 berikutan pelarasan hutang antara syarikat subsidiari dengan anak syarikat yang di bawah kawalannya. Namun begitu kedudukan kewangan FAMA berada pada kedudukan yang memuaskan kerana lebihan yang ditunjukkan oleh aset semasa berbanding liabiliti semasa. Nisbah semasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah 1.51 (2019: 2.04) menjadikan nilai aset semasa melebihi liabiliti semasa sebanyak 1.51 kali ganda.

Investments in subsidiaries showed a decline of RM2,130,743 due to debt adjustments between subsidiaries and second-tier subsidiaries under their control. However, FAMA's financial position was in a satisfactory position due to the surplus shown by current assets over current liabilities. The current ratio for the financial year ended 31 December 2020 was 1.51 (2019: 2.04) making the value of current assets in excess of current liabilities 1.51 times.



LAPORAN PRESTASI FAMA 2020

REPORT ON FAMA PERFORMANCE IN 2020

PEMADANAN PEMBEKALAN
SUPPLY MATCHING

Program Ladang Kontrak

Penguncupan permintaan yang berlaku akibat daripada pengkuatkuasaan perintah kawalan pergerakan (PKP) menyumbang kepada isu lebihan pengeluaran dan kejatuhan harga sayuran segar khasnya di peringkat ladang. Selain itu, pengeluaran agromakanan menghadapi isu kekurangan sumber tenaga kerja disebabkan oleh penutupan sempadan dan kenaikan kos serta kesukaran mendapatkan input pertanian ekoran dari gangguan rantaian bekalan global. Keadaan ini mendorong pengeluar mengurangkan aktiviti penanaman di ladang yang seterusnya mengurangkan hasil pengeluaran bagi mengurangkan kadar kerugian dan kos pengeluaran. Senario ini turut menyumbang kepada sebab penurunan keluasan penanaman di bawah Program Ladang Kontrak tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Program Ladang Kontrak bertujuan untuk memadankan pengeluaran peserta program dengan keperluan bekalan oleh pemasar khususnya bagi komoditi sayur-sayuran dan buah-buahan. Selain membeli hasil pengeluaran peserta, FAMA juga berperanan sebagai pemudahcara antara pengeluar dan pemasar melalui Perjanjian Jual Beli (*Forward Agreement*, FA) di mana jaminan pembekalan bekalan berkualiti yang berterusan dan pasaran, adalah konsep menang-menang di antara peserta dan pemasar.

Sehingga Disember 2020, kawasan tanaman yang dibangunkan di bawah Program Ladang Kontrak adalah seluas 9,016 ha (2019: 13,000 ha) di seluruh negara dengan penglibatan seramai 8,996 peserta (2019: 6,569 peserta) serta nilai jualan sebanyak RM399 juta (2019: RM898 juta). Prestasi pencapaian Ladang Kontrak bagi tahun 2020 adalah sepertimana di **Rajah 6**.

Contract Farming Programme

The contraction in demand that occurred as a result of the enforcement of Movement Control Orders (MCO) contributed to the issue of surplus production and falling prices of fresh vegetables, especially at the farm level. Besides, agro-food production activities also faced labour shortages due to border closures and rising costs as well as difficulties in obtaining agricultural inputs due to global supply chain disruptions. This situation induced producers to reduce their farming activities to cut loss rates and production costs, which in turn, reduced production yields. This scenario also contributed to the reason for the reduction in cultivation areas under the Contract Farming programme in 2020 as compared to 2019.

The Contract Farming Programme aims to match the production of programme participants with the supply needs of marketers, especially for vegetables and fruits. Apart from purchasing the participants' output, FAMA also acts as a facilitator between producers and marketers through a Sale-Purchase Agreement (Forward Agreement, FA) where the guarantee of continuous supply of quality produce and market is a win-win concept situation between participants and marketers.

As of December 2020, the planted area developed under the Contract Farming Programme was 9,016 ha (2019: 13,000 ha) nationwide with the participation of 8,996 participants (2019: 6,569 participants) and a sales value of RM399 million (2019: RM898 million). The performance of Contract Farming for the year 2020 is shown in ***Figure 6****.*

Rajah 6: Perbandingan Prestasi Pencapaian Ladang Kontrak Tahun 2019 dan 2020
Figure 6: Contract Farming Achievement in 2020 Compared to 2019



Jadual 4: Perbandingan Prestasi Pencapaian Perjanjian Jual Beli Ladang Kontrak Tahun 2019 dan 2020
Table 4: Comparison of Contract Farming Forward Agreements Achievement in 2019 and 2020

PERINCIAN *DETAIL*	2019	2020
Bilangan FA *Number of FA*	1,158	869
Kuantiti Perjanjian (MT) *Agreement Quantity (MT)*	15,083	13,511
Nilai Belian (RM) *Purchase Value (RM)*	21.80 juta/*million*	16.68 juta/*million*

Program Ladang Kontrak terus ditambahbaik melalui usaha-usaha berikut:-

i. Memberi fokus dan keutamaan kepada usaha untuk mengenalpasti peserta yang mampu bergiat dalam aktiviti pemasaran bagi atau menjadi agen pemasar;
ii. Mengenalpasti lebih ramai lagi kumpulan pengeluar/pemasar yang mampu menjadi mentor kepada kelompok pengeluar di bawah program;
iii. Menggalakkan penanaman secara fertigasi dan berteknologi; dan
iv. Menggalakkan pemprosesan produk bagi mengurangkan risiko pemasaran dalam komoditi segar seperti cili dan durian.

The Contract Farming Programme will continue to be improved with efforts that include:-

i. Giving focus and priority to efforts to identify participants who are able to engage in marketing activities or become marketing agents;
ii. Identifying more groups of producers/marketers who are able to mentor the group of producers under the programme;
iii. Encouraging cultivation using fertigation and technological innovations; and
iv. Encouraging product processing to reduce marketing risk involved in fresh produce such as chillies and durians.



Ladang cili kaedah penanaman fertigasi milik peserta Ladang Kontrak di Kampung Teluk Sareh, Pulau Tiga, Kg Gajah, Perak
Chilli farm using fertigation cultivation method owned by Contract Farming participants in Kampung Teluk Sareh, Pulau Tiga, Kg Gajah, Perak





Aktiviti belian honeydew di Kampung Banggol, Kelantan oleh pihak operasi FAMA melibatkan 29 orang peserta Ladang Kontrak dengan keluasan 60 ekar
Honeydew purchase activity in Kampung Banggol, Kelantan by FAMA operations centre involving 29 participants of Contract Farming with an area of 60 acres



Aktiviti belian nanas varieti Moris di Kg Rambai Ulu, Benut, Pontian oleh Pusat Operasi FAMA dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia di bawah *Forward Agreement*
Moris pineapple purchase activity in Kg Rambai Ulu, Benut, Pontian by FAMA Operations Centre in collaboration with the Malaysian Pineapple Industry Board under Forward Agreement





Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli (*Forward Agreement*) Mangga Harumanis dan Mangga Perlis Sunshine di Perlis bagi pengeluaran musim Harumanis dan Sala di negeri Perlis tahun 2020
Harumanis Mango and Perlis Sunshine Mango Forward Agreement Signing Ceremony in Perlis for the production of 2020 Harumanis and Sala season in Perlis





Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli (*Forward Agreement*) di Kampung Sungai Berbuta, Endau Mersing melibatkan belian komoditi tembikai bocci (tanpa biji) di antara FAMA dengan peserta kelompok Ladang Kontrak, Mersing, Johor
Forward Agreement Signing Ceremony in Kampung Sungai Berbuta, Endau Mersing, involving the purchase of bocci watermelons (seedless) between FAMA and participants of the Contract Farming cluster, Mersing, Johor





Aktiviti pengumpulan dan jualan di Pusat Pengumpulan Ladang peserta Ladang Kontrak Sungai Pinang, Balik Pulau, Pulau Pinang
Collection and sales activities at the Sungai Pinang Contract Farming participant Collection Centre, Balik Pulau, Penang



Lawatan Ketua Pengarah FAMA dan Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) sempena Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) di Pasar Segar Terkawal (PST) di PTK Datin Halimah
Visit of the Director General of FAMA and Director General of the Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) in conjunction with Direct Sales from Farms (JTDL) at the Controlled Fresh Market (PST) at PTK Datin Halimah

Di sebalik ketidaktentuan pasaran akibat daripada pandemik ini, terdapat juga pengeluar/pemasar yang berjaya meningkatkan hasil jualan dengan mempelbagaikan kaedah pemasaran iaitu menerusi jualan secara atas talian dan membuat penghantaran terus kepada pengguna. Selain itu, pengeluar/pemasar mengoptimumkan kegunaan Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) sedia ada yang diterima melalui inisiatif Program Kontrak Pemasaran FAMA sebagai hub pusat jualan runcit kepada pengguna setempat. Program Ladang Kontrak juga menyediakan kemudahan dan perkhidmatan seperti pengaturan pasaran, insentif sokongan peralatan pemasaran serta kursus keusahawanan dan khidmat nasihat kepada peserta program.

Despite the market uncertainty as a result of the pandemic, there were some producers/marketers who managed to increase sales revenue by diversifying their marketing methods through online sales and making direct delivery to consumers. In addition, producers/marketers optimised the use of the existing Farm Collection Centres (PPL) received through the FAMA Marketing Contract Program initiative as a retail sales centre hub for local consumers. The programme also provided facilities and services such as market arrangement, marketing equipment support incentives as well as entrepreneurship courses and advisory services to programme participants.

Kisah Kejayaan Peserta Ladang Kontrak, FAMA dalam Mendepani Cabaran Pandemik COVID-19
Success Stories of FAMA Contract Farming Participants in Facing COVID-19 Pandemic Challenge

YOGESWARAN A/L LERCHMANAN



Yogeswaran a/l Lerchmanan merupakan peserta Ladang Kontrak negeri Melaka yang menjalankan urusniaga pembekalan sayur-sayuran di bawah Yoshii Global Sdn Bhd. Merupakan pengeluar sayur-sayuran berdaun dan berbuah utama di sekitar negeri Melaka. Secara umumnya, pendapatan purata jualan beliau sebelum pandemik COVID-19 sebanyak RM1,200/sehari dan ketika berlakunya pandemik COVID-19 ini, pendapatan beliau telah meningkat sebanyak 67% iaitu RM2,000 sehari. Peningkatan jualan adalah disebabkan peserta membuat jualan secara atas talian yang mana pada ketika itu jualan secara atas talian telah mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna ekoran PKP yang dilaksanakan. Selain itu, beliau turut mempunyai beberapa outlet pasaran lain untuk memasarkan hasilan pertanian seperti di Pusat Pengumpulan beliau sendiri di Jalan Tun Kudu Bukit Katil, outlet peruncitan FAMA seperti di Agrobazaar Kedai Rakyat dan pasaran di beberapa hotel sekitar negeri Melaka.

Yogeswaran a/l Lerchmanan is a participant in the Malacca Contract Farming project and supplies vegetables under Yoshii Global Sdn Bhd. He is a major producer of leafy and fruity vegetables in the state of Melaka. In general, his average sales income before the pandemic COVID-19 was RM1,200 per day and during the COVID-19 pandemic his income increased by 67% to RM2,000 a day. The increase in sales was due to participants making online sales, which at that time received high demand from consumers due to the MCO. Apart from that, he also had several other market outlets to market agricultural products such as at his own Collection Centre at Jalan Tun Kudu Bukit Katil, FAMA retail outlets such as at Agrobazaar Kedai Rakyat, as well as supplying several hotels around Malacca.

MUHAMMAD SAFWAN SA'IDIN

Muhammad Safwan Sa'idin merupakan peserta Ladang Kontrak negeri Kelantan yang menjalankan urusniaga pembekalan sayur-sayuran di bawah Waan Agriculture Entreprise. Merupakan pengeluar sayur-sayuran berbuah utama di sekitar negeri Kelantan. Secara umumnya, pendapatan purata jualan beliau sebelum pandemik COVID-19 sebanyak RM1,600/seminggu dan ketika berlakunya pandemik COVID-19 ini, pendapatan beliau telah meningkat sebanyak 193% iaitu RM4,700/minggu. Peningkatan jualan adalah disebabkan peserta ada membuat jualan secara online yang mana pada ketika itu jualan secara atas talian telah mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna ekoran PKP yang dilaksanakan. Selain itu beliau turut mempunyai beberapa outlet pasaran untuk memasarkan hasilan pertanian seperti di Pusat Pengumpulan beliau sendiri di Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan, Pasar Besar Siti Khatijah serta turut membuat jualan secara di atas talian di *Facebook* beliau sendiri.



Muhammad Safwan Sa'idin is a participant in the Kelantan Contract Farming project and supplies vegetables under Waan Agriculture Entreprise. He is a major producer of fruity vegetables in the state of Kelantan. In general, his average sales income before the COVID-19 pandemic was RM1,600 per week. During the COVID-19 pandemic his income increased by 193% to RM4,700 per week. The increase in sales was due to online sales by participants which at that time received high demand from consumers due to the MCO. Apart from that, he also had several market outlets to market agricultural products such as at his own Collection Centre in Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan, Pasar Besar Siti Khatijah, and also through online sales on his own Facebook page.

Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)

Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) dibangunkan untuk membantu peserta program di peringkat ladang agar aktiviti awalan pemasaran keluaran hasil pertanian mereka dapat dijalankan dengan lebih terancang dan sistematik bermula dari PPL. Lokasi PPL adalah terletak di dalam kawasan penanaman atau berdekatan akses keluar/masuk bagi membantu mengurangkan kadar kerosakan hasil lepas tuai.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 12 buah (2019: 17 buah) PPL baharu telah dibangunkan dan ini menjadikan jumlah keseluruhan PPL terkumpul di bawah seliaan FAMA berjumlah 256 buah (2019: 244 buah) melibatkan nilai kendalian sebanyak 16,902 MT dengan nilai jualan bernilai RM47.02 juta (2019: 16,791 MT; RM29.25 juta) hasilan pertanian segar yang dikeluarkan oleh peserta di bawah Program Ladang Kontrak.

Selain dijadikan pusat pengumpulan, PPL juga berperanan menjadi hub/pusat jualan runcit/borong kepada penduduk/pengguna setempat. Antara lokasi PPL yang telah berperanan sebagai hub pusat jualan adalah seperti di PPL Kuala Kangsar, Perak; PPL Tawang, Kelantan; dan PPL Bukit Katil, Melaka. Pemilik PPL yang merupakan peserta Program Ladang Kontrak bukan sahaja memasarkan hasil keluaran mereka malah turut berperanan sebagai peraih dengan mengumpul hasilan daripada pekebun-pekebun kecil setempat. Selain daripada itu aktiviti lepas tuai, aktiviti pelaksanaan peraturan penggredan, pembungkusan dan pelabelan (GPL) juga bermula di sini.

Farm Collection Centres

Farm Collection Centres (PPL) were developed to assist programme participants at the farm level so that the initial marketing activities of their agricultural products can be carried out in a more planned and systematic manner starting from the PPL. The location of PPL is within the cultivation area or near entry/exit to help reduce the rate of post-harvest losses.

During the year 2020, a total of 12 units (2019: 17 units) new PPLs were developed and this brought the total accumulated number of farm collection centres under the supervision of FAMA to 256 units (2019: 244 units) involving an operating value of 16,902 MT; with sales valued at RM47.02 million (2019: 16,791 MT; RM29.25 million) fresh agricultural produce from the participants under the Contract Farming Programme.

Apart from being used as a collection centre, PPL can also serve as a hub/retail/wholesale sales centre for local residents/consumers. Among the PPL locations that have served as sales centre hubs are PPL Kuala Kangsar, Perak; PPL Tawang, Kelantan; and PPL Bukit Katil, Melaka. PPL owners who are participants in the Contract Farming Programme not only market their produce but also act as collectors by collecting produce from local small farmers. Apart from post-harvest activities, grading, packaging and labeling (GPL) implementation activities also start from here.

PENGUMPULAN DAN PENGEDARAN
COLLECTION AND DISTRIBUTION

Khidmat Pemasaran Segar

FAMA memfokuskan kepada pengukuhan rantaian hasil segar dan produk industri makanan bagi meningkatkan pendapatan kumpulan sasar. Dalam menghadapi cabaran ketidaktentuan permintaan dalam pasaran, FAMA telah melaksanakan perubahan perkhidmatan pemasaran dengan penekanan dalam membina jaringan pasaran baru antara pengeluar dan perantara pasaran bimbingan FAMA secara kerjasama strategik. Adaptasi ini perlu bagi memastikan bekalan di rantaian pemasaran tidak terjejas, mengurangkan risiko kerugian golongan pengeluar serta memastikan pengguna terus mendapatkan barangan keperluan di pasaran.

Fresh Marketing Services

FAMA focused on strengthening the fresh produce and food industry product chain to increase the incomes of target groups. In facing the challenge of demand uncertainties in the market, FAMA had implemented changes in marketing services by emphasising on building new market networks between producers and market intermediaries under FAMA guidance through strategic collaboration. This adaptation was necessary to ensure that supply in the marketing chain was not affected, reduce the risk of loss to producers and ensure that consumers continued to obtain essential goods in the market.



Rajah 7: Pencapaian Keseluruhan Jualan FAMA bagi Tahun 2020
Figure 7: Overall Achievement of FAMA Sales in 2020

Berdasarkan **Rajah 7**, pencapaian keseluruhan khidmat pemasaran langsung FAMA pada tahun 2020 adalah RM24.98 juta. Pencapaian ini menunjukkan penurunan sebanyak 36 peratus berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM39.41 juta. Penurunan pada tahun 2020 ini juga disebabkan oleh kelembapan pasaran. Nilai khidmat pemasaran langsung bagi buah-buahan pada tahun 2020 telah mencatatkan jualan sebanyak RM3.49 juta berbanding RM13.86 juta pada tahun sebelumnya.

*Based on **Figure 7**, the overall achievement of FAMA's direct marketing services in 2020 was RM24.98 million. This achievement was a decrease of 36 percent compared to RM39.41 million in 2019. The decline in 2020 was due to market slowdown. The value of direct marketing services for fruits in 2020 recorded sales of RM3.49 million compared to RM13.86 million in the previous year.*

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM1.28 juta diikuti negeri Terengganu berjumlah RM0.39 juta dan negeri Perak dengan nilai jualan RM0.38 juta. Nilai jualan yang tinggi ini didorong oleh peranan Wilayah Persekutuan sebagai pusat pengedaran yang terletak di kawasan strategik dan dipacu permintaan yang tinggi dari kawasan sekitar Lembah Klang. Bagi negeri Terengganu dan Perak, jualan yang tinggi banyak disumbangkan oleh pengeluaran dan belian yang konsisten untuk komoditi seperti tembikai, rock melon serta mangga. Perbandingan nilai jualan buah-buahan tahun 2019 dan 2020 mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 5** di bawah.

*The Federal Territory of Kuala Lumpur recorded the highest sales value with RM1.28 million, followed by Terengganu with RM0.39 million, and Perak with RM0.38 million. This high sales value was driven by the role of the Federal Territory as a distribution centre located in a strategic area and assisted by high demand from the areas around the Klang Valley. For the states of Terengganu and Perak, the high sales were largely contributed by consistent production and purchases of produce such as watermelons, rock melons and mangoes. A comparison of the sales value of fruits in 2019 and 2020 by state is shown in **Table 5** below.*

Jadual 5: Nilai Jualan Buah-buahan Mengikut Negeri Pada Tahun 2019 dan 2020
Table 5: Sales Value of Fruits by State in 2019 and 2020

BIL. *NO.*	NEGERI / *STATE*	2019 (RM)	2020 (RM)
1.	Johor / *Johor*	805,665	206,137
2.	Melaka / *Malacca*	536,234	51,590
3.	Negeri Sembilan / *N. Sembilan*	379,139	39,735
4.	Wilayah Persekutuan / *Federal Territory*	5,373,360	1,276,822
5.	Selangor / *Selangor*	812,560	242,528
6.	Perak / *Perak*	943,421	380,969
7.	Kedah / *Kedah*	722,912	103,402
8.	Pulau Pinang / *Penang*	189,462	45,093
9.	Perlis / *Perlis*	163,775	36,056
10.	Kelantan / *Kelantan*	1,050,362	321,529
11.	Pahang / *Pahang*	689,591	234,576
12.	Terengganu / *Terengganu*	1,453,068	397,330
13.	Sabah / *Sabah*	392,266	70,264
14.	Sarawak / *Sarawak*	351,669	85,150
Jumlah / *Total*		**13,863,484**	**3,491,181**

Kuantiti belian FAMA bagi buah-buahan bermusim terpilih menunjukkan penurunan sebanyak 62.5 peratus iaitu RM1.5 juta dengan jumlah 278 MT pada tahun 2020 berbanding 1,169 MT dengan nilai RM4.0 juta pada tahun 2019.

FAMA's purchase of selected seasonal fruits showed a decline of 62.5 percent to RM1.5 million with a total quantity of 278 MT in 2020 compared to RM4.0 million with a quantity of 1,169 MT in 2019.

Jadual 6: Kuantiti dan Nilai Belian Buah-buahan Bermusim Terpilih bagi Tahun 2019 dan 2020
Table 6: Quantity and Value of Purchase of Selected Seasonal Fruits in 2019 and 2020

JENIS *TYPE*	2019		2020	
	KUANTITI (KG) *QUANTITY (KG)*	NILAI (RM) *VALUE(RM)*	KUANTITI (KG) *QUANTITY (KG)*	NILAI (RM) *VALUE(RM)*
Mangga Chokanan / *Chokanan Mango*	31,635	107,040.47	8,152	24,250.40
Mangga Harumanis / *Harumanis Mango*	45,876	691,055.89	26,797	446,739.36
Cempedak / *Jackfruit*	62,769	253,911.90	8,809	49,111.32
Duku	485,142	649,949.85	9,429	13,905.16
Duku Langsat	1,053	3,902.60	212	498.60
Dokong	116,189	208,021.59	56,079	143,787.50
Durian Kampung / *Village Durian*	72,419	469,603.75	8,402	82,682.57
Durian Klon / *Cloned Durian*	48,712	635,805.00	8,974	191,374.22
Durian Musang King / *Musang King Durian*	9,182	326,215.20	3,868	183,760.91
Manggis / *Mangosteen*	72,429	244,287.65	2,297	10,481.60
Rambutan	222,186	406,415.85	133,347	327,673.30
Pulasan	1,689	6,943.40	11,407	25,775.56
Rambai	t.d	t.d	t.d	t.d
Jumlah/ *Total*	**1,169,281**	**4,003,153.15**	**277,772**	**1,500,040.50**

Tahun 2020 mencatatkan nilai jualan komoditi sayur-sayuran terpilih sebanyak RM3.13 juta. Prestasi nilai jualan ini menunjukkan penurunan sebanyak 80 peratus berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM15.68 juta. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM2.07 juta diikuti Perak, RM0.18 juta dan Selangor, RM0.17 juta. Perincian nilai jualan sayur-sayuran mengikut negeri adalah seperti **Jadual 7** di bawah.

In 2020, a sales value of RM3.13 million was recorded for selected vegetables. This sales value performance was a decrease of 80 percent compared to RM15.68 million in 2019. The Federal Territory of Kuala Lumpur recorded the highest sales value of RM2.07 million followed by Perak, RM0.18 million and Selangor, RM0.17 million. The details of the sales value of vegetables by state are as shown in ***Table 7*** *below.*

Jadual 7: Nilai Jualan Sayur-sayuran Mengikut Negeri pada Tahun 2019 dan 2020
Table 7: Sales Value of Vegetables by State in 2019 and 2020

BIL. *NO.*	NEGERI / *STATE*	2019 (RM)	2020 (RM)
1.	Johor / *Johor*	246,873	62,410
2.	Melaka / *Malacca*	103,222	51,694
3.	N. Sembilan / *N. Sembilan*	435,078	56,456
4.	Wilayah Persekutuan / *Federal Territory*	10,052,912	2,071,326
5.	Selangor / *Selangor*	758,180	176,415
6.	Perak / *Perak*	309,149	180,384
7.	Kedah / *Kedah*	517,446	93,200
8.	Pulau Pinang / *Penang*	2,544,409	71,897
9.	Perlis / *Perlis*	24,061	2,904
10.	Kelantan / *Kelantan*	147,451	134,511
11.	Pahang / *Pahang*	156,532	107,773
12.	Terengganu / *Terengganu*	323,685	99,436
13.	Sabah / *Sabah*	564	28,431
14.	Sarawak / *Sarawak*	61,361	2,892
Jumlah / *Total*		**15,680,923**	**3,139,729**

Tren penurunan belian terus FAMA kepada pengeluar didorong oleh penglibatan langsung perantara pasaran bimbingan FAMA melalui konsep pemadanan perniagaan antara pengeluar dan perantara pasaran. Pendekatan ini diambil bagi memberi peluang kepada kedua-dua pihak membangunkan jaringan perniagaan yang lebih berdaya saing dan lestari.

The downward trend of FAMA's direct purchases from producers was driven by the direct involvement of market intermediaries under the guidance of FAMA through the concept of business matching between producers and market intermediaries. This approach was taken to provide opportunities for both parties to develop a more competitive and sustainable business network.

Khidmat pemasaran segar turut meliputi aspek logistik dan penyimpanan. Pengedaran hasil pertanian dalam tempoh dua minggu PKP 1.0 sangat terjejas. Walaupun Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa tidak pernah menyekat pengedaran produk makanan, namun masih terdapat kesukaran di dalam pergerakan pengangkutan perdagangan. MAFI telah mengarahkan semua jabatan dan agensi di bawahnya memainkan peranan dengan mengeluarkan surat pengesahan bagi usahawan-usahawan yang terjejas, seterusnya menyelesaikan isu ini.

Fresh marketing services also cover logistics and storage aspects. The distribution of agricultural produce was severely affected during the two weeks of MCO 1.0. Although the Standard Operating Procedures (SOP) in force had not restricted the distribution of food products, there were still difficulties in the operation of commercial transport. MAFI had instructed all departments and agencies under it to play a role by issuing letters of confirmation for the affected entrepreneurs, thereby resolving this issue.

Selain itu, FAMA juga menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pengeluar yang mempunyai akses pasaran tetapi tiada kemudahan pengangkutan. FAMA melalui pusat operasi di setiap negeri membantu memudahkan pemindahan bekalan hasil pertanian terutama di kawasan yang terjejas berikutan pelaksanaan PKP. Melalui perkhidmatan ini, pengeluar dapat menghantar bekalan hasil pertanian terus ke lokasi pengumpulan pada kos yang minimum.

In addition, FAMA also provided transportation facilities to producers who had market access but no transportation facilities. Through operations centres in each state, FAMA helped facilitate the transfer of agricultural produce, especially in areas affected following the implementation of MCO. By using this service, producers could send supplies of agricultural produce directly to the collection location at minimal cost.

FAMA turut meningkatkan infrastruktur dan kemudahan penyimpanan seperti bilik sejuk untuk kemudahan penyimpanan produk keluaran pertanian. Untuk ini, FAMA telah memperolehi peruntukan sebanyak RM10 juta melalui Pakej Rangsangan Ekonomi untuk menambahbaik kemudahan bilik sejuk bagi meningkatkan kapasiti penyimpanan dan kecekapan pengedaran.

FAMA also improved infrastructure and storage facilities such as cold rooms for storage of agricultural products. For this, FAMA obtained an allocation of RM10 million through the Economic Stimulus Package to improve cold room facilities in order to increase storage capacity and distribution efficiency.

Jadual 8: Bilangan dan Kapasiti Bilik Sejuk FAMA mengikut Negeri
Table 8: Number and Capacity of FAMA Cold Rooms by State

NEGERI *STATE*	JENIS BILIK SEJUK / *TYPE OF COLD ROOM*			ANGGARAN (MT) *ESTIMATED (MT)*	JUMLAH *TOTAL*
	FREEZER	CHILLER	BLAST FREEZER		
Perlis / *Perlis*	6	1	1	39.00	8
Kedah / *Kedah*	5	5	1	55.00	11
Pulau Pinang / *Penang*	3	5	-	132.00	8
Perak / *Perak*	11	3	3	121.20	17
Selangor / *Selangor*	7	8	-	126.00	15
Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur / *Federal Territory, Kuala Lumpur*	4	3	-	78.00	7
Negeri Sembilan / *Negeri Sembilan*	5	3	1	57.00	9
Melaka / *Malacca*	4	-	-	21.00	4
Johor / *Johor*	18	8	2	226.00	28
Kelantan / *Kelantan*	10	12	1	133.00	23
Terengganu / *Terengganu*	4	1	1	55.00	6
Pahang / *Pahang*	8	4	1	102.00	13
Sabah / *Sabah*	3	-	-	20.00	3
Sarawak / *Sarawak*	1	2	1	16.00	4
Jumlah / *Total*	**89**	**55**	**12**	**1,181.20**	**156**
Blast Freezer (Bukan Ruang Penyimpanan / *Non-storage Area*)				(43.2)	(12)
Kapasiti Keseluruhan Ruang Penyimpanan / *Total Capacity of Storage Space*				**1,138.00**	**144**

*Sumber : Bahagian Kejuruteraan FAMA
Source: FAMA Engineering Division

Outlet Pemasaran

Penyediaan outlet pemasaran merupakan strategi pengedaran yang dilaksanakan oleh FAMA melalui pembangunan infrastrutktur pemasaran kekal yang berperanan memberi akses pasaran kepada pengeluar. Pengeluar mempunyai pilihan sama ada berniaga di outlet bagi memasarkan produk terus kepada pengguna dan pada masa yang sama pengeluar boleh membina jaringan perniagaan dengan usahawan pemasar sedia ada. Peniaga di outlet ini merupakan usahawan pemasar bimbingan FAMA. Outlet kekal ini turut mempunyai kemudahan awam seperti tempat makan, surau dan tandas bagi memberi keselesaan kepada pengunjung dan usahawan pemasar. FAMA bersama-sama usahawan sentiasa melaksanakan program galakan pengunjung bagi menarik lebih ramai pengunjung seterusnya meningkatkan pendapatan usahawan. FAMA mempunyai 34 outlet pemasaran kekal yang terdiri dari Pasar Tani Kekal (PTK), Medan Niaga Satok (MNS) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

Marketing Outlets

The provision of marketing outlets is a distribution strategy implemented by FAMA through the development of permanent marketing infrastructure that have the role of providing market access to producers. Producers have the option of either trading in these outlets to market products directly to consumers and at the same time, producers can build business networks with existing marketer entrepreneurs. The traders in this outlet are marketer entrepreneurs under the guidance of FAMA. These permanent outlets also have public facilities such as dining areas, surau and toilets for the comfort of visitors and entrepreneurs. Together with entrepreneurs, FAMA frequently implements visitor incentive programmes to attract more visitors and increase the income of entrepreneurs. FAMA had 34 permanent marketing outlets consisting of Permanent Farmers' Markets (PTK), Medan Niaga Satok (MNS) and Rural Transformation Centres (RTC).

Pasar Tani Kekal (PTK)

Pasar Tani Kekal (PTK) dibangunkan bertujuan untuk menambah bilangan outlet pasaran kekal dan menaik taraf infrastruktur pemasaran sedia ada. PTK merupakan transformasi konsep Pasar Tani kepada Pasar Tani yang kekal di satu-satu lokasi. Bilangan usahawan juga dapat ditingkatkan dengan kaedah menambah dan mewujudkan waktu operasi perniagaan yang baharu. Penetapan lokasi dan waktu operasi turut memberi manfaat kepada usahawan untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan menjalankan aktiviti pemborongan dan pengedaran. Pengguna berpeluang mendapatkan hasil pertanian berkualiti terus dari ladang dengan harga yang berpatutan setiap hari.

Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 31 buah PTK yang telah beroperasi di seluruh negara (**Rajah 8**). Nilai jualan yang dijana daripada PTK yang beroperasi adalah sejumlah RM189.49 juta dan telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada 1,874 orang usahawan pada tahun tersebut. Nilai jualan pada tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 22.24 peratus berbanding RM243.69 juta pada tahun sebelumnya (**Rajah 9**).

Permanent Farmers' Markets (PTK)

Permanent Farmers' Markets (PTK) were developed to increase the number of permanent market outlets and upgrade the existing marketing infrastructure. PTK is a transformation of the concept of Farmers' Markets to one that stays permanently in one location. This provides opportunities to increase the number of entrepreneurs by adding and creating new business operating hours. Setting the location and hours of operation also benefits entrepreneurs in terms of expanding their business by conducting wholesale and distribution activities. Consumers have the opportunity to get quality agricultural produce directly from the farm at affordable prices every day.

*As of 31 December 2020, a total of 31 PTKs were operating throughout the country (**Figure 8**). The PTKs generated sales of RM189.49 million and created employment opportunities for 1,874 entrepreneurs during the year. Sales value in 2020 showed a decrease of 22.24 percent compared to RM243.69 million in the previous year (**Figure 9**).*

Rajah 8 : Taburan Projek PTK di Malaysia pada Tahun 2020
Figure 8: Distribution of PTK Projects in Malaysia in 2020



Rajah 9: Perbandingan Nilai Jualan Pasar Tani Kekal bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 9: Comparison of Permanent Farmers' Market Sales Value for 2019 and 2020







Aktiviti Operasi di Pasar Tani Kekal (PTK) Permas Jaya di Johor Bahru
Operation activities at Permas Jaya Permanent Farmers' Market in Johor Bahru

Medan Niaga Satok (MNS), Sarawak

Projek Medan Niaga Satok (MNS) ini menggantikan Pasar Satok lama yang sedia ada kepada sebuah pasar tetap yang moden, bersih, teratur dan selesa. Medan ini dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang baik serta sistem pengurusan sisa buangan yang terkini dan mesra alam. Kos asas projek ini adalah sebanyak RM46.6 juta dibina atas tapak seluas 12.25 ekar di Jalan Matang Petra Jaya, Kuching. Projek ini menyediakan 1,100 lot niaga bagi semua komponen utama merangkumi Blok Kekal, Pasar Minggu, Pasar Borong dan Medan Selera Benteng Satok. Medan Niaga Satok telah memulakan operasinya pada 1 Januari 2013 dan telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 28 Januari 2013.

Medan Niaga Satok (MNS), Sarawak

The Medan Niaga Satok (MNS) is to replace the then old Satok Market into a modern, clean, orderly and comfortable market. The Medan is equipped with good basic facilities as well as the latest and environmentally friendly waste management system. The basic cost of this project was RM46.6 million and was built on a 12.25 acre site at Jalan Matang Petra Jaya, Kuching. This project provides 1,100 commercial lots for all major components including the Permanent Block, Weekend Market, Wholesale Market and Satok Benteng Food Court. Medan Niaga Satok commenced operations on 1 January 2013 and was officiated by the Deputy Prime Minister of Malaysia on 28 January 2013.

Rajah 10: Keseluruhan Blok di Medan Niaga Satok, Sarawak
Figure 10: Entire Block in Medan Niaga Satok, Sarawak



MNS beroperasi dengan objektif-objektif seperti berikut:-

i. Meningkatkan penglibatan secara langsung pengeluar/pembekal/usahawan dalam pemasaran hasil pertanian dan produk asas tani.
ii. Meningkatkan pendapatan pengeluar/ pembekal/ usahawan.
iii. Menyediakan akses langsung kepada pengguna untuk mendapatkan bekalan hasil pertanian dan produk asas tani pada kualiti dan harga yang munasabah.
iv. Menyediakan pasar alternatif kepada pengunjung dalam mendapatkan barangan keperluan mereka dengan tawaran harga yang berpatutan dan barangan yang segar serta berkualiti.

MNS operates with the following objectives:-

i. Increase the direct involvement of producers/ suppliers/entrepreneurs in the marketing of agricultural and agro-based products.
ii. Increase the incomes of producers/suppliers/ entrepreneurs.
iii. Provide direct access to consumers to obtain supplies of agricultural and agro-based products at reasonable quality and prices.
iv. Provide an alternative market to visitors in getting the goods they need with reasonable prices as well as fresh and quality goods.

v. Outlet runcit alternatif kepada pengguna untuk mendapatkan produk agromakanan pada harga berpatutan.
vi. Saluran pasaran produk agromakanan bagi membantu pengusaha kecil memasarkan hasil keluaran sendiri.

v. Alternative retail outlets for consumers to get agro-food products at affordable prices.
vi. Agro-food product market channel to help small entrepreneurs market their own produce.

Bilangan usahawan di MNS pada tahun 2020 adalah lebih tinggi iaitu seramai 1,002 orang berbanding tahun sebelumnya seramai 976 usahawan. Peningkatan bilangan usahawan ini disebabkan oleh lokasi MNS dijadikan antara salah satu lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) yang dibenarkan untuk beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan dan penambahan ruang-ruang niaga melalui pelaksanaan naik taraf kompleks tersebut.

The number of entrepreneurs in MNS in 2020 was higher at 1,002 compared to the previous year's 976 entrepreneurs. This increase was due to MNS being in the list of Controlled Fresh Market (PST) locations allowed to operate during the Movement Control Order and the addition of retail spaces through the upgrading of the complex.

Rajah 11: Perbandingan Nilai Jualan bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 11: Comparison of Sales Value for 2019 and 2020



Penyediaan infrastruktur moden yang lengkap dengan kemudahan asas di MNS telah memberi banyak keselesaan kepada para peniaga untuk menjalankan perniagaan berbanding lokasi terdahulu serta menjadi tarikan pengunjung dalam dan luar negara kerana ia adalah *one stop centre* bagi mendapatkan pelbagai produk keluaran Sarawak dan memberi pengalaman membeli belah yang menarik dan selesa.

The provision of modern infrastructure complete with basic facilities at MNS has given a lot of convenience to traders to carry out their business activities compared to previous locations as well as being an attraction for local and foreign visitors because it is a one stop centre to get a variety of Sarawak products and provide an interesting and comfortable shopping experience.

Pelbagai program promosi yang dijalankan oleh FAMA dan agensi-agensi lain di MNS telah menyumbang kepada pertambahan bilangan pengunjung di samping meningkatkan pendapatan usahawan dengan tawaran produk yang berkualiti, segar dan harga yang berpatutan. Selain itu, MNS juga merupakan platform kerajaan dalam membantu mengurangkan bebanan rakyat terhadap isu peningkatan harga barangan melalui pelaksanaan program Jimat Belanja Dapur dan *My Best Buy*.

Various promotional programmes conducted by FAMA and other agencies in MNS also contributed to the increase in the number of visitors as well as increasing the income of entrepreneurs by offering quality, fresh and affordable products. In addition, MNS is also a government platform in helping to reduce the burden of the people on the issue of rising prices of goods through the implementation of Jimat Belanja Dapur and My Best Buy programmes.

Berikut adalah inisiatif-inisiatif yang diambil bagi membantu usahawan yang terkesan dan penambahbaikan operasi MNS di sepanjang tempoh PKP:-

i. Pemberian Bantuan Kerajaan Sarawakku Sayang (BKSS) oleh kerajaan negeri Sarawak kepada 944 usahawan MNS yang memberi implikasi kewangan sebanyak RM1.42 juta.
ii. Pemberian Geran Prihatin Nasional (GKP) kepada seramai 177 usahawan yang layak dengan anggaran nilai RM531,000.
iii. Pengecualian sewa selama enam bulan kepada 923 usahawan yang berjumlah RM289,116.
iv. Penyediaan peralatan untuk pematuhan SOP seperti *hand sanitizer*, pengimbas suhu badan dan kawalan di pintu masuk untuk penjarakan sosial serta penguatkuasaan pihak RELA.
v. Selepas MNS memulakan operasi pada tahun 2013, terdapat beberapa penambahbaikan dan naiktaraf dibuat bagi meningkatkan kemudahan fasiliti sedia ada bagi meningkatkan mutu dan keselesaan kepada peniaga dan pengunjung. Sehingga 2020, sebanyak RM15.95 juta telah digunakan untuk menambah baik kemudahan dan fasiliti di MNS.

The following are the initiatives taken to assist the affected entrepreneurs and the improvement of MNS operations throughout the MCO period:-

i. Provision of Sarawakku Sayang Government Assistance (BKSS) by the Sarawak State Government to 944 MNS entrepreneurs with financial implications of RM1.42 million.
ii. Granting of National Caring Grant (GKP) to a total of 177 eligible entrepreneurs with an estimated value of RM531,000.
iii. Rental exemption for six months to 923 entrepreneurs amounting to RM289,116.
iv. Provision of equipment for SOP compliance such as hand sanitizers, temperature scanners and controls at the entrance for social distancing as well as RELA enforcement.
v. After Medan Niaga Satok started operations in 2013, there were several improvements and upgrades made to enhance the existing facilities to improve the quality and comfort of traders and visitors. Until 2020, a total of RM15.95 million had been used to upgrade facilities and amenities at MNS.





Aktiviti operasi di Medan Niaga Satok dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
Operation activities at Medan Niaga Satok during the Movement Control Order (MCO)

TINDAKAN SEMASA COVID 19
ACTION TAKEN DURING COVID-19

Kerajaan Persekutuan turut menyumbangkan bantuan dengan memberikan Geran Prihatin Nasional (GKP) kepada peniaga yang layak
The Federal Government contributed assistance through the National Caring Grant to eligible traders

Pihak MNS telah menyediakan *hand sanitizer* pengimbas suhu dan kakitangan untuk mengawal pintu masuk utama ke pasar
The MNS authority provided hand sanitizers, temperature scanners and staff to control the main entrance to the market

Bantuan dari Kerajaan Negeri Sarawak iaitu BKSS
Assistance from Sarawak State Government i.e. BKSS

Bantuan dari Kerajaan Persekutuan iaitu Geran Prihatin Nasional
Assistance from Federal Government i.e. National Caring Grant

Penstrukturan Kadar Sewaan lot tapak
Restructuring rental rate for lot space

Kawalan ketat bagi pintu utama kemasukan ke MNS
Strict Control on Main entrance to MNS

Naiktaraf Blok B
Upgrading Block B

Pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah memberikan bantuan Kerajaan Sarawakku Sayang (BKSS) kepada semua peniaga MNS
The State Government provided Sarawakku Sayang assistance to all MNS traders

Pengabaian kadar sewaan Blok E, Blok D dan Pasar Minggu selama 6 bulan bermula April-September 2020
Moratorium on rental payments for Block E, Block D and Weekend Market for 6 months from April to September 2020

Naiktaraf Blok B adalah untuk memberikan ruang dan jarak yang lebih besar kepada peniaga dan pengunjung MNS
Upgrading of Block B to provide space and better distancing for traders and visitors to MNS

Bagi memastikan Medan Niaga Satok terus berkembang dan memberi perkhidmatan terbaik kepada semua pihak dalam pemasaran produk Agromakanan, FAMA telah menerima peruntukan daripada kerajaan negeri Sarawak sejumlah RM5 juta bagi menaiktaraf kemudahan sedia ada. Kerja penambahbaikan akan dilaksanakan pada tahun 2021.

To ensure that Medan Niaga Satok continues to grow and provides the best service to all parties involved in agro-food, FAMA received an allocation of RM5 million from the Sarawak State Government to upgrade existing facilities. It will be implemented in 2021.

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) FAMA Kelantan

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) FAMA Kelantan asalnya dikenali sebagai Terminal Makanan Negara (TEMAN) dan Terminal Agribisnes Negara (TEMAN) terletak di jajahan Kota Bharu Kelantan. Kompleks ini merupakan pusat hentian bersepadu pengedaran bekalan makanan negara, pusat pemborongan dan peruncitan hasil-hasil pertanian lengkap dengan infrastruktur kemudahan asas yang moden dan *hygienic* di bawah satu bumbung. Pada masa ini komponen yang sedia ada terdiri daripada Blok Pentadbiran, Tapak Ekspo, Blok A, Blok B, Blok C dan Blok D. Blok A merangkumi Lot Kekal *Roller Shutter*, Medan Selera, Tapak Florikultur, Pasar Tani Kekal, *MyFarm* Outlet, Tapak Bilik Sejuk dan Pasar Borong Pagi. Blok B pula adalah untuk perniagaan jenis pemborongan sayur-sayuran dan buah-buahan. Blok C untuk perniagaan Ikan, Ayam, Daging, Kuih dan Pelbagai. Manakala Blok D pula dikhususkan untuk tapak bilik sejuk.

FAMA Kelantan Rural Transformation Centre (RTC)

FAMA Kelantan Rural Transformation Centre (RTC) was originally known as Terminal Makanan Negara (TEMAN) and Terminal Agribisnes Negara (TEMAN) located in the district of Kota Bharu Kelantan. The complex is an integrated stop centre for the distribution of national food supplies, as well as wholesale and retail centre for agricultural products complete with hygienic basic facilities infrastructure under one roof. Currently the components consist of Administration Block, Expo Site, Block A, Block B, Block C and Block D. Block A includes Roller Shutter Permanent Lot, Food Court, Floriculture Site, Permanent Farmers' Market, MyFarm Outlet, Cold Room Site and Morning Wholesale Market. Block B is for vegetable and fruit wholesale businesses. Block C is for Fish, Chicken, Meat, Cakes and Miscellaneous. While Block D is reserved for cold rooms.

Konsep utama urusniaga RTC Kelantan adalah lot kekal/tetap di mana usahawan berniaga setiap hari di lot kekal dan dibenarkan untuk meninggalkan peralatan dan produk niaga di dalam lot sahaja setelah tamat waktu operasi. Manakala, menerusi konsep "Bayar-Guna-Serah Semula" (BGSS) pula usahawan perlu membayar bagi penggunaan tapak lot niaga yang disediakan kepada mereka mengikut sesi, waktu niaga, kadar bayaran dan hari yang ditetapkan/dijadualkan dan menyerahkan semula tapak yang diduduki dalam keadaan asal sebaik sahaja tamat tempoh perniagaan tanpa meninggalkan sebarang peralatan urusniaga di lot-lot niaga tersebut kecuali dengan kebenaran pihak FAMA. Ini adalah bagi mengembalikan lot-lot niaga yang telah diserah semula berada dalam keadaan asal selepas melalui tempoh pembersihan yang dilakukan oleh pengurusan Kompleks RTC Kelantan.

The main concepts of the Kelantan RTC operations are permanent lots where the entrepreneur trades daily and is allowed to leave equipment and business products in the lot after the end of operating hours. Meanwhile, through the concept of "Pay-Use-Handover" (BGSS), entrepreneurs have to pay for the use of business lots provided to them according to the session, business hours, payment rates and days set/scheduled and handover the occupied site in its original condition as soon as the business period ends without leaving any trading equipment in the business lots, except with the permission of FAMA. This is to return the commercial lots that have been handed back to their original condition after going through the cleaning period carried out by the management of the Kelantan RTC Complex.

Di samping itu juga, perkhidmatan penyewaan yang disediakan oleh pihak RTC Kelantan boleh digunakan oleh masyarakat setempat bagi mengadakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti majlis kenduri kahwin, majlis-majlis perasmian dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian yang dibenarkan berdasarkan kepada kelulusan dan kebenaran pihak FAMA.

In addition, the rental services provided by the Kelantan RTC can be used by the local community to hold community activities such as weddings, opening ceremonies and appropriate activities that are allowed based on the approval and permission of FAMA.

Sehingga 31 Disember 2020, nilai jualan adalah sebanyak RM337.2 juta merangkumi keseluruhan komoditi di RTC Kelantan dan ini telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada 702 orang usahawan pada tahun tersebut. Nilai jualan pada tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 12.04 peratus berbanding RM383.4 juta pada tahun sebelumnya (**Rajah 12**).

*As of 31 December 2020, the sales value was RM337.2 million covering the entire product range at Kelantan RTC and this created employment opportunities for 702 entrepreneurs during the year. Sales value in 2020 showed a decrease of 12.04 percent compared to RM383.4 million in the previous year (**Figure 12**).*

Rajah 12: Perbandingan Pencapaian RTC Kelantan bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 12: Comparison of Kelantan RTC Achievements for 2019 and 2020



Bagi mendepani cabaran pandemik, FAMA telah memberikan pengecualian sebanyak 60 peratus kepada peserta yang menyewa di lot tetap/kekal Kompleks RTC Kelantan dan juga usahawan BGSS. FAMA juga meluluskan permohonan pengurangan dan pengecualian sewaan yang dimohon secara berperingkat oleh peserta/usahawan.

To assist in facing pandemic challenges, FAMA gave rental exemption of 60 percent to participants who leased the permanent lots of the Kelantan RTC Complex and also BGSS entrepreneurs. FAMA also approved applications for reduction and exemption of rentals as applied in stages by participants/ entrepreneurs.

Platform Agrobazaar Online telah dijadikan salah satu mekanisma oleh pengurusan RTC Kelantan untuk membantu usahawan memasarkan hasil dan produk perniagaan mereka secara dalam talian. Sistem ini merangkumi juga pengurusan aduan, maklum balas termasuklah cadangan, penghargaan dan permohonan perkhidmatan yang dimohon usahawan untuk keperluan perniagaan mereka. Usahawan RTC Kelantan turut berpeluang menyertai kursus dan bengkel perniagaan yang dilaksanakan secara maya. Platform digital ini juga memberi peluang kepada usahawan untuk mengetahui dan mengikuti pelbagai skim bantuan yang disediakan oleh agensi kerajaan terutamanya FAMA dan agensi MAFI yang lain.

The Kelantan RTC management has utilised the Agrobazaar Online platform as one of the mechanism to help entreprenuers to market their business products and produce online. The system has built-in features such as the management of complaints, feedback including suggestions, appreciations and requests for services by entreprenuers for their business needs. The Kelantan RTC entrepreneurs also have the opprtunity to participate in business training and workshops conducted virtually. This digital platform also provided an opportunity for entrepreneurs to learn about and follow various assistance schemes provided by government agencies, especially FAMA and other MAFI agencies.

Selain itu, pihak FAMA dengan Kerjasama Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Teknologi Mara, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Universiti Putra Malaysia telah melaksanakan satu kajian Impak Perintah Kawalan Pergerakan dalam mengenalpasti kesan dari pandemik COVID-19 terhadap golongan sasar. Kajian ini melibatkan seramai 200 usahawan tani yang berniaga dan 200 pengunjung RTC Kelantan. Fokus pelaksanaan kajian adalah terhadap impak semasa PKP (18 Mac sehingga 31 Ogos 2020) dilaksanakan dan selepas PKP iaitu dalam tempoh PKPB dan PKPP (selepas 31 Ogos 2020). Tempoh kajian ini dilaksanakan adalah selama 12 minggu bermula 1 Julai 2020 hingga 30 September 2020. Antara dapatan kajian ini adalah 78 peratus responden memilih RTC Kelantan sebagai pusat pembelian barangan kerana faktor keselamatan dan menepati SOP PKP. Manakala 71.5 peratus responden berpendapat harga barangan di RTC Kelantan lebih murah dan berpatutan. Selain itu, kajian turut mendapati bahawa corak perbelanjaan pengguna tidak jauh berbeza antara sebelum dan selepas PKP dilaksanakan.

In addition, FAMA in collaboration with Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Teknologi Mara, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia and Universiti Putra Malaysia conducted a study on the Impact of the Movement Control Order to identify the impact of the COVID-19 pandemic on target groups. This study involved a total of 200 agripreneurs who traded and 200 visitors to the Kelantan RTC. The focus of the study was on the impact during MCO implementation (18 March to 31 August 2020) and post-MCO that is during the period of CMCO and RMCO (after 31 August 2020). The study period was for 12 weeks from 1 July 2020 to 30 September 2020. Among the findings of this study were that 78 percent of respondents chose the Kelantan RTC as the centre for purchasing goods due to safety factors and compliance with MCO SOPs. Meanwhile, 71.5 percent of respondents were of the opinion that the price of goods at the Kelantan RTC is cheaper and more affordable. In addition, the study also found that consumer spending patterns were not much different between pre- and post-MCO periods.

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) FAMA Perak

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) FAMA Perak, terletak di Gopeng juga boleh diakses melalui lebuhraya PLUS dan dikenali sebagai Hentian R&R RTC Perak. RTC Perak ditubuhkan bagi meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat di mana pelbagai aktiviti bercorak nilai tambah telah dilaksanakan bertujuan meningkatkan pendapatan mereka. Di samping itu, ia juga diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan dan maklumat mengenai peluang-peluang yang disediakan oleh jabatan/agensi kerajaan kepada penduduk sekitar. RTC Perak juga memberi manfaat kepada penduduk luar bandar dengan memenuhi keperluan menyeluruh dan sebagai pusat integrasi perkhidmatan holistik.

FAMA Perak Rural Transformation Centre (RTC)

The FAMA Perak Rural Transformation Centre (RTC), located in Gopeng is accessible via the PLUS highway and is known as the Perak RTC R&R Stop. The Perak RTC was established to improve the socio-economy of the local population whereby various value-added activities were implemented to increase their incomes. In addition, it was also created to provide services and information on opportunities provided by government departments/agencies to the surrounding population. The Perak RTC also benefits the rural population by meeting overall needs and as a holistic service integration centre.

Objektif utama RTC Perak adalah membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar melalui aspek peningkatan pendapatan, pengurangan kos sara hidup selain memudahkan akses penduduk setempat kepada perkhidmatan kerajaan. Dua komponen penting yang diketengahkan di RTC Perak adalah perkhidmatan dan kegiatan ekonomi melalui tiga konsep utama penubuhan iaitu perkhidmatan kerajaan dan swasta, hub perniagaan dan pusat kegiatan belia.

The main objective of Perak RTC is to help improve the quality of life of the rural community through the aspects of increasing incomes, reducing the cost of living as well as facilitating local access to government services. Two important components highlighted at the Perak RTC are services and economic activities through the three main concepts of its establishment, namely government and private services, business hubs and youth activity centres.



RTC Perak mempunyai sembilan jabatan dan agensi kerajaan yang beroperasi. Jumlah keseluruhan pengunjung yang mendapatkan perkhidmatan sepanjang tahun 2020 adalah seramai 27,784 orang berbanding tahun sebelumnya tahun 2019 iaitu 27,005 orang. Manakala, terdapat tiga agensi swasta yang menawarkan perkhidmatan di RTC Perak dengan jumlah keseluruhan pengunjung mendapatkan perkhidmatan sepanjang tahun 2020 adalah seramai 54,558 orang berbanding tahun 2019 iaitu 96,494 orang (**Jadual 9**). Walau bagaimanapun, terdapat dua agensi swasta yang mencatat peningkatan tinggi bilangan pengunjung pada tahun 2020 iaitu Agrobank dan YAPEIM. Peningkatan ini disumbang oleh kunjungan pengguna ke institusi perbankan seperti Agrobank untuk tujuan pengeluaran wang bantuan dan YAPEIM untuk mendapatkan khidmat serta peluang bantuan di kala menghadapi kesukaran akibat pandemik COVID-19.

*The Perak RTC has nine government departments and agencies operating within its premises. The total number of visitors who obtained services throughout 2020 was 27,784 compared with 27,005 in the previous year. Meanwhile, there were three private agencies that offered services in Perak RTC with the total number of visitors obtaining services in 2020 at 54,558 compared to a total of 96,494 in 2019 (**Table 9**). However, there were two private agencies that recorded a high increase in the number of visitors in 2020, namely Agrobank and YAPEIM. This increase was contributed by consumer visits to banking institutions such as Agrobank for the purpose of withdrawing aid money and YAPEIM to obtain services and opportunities for assistance when facing difficulties due to the COVID-19 pandemic.*

Jadual 9: Perbandingan Bilangan Pengunjung di RTC Perak
Table 9: Comparison of Number of Visitors to Perak RTC

TAHUN *YEAR*	2019	2020
Perkhidmatan Awam ***Public Services***		
Jumlah Keseluruhan Pengunjung *Total Number of Visitors*	27,005	27,784
Perkhidmatan Swasta ***Private Services***		
YAPIEM	3,450	11,431
Agrobank	20,811	39,256
Bank Simpanan Nasional	72,233	3,871
Jumlah / *Total*	**96,494**	**54,558**

RTC Perak turut menyediakan kemudahan penyewaan ruang dan lot perniagaan. Ini bagi memberi peluang kepada masyarakat setempat menceburi bidang keusahawanan yang mampu memberikan impak pembangunan ekonomi di kawasan sasaran. Hal ini bukan sahaja dapat membantu mereka meningkatkan pendapatan bahkan menjamin pasaran barangan komoditi bagi memenuhi keperluan penduduk setempat. Peningkatan bilangan penyewa dan lot adalah disebabkan oleh lokasi RTC Perak merupakan antara lokasi Pasar Segar Terkawal. Walau bagaimanapun nilai jualan RTC Perak pada tahun 2020 mengalami penurunan sebanyak 28 peratus.

The Perak RTC also provides space and business lot rental facilities. This is to provide opportunities for the local community to venture into the field of entrepreneurship that can provide an impact on economic development in the target area. This not only helps them increase their income, but also ensures the market for commodities to meet the needs of the locals. There was an increase in the number of tenants and lots leased out due to the location of the Perak RTC as one of the locations under the Controlled Fresh Markets. However, there was a decline of 28 percent in sales value in 2020.

Jadual 10: Pencapaian Tahun 2019 Berbanding Tahun 2020
Table 10: Achievements of 2019 Compared to 2020

TAHUN *YEAR*	2019	2020
Bilangan Penyewa *No. of Tenants*	66	93
Jumlah Lot *No. of Lots*	96	156
Jumlah Nilai Jualan (RM juta) *Total Sales Value (RM million)*	126.13	91.08

RTC Perak terus memainkan peranan sebagai sebuah pusat pembekalan dan pengedaran hasil tani dan produk makanan yang menghubungkan pengeluar serta pembekal terus kepada pengguna. Pemodenan kaedah niaga di kalangan penjaja kecil di bawah satu bumbung dan meliputi aspek seperti penyediaan premis serta kemudahan yang lebih tersusun, bersih dan dapat memberi keselesaan kepada pengunjung di samping dapat meningkatkan pendapatan usahawan dan penjaja.

The Perak RTC continues to play a role as a centre for the supply and distribution of agricultural produce and food products that connects producers and suppliers directly to consumers. Modernisation of business methods among small hawkers under one roof has covered aspects such as the provision of premises and facilities that are more organised, clean and can provide comfort to visitors as well as increase the income of entrepreneurs and hawkers.

Pasar Tamu

Pembangunan Pasar Tamu merupakan usahasama antara FAMA dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Majlis Daerah khususnya di negeri Sabah dan Sarawak. FAMA akan menaiktaraf bangunan tamu yang dikenal pasti dalam keadaan usang dan diserahkan kembali kepada PBT bagi tujuan pelaksanaan operasi Pasar Tamu. Peningkatan imej Pasar Tamu yang dilakukan tidak menjejaskan keunikannya, ianya seiring dengan hasrat mensejahterakan ekonomi dan mengekalkan budaya setempat serta mempromosikan produk. Usahawan juga berpeluang untuk meningkatkan taraf hidup selain daripada memberi keselesaan kepada pengunjung tempatan dan pelancong.

Pasar Tamu

The development of Pasar Tamu is a joint venture between FAMA and Local Authorities or District Councils specifically in Sabah and Sarawak. FAMA will upgrade tamu buildings identified as dilapidated to be upgraded and subsequently handed over to the Local Authority for the purpose of implementing Pasar Tamu operations. Improving the image of the Pasar Tamu is done without compromising its uniqueness, it is in line with the desire to prosper the economy, maintain local culture and promote products. The entrepreneurs are able to improve their living standards as well as provides comfort to local visitors as well as tourists.

Komoditi jualan di Pasar Tamu termasuk makanan dan minuman, kuih-muih moden dan tradisional, barangan kraftangan, sayur-sayuran kampung, buah-buahan, hasilan laut, ikan air tawar, barangan dan peralatan dapur, aksesori, bunga-bungaan, herba dan ubatan tradisional serta haiwan peliharaan. Setiap daerah di Sabah dan Sarawak mempunyai Pasar Tamunya sendiri dan beroperasi satu atau dua kali seminggu, bermula dari jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang. Terdapat juga Pasar Tamu yang beroperasi secara harian. Bilangan peniaga di sesebuah Pasar Tamu ini boleh mencecah antara 100 hingga 500 orang setiap kali berniaga bergantung kepada lokasi tamu tersebut.

Produce sold at Pasar Tamu include food and beverages, modern and traditional cakes, handicrafts, village vegetables, fruits, seafood, freshwater fish, kitchen items and utensils, accessories, flowers, herbs and traditional medicines, and pets. Each district in Sabah and Sarawak has its own Pasar Tamu that operates once or twice a week from 6.00 am to 2.00 pm. There is also some Pasar Tamu that operates daily. The number of traders in a Pasar Tamu ranges from 100 to 500 each time they trade depending on the location of the market.

Sehingga Disember 2020, sebanyak tiga buah Pasar Tamu telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan beroperasi di Sabah dan Sarawak. Hanya terdapat tiga buah Pasar Tamu sahaja masih di dalam peringkat pembinaan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada penghujung tahun 2021 (**Rajah 13**).

*As of December 2020, a total of three Pasar Tamu have been handed over to the Local Authorities and are operating in Sabah and Sarawak. There are only three Pasar Tamu still under construction and are expected to be fully operational by the end of 2021 (**Figure 13**).*

Rajah 13: Taburan Projek Pasar Tamu pada Tahun 2020
Figure 13: Distribution of Pasar Tamu Projects in 2020



Pewujudan infrastruktur pemasaran kekal seperti Pasar Tani Kekal, RTC Kelantan, RTC Perak, Medan Niaga Satok dan Pasar Tamu membuka luang pasaran terutama bagi pemasaran produk segar yang diniagakan sama ada secara borong mahupun runcit serta menawarkan harga yang berpatutan kepada pengguna. Pengeluar berpeluang memasarkan produk terus ke pasaran runcit, sekaligus memberikan mereka harga belian yang lebih baik. Selain dari pasaran segar, pemprosesan hasil pengeluaran juga memberikan prospek dan kepelbagaian pasaran kepada pengeluar.

The development of permanent marketing infrastructure such as Permanent Farmers' Market, Kelantan RTC, Perak RTC, Medan Niaga Satok and Pasar Tamu opens up market opportunities, especially for the marketing of fresh products that are traded either wholesale or retail and offer reasonable prices to consumers. Producers have the opportunity to market their products directly to the retail market, giving them a better purchase price. Apart from the fresh market, the processing of products also provides market prospects and diversification to producers.

PEMPROSESAN
PROCESSING

Pusat Pemprosesan Buah-buahan Segar FAMA Ke Arah Akreditasi Pensijilan *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan Halal

Sektor pemprosesan makanan turut terkesan apabila mengalami kesukaran beroperasi dalam mendapatkan bekalan bahan mentah terutama bekalan bahan mentah tempatan. Namun begitu, pada situasi di mana pasaran segar mengalami perubahan dalam corak pembelian, sektor pemprosesan dilihat sebagai alternatif untuk mengurangkan kerugian dan pembaziran dalam pemasaran produk pertanian segar.

Justeru itu, antara peranan FAMA dalam usaha menangani masalah ini adalah dengan menyediakan pemadanan pembekalan dan juga pusat-pusat pemprosesan buah-buahan. Pusat ini dipilih berdasarkan kepada kawasan pengeluaran buah-buahan yang tinggi dan juga permintaan khas daripada sesebuah negeri. Pusat pemprosesan ini berperanan melaksanakan aktiviti memproses buah-buahan segar terpilih untuk dijadikan sebagai produk sejuk beku ataupun produk pemprosesan. Sehingga kini terdapat 13 buah Pusat Pemprosesan Buah-buahan Segar FAMA di seluruh negara. Bagi tujuan peningkatan imej produk makanan di pasaran, FAMA turut menaiktaraf pusat pemprosesan ke arah *Good Manufacturing Practice* (GMP) selaras dengan keperluan semasa dengan mematuhi standard yang ditetapkan.

Sehingga tahun 2020, sebanyak lapan buah Pusat Pemprosesan Buah-buahan Segar FAMA telah mendapat pensijilan GMP. Sehingga 31 Disember 2020, pusat-pusat ini telah mengendalikan hasilan segar sebanyak 300 MT (2019: 302 MT) yang bernilai RM1.20 juta (2019: RM1.19 juta). Antara komoditi-komoditi yang diproses adalah durian, nangka dan jagung.

FAMA Fresh Fruit Processing Centre Towards Accreditation of Good Manufacturing Practices (GMP) and Halal Certification

The food processing sector was also affected due to difficulties in obtaining a steady supply of raw materials, especially local raw materials. Nevertheless, in situations where the fresh market was experiencing a change in purchasing patterns, the processing sector was seen as an alternative to reduce losses and wastage in the marketing of fresh agricultural produce.

As such, FAMA played a role in efforts to tackle this problem by providing supply matching and also setting up fruit processing centres. These centres are selected in areas with high fruit production capacity supported by special demand from the state administration. The role of these processing centres is to process selected fresh fruits to be used as frozen products or minimally processed products. To date, there are 13 FAMA Fresh Fruit Processing Centres throughout the country. In further enhancing the image of food products in the market through these centres, FAMA also upgraded the processing centres towards Good Manufacturing Practices (GMP) in line with current needs by complying with the set standards.

As of 2020, a total of eight FAMA Fresh Fruit Processing Centres had obtained GMP certification. During period ending 31 December 2020, these centres handled 300 MT (2019: 302 MT) of fresh produce worth RM1.20 million (2019: RM1.19 million). Among the processed products were durian, jackfruit and corn.

Rajah 14: Lokasi Pusat Pemprosesan Buah-buahan Segar FAMA Bertaraf GMP
Figure 14: Location of FAMA Fresh Fruit Processing Centres with GMP Status





Pemprosesan buah durian untuk dijadikan isi durian di Pusat Pemprosesan Buah-buahan Segar FAMA bertaraf GMP di Chui Cak, Perak

Processing of durians into durian pulp at FAMA Fresh Fruit Processing Centre with GMP status at Chui Cak, Perak



Aktiviti menimbang ulas durian di Pusat Pemprosesan Buah-buahan Segar FAMA bertaraf GMP di Sg Petani, Kedah

Durian arils weighing activity at the FAMA Fresh Fruit Processing Centre with GMP status in Sg Petani, Kedah

Usaha ke arah penarafan pensijilan GMP pusat-pusat pemprosesan buah-buahan segar terpilih FAMA adalah dilakukan mengikut keperluan. Daripada 13 buah pusat yang terpilih sebanyak 10 buah pusat pemprosesan menjalankan aktiviti memproses buah durian untuk dijadikan produk pes isi durian sejuk beku, dua buah pusat memproses nangka manakala sebuah pusat pemprosesan yang menjalankan aktiviti memproses jagung.

Efforts towards GMP certification ratings of selected FAMA fresh fruit processing centres are being made according to requirements. Of the 13 selected centres, 10 processing centres carried out activities related to durian fruit processing into frozen durian paste products, two were involved in jackfruit processing while one carried out corn processing.

Di samping itu, FAMA turut menyediakan kemudahan fasiliti dan kelengkapan peralatan yang memenuhi standard pensijilan GMP kepada pihak usahawan dan swasta yang berhasrat untuk menyewa di pusat pemprosesan buah-buahan segar FAMA. Pada tahun 2020, sebanyak dua pusat pemprosesan buah-buahan segar FAMA telah disewakan kepada usahawan. Pemantauan dan pemeriksaan secara berkala terhadap pematuhan pensijilan dibuat mengikut SOP yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kecuaian dan kerosakan ke atas produk pemprosesan yang dihasilkan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

In addition, FAMA also provided facilities and equipment that met GMP certification standards to entrepreneurs and the private sector that wished to rent at FAMA fresh fruit processing centres. So far two FAMA fresh fruit processing centres have been leased by entrepreneurs in 2020. Periodic monitoring and inspection in compliance to certification is done in accordance with the SOPs set to prevent any negligence and damage to the processed products that are produced and ensure food safety is maintained.

Permintaan pasaran global terhadap produk proses sejuk beku seperti durian pes, ulas (*pulp*) atau produk mudah-sedia (*ready-to-eat*) yang tinggi memerlukan kesiapsiagaan pemain industri. Secara tidak langsung isu lambakan buah-buahan bermusim dapat dikawal.

The high global market demand for frozen processed products such as durian paste, pulp or ready-to-eat products requires the readiness of industry players. Indirectly, the issue of seasonal fruit dumping will be controlled.

Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF)

Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF) merupakan fasiliti kilang milik FAMA yang dibangunkan bagi memberi nilai tambah kepada produk keluaran pertanian. Inisiatif ini memberi peluang kepada pembangunan produk hiliran tempatan dengan mempersiapkan usahawan ke pasaran yang lebih jauh melalui penghasilan produk kilang yang memiliki pensijilan seperti *Good Manufacturing Practice* (GMP), HALAL dan *Hazard Analysis Critical and Control Points* (HACCP).

FAMA Food Processing Centres (PMMF)

FAMA Food Processing Centres are FAMA-owned factory facilities that have been developed to add value to agricultural produce. This initiative provides an opportunity for the development of local downstream products to enable entrepreneurs to market their products at a higher level through factory production that meets certifications such as Good Manufacturing Practice (GMP), HALAL and Hazard Analysis Critical and Control Points (HACCP).

Jadual 11: Lokasi Pusat Memproses Makanan FAMA
Table 11: Location of FAMA Food Processing Centres

LOKASI *LOCATION*	PRODUK *PRODUCTS*	PENSIJILAN *CERTIFICATION*		
		GMP	HALAL	HACCP
Pusat Memproses Makanan FAMA, Rengit, Johor *FAMA Food Processing Centre, Rengit, Johor*	Seri kaya, jem buah-buahan, minuman RTD, pes makanan kordial sirap/roselle *Coconut spread, fruit jam, RTD drinks, food pastes, syrup/roselle cordial*	/	/	/
Pusat Memproses Makanan FAMA, Banting, Selangor (Kilang Kopi) *FAMA Food Processing Centre, Banting, Selangor (Coffee Factory)*	Serbuk kopi campuran *Mixed coffee powder*	/	/	
Pusat Memproses Makanan FAMA, Kuala Selangor, Selangor *FAMA Food Processing Centre, Kuala Selangor, Selangor*	Tepung berempah serbaguna, cip ubi kayu, santan *All-purpose spiced flour, tapioca chips, coconut milk*	/	/	
Pusat Memproses Makanan FAMA, Kuala Nerang, Kedah (Rumah Madu) *FAMA Food Processing Centre, Kuala Nerang, Kedah (House of Honey)*	Madu *Honey*	/	/	

Melalui projek pengukuhan pusat pemprosesan agromakanan yang berakreditasi dan halal, beberapa penambahbaikan telah dilakukan meliputi kerja menaiktaraf infra, menambahbaik peralatan sedia ada serta pembelian mesin bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran kilang untuk memenuhi permintaan pasaran.

Through the project to strengthen accredited and halal agro-food processing centres, several improvements have been made including upgrading infrastructure, improving existing equipment as well as purchasing machinery to increase factory production capacity to meet market demand.

Pada tahun 2020, PMMF Rengit telah mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 248 MT melibatkan produk seperti kaya madu, jem, kordial, sirap, RTD, roselle dan pes masakan. Selain itu, PMMF Rengit juga telah menyediakan perkhidmatan belian hasil pertanian seperti roselle, nanas, belimbing dan kelapa bagi membantu petani yang mengalami masalah pasaran. Manakala PMMF Kuala Selangor mencatatkan purata pengeluaran sehingga 1 MT/bulan bagi produk seperti tepung berempah serbaguna, cip ubi kayu, santan dan produk hasil pengisaran.

In 2020, PMMF Rengit recorded a total production of 248 MT involving products such as coconut spread with honey, jam, cordials, syrups, RTD, roselle and cooking paste. In fact, PMMF Rengit had also provided purchasing services for agricultural products such as roselle, pineapples, starfruits and coconuts to help farmers who were having market problems. Meanwhile, PMMF Kuala Selangor recorded an average production of up to 1 MT per month for products such as multi-purpose spicy flour, cassava chips, coconut milk and milled products.

Selain itu, PMMF juga menawarkan program kontrak pengilangan bagi membantu usahawan yang tidak memiliki premis pemprosesan untuk mengeluarkan produk makanan di bawah jenama mereka sendiri. Perkhidmatan ini memberi kelebihan kepada produk yang dihasilkan oleh usahawan terjamin dari segi kualiti serta mematuhi perundangan makanan sekaligus membantu menjana ekonomi usahawan tempatan.

In addition, the PMMFs also offered contract manufacturing programmes to assist entrepreneurs who did not own processing premises to produce food products under their own brands. This service gave an advantage to the products of entrepreneurs who are guaranteed in terms of quality and compliance with food legislation while helping to generate the economy of local entrepreneurs.





Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF) Kuala Nerang, Kedah
FAMA Food Processing Centre (PMMF) Kuala Nerang, Kedah





Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF) Banting, Selangor
FAMA Food Processing Centre (PMMF) Banting, Selangor

Pembangunan Kualiti Produk Agromakanan

FAMA melalui projek pembangunan keupayaan pemasar dan kualiti produk makanan berusaha untuk terus membantu usahawan kekal kompetitif dalam pasaran dengan kaedah menambahbaik pelabelan dan pembungkusan produk selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan. Pelaksanaan projek ini melibatkan:

Agro-Food Product Quality Development

FAMA through its marketer capacity development and food product quality project strives to further help entrepreneurs remain competitive in the market by improving product labelling and packaging methods in line with established regulations. The implementation of this project involves:

- Analisa Produk, Rekabentuk Pelabelan dan Cetakan Pertama
  Product Analysis, Label Design and First Printing
- Rekabentuk Mould Pembungkusan dan Cetakan Pertama
  Packaging Mould Design and First Printing
- Mesin Sokongan Pemasaran
  Marketing Support Machines
- Penjenamaan (MyIPO)
  Branding (MyIPO)

Rajah 15: Bilangan Usahawan yang Telah Menerima Faedah bagi Bantuan Peningkatan Imej pada Tahun 2020
Figure 15: Number of Entrepreneurs Who Received Benefits for Image Enhancement Assistance in 2020

80	13	10	14
ANALISA PRODUK, REKABENTUK PELABELAN DAN CETAKAN PERTAMA *PRODUCT ANALYSIS, LABEL DESIGN AND FIRST PRINTING*	**REKABENTUK MOULD PEMBUNGKUSAN DAN CETAKAN PERTAMA** *PACKAGING MOULD DESIGN AND FIRST PRINTING*	**MESIN SOKONGAN PEMASARAN** *MARKETING SUPPORT MACHINES*	**PENJENAMAAN (MYIPO)** *BRANDING (MYIPO)*

Peningkatan imej mampu membantu sesuatu produk itu untuk terus kekal dan berdaya saing di pasaran. Produk juga telah berupaya menembusi pasaraya dan menonjolkan imej lebih menarik apabila dijual di platform digital.

Image enhancement can sustain and help a product to be competitive in the market. Products are also able to penetrate supermarkets and highlight more attractive images when sold on digital platforms.

Analisa Produk, Rekabentuk dan Cetakan Pertama ***Product Analysis, Design and First Printing***

Nama Usahawan *Entrepreneur Name* : Nur Dlicious Enterprise
Produk & Jenama *Product & Brand* : Durian Crepe (Nur Dlicius)



Nama Usahawan *Entrepreneur Name* : Norazlina Binti Mohamed
Produk & Jenama *Product & Brand* : Kuih Kapit Gulung



Melalui perkhidmatan ini, usahawan dapat menjimatkan kos merekabentuk pelabelan produk dan dapat memberi tumpuan pada aspek mempromosikan jenama produk. Jenama produk usahawan bukan sahaja dikenali oleh pengguna malah meyakinkan pengedar untuk mengedarkan produk yang telah mematuhi peraturan pelabelan, mempunyai maklumat lengkap serta menampilkan imej lebih menarik. Rekabentuk yang telah ditambahbaik menjadi satu daya tarikan serta membolehkan usahawan menonjolkan keunikan produk di platform digital. Penambahbaikan ini juga merupakan satu langkah awal jenama usahawan untuk berkembang ke peringkat pensijilan lebih tinggi seperti Halal dan HACCP.

Through this service, entrepreneurs can save the cost of designing label products and instead focus on aspects of promoting the product brand. The entrepreneur's product brand is not only known by consumers but also convinces distributors to distribute products that have complied with labelling regulations, have complete information and display a more attractive image. The improved design is an attraction and allows entrepreneurs to highlight the uniqueness of the product on the digital platform. This improvement is also an initial step for the entrepreneur's brand to grow to higher certification levels such as Halal and HACCP.

Bagi pembangunan produk *Signature* negeri, sebanyak lima *Stock Keeping Unit* (SKU) produk usahawan telah dipilih dan dibangunkan melalui konsep *endorsement brand* iaitu Sirap Gula Melaka (Melaka), Tempoyak Cili Pedas (Pahang), Madu Tualang Tasik Pedu (Kedah), Biskut Kelapa (Perak) dan Keropok Amplang (Sabah). Konsep ini memberi peluang kepada produk keluaran usahawan yang melambangkan identiti sesebuah negeri dibangunkan dari aspek pelabelan dan pembungkusan. Produk ini seterusnya akan dijenamakan di bawah AgroMas.

For the development of state Signature products, a total of five Stock Keeping Units (SKUs) of entrepreneur products have been selected and developed through the concept of endorsement brand, namely Palm Sugar Syrup (Melaka), Spicy Chilli Fermented Durian (Pahang), Tasik Pedu Tualang Honey (Kedah), Coconut Biscuits (Perak) and Amplang Crackers (Sabah). This concept provides an opportunity for entrepreneurs' products that symbolise the identity of a state to be developed from the aspect of labeling and packaging. This product will in turn be branded under AgroMas.

Pembangunan Produk AgroMas

AgroMas merupakan jenama nasional di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang dibangunkan oleh FAMA. FAMA memainkan peranan utama membangunkan produk serta jenama AgroMas agar terus berkembang, menjadi pilihan pengguna dan dalam masa yang sama membantu produk keluaran usahawan tempatan.

Pada tahun 2020, sebanyak lima *Stock Keeping Unit* (SKU) telah dibangunkan di bawah jenama AgroMas menjadikan jumlah keseluruhan adalah 107 SKU. Lima produk baharu ini adalah *Mini Crackers* (Tomato), *Mini Crackers* (*Hot & Spicy*), *Mini Crackers* (*Onion & Sour Cream*), *Instant Noodles* (Soto) dan *Instant Noodles* (*Chicken*). Lima SKU baharu ini telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM20,719.00 pada tahun 2020. Prestasi yang positif ini didorong oleh keunikan perisa setiap produk yang memenuhi citarasa rakyat Malaysia, harga yang berpatutan dan mematuhi kualiti yang telah ditetapkan.

AgroMas Product Development

AgroMas is a national brand under the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) developed by FAMA. In this regard, FAMA plays a key role in developing AgroMas products and brands to continue to grow, become the choice of consumers and at the same time, help the products of local entrepreneurs.

In 2020, a total of five Stock Keeping Units (SKUs) were developed under the AgroMas brand bringing the total to 107 SKUs. The five new products were Mini Crackers (Tomato), Mini Crackers (Hot & Spicy), Mini Crackers (Onion & Sour Cream), Instant Noodles (Soto) and Instant Noodles (Chicken). These five new SKUs recorded a sales value of RM20,719.00 in 2020. This positive performance is driven by the unique flavours of each product that meet the tastes of Malaysians, reasonable prices and adherence to the quality that has been set.



AgroMas Mi Segera Soto Muar
AgroMas Muar Soto Instant Noodles



AgroMas Mi Segera Sup Ayam Utara
AgroMas North Chicken Soup Instant Noodles



AgroMas *Mini Crackers*
(Tomato)



AgroMas *Mini Crackers*
(*Hot & Spicy*)



AgroMas *Mini Crackers*
(*Onion & Sour Cream*)

Penyediaan produk yang memenuhi keperluan pasaran seperti bentuk pembungkusan yang sesuai dan menarik, pelabelan dengan sumber nutrisi memenuhi peraturan yang ditetapkan serta penjenamaan merupakan antara perkhidmatan FAMA kepada usahawan. Perkhidmatan ini bagi membolehkan produk-produk usahawan bersedia untuk memasuki segmen pasaran peruncitan.

Products that meet the needs of the market such as appropriate and attractive forms of packaging, labeling with nutritional sources that meet the regulations and branding are among FAMA's services to entrepreneurs. This service is to enable the entrepreneurs' products to be ready to enter the retail market segment.

PERUNCITAN
RETAILING

Segmen peruncitan menjadi fokus FAMA bagi mengurangkan lapisan dalam pasaran. Kaedah penyediaan outlet runcit memberi akses kepada pengeluar terus kepada pengguna. Program Pasar Tani, *MyFarm Outlet* (MFO), Agro Bazaar R&R, Medan *Food Truck* FAMA merupakan outlet peruncitan yang mana penyediaan infrastruktur dan lokasinya dibangunkan oleh FAMA.

Manakala Program transformasi outlet peruncitan merupakan program kerjasama strategik antara FAMA dengan usahawan. Karavan Tani, Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), Agrobazaar Rakyat (ABR) dan Agrobazaar K-Shoppe merupakan outlet peruncitan milik usahawan dan FAMA memberikan perkhidmatan dengan menaiktaraf imej, menyokong usahawan melalui program galakan jualan dan pemberian insentif berbentuk peralatan. Selain itu, FAMA turut melaksanakan aktiviti pemantapan kapasiti usahawan melalui kursus-kursus dan bengkel-bengkel bagi menerapkan ilmu keusahawanan di samping membantu meningkatkan pendapatan.

Bagi memastikan usahawan peruncitan seiring dengan perkembangan pemasaran semasa, FAMA telah menggalakkan usahawan menerapkan strategi pemasaran *omni-channel* . Strategi di mana integrasi outlet fizikal dengan platform atas talian bagi meningkatkan jualan.

FAMA places emphasis on the retail segment to reduce the middle layers in the market. The method of organisation of retail outlets gives producers direct access to the consumers. Farmers' Market Programme, MyFarm Outlet (MFO), Agro Bazaar R&R, and FAMA Food Truck Parks are all retail outlets where the provision of infrastructure and location is developed by FAMA.

Meanwhile, the retail outlet transformation programme is a strategic cooperation programme between FAMA and entrepreneurs. Agro Caravans, Fresh Fruit Stalls (GBBS), Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), Agrobazaar Rakyat (ABR) and Agrobazaar K-Shoppe are retail outlets owned by entrepreneurs where FAMA provides services by upgrading the image, supporting entrepreneurs through sales incentive programmes and providing incentives in the form of equipment. Apart from that, FAMA also implements activities to strengthen the capacity of entrepreneurs through courses and workshops to apply entrepreneurship knowledge as well as help increase incomes.

To ensure retail entrepreneurs in line with current marketing developments, FAMA has encouraged entrepreneurs to adopt omni-channel marketing strategies. Through these strategies, physical outlets are integrated with online platforms to increase sales.

Pasar Tani

Pasar Tani telah diperkenalkan pada tahun 1985 dan menjadi medan pertemuan pengeluar dan pengguna sejak berdekad lalu. Pasar Tani berperanan menyediakan ruang pasaran bersifat sementara atau tidak kekal bagi memberi peluang kepada pengeluar dan usahawan pemasar menjual hasil keluaran secara terus kepada pengguna.

Kini, Pasar Tani telah memasuki fasa transformasi, inovasi dan digital. Elemen transformasi, inovasi dan era digital telah menjadi tumpuan FAMA pada fasa ini. Keutamaan lebih diberi ke arah penambahbaikan dan pengukuhan Pasar Tani agar Pasar Tani mendapat suntikan imej baru selaras dengan perkembangan era digital. Sehubungan itu, penambahbaikan pengurusan Pasar Tani telah dilaksanakan secara berperingkat dengan menerapkan elemen siber dan digital seperti kod QR, Transaksi Tanpa Tunai (NirTunai), *e-billing* dan e-dagang. Selain itu, usahawan diberikan latihan dan kursus keusahawanan dari semasa ke semasa seiring dengan perubahan semasa bagi memastikan mereka dapat terus bersaing dalam pasaran.

Farmers' Markets

Farmers' Markets were introduced in 1985 and have been a meeting place for consumers and producers for decades. The role of Farmers' Markets is to provide temporary or non-permanent market space to provide opportunities for producers and entrepreneurs to sell their products directly to consumers.

Farmers' Markets have now entered the transformation, innovation and digital phase. Elements of transformation, innovation and the digital era have been the focus of FAMA in this phase. Priority is given to the improvement and strengthening of Farmers' Markets so that they get a new image in line with the development of the digital era. In this regard, the improvement of the management of Farmers' Markets has been implemented in stages by implementing cyber and digital elements such as QR Codes, Cashless Transactions (NirTunai), e-billing and e-commerce. In addition, entrepreneurs are given training and entrepreneurship courses from time-to-time in line with current changes to ensure that they can continue to compete in the market.

Secara keseluruhan, pada tahun 2020 terdapat sebanyak 302 buah pasar tani dengan jumlah peserta 12,844 orang. Nilai jualan bagi empat belas negeri adalah RM217.15 juta di mana Selangor telah mencatatkan nilai jualan paling tinggi iaitu RM56.26 juta manakala negeri Pulau Pinang telah mencatatkan nilai jualan paling rendah iaitu sebanyak RM2.08 juta. Terdapat penurunan jualan sebanyak RM672.16 juta iaitu bersamaan 75 peratus berbanding dengan tahun 2019 disebabkan faktor penutupan Pasar Tani akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

In total, there were 302 Farmers' Markets in 2020, with a total of 12,844 participants. The sales value for 14 states was RM217.15 million where Selangor recorded the highest sales value of RM56.26 million while the State of Penang recorded the lowest sales value of RM 2.08 million. There was a decrease in sales of RM672.16 million, which is equivalent to 75 percent compared to 2019 due to the closure of Farmers' Markets as a result of the Movement Control Order (MCO).

Rajah 16: Perbandingan Nilai Jualan Pasar Tani bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 16: Comparison of Farmers' Market Sales Value for 2019 and 2020



2019	23,257	81,622	12,723	52,403	203,78	87,815	46,315	12,973	107,44	73,583	115,74	34,258	25,727	11,647
2020	3,364	15,853	2,084	18,622	56,263	16,493	14,708	5,221	29,482	14,615	13,261	13,787	7,638	5,748





Suasana di Pasar Tani Tapah yang beroperasi setiap hari Ahad di tapak parkir Masjid Sultan Nazrin Muizzudin Shah, Tapah
The atmosphere at the Tapah Farmers' Market which operates every Sunday at the parking lot of the Sultan Nazrin Muizzudin Shah Mosque, Tapah

MyFarm Outlet (MFO)

MyFarm Outlet (MFO) dibangunkan di lokasi terpilih yang bertujuan mengurangkan bebanan kos sara hidup terutamanya di kawasan bandar dan pinggir bandar. MFO telah memainkan peranan yang sangat besar dalam memastikan rantaian bekalan makanan sentiasa ada untuk rakyat Malaysia semasa PKP dilaksanakan. Nilai jualan di MFO telah meningkat secara mendadak berbanding tahun sebelumnya disebabkan kebanyakan kedai atau pasar tidak dapat beroperasi dan pergerakan dihadkan.

MyFarm Outlet (MFO)

MyFarm Outlets (MFOs) are developed in selected locations with the aim of reducing the cost of living burden, especially in urban and suburban areas. MFOs have played a huge role in ensuring that the food supply chain is always available to Malaysians during the implementation of the MCO. The sales value at MFOs increased sharply over the previous year as most stores or markets were unable to operate and movements were restricted.

MFO telah mencatat bilangan sebanyak enam buah dengan jumlah peserta 116 orang. Nilai jualan bagi enam buah MFO sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak RM36.38 juta. MFO Putrajaya telah mencatatkan nilai jualan paling tinggi iaitu RM14.17 juta manakala MFO Simpang Empat, Perlis telah mencatatkan nilai jualan paling rendah iaitu sebanyak RM405,000.

There were six MFOs with a total of 116 participants. The sales value of these six MFOs during 2020 was RM36.38 million. The Putrajaya MFO recorded the highest sales value of RM14.17 million while Simpang Empat MFO, Perlis recorded the lowest sales value of RM405,000.

Rajah 17: Pencapaian Projek MFO bagi Tahun 2020
Figure 17: MFO Project Achievements in 2020



	MFO Putrajaya	MFO Manjung	MFO RTC Kelantan	MFO Simpang Empat, Perlis	MFO Kuala Kedah	MFO Chendering Terengganu	MFO Selekoh Bagan Datok, Perak
2020	14,170,457.89	0.00	10,460,896.00	405,422.50	3,633,021.60	4,771,441.20	2,939,751.90
2019	10,492,587.99	91,59.390	15,089,372.00	2,018,420.00	3,858,624.00	6,516,970.00	2,047,307.00



Aktiviti operasi di *MyFarm Outlet* Simpang Empat, Perlis
Operating activities at MyFarm Outlet Simpang Empat, Perlis

Agro Bazaar R&R

Kompleks Agro Bazaar R&R merupakan premis milik FAMA yang dibangunkan sebagai pusat pemasaran dan promosi produk Industri Asas Tani (IAT) serta hasil lain berasaskan pertanian. Agro Bazaar berperanan sebagai *one stop centre* dan *flagship* kepada pengguna untuk mendapatkan produk proses IAT dan buah-buahan tempatan. Selain itu, kompleks ini turut menawarkan jualan makanan popular setempat sebagai daya tarikan pengunjung untuk singgah ke R&R FAMA.

Jadual 12 mencatatkan pencapaian terkumpul bilangan usahawan sebanyak 78 orang meliputi lima buah Agro Bazaar R&R FAMA.

Agro Bazaar R&R

The Agro Bazaar R&R Complexes are premises owned by FAMA, which are developed as marketing, and promotion centres for Agro-based Industry products and other agricultural-based products. Agro Bazaar serves as a one-stop centre and flagship for consumers to obtain agro-based industry processed products and local fruits. In addition, the complex also offers the sale of popular local food as an attraction for visitors to stop by the FAMA R&R.

The cumulative number of entrepreneurs was 78 covering five FAMA Agro Bazaar R&R as shown in ***Table 12****.*

Jadual 12: Bilangan Usahawan Agro Bazaar R&R FAMA Terkumpul mengikut Negeri sehingga Tahun 2020
Table 12: Cumulative Number of FAMA Agro Bazaar R&R Entrepreneurs by State up to 2020

BIL. *NO.*	AGRO BAZAAR R&R	BIL. USAHAWAN *NO. OF ENTREPRENEURS*
1	Pagoh, Johor / *Johor*	12
2	Pekan, Pahang / *Pahang*	14
3	Tapah, Perak / *Perak*	6
4	Sandakan, Sabah / *Sabah*	32
5	Kuala Selangor, Selangor / *Selangor*	14
Jumlah Bil. Usahawan / ***Total No. of Entrepreneurs***		**78**

Nilai jualan Agro Bazaar R&R FAMA mencatatkan penurunan sebanyak 37.17 peratus kepada RM3.82 juta berbanding RM6.08 juta pada tahun 2019 (**Rajah 18**).

*The sales value of FAMA Agro Bazaar R&R recorded a decrease of 37.17 percent to RM3.82 million compared to RM6.08 million in 2019 (**Figure 18**).*

Rajah 18: Perbandingan Nilai Jualan Agro Bazaar R&R bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 18: Comparison of Agro Bazaar R&R Sales Value for 2019 and 2020



Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR)

Projek Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) mula dilaksanakan pada Jun 2009 dan ianya merupakan premis runcit milik usahawan sedia ada yang dinaiktaraf berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. AKR memberi keutamaan lokasi di luar bandar sebagai tempat mengumpul, membeli dan menjual hasil pertanian yang diusahakan oleh pengeluar kecil dan penduduk kampung. Selain itu, AKR juga menawarkan harga yang berpatutan bagi barangan keperluan harian kepada pengguna.

Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR)

The Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) project was first implemented in June 2009 and they are retail premises owned by existing entrepreneurs that have been upgraded based on the criteria that have been set. AKR gives priority to rural locations as a place to collect, buy and sell agricultural products cultivated by small producers and villagers. In addition, AKR also offers affordable prices for daily necessities to consumers.

Sebanyak 15 premis runcit milik usahawan telah dinaik taraf kepada AKR berbanding 14 premis yang disasarkan. Bilangan keseluruhan usahawan terkumpul dari tahun 2009 hingga 2020 adalah sebanyak 334 dan pecahan usahawan mengikut negeri adalah seperti di **Rajah 19**.

*A total of 15 retail premises owned by entrepreneurs were upgraded to AKR compared to the target of 14. The total number of entrepreneurs from 2009 to 2020 was 334 and the breakdown of entrepreneurs by state is as shown in **Figure 19**.*

Rajah 19: Bilangan Usahawan AKR Terkumpul mengikut Negeri sehingga Tahun 2020
Figure 19: Cumulative Number of AKR Entrepreneurs by State as of 2020



Peningkatan bilangan AKR baru pada tahun 2020 berbanding 2019 disumbangkan oleh penjimatan yang dilakukan terhadap perbelanjaan dana pembangunan membolehkan lebihan dana diagihkan kepada lebih banyak usahawan dalam bentuk insentif peralatan. Namun jumlah nilai jualan mencatatkan penurunan sebanyak 2.39 peratus kepada RM216.94 juta berbanding RM222.26 juta pada 2019 (**Rajah 20**).

*The increase in the number of new AKRs in 2020 compared to 2019 was contributed by savings made on development fund expenditure enabling surplus funds to be distributed to more entrepreneurs in the form of equipment incentives. However, total sales value recorded a decrease of 2.39 percent to RM216.94 million compared to RM222.26 million in 2019 (**Figure 20**).*

Rajah 20: Perbandingan Nilai Jualan AKR bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 20: Comparison of AKR Sales Value for 2019 and 2020







Outlet Agrobazaar Kedai Rakyat milik Syarikat Teras Saksama Enterprise di Bukit Kuang, Kemaman, Terengganu
Kedai Rakyat Agrobazaar Outlet owned by Teras Saksama Enterprise Company in Bukit Kuang, Kemaman, Terengganu

Agrobazaar Rakyat (ABR)

Agrobazaar Rakyat (ABR) merupakan projek menaik taraf premis runcit milik usahawan sedia ada dan premis jualan runcit milik jabatan/agensi di bawah MAFI yang dilaksanakan bermula tahun 2015. Projek ini berperanan menjual hasil pertanian terus dari sumber pengeluaran kepada pengguna. Pelaksanaan projek ini lebih tertumpu di kawasan bandar dan pinggir bandar. Ini berbeza dengan projek AKR yang memberi tumpuan di kawasan pinggir dan luar bandar.

Pada tahun 2020, sebanyak 20 premis runcit milik usahawan telah dinaik taraf kepada ABR di bawah FAMA melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 14 premis. Bilangan keseluruhan usahawan terkumpul yang telah dibangunkan oleh FAMA dari tahun 2016 hingga 2020 adalah sebanyak 149 dan pecahan usahawan mengikut negeri adalah seperti di **Rajah 21**.

Agrobazaar Rakyat (ABR)

Agrobazaar Rakyat (ABR) is a project that was implemented beginning in 2015 to upgrade retail premises owned by existing entrepreneurs and retail sales premises owned by departments/agencies under MAFI. This project has the role of selling agricultural products directly from production sources to consumers. The implementation of this project is more concentrated in urban and suburban areas. This is in contrast to the AKR project that focuses on suburban and rural areas.

*In 2020, a total of 20 retail premises owned by entrepreneurs were upgraded to ABR under FAMA. This exceeded the target of 14 premises. The total number of entrepreneurs developed by FAMA from 2016 to 2020 was 149 and the breakdown of entrepreneurs by state is as shown in **Figure 21**.*

Rajah 21: Bilangan Usahawan ABR Terkumpul mengikut Negeri sehingga Tahun 2020
Figure 21: Total Number of ABR Entrepreneurs by State as of 2020



Dari segi nilai jualan, ABR mencatatkan peningkatan sebanyak 10.50 peratus kepada RM243.78 juta berbanding RM220.61 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan nilai jualan ini disumbangkan oleh penutupan kedai runcit yang berhampiran yang menjadikan ABR sebagai keutamaan pengguna mendapatkan barangan keperluan asas (**Rajah 22**).

*In terms of sales value, ABR recorded an increase of 10.50 percent to RM243.78 million compared to RM220.61 million in the previous year. This increase in sales value was contributed by the closure of nearby grocery stores which made ABR a consumer priority for obtaining basic necessities (**Figure 22**).*

Rajah 22: Perbandingan Nilai Jualan ABR bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 22: Comparison of ABR Sales Value for 2019 and 2020



Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS)

Projek Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) dilaksanakan bertujuan mewujudkan imej korporat rangkaian projek yang seragam di seluruh negara. GBBS merupakan premis buah-buahan milik usahawan yang dinaik taraf atau dibangunkan oleh FAMA. Menerusi projek yang bermula sejak April 2006, telah membuka luang pasaran kepada kumpulan sasar untuk menjual buah-buahan tempatan dan hasil pertanian secara terus dari ladang kepada pengguna.

GBBS dibangunkan sebagai pasaran alternatif kepada pengguna untuk mendapatkan buah-buahan tempatan di samping membantu petani-petani dalam mengatasi masalah pemasaran buah-buahan bermusim. Pada tahun 2020, sebanyak 28 gerai buah-buahan milik usahawan telah dinaik taraf kepada GBBS. Bilangan keseluruhan usahawan terkumpul dari tahun 2006 hingga 2020 adalah sebanyak 294 dan pecahan usahawan mengikut negeri adalah seperti di **Rajah 23**. Namun secara keseluruhan, mencatatkan penurunan nilai jualan sebanyak 35.37 peratus kepada RM82.4 juta berbanding RM127.5 juta pada tahun sebelumnya.

Fresh Fruit Stalls (GBBS)

The Fresh Fruit Stalls (GBBS) project was implemented with the aim of creating a uniform corporate image of the project network throughout the country. GBBS are entrepreneur-owned fruit premises that were upgraded or developed by FAMA. Through this project, which started in April 2006, market opportunities have been opened up for target groups to sell local fruits and agricultural products directly from the farm to consumers.

*GBBS was developed as an alternative market for consumers to obtain local fruits while assisting farmers in overcoming the problem of marketing seasonal fruits. In 2020, a total of 28 fruit stalls owned by entrepreneurs were upgraded to GBBS. The total number of entrepreneurs from 2006 to 2020 was 294 and the breakdown of entrepreneurs by state is as shown in **Figure 23**. However, the overall sales value of GBBS recorded a decrease of 35.37 percent to RM82.4 million compared to RM127.5 million in the previous year.*

Rajah 23 : Bilangan Usahawan GBBS Terkumpul mengikut Negeri sehingga Tahun 2020
Figure 23: Total Number of GBBS Entrepreneurs by State as of 2020



Rajah 24: Perbandingan Nilai Jualan GBBS bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 24: Comparison of GBBS Sales Value for 2019 and 2020







Outlet Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) milik En. Zubaidi bin Afandi di Seberang Perai, Pulau Pinang
Fresh Fruit Stall Outlet (GBBS) owned by En. Zubaidi bin Afandi in Seberang Perai, Penang

Karavan Tani

Konsep baru perkhidmatan pemasaran secara bergerak kepada pengguna dengan produk jualan siap dibungkus, kemas, bersih dan teratur dengan harga yang kompetitif. Ia juga dilihat sebagai model pengurusan penjaja secara bergerak, sistematik, bersih, dan kemas. Konsep yang lebih menarik dan bersih ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan pengguna untuk membeli dan seterusnya meningkatkan pendapatan usahawan.

Karavan Tani telah mencatat peningkatan bilangan terkumpul usahawan seramai 362 orang manakala jumlah nilai jualan bagi 14 negeri adalah sebanyak RM12.91 juta. Nilai tersebut adalah penurunan sebanyak 57.24 peratus berbanding tahun 2019 yang mencatat jualan sebanyak RM22.54 juta. Negeri yang mencatatkan nilai jualan yang tertinggi adalah negeri Perak dengan jumlah kutipan RM1.28 juta manakala negeri Perlis telah mencatatkan nilai jualan paling rendah iaitu sebanyak RM347,000.

Agro-Caravans

Agro-Caravans are a new concept of mobile marketing services to consumers with products ready-packaged, neat, clean and orderly, and sold at competitive prices. It is also seen as a hawker management model which is mobile, systematic, clean, and neat. This more attractive and clean concept can indirectly increase consumer confidence to buy and in turn increase the income of entrepreneurs.

Agro-Caravans recorded an increase in the total number of entrepreneurs to 362 while the total sales value for 14 states was RM12.91 million. The value is a decrease of 57.24 percent compared to 2019 which recorded sales of RM22.54 million. The state that recorded the highest sales value was Perak with a total collection of RM1.28 million while Perlis recorded the lowest sales value of RM347,000.



Karavan Tani usahawan bimbingan FAMA yang menjual produk Pisang Goreng Cheese di Medan *Food Truck* Indera Mahkota 2, Kuantan, Pahang
Agro-Caravan entrepreneur under the guidance of FAMA who sells Banana Fritter Cheese products at Medan Food Truck Indera Mahkota 2, Kuantan, Pahang

Rajah 25: Perbandingan Nilai Jualan Karavan Tani bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 25: Comparison of Agro-Caravan Sales Value for 2019 and 2020



Medan *Food Truck*

Merupakan satu kawasan khas yang diuruskan oleh pihak FAMA atau kerjasama bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan persatuan karavan setempat untuk menjalankan aktiviti jualan makanan dan minuman pada hari dan tempoh masa tertentu. Kemudahan peralatan seperti kerusi dan meja makan serta lain-lain kemudahan asas untuk pengunjung turut disediakan. Selain usahawan Karavan Tani FAMA, peserta karavan persendirian juga diberikan peluang untuk berniaga di kawasan Medan *Food Truck* FAMA.

Medan *Food Truck* FAMA mula dilaksanakan pada tahun 2019. Projek ini telah mencatat bilangan 70 orang usahawan di sembilan lokasi kawasan Medan *Food Truck* FAMA yang melibatkan lapan negeri dengan nilai jualan terkumpul pada tahun 2020 sebanyak RM1.45 juta. Negeri yang mencatatkan nilai jualan yang tertinggi adalah negeri Kelantan, dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM408,000 manakala negeri Kedah adalah yang terendah dengan nilai jualan RM2,493.

Food Truck Parks

Food Truck Parks are designated areas managed either by FAMA or in collaboration with Local Authorities and local caravan associations to carry out food and beverage sales activities on certain days and periods of time. Equipment facilities such as chairs and dining tables as well as other basic facilities are provided for visitors. Apart from FAMA Agro-Caravan entrepreneurs, private caravan participants are also given the opportunity to do business in the FAMA Food Truck Park area.

FAMA Food Truck Parks were first implemented in 2019. This project recorded a total number of 70 entrepreneurs in nine locations of FAMA Food Truck Parks involving eight states with a cumulative sales value in 2020 of RM1.45 million. The state that recorded the highest sales value was Kelantan, with a total sales value of RM408,000 while Kedah was the lowest with a sales value of RM2,493.

Rajah 26: Perbandingan Nilai Jualan Medan *Food Truck* FAMA bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 26: Comparison of FAMA Food Truck Park Sales Value in 2019 and 2020







Medan *Food Truck* di Jalan Datin Halimah, Johor Bahru yang beroperasi setiap hari Jumaat dan Sabtu
Food Truck Park in Jalan Datin Halimah, Johor Bahru which operates every Friday and Saturday

Agrobazaar K-Shoppe

Pemasaran produk IAT menerusi outlet peruncitan serta mempelbagaikan produk berasaskan hasil keluaran pertanian masih relevan dan sentiasa ada ruang penambahbaikan. Agrobazaar K-Shoppe merupakan satu inisiatif bagi mewujudkan luang pasaran alternatif kepada usahawan PKS untuk memasarkan produk di samping menjadi tempat bagi pengguna mendapatkan produk industri makanan pada harga yang berpatutan.

Pada tahun 2020, sebanyak 28 buah K-Shoppe baharu telah diwujudkan dan 30 buah telah dinaiktaraf. Jumlah keseluruhan K-Shoppe adalah 240 buah dengan nilai jualan mencecah RM97.7 juta. Seramai 4,265 usahawan IKS tempatan telah berjaya dibantu bagi memasarkan produk keluaran mereka.

FAMA turut membantu usahawan Agrobazaar K-Shoppe untuk memasarkan produk serta meluaskan perniagaan mereka melalui aktiviti promosi di platform media sosial dan e-dagang. Inisiatif ini juga membolehkan usahawan K-Shoppe mengembangkan urusniaga atas talian selain daripada jualan langsung di outlet.

Agrobazaar K-Shoppe

Marketing agro-based industry products through retail outlets as well as diversifying products based on agriculture are still relevant and there is always room for improvement. Agrobazaar K-Shoppe is an initiative to create alternative market opportunities for SME entrepreneurs to market products as well as a place for consumers to get food industry products at affordable prices.

In 2020, a total of 28 new K-Shoppe outlets were created while 30 were upgraded. The total number of K-Shoppe outlets was 240 with a sales value of RM97.7 million. A total of 4,265 local SME entrepreneurs were successfully assisted to market their products.

FAMA also helped Agrobazaar K-Shoppe entrepreneurs to market their products as well as expand their business through promotional activities on social media and e-commerce platforms. This initiative also allowed K-Shoppe entrepreneurs to grow online transactions in addition to direct sales at outlets.

Jadual 13: Perbandingan Bilangan Agrobazaar K-Shoppe, Usahawan yang Dibantu dan Nilai Jualan Pada Tahun 2019 dan 2020

Table 13: Comparison of the Number of K-Shoppe Agrobazaar and Assisted Entrepreneurs and Sales Value in 2019 and 2020

TAHUN *YEAR*	BILANGAN AGROBAZAAR K-SHOPPE *NUMBER OF AGROBAZAAR K-SHOPPE*	BILANGAN USAHAWAN DIBANTU *NO. OF ENTREPRENEURS ASSISTED*	NILAI JUALAN (RM JUTA) *SALES VALUE (RM MILLION)*
2019	218	4,432	102
2020	240	4,265	97.7



Outlet Agrobazaar K-Shoppe milik En. Nizar bin Ali (Daniz Venture) di Seberang Jaya, Pulau Pinang
Agrobazaar K-Shoppe outlet owned by Mr. Nizar bin Ali (Daniz Venture) in Seberang Jaya, Penang

Agrobazaar Online

Agrobazaar Online kini telah menjangkau usia lima tahun sejak dilancarkan pada 5 Disember 2015 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sempena Sambutan 50 Tahun FAMA di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Agrobazaar Online merupakan platform e-dagang untuk usahawan-usahawan memasarkan produk serta perkhidmatan berasaskan pertanian secara maya kepada usahawan dan juga pengguna.

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan antaranya FAMA dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah membuat hebahan kepada pengguna melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) untuk mendapatkan barangan segar melalui Agrobazaar Online.

Selaras dengan perkembangan teknologi dan peningkatan tren pembelian secara dalam talian, Agrobazaar Online pada tahun 2020 telah mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM2.78 juta berbanding tahun 2019. Pada tempoh 18 Mac hingga 31 Disember 2020 sahaja nilai jualan yang dicatatkan adalah RM2.21 juta yang di sumbangkan oleh nilai jualan produk segar sebanyak RM1.19 juta dan industri asas tani (IAT) sebanyak RM1.02 juta. Sepanjang tempoh tersebut juga, sebanyak 96,622 servis penghantaran telah dijalankan. Bilangan usahawan yang berdaftar adalah seramai 46,128.

Agrobazaar Online

Agrobazaar Online reached a milestone of five years since its inception on 5 December 2015 by the Prime Minister of Malaysia in conjunction with FAMA's 50th Anniversary Celebration at Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Agrobazaar Online is an e-commerce platform for entrepreneurs to market agro-based products and services virtually to entrepreneurs and consumers.

Various initiatives were taken by the government, including FAMA, in collaboration with National Security Council (NSC), to make announcements through Short Messaging Service (SMS) to obtain fresh goods through Agrobazaar Online.

In line with technological developments and the trend of increasing online purchases, Agrobazaar Online in 2020 recorded the highest sales value of RM2.78 million compared to 2019. In the period 18 March to 31 December 2020 alone, the sales value recorded was RM2.21 million contributed by the sales value of fresh products and agro-based industries (IAT) of RM1.19 million and RM1.02 million, respectively. During the period, a total of 96,622 delivery services were made. The number of registered entrepreneurs was 46,128.



Rajah 27: Laporan Jualan Agrobazaar Online Tahun 2020
Figure 27: Agrobazaar Online Sales Report for 2020



Selain itu, FAMA turut mengadakan kerjasama strategik dengan platform e-dagang lain seperti Lazada, Shopee, Foodpanda dan lain-lain bertujuan membuka lebih banyak akses pasaran kepada usahawan dan memudahkan pengguna mendapatkan barangan segar. Di samping itu, FAMA bekerjasama dengan syarikat logistik seperti Pos Malaysia, Lalamove dan lain-lain syarikat logistik tempatan bagi memudahkan urusan pengambilan dan penghantaran bagi penjual dan pembeli. FAMA turut merangka pelbagai program antaranya:

i. Kerjasama dengan Lazada dan Shopee pada April 2020 dan sehingga Disember 2020 telah berjaya mencatatkan nilai jualan RM128,000 dan hampir 258 SKU telah dipasarkan yang meliputi barangan segar dan runcit.
ii. FAMA juga sedang merangka kolaborasi dalam melatih usahawan membangunkan sendiri laman web e-dagang melalui platform Shoppergram.com dan eFAMAplace.

Program ini dilaksanakan bagi membentuk minat golongan usahawan muda dalam menjalankan perniagaan di atas talian melalui objektif berikut:-

i. Meningkatkan penglibatan usahawan/peserta dalam aplikasi online - Agrobazaar Online (ABO). Menggunakan teknologi dan aplikasi kemudahan terkini seperti internet dan media sosial.
ii. Menjana pendapatan tambahan kepada usahawan/peserta di samping berkongsi pengalaman bidang perniagaan.
iii. Menawarkan insentif kepada pengguna dan usahawan.

FAMA also collaborated with other e-commerce platforms such as Lazada, Shopee, Foodpanda, and others with the aim of opening market access to entrepreneurs and making it easier for consumers to get fresh goods. In addition, FAMA also collaborated with logistics companies such as Pos Malaysia, Lalamove and other local logistic companies to facilitate collection and delivery for sellers and buyers. FAMA formulated few programmes such as:

i. FAMA collaborated with Lazada and Shopee in April 2020, and until December 2020 managed to record a sales value of RM128,000 and almost 258 SKUs were marketed covering fresh goods and retail.
ii. FAMA is also planning collaboration in training entrepreneurs to develop their own e-commerce websites through the Shoppergram.com and eFAMAplace platforms.

This programme was implemented to develop the interest of young entrepreneurs in doing business online to achieve the following objectives:-

i. Increase the involvement of entrepreneurs/ participants in online applications- Agrobazaar Online (ABO). Using the latest technology and applications such as the internet and social media.
ii. Generate additional income to entrepreneurs/ participants while sharing business experience.
iii. Offer incentives to consumers and entrepreneurs.



Sepanjang tahun 2020, 49 sesi Program Libat Urus (*Engagement*) bersama usahawan di seluruh negara telah diadakan bertujuan untuk meningkatkan jati diri usahawan generasi baru, usahawan baru IPT, *job creator* dan juga meningkatkan penggunaan aplikasi Agrobazaar Online. Terdapat empat IPTA yang terlibat iaitu Politeknik Muazam Shah, Pahang, UITM Pahang, Universiti Malaysia Pahang, dan Universiti Kolej Yayasan Pahang. Program ini melibatkan 216 pelajar dalam tempoh enam bulan. Nilai jualan sepanjang program berkenaan berjumlah RM12,856.31.

Beberapa program dan aktiviti promosi dengan membuat hebahan kepada orang awam telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran pelanggan terhadap portal Agrobazaar Online dalam menambah hasil jualan atas talian. Antara program promosi dan publisiti yang dilaksanakan adalah:

1. Media sosial
   i. Kempen promosi perayaan utama negara sepanjang tahun.
   ii. Kempen promosi Le Tour De Langkawi (5 - 15 Februari 2020).
   iii. Kempen Promosi Merdeka Sales (25 - 31 Ogos 2020).
   iv. Kempen Promosi 11.11 jualan produk premium (11 - 22 November 2020).

Throughout 2020, total of 49 sessions of Engagement Programmes with entrepreneurs throughout the country were held with the aim of enhancing the identity of the new generation entrepreneurs, new IPT entrepreneurs, job creators and also increasing the use of the Agrobazaar Online application. There are four public IPTAs involved, namely Muazam Shah Polytechnic, Pahang; UITM Pahang, Universiti Malaysia Pahang; and Universiti Kolej Yayasan Pahang. This programme involved 216 students and lasted for six months. The sales value for the programme period amounted to RM12,856.31.

Several programmes and promotional activities were implemented by making announcements to the public to increase customer awareness of the Agrobazaar Online portal in increasing online sales revenue. Among the promotional and publicity programmes implemented were:

1. *Social Media*
   i. Promotional campaigns for the country's major celebrations throughout the year.
   ii. Le Tour De Langkawi promotional campaign (5 - 15 February 2020).
   iii. Merdeka Sales Promotion Campaign (25 - 31 August 2020).
   iv. 11.11 Promotional Campaign sales of premium products (11 - 22 November 2020).

2. Youtube & Portal FAMAT V

3. *Wrap around* (KTM, LRT, ETS)
   i. Promosi cetakan iklan pada pengangkutan awam ETS (Oktober 2020 - Oktober 2021).
   ii. Promosi Cetakan iklan pada pengangkutan awam LRT Rapid KL (Oktober 2020 - April 2021) .

2. *Youtube & FAMAT V Portal*

3. *Wrap around (KTM, LRT, ETS)*
   i. Advertisement print promotion on ETS public transport (October 2020 - October 2021).
   ii. Advertisement Print Promotion on LRT Rapid KL public transport (October 2020 - April 2021).



4. Slot dan Liputan melalui rangkaian media lain - TV Swasta

4. *Slots and Coverage through other media networks - Private TV*



5. Jualan Hebat (10.10, 11.11, 12.12, Merdeka sale, 55 tahun FAMA)
   i. Potongan diskaun sepanjang kempen berlangsung.
   ii. Promosi produk usahawan di media sosial rasmi.

5. *Great Sale (10.10, 11.11, 12.12, Merdeka sale, 55 years' FAMA)*
   i. Discounts throughout the campaign.
   ii. Entrepreneur product promotion on official social media.

Pusat Pengumpulan Digital (Agrohub)

Pembangunan Pusat Pengumpulan Digital atau Agrohub ini bertujuan bagi mengumpulkan produk-produk usahawan di bawah hub bagi pengurusan jualan, pameran dan penghantaran antaranya untuk pemasaran atas talian. Agrohub ini membantu usahawan yang mengalami kekangan dari segi kemudahan ICT, penyimpanan serta tiada stor yang bersesuaian dalam menyimpan bekalan produk. Antara kemudahan pusat pengumpulan adalah:

i. Pusat Operasi FAMA sebagai Pusat Penyimpanan, Pembungkusan dan Penghantaran bagi Jualan Dalam Talian (Agrohub).
ii. Pusat pemasaran hasil tani segar dan proses melalui Agrobazaar Malaysia Mall di platform Agrobazaar Online dan lain-lain yang didaftarkan.
iii. Menjadikan outlet-outlet usahawan bimbingan FAMA sebagai tempat pengumpulan dan pemasaran dalam talian bagi pengguna mendapatkan produk-produk agromakanan secara dalam talian.

Keseluruhan sebanyak lima lokasi Agrohub telah dibangunkan bagi FASA 1 (Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah) menggunakan konsep Agrohub di MyKopiesatu, Selayang.

Digital Collection Centre (Agrohub)

The development of Digital Collection Centre or Agrohub aims to collect the products of entrepreneurs under the hub for sales management, exhibition and delivery. Agrohub helps entrepreneurs who experience constraints in terms of ICT facilities, storage and suitable store for storing product supplies. Among the collection centre facilities are:

i. FAMA Operations Centres as Storage, Packaging and Shipping Centre for Online Sales (Agrohub).
ii. Fresh and processed agricultural produce marketing centre through Agrobazaar Malaysia Mall on Agrobazaar Online platform and others that have been registered.
iii. To make the outlets of entrepreneurs under the guidance of FAMA as an online collection and marketing place for consumers to obtain agro-food products online.

A total of five Agrohub locations were developed for Phase 1 (Perak, Penang, Negeri Sembilan, Johor and Sabah) using the Agrohub concept at MyKopiesatu, Selayang.



Transformasi pemasaran secara digital dengan peningkatan penggunaan e-dagang memberi peluang kepada usahawan bukan sahaja dalam pengembangan pasaran domestik, malah dalam penerokaan terhadap pasaran global. Cabarannya adalah meningkatkan kapasiti, keupayaan dan kualiti produk serta melengkapkan persijilan bagi memenuhi segmen pasaran eksport.

The transformation of digital marketing with the increasing use of e-commerce provides opportunities for entrepreneurs not only in the expansion of the domestic market, but also in the exploration of the global market. The challenge is to increase capacity, capability and product quality as well as complete certification to meet the export market segment.

PENGEKSPORTAN
EXPORTATION

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi aktiviti pengeksportan produk agromakanan negara akibat dari penutupan pintu sempadan, kelembapan permintaan global dan kenaikan kos operasi. Pengoperasian perdagangan antarabangsa juga menghadapi cabaran pembatalan pelayaran dan penerbangan, kekurangan ruang kargo, kos logistik meningkat sehingga 150 peratus dan kelewatan proses *clearance* di pelabuhan utama dunia. Oleh yang demikian, FAMA telah memperkemaskan program/aktiviti pembangunan eksport pada tahun 2020 mengikut kesesuaian dan keperluan situasi semasa.

The year 2020 was a challenging year for the country's agro-food export activities due to the closure of border gates, a slowdown in global demand and rising operating costs. The operations of international trade also faced challenges of shipping and flight cancellations, lack of cargo space, increased logistics costs of up to 150 percent and delays in clearance processes at major world ports. In response, FAMA streamlined export development programmes/ activities in 2020 according to the suitability and needs of the current situation.

Program pameran perdagangan/pengguna yang dirancang untuk penyertaan FAMA kebanyakannya dibatalkan atau dianjurkan secara maya (virtual). FAMA telah menyertai pameran *Selangor International Expo 2020* dan *AsiaFruit Logistica 2020* yang dianjurkan secara maya. Perincian aktiviti pembangunan galakan pasaran luar negara tahun 2020 adalah seperti berikut:-

Trade fairs/consumers programmes planned for FAMA participation were mostly cancelled or organised virtually instead. FAMA participated in the Selangor International Expo 2020 and AsiaFruit Logistica 2020 exhibitions that were organised virtually. Details of international promotion market development activities in 2020 are as follows:-

Jadual 14: Perincian Aktiviti Pembanguan Galakan Pasaran Luar Negara
Table 14: Details of International Market Promotion Development Activities

SKOP/AKTIVITI PROJEK *PROJECT SCOPE/ACTIVITY*	PENCAPAIAN (BIL. AKTIVITI) *ACHIEVEMENT (NO. OF ACTIVITIES)*
Pengukuhan Pasaran Eksport (Pameran Perdagangan/Pengguna) *Export Market Strengthening (Trade/Consumer Exhibitions)*	7
Program Promosi Bersama Kedutaan Malaysia di Luar Negara *Joint Promotion Programme with Malaysian Embassy Overseas*	4
Program In-Store Promosi *In-store Promotion Programme*	9
Pengiklanan *Advertisements*	13
Terbitan Bahan Promosi *Publication of Promotional Materials*	10
eFAMAPlace *eFAMAPlace*	1

Jadual 15: Perbandingan Pencapaian Program Pembangunan Galakan Pasaran Luar Negara Tahun 2019 dan 2020
Table 15: Comparison of International Promotion Market Development Programmes Achievement in 2019 and 2020

PERKARA *SUBJECT*	2019	2020
Bil. Pameran *No. of Exhibitions*	13	7
Bil. Usahawan *No. of Entrepreneurs*	77	29
Bil. Produk Dipromosi *No. of Products Promoted*	390	64
Nilai Jualan (RM) *Sales Value (RM)*	7.4 juta/*million*	140,000
Potensi Jualan (RM) *Potential Sales (RM)*	37.4 juta/*million*	21,500

Gulfood Dubai 2020 yang berlangsung pada 16-20 Februari 2020 merupakan pameran perdagangan terakhir yang disertai secara fizikal. Sebanyak empat syarikat IKS di bawah bimbingan FAMA menyertai program tersebut dan berjaya mencatatkan potensi jualan bernilai RM20.7 juta. Syarikat Al-Haddad Manufacturing Sdn. Bhd. telah berjaya menembusi pasaran Kuwait dengan hantaran pertama pada bulan Julai 2020.

Gulfood Dubai 2020 that took place from 16-20 February 2020 was the last trade fair to be attended physically. A total of four agro-food SME companies under the guidance of FAMA participated in the programme and managed to attract potential sales worth RM20.7 million. Al-Haddad Manufacturing Sdn. Bhd. has successfully penetrated the Kuwaiti market with its first shipment in July 2020.



Sebahagian delegasi Malaysia di booth pameran FAMA
Part of the Malaysian delegation at the FAMA exhibition booth



Aktiviti penghantaran produk ke pasaran Kuwait
Product delivery activities to the Kuwaiti market

Pengiklanan dalam majalah perniagaan di luar negara turut dipergiatkan pada tahun 2020 bagi membantu kumpulan sasar meningkatkan permintaan dan kesedaran pengguna di luar negara terhadap produk agromakanan keluaran Malaysia. Sebanyak 13 terbitan dibuat pada tahun 2020 antaranya melalui majalah *AsiaFruit*, *EuroFruit*, *Food Business Gulf & Middle East* serta lain-lain lagi.

Advertising in business magazines abroad was also intensified in 2020 to help the target groups to increase the demand and awareness of consumers abroad on agro-food products produced in Malaysia. A total of 13 issues were published in 2020, among others through AsiaFruit magazine, EuroFruit, Food Business Gulf & Middle East and others.



Pengiklanan buah tembikan bagi pasaran Timur Tengah
Advertisement on watermelon for the Middle East market





Pengiklanan buah durian sejuk beku bagi pasaran China dan Hong Kong
Frozen durian fruit advertisement for the Chinese and Hong Kong markets

Aktiviti pembangunan eksport tetap dilaksanakan bagi membantu usahawan IKS agromakanan Malaysia memperluas dan memperkukuhkan pasaran eksport mereka. Langkah ini bagi memastikan aktiviti pengeksportan produk agromakanan berjalan dengan lancar walaupun dalam suasana ekonomi yang mencabar dan tidak menentu ketika ini. Oleh itu, program seperti hantaran sampel produk ke luar negara, galakan jualan di saluran pengedaran, menaiktaraf pembungkusan eksport diberi tumpuan di samping lain-lain program untuk membantu pengeksport produk agromakanan yang terkesan.

Export development activities continued to be implemented to assist Malaysian agro-food SMEs to expand and strengthen their export markets. This measure was to ensure that the export activities of agro-food products were able to run smoothly despite the existing challenging and uncertain economic environment. Therefore, programmes such as shipping product samples overseas, sales incentives in distribution channels and upgrading export packaging were given focus in addition to other programmes to help exporters of affected agro-food products.

Jadual 16: Perincian Aktiviti Pembanguan Eksport
Table 16: Details of Export Development Activities

SKOP/AKTIVITI PROJEK *PROJECT SCOPE/ACTIVITY*	PENCAPAIAN (BIL. AKTIVITI) *ACHIEVEMENT (NO. OF ACTIVITIES)*
Pemantapan Bekalan Eksport *Strengthening Export Supply*	10
Bengkel Pengurusan Eksport *Export Management Workshop*	2
Bimbingan dan Konsultasi Usahawan *Entrepreneur Guidance and Consultation*	200
Penambahbaikan Pembungkusan Eksport *Export Packaging Enhancement*	7
Cetakan Bahan Promosi *Publication of Promotional Materials*	10
Program Galakan Jualan di Saluran Pemasaran *Sales Promotion Programme at Marketing Channel*	6

Keperluan untuk melengkapkan premis pemprosesan dengan pensijilan HACCP menjadi keutamaan FAMA dalam usaha meningkatkan daya saing usahawan IKS produk agromakanan tempatan di peringkat antarabangsa. Seiring dengan hasrat tersebut, FAMA telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Manual Dokumentasi *Hazard Analysis Critical and Control Points* (HACCP). Peserta yang terdiri daripada 15 syarikat diberi panduan secara *hands-on* untuk menyediakan manual dokumentasi dan lain-lain keperluan untuk mendapatkan pensijilan HACCP.

The need to equip processing premises with HACCP certification is a priority for FAMA in an effort to increase the competitiveness of local agro-food SMEs internationally. In line with this desire, FAMA organised a Workshop on the Development of Critical Hazard Analysis and Control Points Documentation Manual (HACCP). Participants comprising 15 companies were given hands-on guidance to prepare documentation manuals and other requirements to obtain HACCP certification.



Bengkel Pembangunan Manual Dokumentasi *Hazard Analysis Critical and Control Points* (HACCP) pada 21 sehingga 23 Julai 2020 bertempat di Mercure Hotel, Selayang
Workshop on the Development of Critical Hazard Analysis and Control Points Documentation Manual (HACCP) from 21 to 23 July 2020 at the Mercure Hotel, Selayang

Sepanjang tahun 2020, usahawan IKS tidak dapat ke luar negara bagi mempromosikan produk keluaran mereka kepada pengimport berpotensi. Menyedari kekangan ini, FAMA telah mengambil pendekatan baharu dengan menjalinkan kerjasama bersama agen pemasar untuk membantu mempromosi seterusnya membuka luang pasaran baharu di luar negara. Pasaran Jepun menjadi model percubaan dengan hantaran pertama dibuat pada bulan Disember 2020. Sebanyak 18 SKU produk keluaran tujuh syarikat IKS dihantar ke Jepun bagi meninjau kebolehpasaran serta mendaftarkan produk tersebut dengan pihak berkuasa di sana.

Throughout 2020, agro-food SMEs were not able to go abroad to promote their products to potential importers. Recognising these constraints, FAMA took a new approach by collaborating with marketing agents to help promote and further open up new market opportunities overseas. The Japanese market became a pilot model for this approach with the first shipment made in December 2020. A total of 18 SKUs of products produced by seven agro-food SME companies were sent to Japan to survey marketability and register the products with the authorities there.

Dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12), FAMA akan mempergiatkan kerjasama dengan ejen pemasar di luar negara dalam usaha mempromosi seterusnya membuka luang pasaran baharu bagi produk agromakanan negara. Selain itu, penerokaan pasaran baharu dilaksanakan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pasaran sedia ada. Di samping itu, usaha memperkasa dan meningkatkan pengetahuan eksport usahawan agromakanan dilakukan melalui penganjuran bengkel dan pembangunan kapasiti usahawan.

In the 12th Malaysia Plan (12MP), FAMA will intensify cooperation with overseas marketing agents in an effort to promote and open up new market opportunities for the country's agro-food products. Besides, new market exploration will be carried out to reduce dependence on existing markets. In addition, efforts to empower agro-food entrepreneurs with export knowledge will be enhanced through the organisation of workshops and capacity development of entreprenuers.

Pengukuhan pasaran domestik dan eksport perlu seiring dengan galakan peningkatan permintaan dari pengguna. FAMA memfokuskan konsistensi dalam galakan pasaran bagi memastikan sumber domestik akan menjadi pilihan dan makanan sihat menjadi keutamaan. Pengukuhan rantaian bekalan dan perkaitan dengan keperluan nutrisi yang betul akan membantu pengguna membuat pilihan yang bijak, serta produk makanan yang baik mampu dibeli.

The strengthening of the domestic and export markets must go hand-in-hand with the encouragement of increased demand from consumers. FAMA focuses on consistency in market promotions to ensure that domestic resources will be the choice and healthy food will be a priority. Strengthening the supply chain that link to proper nutritional needs will help consumers to make wise choice, besides affordable good food products.

PENGGUNA
CONSUMERS

Galakan Pasaran Dalam Negara

Peranan FAMA dalam membangun, mengukuh dan meluaskan saiz pasaran serta meningkatkan penggunaan produk agromakanan merangkumi pelaksanaan kempen dan promosi melalui saluran yang berkesan. Program utama yang dilaksanakan sepanjang 2020 adalah seperti berikut:-

Penganjuran Program Galakan Pasaran

Program *Fruit, Flower and Food Fiesta* (FAMA FEST) dan Pesta Orkid, Flora dan Herba merupakan acara tahunan FAMA untuk mewujudkan rangkaian pemasaran kepada kumpulan sasar iaitu usahawan, petani, pemborong, pengeksport dan peruncit, memperluas pasaran produk agromakanan tempatan serta memberi peluang kepada jabatan dan agensi lain menerusi program kerjasama strategik untuk membantu membangunkan pemasaran hasil-hasil pertanian.

a. *Fruit, Flower and Food Fiesta* (FAMA FEST) 2020

Penganjuran FAMA FEST membantu meningkatkan pendapatan usahawan melalui jualan terus kepada pengguna dan juga sebagai platform kepada kumpulan sasar mempromosikan produk mereka ke pasaran. Program ini mengetengahkan gabungan kluster jualan produk segar, florikultur dan produk industri asas tani serta Empayar Makanan sebagai komponen utama di dalam FAMA FEST.

Pada tahun 2020, penganjuran FAMA FEST Parit Buntar, Perak telah mencapai nilai jualan sebanyak RM2.62 juta dengan jumlah pengunjung seramai 120,000 orang. Program ini telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan seramai 100 orang usahawan yang menyertai FAMA FEST tersebut.

Domestic Market Promotion

FAMA's role in developing, strengthening and expanding market size as well as increasing the consumption of agro-food products covers the implementation of campaigns and promotions through effective channels. The main programmes implemented throughout 2020 were as follows:-

The Organisation of Market Promotion Programmes

The Fruit, Flower and Food Fiesta (FAMA FEST) and Orchid, Floral and Herbal Festival are annual FAMA events to create marketing networks for target groups, namely entrepreneurs, farmers, wholesalers, exporters and retailers, as well as expand the market for local agro-food products and provide opportunities for departments and other agencies through strategic cooperation programmes to help develop the marketing of agricultural products.

a. *Fruit, Flower and Food Fiesta (FAMA FEST) 2020*

The organisation of FAMA FEST helps to increase the income of entrepreneurs through direct sales to consumers and also acts as a platform for target groups to promote their products to the market. The programme highlights a combination of sales clusters of fresh produce, floriculture and agro-based industry products as well as the Food Empire as key components in FAMA FEST.

In 2020, the organisation of FAMA FEST at Parit Buntar, Perak achieved a sales value of RM2.62 million with a total of 120,000 visitors. This programme successfully helped increase the income of 100 entrepreneurs who participated in the FAMA FEST.



Program FAMA FEST di Parit Buntar, Perak pada 27 Februari hingga 2 Mac 2020
FAMA FEST programme in Parit Buntar, Perak on 27 February to 2 March 2020

b. *Virtual* @ MAFI Masak *Challenge*

Pertandingan Virtual @ MAFI *Masak Challenge* merupakan salah satu langkah bagi meningkatkan kempen menggalakkan lebih banyak pemakanan sayur dan buah tempatan. Pertandingan memasak ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan peserta diminta untuk menghantar video masakan secara *online* kepada FAMA.

Sebanyak 82 penyertaan dan 216 buah video masakan telah diterima di sepanjang penganjuran pertandingan ini. Pembangunan menu dan video masakan yang menarik dapat membantu meningkatkan penggunaan agromakanan negara dengan lebih kreatif dan tidak terhad kepada pemakanan secara segar sahaja.

b. Virtual @ MAFI Cooking Challenge

The Virtual @ MAFI Cooking Challenge is one of the steps taken to enhance campaigns to promote consumption of more local vegetables and fruits. This cooking competition is open to all Malaysians and participants are required to submit cooking videos online to FAMA.

A total of 82 entries and 216 cooking videos were received for this competition. The development of interesting menus and cooking videos could help increase the consumption of agro-food in the country more creatively and not limited to fresh food only.



Program Virtual @ MAFI Masak Challenge pada 29 Oktober 2020
Virtual Program @ MAFI Cooking Challenge on 29 October 2020

Pengiklanan Melalui Media Sosial dan Elektronik serta Penerbitan Bahan Promosi

Aktiviti pengiklanan dilaksanakan untuk mempromosikan produk segar dan produk industri makanan melalui pembangunan pelbagai resepi yang menarik bagi meningkatkan permintaan di kalangan pengguna. Promosi mangga Harumanis telah dipergiatkan sepanjang musim melalui pengiklanan di radio IKIM, Best FM dan Sinar FM serta iklan TV Harumanis di RTM 1 bagi membantu meningkatkan permintaan pasaran.

Selain itu, pengiklanan melalui media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *YouTube* dan *Instagram* giat dilaksanakan sepanjang tahun memandangkan kosnya yang rendah namun berupaya memberikan impak tinggi. Penerbitan bahan promosi seperti *bunting* dan buku *Discovering Malaysian Fruit* juga telah dilaksanakan bagi membantu meningkatkan keberkesanan kempen-kempen yang dianjurkan oleh FAMA kepada pengguna.

Advertising through Social and Electronic Media and Publication of Promotional Materials

Advertising activities are implemented to promote fresh products and food industry products through the development of attractive recipes to increase awareness among consumers. The promotion of Harumanis mangoes has been intensified throughout the season through advertising on IKIM radio, Best FM and Sinar FM as well as Harumanis TV advertisements on RTM 1 to help increase public demand for the fruit.

Apart from that, advertising through social media such as Facebook, Twitter, YouTube and Instagram were also actively implemented throughout the year due to its low cost but high impact. The publication of promotional materials such as bunting and Discovering Malaysian Fruit book was implemented to help increase the effectiveness of campaigns organised by FAMA to consumers.



Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) - Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan di pejabat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Putrajaya
Corporate Social Responsibility (CSR) Programme- Eat More Local Fruits and Vegetables Campaign at Ministry of Agriculture and Food Industries, Putrajaya



Promosi pembangunan resepi produk segar melalui media sosial
Promotion of fresh product recipe development through social media

Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan

FAMA telah melaksanakan Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan di peringkat sekolah, peringkat institusi dan di lokasi outlet FAMA bagi meningkatkan penggunaan produk agromakanan. Secara tidak langsung, peningkatan permintaan akan menggalakkan pengeluaran domestik dan seterusnya dapat menambahkan pendapatan petani. Pada tahun 2020, kempen ini telah dilaksanakan di 144 lokasi di seluruh negara. Kempen ini mensasarkan kepada generasi muda bagi menggalakkan lebih banyak pengambilan sayur dan buah di kalangan pelajar.

Aktiviti promosi yang dilaksanakan oleh FAMA secara berterusan dapat meningkatkan permintaan pengguna terhadap buah-buahan tempatan bagi memastikan rakyat Malaysia menjalani gaya hidup sihat dengan pemakanan berkhasiat. Selain itu, aktiviti promosi ini juga membantu memperluaskan luang pasaran usahawan agromakanan bagi meningkatkan pendapatan melalui outlet fizikal dan platform atas talian.

Eat More Local Fruits and Vegetables Campaign

FAMA has implemented the Eat More Local Fruits and Vegetables Campaign at the school level, the institutional level as well as at FAMA outlets to increase the consumption of agro-food. Indirectly, increase demand will encourage domestic production and further increased farmers' income. By 2020, the campaign had been implemented in 144 locations across the country. The campaign focuses on the younger generation in particular to encourage more consumption of vegetables and fruits among students.

Continuous promotional activities implemented by FAMA can increase public demand for local fruits to ensure that Malaysians lead a healthy lifestyle with a nutritious diet. Apart from that, these promotional activities also help expand the market opportunities for agro-food entrepreneurs to increase income through physical and virtual platforms.



Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran di Saluran *YouTube* dengan kerjasama produksi animasi Omar & Hana
Eat More Fruits and Vegetables Campaign on YouTube Channel in collaboration with animation production Omar & Hana



Program Kempen Makan Ulam-ulaman peringkat Negeri Kedah bertempat di Perkarangan Pejabat FAMA Negeri Kedah pada 15 Disember 2020
The Kedah State level Herbs Eating Campaign Program at the Kedah State FAMA Office Grounds on 15 December 2020

Program *My Best Buy* (MBB)

Program *My Best Buy* atau lebih dikenali sebagai MBB merupakan program berkonsepkan pasar pilihan rakyat yang menawarkan pelbagai hasil pertanian dan bukan pertanian bagi keperluan setempat dengan tawaran harga yang berpatutan. Program yang dilaksanakan bermula pada tahun 2014 ini merupakan inisiatif pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebagai usaha untuk menangani kos sara hidup rakyat yang tinggal di bandar-bandar besar terutamanya mereka yang terdiri dari miskin bandar atau golongan B40.

My Best Buy Programme (MBB)

The My Best Buy programme or better known as MBB highlights the concept of the people's choice market that offers a variety of agricultural and non-agricultural products for local needs with affordable prices. The programme, which was implemented starting in 2014, is an initiative of the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) in an effort to address the cost of living of people in large cities, especially those consisting of the urban poor or the B40 group.



Suasana Program *My Best Buy* di Johor Bahru, Johor pada 19-20 Januari 2020
Atmosphere of the My Best Buy Programme in Johor Bahru, Johor on 19-20 January 2020

Dengan penjimatan di antara 5-20 peratus (berbanding harga pasar awam tempatan), program MBB telah memperluas komoditi jualan selain dari sayur-sayuran, buah-buahan kepada hasil laut, ayam, daging, input dan output pertanian bagi menarik pengunjung, sekaligus membuka peluang kepada lebih ramai usahawan untuk berniaga.

With savings of between 5-20 percent (compared to local public market prices), the MBB programme has expanded product range from vegetables and fruits to seafood, poultry, meat, agricultural inputs and outputs to attract visitors, thus opening up opportunities to more entrepreneurs to do business.

Rajah 28: Kluster Jualan MBB
Figure 28: MBB Sales Cluster



Secara keseluruhan, pada tahun 2020 program MBB telah mencatat penurunan nilai jualan secara purata sebanyak 80 peratus kepada hanya RM4.54 juta berbanding RM15.3 juta pada tahun 2019. Prestasi jualan ini telah disumbangkan melalui pelaksanaan program sebanyak 402 kali operasi (2019: 2,264 kali) dengan anggaran pengunjung kira-kira 220,000 orang.

Overall, in 2020 the MBB program has recorded an average decrease in sales value of 80 percent to RM4.54 million compared to RM15.3 million in 2019. This sales performance has been attributed to the implementation of the program of 402 operations (2019: 2,264 operations) with an estimated customer number of approximately 220,000 people.

Rajah 29: Perbandingan Prestasi Program MBB bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 29: Performance of MBB Programme for 2020 compared to 2019



Dalam usaha FAMA untuk meneruskan operasi program MBB norma baharu, beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak FAMA antaranya:-

a) Transaksi tanpa tunai
Beberapa lokasi MBB telah menggunakan transaksi tanpa tunai bagi mengurangkan sentuhan di antara penjual dan pembeli serta memudahkan urusan transaksi urusniaga semasa program berlangsung.

As part of FAMA's efforts to continue the operations of the new norm MBB programme, several initiatives were taken by FAMA including:-

a) Cashless transactions
Several MBB locations used cashless transactions to reduce contact between sellers and consumers as well as facilitate trade transactions during the programme.



Penggunaan transaksi tanpa tunai semasa program MBB di Ayer Keroh, Melaka
Use of cashless transactions during the MBB program in Ayer Keroh, Melaka

b) Program *Team Building* mendepani COVID-19
Bagi membantu usahawan MBB meneruskan kelangsungan perniagaan dalam mendepani COVID-19, FAMA telah menjalankan program *team building* di empat lokasi iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan dan Melaka melibatkan usahawan MBB yang terkesan. Melalui program ini, usahawan MBB telah diberi pendedahan berkaitan teknik pengurusan perniagaan norma baharu, pengurusan kewangan serta motivasi bagi meningkatkan keyakinan usahawan mengharungi cabaran ketidaktentuan ekonomi di masa hadapan.

b) Team Building Programme in facing COVID-19
To help MBB entrepreneurs continue their business in facing COVID-19, FAMA conducted team-building programmes in four locations, namely Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, and Melaka involving MBB entrepreneurs who were affected. Through this programme, MBB entrepreneurs were given exposure on new norm business management techniques, financial management, as well as motivation to increase the confidence of entrepreneurs to face the challenges of economic uncertainty in the future.

c) Naik taraf imej usahawan
Imej usahawan MBB sentiasa ditambahbaik bagi keseragaman dan untuk meningkatkan keyakinan pengguna. Antara naik taraf imej yang telah dibuat adalah penukaran kanopi, penggantian alas meja dan set pakaian seragam kepada usahawan.

c) Upgrading the image of entrepreneurs
The image of MBB entrepreneurs is constantly enhanced for uniformity and creating consumer confidence in the MBB programme. Among the image upgrades that have been made are the purchase of new canopies, replacement of tablecloths and new sets of clothes for entrepreneurs.

Jualan Terus Dari Ladang (JTDL)

Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) diperkenalkan sebagai salah satu usaha FAMA untuk mempelbagaikan outlet pasaran kepada peserta-peserta ladang kontrak dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka. Pelaksanaan program ini juga menawarkan harga yang lebih berpatutan kepada pengguna iaitu 5-20 peratus lebih rendah daripada

Jualan Terus Dari Ladang (JTDL)

The Jualan Terus Dari Ladang Programme (JTDL) was introduced as one of FAMA's efforts to diversify market outlets for contract farming participants and indirectly increase their income. The implementation of this programme also offers a more affordable price to consumers themselves which is 5-20 percent lower than the market price. The price reduction does not

harga pasaran. Pengurangan harga ini tidak menjejaskan harga belian di peringkat pengeluar kerana mereka menerima harga yang munasabah sekurang-kurangnya 50 peratus daripada harga pengguna.

affect the purchase price at the producer level as they receive a reasonable price of at least 50 percent of the consumer price.

Sepanjang tahun 2020, FAMA telah merekodkan nilai jualan berjumlah RM1.38 juta (2019: RM5.3 juta) dengan bilangan promosi sebanyak 416 kali (2019: 576). Penglibatan peserta Ladang Kontrak adalah seramai 610 peserta (2019 : 1,047). Penurunan nilai jualan yang begitu ketara berbanding pada tahun 2019 adalah disebabkan oleh kekurangan pengunjung dan bilangan operasi yang dihadkan.

During 2020, FAMA recorded a sales value totalling RM1.38 million (2019: RM5.3 million) with 416 times of promotions carried out (2019: 576). There was a total of 610 contract farming participants (2019: 1,047). The drastic drop in sales value compared to 2019 was likely due to the lack of visitors as well as the number of operations which was restricted.

Rajah 30: Jumlah Peserta, Bilangan Promosi dan Nilai Jualan Bagi Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) bagi Tahun 2020
Figure 30: Number of Participants, Number of Promotions and Sales Value for the Jualan Terus Dari Ladang Programme for the Year 2020





Program Jualan Terus Dari Ladang di perkarangan FAMA Ibu Pejabat, Selayang pada 29 September 2020
The Jualan Terus Dari Ladang Programme at the FAMA Headquarters, Selayang on 29 September 2020

Pendekatan *omni-channel* (kepelbagaian sumber pasaran) merupakan strategi pemasaran yang perlu diberi penekanan oleh pemasar. Kepelbagaian ini merupakan satu adaptasi baharu terhadap pasaran dan cara hidup masa kini. Selain itu, perlaksanaan program-program promosi atas talian perlu disesuaikan bagi memastikan penerimaan dan matlamat program dapat dicapai.

The omni-channel approach (diversity of market resources) is a marketing strategy that needs to be emphasised by marketers. This diversity is a new adaptation to today's market and way of life. Besides, the implementation of online or virtual promotion programmes need to be adapted to ensure the acceptance and goals of the programme could be achieved.

PEMBANGUNAN KAPASITI DAN LATIHAN
CAPACITY DEVELOPMENT AND TRAINING

Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan bertujuan melaksanakan serta menyelaras program peningkatan kompetensi dan latihan kepada pegawai dan kakitangan bagi mencapai visi dan misi FAMA. Program peningkatan kompetensi dianjurkan bermatlamat untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, pemantapan integriti dan pembangunan kepakaran serta kerjaya bagi memastikan ianya selaras dengan pembangunan modal insan yang seimbang. Bertepatan dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam iaitu untuk menyediakan pegawai dan kakitangan yang berkelayakan, berkebolehan dan berkompetensi dalam mencapai hasil kerja yang berkualiti serta menjadi penanda aras untuk menuju ke arah organisasi berprestasi tinggi.

Human Capital Development

Human capital development aims to implement and coordinate competency improvement and training programmes for officers and staff to achieve the vision and mission of FAMA. Competency enhancement programmes are organised with the aim of upgrading knowledge and skills, strengthening integrity and development of expertise and career to ensure that they are in line with the balanced development of human capital. This is in line with the Public Sector Human Resource Training Policy, which is to produce officers and staff who are qualified, capable and competent in achieving quality work results as well as being a benchmark to move towards a high performing organisation.

Rajah 31: Bilangan Penganjuran Kursus dan Penglibatan Pegawai FAMA Pada Tahun 2020
Figure 31: Number of Courses Organised and Involvement of FAMA Officers in 2020



Pada tahun 2020, lima modul latihan bagi kakitangan telah berjaya diterbitkan iaitu:-

a. **Modul Pemandu Cemerlang FAMA Terbilang:** Membantu menghurai cara dan peranan minda dalam membantu menukar sikap pemandu dan mengenali kenderaan dalam memacu FAMA ke arah kecemerlangan.
b. **Modul *Sound Check*:** Meningkatkan kepakaran kakitangan dalam menyelenggara peralatan sistem audio.

In 2020, five training modules for staff were successfully published, namely:-

a. ***FAMA Excellent Driver Module:*** *Describes the methods and roles of the mind in helping to change the attitude of drivers and learning about vehicles in driving FAMA towards excellence.*

b. ***Sound Check Module:*** *Improve staff expertise in maintaining audio system equipment.*

c. **Modul Penulisan Eksekutif:** Organisasi memerlukan kakitangan yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam penulisan. Kemahiran dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti amat penting bagi sesebuah organisasi dalam mencapai objektif yang ditetapkan.

d. **Modul Pengacara Versatil:** Kemahiran mengacarakan majlis rasmi atau tidak rasmi bukanlah sekadar pandai berbicara dan mempunyai suara yang lunak. Pengacara yang baik haruslah mempunyai asas protokol dan pengurusan majlis yang mantap. Hanya pengacara yang mempunyai ilmu serta kemahiran terlatih mampu mengacara sesuatu majlis dengan sempurna.

e. **Modul Digital *Zone Apprentice*:** Dunia pemasaran kini semakin berkembang secara digital dengan pesatnya, oleh itu tenaga kerja juga perlu lebih agresif dan kreatif dalam kerjaya. Evolusi Teknik pemasaran digital dilihat dapat mewujudkan peluang kerjaya dan mengatasi isu pengangguran dan ini sesuai dengan peredaran dunia pemasaran global.

c. ***Executive Writing Module:*** *Organisations need staff that is knowledgeable and competent in writing. Skills in producing quality writing are very important for an organisation in achieving the set objectives.*

d. ***Versatile Emcee Module:*** *The skill of emceeing a formal or informal function is not just about being good at speaking and having a good voice. A good emcee should have a solid foundation of protocol and strong event management skills. Only an emcee who has the knowledge and trained skills can emcee a function perfectly.*

e. ***Digital Zone Apprentice Module:*** *The world of marketing is now rapidly evolving digitally, so the workforce also needs to be more aggressive and creative in their careers. The evolution of digital marketing techniques is seen to be able to create career opportunities and address the issue of unemployment and this is in line with the progress of the global marketing world.*



Modul latihan yang telah diterbitkan
Published training modules

Bagi menyahut dan menyokong pembudayaan sukan di kalangan warga kerja, Pelan Kecergasan FAMA telah disediakan. Pelan kecergasan ini menggariskan penyataan dasar, rasional, objektif dan rangka kerja pelan tindakan bagi menyelaraskan peranan dan tanggungjawab setiap bahagian, badan sukan dan kebajikan FAMA di peringkat negeri dan juga daerah untuk merangkul pingat dalam kejohanan sukan anjuran kementerian.

To respond and support the culture of sports among employees, the FAMA Sports Plan has been prepared. The sports plan outlines the policy statement, rationale, objectives and framework of the action plan to coordinate the roles and responsibilities of each division, sports body and FAMA welfare bodies at the state and district levels to win medals in sports tournaments organised by the ministry.



Encik Azhani dari Akademi Pengacara Malaysia sedang berkongsi ilmu pengacaraan melalui Kursus Pengacara Majlis, Juruhebah dan Pembaca Doa sebelum tercetusnya pandemic Covid-19 pada 15 Januari 2020 di Kinrara Resort, Selangor

Encik Azhani from Akademi Pengacara Malaysia is sharing emceeing knowledge through the Function Emcee, Announcer and Prayer Reciter Course before the outbreak of the Covid-19 pandemic on 15 January 2020 at Kinrara Resort, Selangor



Encik Mohd Anis bin Mohd Yasin, TKP (Khidmat Pengurusan) (tengah) berbesar hati melancarkan Kursus *Smartphone Videography* di Suria Hot Spring, Bentong Pahang pada 16–18 Disember 2020

Encik Mohd Anis bin Mohd Yasin, TKP (Management Services) (centre) graciously launching the Smartphone Videography Course at Suria Hot Springs, Bentong Pahang on 16–18 December 2020

Pendidikan Pemasaran

FAMA turut melaksanakan program latihan dan bimbingan kepada usahawan sasar di sepanjang rantaian bekalan makanan. Program ini dilaksanakan untuk memperluaskan pasaran dan meningkatkan kualiti keluaran pertanian negara. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah:-

a) Latihan & Khidmat Nasihat Pengurusan Perniagaan ini memberi tumpuan kepada modul-modul berkaitan perancangan pemasaran dan jualan, penjenamaan, pemasaran digital dan pengurusan kewangan.

b) Latihan & Khidmat Nasihat Amalan Pemasaran Baik Keluaran Pertanian, fokus diberikan kepada kaedah pengurusan tanaman dan pengendalian baik hasil pertanian ke arah pemasaran hasil pertanian berkualiti di pasaran. Menerusi program ini, peserta dapat membangunkan tanaman ke arah pengeluaran hasil yang berkualiti untuk pasaran selain mengurangkan kadar kerosakan lepas tuai yang sekali gus dapat membantu meningkatkan pendapatan petani.

c) Kursus Kualiti & Gred Hasil pertanian bertujuan untuk memastikan peserta dapat mengenal dan menentukan kualiti dan gred sesuatu hasil pertanian mengikut segmen pasaran mereka.

FAMA *Education Channel* merupakan inisiatif baru yang dibangunkan melalui Pendidikan Pemasaran FAMA dalam usaha menyampaikan maklumat seperti modul-modul Pendidikan Pemasaran kepada kumpulan sasar. Menerusi program ini, bahan pendidikan dibangunkan dalam bentuk video untuk dimuatkan ke saluran *YouTube* untuk hebahan dan rujukan kumpulan sasar dari semasa ke semasa.

Marketing Education

FAMA also implemented training and mentoring programmes for target entrepreneurs along the food supply chain. This programme was implemented to expand the market and improve the quality of the country's agricultural products. Among the activities implemented were:-

a) Business Management Training & Advisory Services that focussed on modules related to marketing and sales planning, branding, digital marketing and financial management.

b) Training & Advisory Services on Good Marketing Practices of Agricultural Products that focussed on crop management methods and good handling of agricultural products towards marketing quality of agricultural products in the market. Through this programme, participants could produce quality produce for the market as well as reduce the rate of post-harvest losses, which in turn could help increase farmers' income.

c) Agricultural Product Quality & Grade courses that aimed to ensure that participants could identify and determine the quality and grade of an agricultural product according to their market segments.

The FAMA Education Channel is a new initiative developed through FAMA Marketing Education in an effort to deliver information such as Marketing Education modules to target groups. Through this programme, educational materials were developed in the form of videos to be uploaded to the YouTube channel for sharing and reference of the target groups from time-to-time.

Sebanyak 125 program telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2020 dengan penyertaan sejumlah 10,144 orang peserta. Di bawah program pembangunan bahan Pendidikan, sebanyak lima belas video pendidikan berjaya dihasilkan dan disiarkan menerusi FAMA TV di bawah saluran FAMA *Education Channel*.

A total of 125 programmes were successfully implemented throughout 2020 with the participation of 10,144 participants. Under the education materials development programme, a total of 15 educational videos were successfully produced and broadcast on FAMA TV under the FAMA Education Channel.

Rajah 32: Perincian Pencapaian Pelaksanaan Program Pendidikan Pemasaran Tahun 2020
Figure 32: Details of the Achievements of the Marketing Education Programme Implementation in 2020







Seramai 50 orang peserta menyertai Kursus *Google Adwords Marketing* pada 26–27 September 2020 di Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur
A total of 50 participants participated in the Google Adwords Marketing Course on 26–27 September 2020 at Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur









Kursus *Up-skilling* Pelaburan & Pemasaran Tanaman Durian Musang King di ILFPD pada 12–13 September 2020, dirasmikan oleh YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA
Musang King Durian Investment & Marketing Up-skilling Course at ILFPD on 12–13 September 2020, officiated by Dato' Zainal Abidin bin Yang Razalli, Director General of FAMA

Institut Latihan FAMA Port Dickson (ILFPD)

Institut Latihan FAMA Port Dickson (ILFPD) merupakan sebuah pusat penyedia infrastuktur latihan bagi kakitangan FAMA dan juga turut dibuka kepada agensi-agensi luar. Selain itu, ILFPD juga turut dibuka kepada orang awam untuk menginap mahupun mengadakan aktiviti seperti hari keluarga. Seramai 3,826 orang pelanggan telah dicatatkan hadir ke ILFPD melalui 41 program anjuran FAMA mahupun agensi luar dan persendirian. Walau bagaimanapun, pendapatan pada tahun 2020 telah merosot 80 peratus berbanding tahun 2019 dengan jumlah pendapatan yang dicatatkan hanya RM267,726 berbanding RM1.3 juta pada tahun 2019. Kekurangan infrastruktur internet yang pantas di ILFPD telah membataskan penganjuran kursus secara dalam talian.

Pada 21 Mac 2020, warta kerajaan yang diterbitkan dengan kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, telah menyenaraikan ILFPD sebagai stesen kuarantin di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Pada bulan Jun dan November 2020, ILFPD menjadi pusat penginapan bagi Petugas Barisan Hadapan yang bertugas di pusat Kuarantin Akademi Imigresen Malaysia (AIMM). Sebahagian kos penginapan tersebut ditampung oleh Pejabat Daerah Port Dickson melalui peruntukan Tabung Bencana Daerah Port Dickson. ILFPD sentiasa bersedia dan komited dalam membantu kerajaan di dalam menangani wabak COVID-19.

FAMA Training Institute at Port Dickson (ILFPD)

The FAMA Training Institute at Port Dickson (ILFPD) is a training infrastructure provider for FAMA staff and is also open to external agencies. In addition, ILFPD is also open to the public for accommodation or to hold activities such as family days. A total of 3,826 customers attended 41 programmes at ILFPD organised by FAMA as well as external and private sector agencies. However, revenue in 2020 declined by 80 percent compared to 2019 with total revenue recorded at only RM267,726 compared to RM1.3 million in 2019. The lack of fast Internet infrastructure at ILFPD limited the organisation of online courses.

On 21 March 2020, the government gazette published by the authority of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, listed ILFPD as a quarantine station under the Infectious Disease Prevention and Control Act 1988. In June and November 2020, ILFPD became the accommodation centre for Frontline Officers who worked at the quarantine centre of the Malaysian Immigration Academy (AIMM). The Port Dickson District Office through the Port Dickson District Disaster Fund covered part of the cost of the accommodation. ILFPD was always ready and committed in assisting the government in dealing with the COVID-19 pandemic.

3,826 ORANG *PEOPLE*
JUMLAH KEHADIRAN PELANGGAN
TOTAL CUSTOMER ATTENDANCE

41 PROGRAM *PROGRAMMES*
JUMLAH PROGRAM DILAKSANAKAN
TOTAL PROGRAMMES IMPLEMENTED

RM267,726
JUMLAH PENDAPATAN DICATATKAN
TOTAL REVENUE RECORDED

80 PERATUS *PERCENT*
JUMLAH PENYUSUTAN PENDAPATAN
TOTAL REVENUE CONTRACTION



Proses daftar masuk Kakitangan Barisan Hadapan di ILFPD pada bulan Jun dan November 2020 sewaktu Akademi Imigresen Malaysia (AIMM) dijadikan sebagai pusat kuarantin pesakit COVID-19
The check-in process for Frontline Staff at ILFPD in June and November 2020 when the Malaysian Immigration Academy (AIMM) was used as the COVID-19 patient quarantine centre

Institut Latihan FAMA Kota Bharu (ILFKB)

ILFKB merupakan institusi yang menawarkan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) bagi memenuhi keperluan dalam menjalankan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

FAMA Training Institute at Kota Bharu (ILFKB)

ILFKB is an institution that offers the National Agricultural Skills Training Programme to meet the needs of the Malaysian Skills Certificate (SKM).

Rajah 33: Pencapaian Institut Latihan FAMA Kota Bharu pada Tahun 2020
Figure 33: Achievements of FAMA Training Institute in Kota Bharu in 2020



Norma baharu pelaksanaan aktiviti menjadikan media komunikasi seperti telefon pintar, media sosial dan medium digital seperti *Webex*, *Zoom* serta *Google Meet* sebagai medium baharu dalam melaksanakan program. Secara tidak langsung, ilmu dan kemahiran tambahan diperolehi dalam menjalani norma baharu ini.

The new norms of activity implementation made communication media such as smartphones, social media and digital media such as Webex, Zoom and Google Meet as new media in implementing the programmes. Indirectly, additional knowledge and skills were gained in living through these new norms.

Antara cabaran yang dialami adalah seperti berikut:-

a. Penyusunan semula program-program latihan yang telah dirancang sepanjang tahun 2020 serta kaedah pelaksanaan yang sesuai agar objektif utama tetap dicapai seperti dalam perancangan.
b. ILFPD dan ILFKB terpaksa menyusun semula jadual tempahan sewaan dewan, bilik seminar dan bilik penginapan yang terbatal di saat akhir.
c. Memastikan fasiliti dan kemudahan yang sedia seperti dewan, bilik seminar, bilik penginapan dan dewan makan di ILFPD dan ILFKB perlu mengikut Prosedur Operasi Standard (*SOP*) yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
d. ILFKB perlu merangka kembali kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang sesuai dengan situasi semasa kepada pelatih agar tidak ketinggalan dalam program yang sedang diikuti.

Among the challenges experienced were as follows:-

a. Reorganisation of training programmes that had been planned throughout 2020 as well as appropriate implementation methods to ensure that main objectives were achieved as planned.
b. ILFPD and ILFKB had to rearrange the booking schedule for the rental of halls, seminar rooms and accommodation rooms, which were cancelled at the last minute.
c. To ensure that the facilities and amenities available such as halls, seminar rooms, accommodation rooms and dining halls in ILFPD and ILFKB followed the Standard Operating Procedures (SOP) set by the National Security Council (NSC) and the Ministry of Health Malaysia (MOH).
d. ILKFB needed to redesign teaching and learning (T&L) methods so that they suited the current situation for trainees so as not to be left behind in the programmes being followed.

ILFKB selain menawarkan perkhidmatan sewaan fasiliti latihan, ia juga sebagai pusat bertauliah bagi Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan bagi pelatih Sijil Kemahiran Malaysia – Tahap 3 Bidang Pemasaran Pertanian. Kesan daripada PKP ini, program pembelajaran tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual sebenar. Pelatih mengikuti kelas secara atas talian, tempoh pengajian terpaksa ditangguhkan dari Disember 2020 ke April 2021 dan latihan amali pelatih di agensi luar juga tidak dapat dilaksanakan. Penstrukturan semula program serta pelaksanaan mengikut norma baharu telah mengetengahkan cara kerja yang kreatif, inovatif dan efisien bagi memastikan kumpulan sasar mendapat manfaat yang diharapkan.

ILFKB, apart from offering training facility rental services, was also an accredited centre for the National Agricultural Skills Training Programme for Malaysian Skills Certificate trainees under Level 3 in the Field of Agricultural Marketing. As a result of the MCO, the learning programme could not be implemented according to the actual schedule. Trainees attended classes online, the period of study had to be postponed from December 2020 to April 2021 and the internship of trainees in external agencies was also not possible. Programme restructuring and implementation according to the new norms highlighted creative, innovative and efficient ways of working to ensure that the target group received the desired benefits.



Sesi Induksi pelajar baharu ILFKB dilaksanakan dengan mengambilkira pematuhan SOP dari MKN
Induction sessions for new ILFKB students were implemented taking into account the compliance of SOPs from NSC

Program *Agropreneur* Muda

Program *Agropreneur* Muda diwujudkan untuk golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Ianya bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di dalam rantaian nilai sektor pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan.

Objektif program ini adalah:-

i. Menarik golongan muda berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi bidang pertanian.
ii. Mengubah persepsi golongan muda terhadap sektor pertanian sebagai industri yang berdaya maju.
iii. Meningkatkan pendapatan *agropreneur* muda melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif.
iv. Menjadikan industri agromakanan sebagai bidang kerjaya masa depan yang menjana pendapatan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (2011-2020).

Young Agropreneur Programme

The Young Agropreneur Programme was created for young people between the ages of 18 to 40 years old. It aims to assist and encourage the involvement of young people in the field of agro-entrepreneurship based on all activities in the value chain of the agricultural sector such as crops, livestock, fisheries, agro-based industries, marketing, support services and agro-tourism.

The objectives of the programme are:-

i. Attract young people between the ages of 18 to 40 to venture into agriculture.
ii. Change the perception of young people towards the agricultural sector as a viable industry.
iii. Increase the income of young agropreneurs through increased productivity, quality, technology and innovation as well as competitive markets.
iv. To make the agro-food industry as a future career field that generates income in line with the National Agro-Food Policy (2011 - 2020).

Bantuan Geran *Agropreneur* Muda (GAM) merupakan bantuan kepada usahawan yang diberi dalam bentuk peralatan dan input pertanian. Menyasarkan usahawan yang membuat perniagaan secara kecil-kecilan atau baru berniaga di dalam empat sektor utama pertanian dan industri makanan yang merangkumi tujuh skop perkhidmatan: -

Young Agropreneur Grant Assistance (GAM) is an assistance provided to entrepreneurs in the form of agricultural equipment and inputs. Targeting entrepreneurs who engage in small business/new business in four main sectors of agriculture and food industry which covers seven scopes of services:-





Bagi tahun 2020, pencapaian FAMA bagi Geran *Agropreneur* Muda adalah seperti berikut:-

In 2020, the achievements for Young Agropreneur Grants (GAM) are as follows:-



Jadual 17: Jadual Pecahan Penerima Kelulusan GAM dan Nilai mengikut Negeri
Table 17: Breakdown of GAM Approval Recipients and Value by State

NEGERI *STATES*	GERAN *AGROPRENEUR* MUDA *YOUNG AGROPRENEUR GRANT*	
	BIL. USAHAWAN *NO. OF ENTREPRENUERS*	NILAI (RM) *VALUES (RM)*
PERLIS / *PERLIS*	3	56,820.00
KEDAH / *KEDAH*	10	182,247.00
PULAU PINANG / *PENANG*	12	224,972.00
PERAK / *PERAK*	10	181,110.00
SELANGOR / *SELANGOR*	16	290,882.00
KUALA LUMPUR / *KUALA LUMPUR*	7	124,780.00
N. SEMBILAN / *N. SEMBILAN*	12	220,000.00
MELAKA / *MALACCA*	3	60,000.00
JOHOR / *JOHOR*	5	98,140.00
PAHANG / *PAHANG*	9	140,000.00
KELANTAN / *KELANTAN*	2	35,000.00
TERENGGANU / *TERENGGANU*	4	701,380.00
SABAH / *SABAH*	6	117,630.00
SARAWAK / *SARAWAK*	8	144,870.00
JUMLAH / *TOTAL*	**107**	**1,946,831.00**

Bagi tahun 2020, MAFI telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM50,000 untuk pelaksanaan lapan kursus teknikal bagi *Agropreneur* Muda yang memberi fokus kepada pemasaran atas talian.

For 2020, MAFI provided an allocation of RM50,000 for the implementation of eight technical courses focused on online marketing for Young Agropreneurs.

Jadual 18: Jadual Pecahan Pelaksanaan Kursus Teknikal *Agropreneur* Muda
Table 18: Breakdown of Young Agropreneur Technical Course Implementation

NEGERI *STATES*	KURSUS TEKNIKAL *AGROPRENEUR* MUDA *YOUNG AGROPRENEUR TECHNICAL COURSE*		
	JUMLAH KURSUS *NO. OF COURSES*	BIL. USAHAWAN *NO. OF ENTREPRENEURS*	KURSUS TEKNIKAL *TECHNICAL COURSES*
SELANGOR *SELANGOR*	2	230	• Kursus Pemasaran Digital *Digital Marketing Course* • Seminar Teknikal Bisnes Usahawan Pemasar Agromakanan (SETUP) *Agro-food Marketer Entrepreneur Business Technical Seminar*
NEGERI SEMBILAN *NEGERI SEMBILAN*	2	72	• Kursus Pembangunan *Website* Untuk Usahawan *Website Development Course for Entrepreneurs* • Kursus Pemasaran di *Marketplace* (Lazada & Shopee) Usahawan Pertanian dan Makanan *Course for Marketing on Marketplaces (Lazada & Shopee) for Agricultural and Food Entrepreneurs*
MELAKA *MALACCA*	2	98	• Kursus Pendigitalan Pemasaran Produk Pertanian & Makanan *Course on Digitalisation of Agricultural & Food Product Marketing* • Kursus Pemasaran di *Marketplace* (Lazada & Shopee) Usahawan Pertanian dan Makanan *Course for Marketing on Marketplaces (Lazada & Shopee) for Agricultural and Food Entrepreneurs*
PAHANG *PAHANG*	1	35	• Kursus Fertigasi Sayur dan Buah Usahawan *Agropreneur* Muda *Course on Fertigation of Fruits and Vegetables for Young Agropreneur Entrepreneurs*
SABAH *SABAH*	1	49	• Kursus Strategi Pemasaran Berstruktur & Taktikal Jualan Efektif *Course on Structured Marketing Strategies & Effective Sales Tactics*
JUMLAH / *TOTAL*	8	484	





Sesi Taklimat Kursus Pemasaran Digital 1-2 September 2020, Hotel Sabak Bernam, Selangor
Digital Marketing Course Briefing Session, 1-2 September 2020, Sabak Bernam Hotel, Selangor





Sesi Pendaftaran, Taklimat dan Aktiviti Berkumpulan Pendigitalan Pemasaran Produk Pertanian & Makanan, 11-12 Ogos 2020, Dewan Fatimah, Hotel Mudzaffar, Melaka
Registration Session, Briefing and Group Activities on Digitalisation of Agricultural & Food Product Marketing, 11-12 August 2020, Dewan Fatimah, Hotel Mudzaffar, Malacca

Program Rezeki Tani

Program Rezeki Tani merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang dijenamakan semula daripada Program Azam Tani di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bermula tahun 2019. FAMA merupakan salah satu agensi pelaksana di bawah MAFI.

Objektif Program Rezeki Tani adalah untuk:-

i. Membantu meningkatkan pendapatan peserta melalui projek-projek ekonomi yang melibatkan aktiviti pengeluaran/pemprosesan/pengedaran/pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan;
ii. Mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta daya saing peserta melalui latihan-latihan di bawah Program Rezeki Tani dan Latihan teknikal; dan
iii. Membantu mengeluarkan peserta daripada kemiskinan.

Kumpulan sasar Program Rezeki Tani adalah terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR) dalam kategori B40 iaitu;

i) Berstatus 'Miskin tegar' atau 'Miskin' dalam Sistem eKasih berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa; atau
ii) Berstatus 'Terkeluar' dalam Sistem eKasih dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,614 (pendapatan per kapita tidak melebihi RM650).

Keutamaan bantuan diberi kepada KIR atau AIR yang berpengalaman, berkemahiran dan sedang menjalankan aktiviti di bawah skop program Rezeki Tani iaitu merangkumi aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, pemasaran berkaitan pertanian, penternakan atau perikanan.

Projek-projek ekonomi yang dilaksanakan memberi tumpuan kepada jenis-jenis projek yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang pendek (*Quick Win Project*) iaitu antara 3 hingga 6 bulan pelaksanaannya, berpotensi memberi pulangan yang baik, produk/perkhidmatan yang mudah dipasarkan, berdaya maju (*viable*), berdaya tahan (*sustainable*) serta mengikut kesesuaian persekitaran dan tempat.

Program Rezeki Tani dilaksanakan di Semenanjung Malaysia sahaja melibatkan sembilan buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya. FAMA telah meluluskan 53 orang peserta Rezeki Tani pada tahun 2020.

Rezeki Tani Programme

The Rezeki Tani Programme is a poverty eradication and income generation programme rebranded from the Azam Tani Programme under the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) starting in 2019. FAMA is one of the implementing agencies under MAFI.

The objectives of the Rezeki Tani Programme are:-

i. To help increase the income of participants through economic projects involving production/processing/distribution/marketing activities related to agriculture, livestock and fisheries;
ii. Improving the knowledge, skills and competitiveness of participants through training under the Rezeki Tani and Technical Training Programme; and
iii. Help lift participants out of poverty.

The target group of the Rezeki Tani Programme consists of Heads of Household or Household Members in the B40 category, namely:

i) 'Hard-core Poor' or 'Poor' status in the eKasih System based on the current Poverty Line Income; or
ii) 'Excluded' status in the eKasih System with household income not exceeding RM2,614 (per capita income not exceeding RM650).

Priority assistance is given to Heads of Households or Household Members who are experienced, skilled and are carrying out activities under the scope of the Rezeki Tani programme, which includes production, processing, distribution and marketing activities related to agriculture, livestock or fisheries.

The economic projects implemented focus on the types of projects that produce results in a short period (Quick Win Projects) that are between 3 to 6 months of implementation, have the potential to provide good returns, products/services that are easy to market, viable, sustainable and according to the suitability of the environment and place.

The Rezeki Tani Programme is implemented only in Peninsular Malaysia involving nine states, namely Kedah, Penang, Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Johor and the Federal Territory of Kuala Lumpur & Putrajaya. FAMA approved 53 Rezeki Tani Programme participants in 2020.

Jadual 19: Bilangan Peserta Program Rezeki Tani bagi Tahun 2019 dan 2020
Table 19: Number of Rezeki Tani Programme Participants for 2019 and 2020

BIL. / *NO.*	NEGERI / *STATE*	DAERAH / *DISTRICT*	2019	2020
1.	Kedah / *Kedah*	Kulim	2	
		Pendang		2
		Langkawi		3
2.	Pulau Pinang / *Penang*	Seberang Perai Tengah (SPT)	2	1
		Seberang Perai Utara (SPU)	1	1
		Seberang Perai Selatan (SPS)	1	1
		Barat Daya/ Timur Laut (BDTL)	1	
3.	Perak / *Perak*	Kinta	6	
		Kuala Kangsar		7
4.	Selangor / *Selangor*	Kuala Selangor	6	
		Sabak Bernam		5
5.	Pahang / *Pahang*	Kuantan	3	2
		Pekan	1	1
		Maran		1
		Temerloh		1
6.	Kelantan / *Kelantan*	Kota Bharu	7	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Putih		5
		Machang		5
7.	Terengganu / *Terengganu*	Kuala Terengganu	4	2
		Hulu Terengganu	3	
		Besut	3	
		Marang		2
		Dungun		2
		Kuala Nerus		2
8.	Johor / *Johor*	Johor Bahru	3	2
		Kulai	1	
		Muar		4
		Batu Pahat		2
9.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya *Federal Territory Kuala Lumpur & Putrajaya*	Seluruh WPKL & Putrajaya	0	2
Jumlah Keseluruhan / *Total*			**47**	**53**

Manakala **Rajah 34** menunjukkan peratusan bilangan peserta mengikut skop projek bagi tahun 2019 dan 2020.

***Figure 34** shows the percentage of participants according to the scope of the project for 2019 and 2020.*

Rajah 34: Peratusan Pecahan Skop Projek
Figure 34: Percentage Breakdown of Project Scope





Aktiviti bancian peserta Rezeki Tani Terengganu
Census activities of Terengganu Rezeki Tani





Sesi Taklimat Program Rezeki Tani dan pelaksanaan Kursus Motivasi & Asas Keusahawanan bagi peserta Rezeki Tani di Pejabat FAMA Negeri Terengganu

Briefing Session on Rezeki Tani Programme and implementation of Motivation & Basic Entrepreneurship Course for Rezeki Tani participants at FAMA Terengganu State Office







Penyerahan bantuan peralatan Rezeki Tani kepada En. Pahami bin Fauzi dan En. Mohd Shafie bin Umar, peserta Rezeki Tani 2020 Negeri Kelantan

Handing over of Rezeki Tani equipment to En. Pahami bin Fauzi and En. Mohd Shafie bin Umar, participants of Rezeki Tani 2020 in Kelantan





Pelaksanaan projek peserta Rezeki Tani 2020, Pn. Zuraidi Bahari di Langkawi, Kedah

Implementation of the Rezeki Tani 2020 project of participant, Pn. Zuraidi Bahari in Langkawi, Kedah





Pelaksanaan projek peserta Rezeki Tani 2020, En. Muhamad Zaidi Mohmad Lipah di Pendang, Kedah
Implementation of the Rezeki Tani 2020 project of participant, En. Muhamad Zaidi Mohmad Lipah in Pendang, Kedah

Pembangunan Inovasi

Pada masa kini, perubahan sosial dan pasaran ekonomi semasa menuntut sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif untuk memenuhi atau melangkaui ekspektasi dan kehendak pelanggan serta *stakeholder*. FAMA mengambil dan mengamalkan pendekatan yang lebih inovatif untuk terus menjadi organisasi yang relevan dalam pengembangan pemasaran semasa menerusi aktiviti pembangunan Inovasi. Pembangunan Inovasi terbahagi kepada dua komponen iaitu Pengurusan Pengetahuan dan Inovasi Pemasaran.

Pengurusan Pengetahuan menggariskan objektif untuk membina dan mewujudkan sistem yang akan menjadi pusat penyimpanan (Bank Data) segala jenis maklumat dan pengetahuan berkaitan FAMA. Peranan utama Pengurusan Pengetahuan adalah:-

i. Mengumpul dan menyelaras semua maklumat FAMA yang bersifat rasmi dan bercetak (*Explicit Knowledge*) serta boleh dilihat secara umum.
ii. Mengumpul dan menyelaras pengetahuan khusus terhadap skop kerja setiap bahagian yang dimiliki oleh warga FAMA serta bersifat tidak bercetak (*Tacit and Implicit Knowledge*).
iii. Menyediakan satu pangkalan data berpusat kepada Pentadbir Bahagian/Ahli Jawatankuasa Pengurusan Pengetahuan untuk memastikan maklumat tersebut dapat dikongsi dan disebarkan kepada seluruh warga FAMA.

Innovation Development

Current social and market economy changes demand more innovative service delivery systems to meet or exceed the expectations and wants of customers and stakeholders. FAMA has adopted a more innovative approach to continue to be a relevant organisation in the new marketing developments through Innovation Development activities. Innovation development is divided into two components, namely Knowledge Management dan Marketing Innovation.

The objective of Knowledge Management is to build and create a system that will be a storage centre (Data Bank) of all types of information and knowledge related to FAMA. The main roles and functions of Knowledge Management are:-

i. Collect and coordinate all FAMA information that is official and printed (Explicit Knowledge) and can be accessed generally.
ii. Collect and coordinate specific knowledge on the scope of work of each section owned by FAMA staff, which is usually non-printed (Tacit and Implicit Knowledge).
iii. Provide a centralised database to the Division Administrator/Member of the Knowledge Management Committee to ensure that the information can be shared and disseminated to all FAMA staff.



Video yang dibangunkan (*Implicit and Tacit Knowledge*) iaitu 6 Tips untuk Urusetia Pasar Tani oleh Encik Zakaria bin Omar dengan kerjasama FAMA TV
Video developed (Implicit and Tacit Knowledge) namely 6 Tips for Farmers' Market Secretariat, by Mr. Zakaria bin Omar in collaboration with FAMA TV

Inovasi dalam pemasaran agromakanan pula memfokuskan kaedah adaptasi perubahan industri dengan penciptaan inovasi/kreativiti dalam teknologi pemasaran. Fungsi Inovasi Pemasaran adalah:-

i. Merancang dan merangka inovasi pemasaran (produk, harga, promosi dan lokasi).
ii. Menilai keberkesanan inovasi pemasaran.
iii. Mengumpul maklumat inovasi pemasaran daripada agensi, institusi dan badan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa.
iv. Merancang program bagi tujuan kesedaran inovasi pemasaran.

Innovation in agro-food marketing focuses on methods of adapting to industry change with the creation of innovation/creativity marketing technology. The functions of Marketing Innovation are:-

i. Planning and drafting marketing innovations (product, pricing, promotion and location).
ii. Evaluating the effectiveness of marketing innovations.
iii. Collecting marketing innovation information from agencies, institutions and innovation bodies at the national and international levels.
iv. Planning programmes for the purpose of marketing innovation awareness.

Sepanjang 2020, FAMA telah melaksanakan dua projek iaitu:-

a. Penjenamaan dan Pembungkusan Harumanis
i. Meningkatkan imej dan jenama Harumanis Perlis di sepanjang rantaian.
ii. Meningkatkan jualan Harumanis Perlis.
iii. Meningkatkan keterujaan pengguna terhadap Harumanis Perlis.

Throughout 2020, FAMA implemented two projects namely:-

a. Harumanis Branding and Packaging
i. Enhancing the image and branding of Harumanis Perlis throughout the chain.
ii. Increasing sales of Harumanis Perlis.
iii. Increasing consumer enthusiasm towards Harumanis Perlis.



Pasaran Runcit (*Offline & Online*)
Retail Market (Offline & Online)



Premium /VVIP
Premium / VVIP



Peringkat Ladang/Eksport
Farm/Export level



Kiosk Promosi
Promotional Kiosk

b. Inovasi Alat Memanjat Pokok Kelapa

Kerjasama projek ini adalah menyahut cabaran dan seruan FAMA bagi menginovasikan Alat Memanjat Pokok Kelapa atau *Speed Jat* nama yang telah dikomersialkan bagi tujuan promosi. FAMA telah membantu bagi mempatenkan produk dengan MyIPO dan penghasilan inovasi ini adalah daripada usahawan sepenuhnya.

Objektif Alat Memanjat Pokok Kelapa adalah:-

i. Mempelbagaikan kaedah *post-harvest handling* bagi komoditi kelapa.
ii. Memperkenalkan peralatan memanjat pokok kelapa berinovasi dari segi masa, kos dan hasil dapatan.

b. Coconut Tree Climbing Tool Innovation

This project collaboration is in response to FAMA's challenge and call to innovate the Coconut Tree Climbing Tool or Speed Jat, a name that has been commercialised for promotional purposes. FAMA has helped to patent products with MyIPO and the production of these innovations is entirely from entrepreneurs.

Objective of Coconut Tree Climbing Tool:-

i. Diversify post-harvest handling methods for coconuts.
ii. Introduce coconut tree climbing tools that are innovative in terms of time, cost and yields.



Alat Memanjat Pokok Kelapa atau *Speed Jat*
Coconut Tree Climbing Tool or Speed Jat

Pengetahuan dan inovasi adalah penggerak terhadap kemajuan sesebuah organisasi. Usaha-usaha ini bagi meningkatkan budaya inovasi dalam menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan untuk memenuhi permintaan dan penawaran golongan sasar pada masa akan datang.

Knowledge and innovation are the drivers of an organisation's progress. These efforts are to enhance the culture of innovation in providing a more innovative service delivery system to meet the supply and demand of stakeholders in the future.

KAWAL SELIA, SUMBER & DATA
REGULATIONS, RESOURCES & DATA

Kawal selia, sumber dan data merupakan fungsi-fungsi yang penting dalam menggerakkan peranan FAMA sebagai agensi pemasaran. Keputusan berpandukan data pasaran, analisis data dari sistem-sistem yang dibangunkan seterusnya penguatkuasaan serta kawal selia peraturan GPL yang dilaksanakan akan memacu FAMA sebagai agensi pemasaran agromakanan yang dinamik.

Regulations, resources and data are important functions in mobilising FAMA's role as a marketing agency. Decisions based on market data, data analysis from systems that have been developed and implementation of GPL regulations will drive FAMA as a dynamic agro-food marketing agency.

Maklumat Pasaran

Maklumat Pasaran FAMA berperanan menjalankan aktiviti pengumpulan maklumat pengeluaran dan harga bagi sesuatu komoditi hasil pertanian keluaran negara. Maklumat tersebut diperoleh daripada pelbagai sumber melalui:-

i. tinjauan pengeluaran hasil pertanian di peringkat ladang;
ii. kutipan harga secara menyeluruh di semua peringkat rantaian pemasaran;
iii. kajian pasaran; dan
iv. analisis data daripada Kementerian/Jabatan/ Agensi berkaitan sektor pertanian di Malaysia.

Hasil dapatan tersebut akan digunakan sebagai rujukan dan panduan dalam membuat perancangan serta keputusan bagi sesuatu projek atau pelan pembangunan. Maklumat akan disalurkan dalam pelbagai bentuk seperti jadual, pembentangan dan paparan infografik.

Objektifnya adalah:-

i. Mengetahui situasi maklumat pengeluaran hasil pertanian keluaran negara.
ii. Mendapatkan harga komoditi pertanian terpilih di ketiga-tiga peringkat iaitu ladang, borong dan runcit serta sebab / faktor kenaikan atau penurunan harga komoditi tersebut.
iii. Memberi gambaran atau amaran awal tentang isu-isu berkaitan hasil pertanian keluaran negara
iv. Menjadi sumber rujukan dan panduan dalam penetapan polisi kerajaan sama ada di peringkat kementerian atau agensi.
v. Menyediakan input yang telah dianalisis untuk disebarkan melalui portal FAMA, platform paparan analisis dan media sosial.

Market Information

FAMA's Market Information has the role of collecting market information such as production and prices for agricultural products of the country. The information is obtained from various sources such as:-

i. conducting surveys of agricultural production at the farm level;
ii. making comprehensive price collection at all levels of the marketing chain;
iii. conducting market research; and
iv. analysing data from Ministries/Departments/ Agencies related to the agricultural sector in Malaysia.

The findings will be used as a reference and guide in making plans and decisions for a project or development plan. Information will be channelled in various forms such as tables, presentations and info graphic displays.

The objectives are:-

i. To ascertain the production situation of agricultural products of the country.
ii. To obtain the prices of selected agricultural commodities at three levels, namely farm, wholesale and retail, as well as the reasons / factors for the increase or decrease in the price of the commodity.
iii. To provide an overview or early warning on issues related to agricultural products of the country.
iv. To be a source of reference and guidance in setting government policy either at the ministry or agency level.
v. To provide analysed inputs for dissemination through the FAMA portal, analysis display platforms and social media.

Pada tahun 2020, FAMA telah mengguna pakai Kaedah *Bricolage* iaitu memanfaatkan sumber-sumber maklumat terhad sedia ada dengan lebih kreatif. Melalui kaedah ini, pegawai tidak perlu turun ke lapangan untuk membuat kutipan harga tetapi berhubung terus dengan pembekal melalui telefon untuk mendapatkan maklumat.

In 2020, FAMA adopted the Bricolage Method, which is to utilise the limited sources of existing information more creatively. Through this method, officers did not have to go down to the field to make a price collection but communicated directly with the supplier by phone to get information.

Pendekatan lain yang diambil untuk mendapatkan maklumat harga adalah berpandukan aplikasi informasi harga laporan harian kepelbagaian sayur-sayuran (tanah tinggi dan rendah) atau lebih dikenali sebagai aplikasi SOJO yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak swasta. Dalam aplikasi ini, pengguna dapat mengetahui harga semua komoditi yang terdapat di beberapa pasar borong terpilih seluruh negara. Aplikasi *Price Catcher* yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) turut digunakan bagi menambah sumber maklumat harga di peringkat runcit.

Another approach taken to obtain price information was through the application of daily report price information on vegetable diversity (highland and lowland) or better known as SOJO application, which is operated entirely by the private sector. In this application, users can find the prices of all commodities available in selected wholesale markets across the country. The Price Catcher application developed by the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) was also used to increase the sources of price information at the retail level.

Bagi aktiviti kajian pasaran yang dilakukan secara mingguan, soal selidik dibuat secara atas talian melalui edaran *Google Forms* kepada para responden kajian. Penggunaan data sekunder sebagai rujukan dan panduan bagi menyokong maklumat kajian juga turut digunakan. Dalam perancangan RMK-12, FAMA berhasrat untuk mengembangkan lagi kaedah pengumpulan dan penyebaran maklumat dengan lebih kreatif seiring dengan Revolusi Industri 4.0 dan Masyarakat Pintar 5.0.

For market research activities conducted on a weekly basis, the questionnaire was prepared online through the distribution of Google Forms to the respondents of the study. The use of secondary data as a reference and guide to support the research information was also used. In 12MP planning, FAMA intends to further develop methods of collecting and disseminating information more creatively in line with the Industrial Revolution 4.0 and Smart Society 5.0.



Paparan infografik tren pergerakan harga runcit di Pasar Awam Chow Kit
Infographic display of trends of retail price movement in the Chow Kit Public Market



Paparan infografik maklumat harga semasa sesuatu komoditi
Infographic display of the current price of commodities

Regulatori

Aktiviti regulatori memberi fokus ke arah pemasaran keluaran pertanian negara yang berkualiti, selamat dan berjenama. Matlamatnya adalah produk keluaran tempatan mampu berdaya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa. Perlaksanaan aktiviti adalah mengikut Akta 141 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dan juga di bawah Peraturan-Peraturan Hasil Keluaran Pertanian (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan) 2008 atau Peraturan GPL. FAMA melalui fungsi program-program yang dilaksanakan di bawah Regulatori adalah seperti berikut:-

i. Kualiti dan Standard.
ii. Kawalan dan Perlesenan.
iii. Penguatkuasaan.

Regulatory

Regulatory activities focus on ensuring that the agricultural products that are marketed are of quality, safe and branded. Its aim is for locally produced products to be able to compete in the local and international markets. The implementation of activities is in accordance with Act 141 of the Federal Agricultural Marketing Authority Act 1965 and also under the Agricultural Products (Grading, Packaging and Labeling) Regulations 2008 or the GPL Regulations. FAMA through the Regulatory function has implemented several activities, namely:-

i. Quality and Standards.
ii. Control and Licensing.
iii. Enforcement.

Rajah 35: Peranan Regulatori
Figure 35: Regulatory Roles



Pembangunan dan Pengharmonian Standard

Pembangunan Standard merupakan satu proses kerja membentuk garis panduan untuk peningkatan dan pemeliharaan kualiti bagi keluaran pertanian. FAMA telah dipertanggungjawab untuk membangunkan FAMA Standard sejak tahun 1997 dengan memberi fokus kepada keluaran pertanian segar yang terpilih seperti sayur, buah, bunga, kekacang, bijirin dan kekeras.

FAMA Standard (FS) menjadi sumber rujukan dan penanda aras dalam menentukan kualiti dan gred keluaran pertanian serta dijadikan rujukan dan panduan di dalam pembentukan Malaysian Standard (MS). Proses pembangunan FS perlu dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh bagi mewujudkan standard yang boleh diguna pakai di sepanjang rantaian pemasaran. Proses ini melibatkan pelaksanaan kajian bagi keluaran pertanian segar yang merangkumi dua aspek iaitu:-

Development and Harmonisation of Standard

Standard development is a work process of formulating guidelines for the improvement and maintenance of quality of agricultural products. FAMA has been responsible for developing FAMA Standards since 1997 with focus on selected fresh agricultural products such as vegetables, fruits, flowers, legumes, grains and spices.

FAMA Standard (FS) is a source of reference and benchmark in determining the quality and grade of agricultural products and is used as a reference and guide in the formation of Malaysian Standards (MS). The FS development process needs to be implemented systematically and comprehensively to create standards that can be applied along the marketing chain. This process involves the implementation of studies for fresh agricultural products that includes two aspects, namely:-

i. Pembangunan FS melalui pengumpulan data primer (kajian lapangan).
ii. Pembangunan FS melalui penerimaan dan penyesuaian.

Penekanan terhadap standard adalah perlu dalam usaha meningkatkan daya saing tempatan dan penerimaan keluaran pertanian Malaysia di peringkat global dan seterusnya dapat membantu meluaskan luang pasaran dan mengurangkan halangan teknikal terhadap perdagangan. Malaysian Standard ini kemudiannya akan diharmonikan dalam membangunkan ASEAN Standard bagi memudahkan perdagangan antara Negara ASEAN. Perlaksanaan aktiviti sepanjang tahun 2020 adalah:-

i. Development of FS through primary data collection (field study).
ii. Development of FS through adoption and adaptation.

Emphasis on standards is necessary in order to increase local competitiveness and acceptance of Malaysian agricultural products globally, and in turn, can help expand market opportunities and reduce technical barriers to trade. These Malaysian Standards will then be harmonised in developing ASEAN Standards to facilitate trade among ASEAN countries. The implementation of activities throughout 2020 are:-

Rajah 36: Pelaksanaan Pembangunan Standard Sepanjang Tahun 2020
Figure 36: Implementation of Development of Standard Throughout 2020



Rajah 37: Bilangan FAMA Standard (FS), Malaysian Standard (MS) dan ASEAN Standard mengikut Komoditi sehingga 31 Disember 2020
Figure 37: Number of FAMA Standards (FS), Malaysian Standards (MS) and ASEAN Standards by Commodity as at 31 December 2020





Bengkel Pemahaman Standard Komoditi Pisang Cavendish, Pitaya, Sawi & Kubis Cina di Kinrara, Selangor
Workshop on Understanding Commodity Standards on Cavendish Banana, Pitaya, Mustard Greens & Chinese Cabbage in Kinrara, Selangor





Kajian Gred Kelapa di Kelantan dan Johor
Coconut Grade Study in Kelantan and Johor

Kajian Pembungkusan Kelapa Import dari Indonesia menggunakan jaring, karung guni dan beg jumbo di Batu Pahat, Johor
Study on Packaging of Imported Coconuts from Indonesia using nets, burlap sacks and jumbo bags in Batu Pahat, Johor









Kajian Penggredan Mangga Harumanis menggunakan mesin *Harumanis Intelligent Quality Systems* (HIQS) kolaborasi FAMA bersama UNIMAP di Perlis
Study on Harumanis Mango Grading using Harumanis Intelligent Quality Systems (HIQS) involving FAMA collaboration with UNIMAP in Perlis

Program Malaysia's Best

Penjenamaan Malaysia's Best bertujuan memperkenalkan keluaran pertanian tempatan yang diperakui berkualiti dan selamat serta mencapai standard yang ditetapkan. Kawalan kualiti bermula daripada amalan pengurusan ladang sehinggalah kepada aktiviti lepas tuai seperti penggredan, pembungkusan dan pelabelan sehinggalah tiba ke pasaran.

Malaysia's Best Programme

Malaysia's Best branding aims to introduce local agricultural products that are certified to meet the required standards in terms of quality and safety. Quality control starts from farm management practices to post-harvest activities such as grading, packaging and labeling until it reaches the market.



Hubungkait antara jenama Malaysia's Best dengan Amalan Pertanian Baik (APB) dan Peraturan GPL
The relationship between Malaysia's Best brand with Good Agricultural Practices (GAP) and GPL Regulations

SIMBOL KUALITI & KESELAMATAN MAKANAN
SYMBOL OF QUALITY & FOOD SAFETY

MyGAP/MyOrganic merupakan satu penarafan di peringkat awal rantaian pengeluaran makanan kepada peserta yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik. Peraturan GPL yang melibatkan pematuhan kepada pelaksanaan aktiviti penggredan, pembungkusan dan pelabelan adalah menjadi keperluan utama sebelum produk dapat berada di pasaran. Malaysia's Best adalah satu *endorsement brand* yang memberi perakuan dan pengiktirafan ke atas sesuatu produk yang berada di pasaran. Dengan adanya logo Malaysia's Best, produk tersebut adalah terjamin dari segi kualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna.

MyGAP/MyOrganic is an endorsement in the early stages of the food production chain to participants who practice Good Agricultural Practices. GPL regulations involving compliance with the implementation of grading, packaging and labeling activities are a key requirement before a product can be on the market. Malaysia's Best is a brand endorsement that gives certification and recognition to a product that is on the market. With the Malaysia's Best logo, the product is guaranteed in terms of quality and safe for consumption.

Sehingga 31 Disember 2020, terdapat sejumlah 25 syarikat dengan jenis buah-buahan seperti durian, nanas, manggis dan lain-lain; dan 10 syarikat dengan jenis sayur-sayuran seperti sayur berdaun, keledek dan halia telah disenaraikan sebagai pemegang sijil Malaysia's Best.

As of 31 December 2020, there were 25 companies with different types of fruits such as durian, pineapple, mangosteen and others; and 10 companies with vegetables such as leafy vegetables, sweet potatoes and ginger have been listed as Malaysia's Best certificate holders.

Bimbingan Inspektorat Kualiti

Bimbingan Inspektorat Kualiti dilaksanakan bagi memastikan pengendalian pemasaran keluaran hasil pertanian dibuat mengikut peraturan di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

Quality Inspectorate Guidance

Guidance from the Quality Inspectorate is implemented to ensure that the marketing of agricultural products is carried out in accordance with the regulations under the Federal Agricultural Marketing Authority (Grading, Packaging and Labeling of Agricultural Products) 2008.

Antara skop yang dilaksanakan adalah:-

i. memberi bimbingan dan khidmat nasihat secara taklimat, sesi penerangan dan *hands-on* berkenaan kualiti dan gred keluaran hasil pertanian kepada kumpulan sasar selaras dengan Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008; dan
ii. melaksanakan aktiviti penginspektoran berkenaan kualiti dan standard serta gred keluaran pertanian di premis-premis berkenaan.

Among the scope implemented are:-

i. provide guidance and advisory services through briefing, information sessions and hands-on on the quality and grade of agricultural products to the target groups in accordance with the Federal Agricultural Marketing Authority (Grading, Packaging and Labeling of Agricultural Products) 2008; and
ii. perform inspection activities on the quality and standard as well as grade of agricultural products in the premises.





Pemantauan kualiti dan pematuhan Peraturan GPL di beberapa pasaraya di sekitar Kota Samarahan, Sarawak
Monitoring of quality and compliance with GPL Rules in several supermarkets around Kota Samarahan, Sarawak

Kawalan Pasaran

Kawalan Pasaran bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pemasaran produk pertanian agar kekal kompetitif selain dapat mengekalkan pasaran sedia ada atau memperluas akses pasaran ke dalam dan luar negara seiring dengan perubahan dalam perdagangan dunia.

Tahun 2020 menyaksikan aktiviti-aktiviti perdagangan amat terkesan berikutan penutupan pintu-pintu sempadan negara. Sehubungan itu, kawalan pasaran memainkan peranan penting dalam menyokong perkhidmatan sepanjang rantaian pemasaran khususnya dalam konteks kawal selia agromakanan. Kawalan pasaran agromakanan tetap dijalankan meskipun jumlah yang direkodkan sepanjang tahun 2020 berkurangan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Berikut merupakan pencapaian aktiviti utama sepanjang tahun 2020:-

Market Control

Market Control aims to increase the efficiency and effectiveness of the marketing of agricultural products in order to remain competitive as well as to maintain existing markets or expand market access into and out of the country in line with changes in world trade.

Trade activities in year 2020 were particularly affected following the closure of the country's borders. Accordingly, market control plays an important role in supporting services along the marketing chain especially in the context of agro-food regulations. Market control of the agro-food sector continued even though the number of activities recorded during 2020 decreased compared to previous years. The following are the achievements of key activities throughout 2020:-

Rajah 38: Pelaksanaan Aktiviti Kawalan Pasaran Sepanjang Tahun 2020
Figure 38: Implementation of Market Control Activities Throughout 2020



Pelesenan FAMA

Lesen-lesen FAMA dilaksanakan berdasarkan peraturan-peraturan sedia ada di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Disemak 1974 [Akta 141]) adalah seperti berikut: -

i. Rancangan Pemasaran Kelapa 1973.
ii. Rancangan Pemasaran Kopi 1971.
iii. Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pelesenan Pengeksportan Buah-Buahan) 1990.
iv. Peraturan-Peraturan Pemasaran Sayur 1975.

FAMA Licensing

FAMA licenses are administered based on the existing regulations under the Federal Agricultural Marketing Authority 1965 Act (Revised 1974 [Act 141]) as follows: -

i. Coconut Marketing Plan 1973.
ii. Coffee Marketing Plan 1971.
iii. Federal Agricultural Marketing Authority (Fruit Export Licensing) Regulations 1990.
iv. Vegetable Marketing Regulations 1975.

Rajah 39: Bilangan Pelesen FAMA Mengikut Komoditi pada Tahun 2020
Figure 39: Number of FAMA Licensees by Commodity in 2020



Sistem e-Sijil 3P

Pengeluaran Sijil Perakuan Pematuhan/*Certificate of Conformity* (CoC) merupakan dokumentasi wajib untuk pengimportan dan pengeksportan keluaran pertanian di bawah Peraturan GPL melalui sistem online e-Sijil 3P. Ia juga merupakan medium penting sebagai sumber daya jejak bagi tujuan analisis kajian, pengumpulan data jangka masa panjang, pencegahan, pengawalan dan pemantauan.

3P e-Sijil System

Issuance of Certificate of Conformity (CoC) is a mandatory documentation for the importation and exportation of agricultural products under the GPL Regulations through the online 3P e-Sijil System. It is also an important medium as a traceability resource for the purposes of research analysis, long-term data collection, prevention, control and monitoring.

Rajah 40: Paparan Laman Sesawang Sistem e-Sijil 3P
Figure 40: Website Display of The 3P e-Sijil System



Pendaftaran sistem e-Sijil 3P oleh syarikat pemohon bagi tahun 2020 menurun berbanding tahun 2019 di mana sebanyak 2012 syarikat telah berdaftar pada tahun 2019 manakala hanya 504 syarikat yang berdaftar pada tahun 2020.

The registration of the 3P e-Sijil system by applicant companies for 2020 decreased compared to 2019 where a total of 2012 companies were registered in 2019 while only 504 companies were registered in 2020.

Tahun 2020 mencatatkan penurunan dari segi permohonan kelulusan eksport. Sejumlah 164,692 permohonan direkodkan pada tahun 2020 berbanding 167,583 permohonan yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Penurunan ini terjadi berikutan penutupan pintu-pintu sempadan oleh kebanyakan negara.

The year 2020 saw a decline in terms of export approval applications. A total of 164,692 applications were recorded in 2020 compared to 167,583 applications in the previous year. This decline occurred following the closure of border gates by most countries.

Walau bagaimanapun, tahun 2020 mencatatkan kenaikan bagi permohonan kelulusan import sebanyak 7.17 peratus berbanding tahun sebelumnya. Jumlah permohonan yang diluluskan bagi tahun 2020 adalah sebanyak 109,573 permohonan manakala bagi tahun 2019 adalah sebanyak 101,722 permohonan.

However, 2020 saw an increase in import approval applications of 7.17 percent compared to the previous year. The total number of applications approved for the year 2020 was 109,573 while for the year 2019 there was a total of 101,722 applications.

Rajah 41: Statistik Permohonan Kelulusan COC Import bagi Tahun 2019 dan 2020
Figure 41: Import COC Approval Application Statistics for 2019 and 2020



Sistem ePermit Import

FAMA dipertanggungjawab untuk mengesah dan meluluskan permohonan permit import melalui sistem online ePermit bagi komoditi biji kopi mentah dan kobis bulat di Sarawak sahaja. Pada tahun 2020, FAMA merekodkan permohonan permit sejumlah 85 bagi biji kopi mentah dan 785 bagi kobis bulat.

ePermit Import System

FAMA is responsible for confirming and approving import permit applications through the online ePermit system for raw coffee beans and round cabbage in Sarawak only. In 2020, FAMA recorded a total of 85 permit applications for raw coffee beans and 785 for round cabbage.

Rajah 42: Paparan Laman Sesawang Sistem ePermit
Figure 42: Website Display of the ePermit System



Penguatkuasaan

Penguatkuasaan dilakukan terhadap pematuhan Peraturan GPL (*Grading, Packaging and Labeling*) demi menjamin keselamatan makanan negara dari segala aspek pengimportan, pengeksportan, pemborongan dan peruncitan. Sebanyak 212 notis kesalahan (NK) dan 1,371 kenyataan pemeriksaan premis (KPP) telah dikeluarkan. Aktiviti penguatkuasaan ini turut melibatkan kerjasama strategik bersama KPDNHEP, MAQIS, DBKL, AKSEM, PDRM, Jabatan Imigresen, Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Enforcement

Enforcement on the GPL (Grading, Packaging and Labeling) Regulations is carried out to ensure the safety of the nation's food from all aspects of importation, exportation, wholesaling and retailing. A total of 212 offense notices (NK) and 1,371 premise inspection statements (KPP) were issued. These enforcement activities also involved strategic cooperation with KPDNHEP, MAQIS, DBKL, AKSEM, PDRM, Immigration Department, Department of Environment and Local Authorities.



Operasi Pemantauan dan Penguatkuasaan Pematuhan Peraturan GPL di projek-projek FAMA di Pasar Tani Borong, Selayang
GPL Regulation Compliance Monitoring and Enforcement Operations in FAMA projects in Wholesale Farmers Market, Selayang



Operasi Pemantauan dan Penguatkuasaan Pematuhan Peraturan GPL di premis-premis swasta seperti di gudang pengimport/ pengeksportan
GPL Regulation Compliance Monitoring and Enforcement Operations in private premises such as in import/export warehouses

Jadual 20: Bilangan Kenyataan Pemeriksaan Premis (KPP) Notis Kesalahan (NK) bagi Tahun 2020
Table 20: Number of Premises Inspection Statements (KPP) Offense Notices (NK) for the Year 2020

LAPORAN PEMERIKSAAN PENGUATKUASAAN PERATURAN PENGGREDAN, PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN BAGI TAHUN 2020 *INSPECTION REPORT ON THE ENFORCEMENT OF GRADING, PACKAGING AND LABELLING REGULATIONS FOR 2020*	
Bilangan pemeriksaan *Number of inspection*	1,371
Notis kesalahan (NK) *Offense notices (NK)*	212
Bilangan premis terlibat *Number of premises involved*	1,371

Pusat Pemeriksaan Kualiti Hasil Pertanian FAMA KLIA

Pemeriksaan kualiti yang dijalankan pada 2020 melibatkan 115 buah syarikat dengan kuantiti pengeksportan sebanyak 16,000 MT. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 11.7 peratus berbanding tahun 2019.

FAMA KLIA Agricultural Produce Quality Inspection Centre

Quality inspection conducted in 2020 involved 115 companies with an export quantity of 16,000 MT. This shows an increase of 11.7 percent compared to 2019.

Jadual 21: Statistik Eksport Buah-buahan, Sayur-sayuran dan Keratan Bunga bagi Tahun 2019 dan 2020
Table 21: Export Statistics for Fruits, Vegetables and Cut Flowers in 2019 and 2020

LAPORAN EKSPORT BUAH-BUAHAN, SAYUR-SAYURAN DAN KERATAN BUNGA BAGI TAHUN 2019 DAN 2020 (MT) YANG MELALUI KLIA *EXPORT REPORT ON FRUITS, VEGETABLES AND CUT FLOWER FOR 2019 AND 2020 (MT) SHIPPED THROUGH KLIA*		
Kategori *Category*	2019	2020
Buah-buahan *Fruits*	8,839.06	9061.07
Sayur-sayuran *Vegetables*	5,111.13	6,997.37
Keratan bunga *Cut Flowers*	450.67	251.24
Jumlah / *Total*	**14,400.86**	**16,309.68**

Skim *Self-Regulated System By Regulated Entities* (SRBRE)

SRBRE merupakan pemudahcara bagi pengeksport melaksanakan sendiri penggredan dan pengesahan gred bagi komoditi di bawah Peraturan GPL. FAMA bertanggungjawab memantau pelaksanaan skim ini bagi memastikan syarikat yang berstatus SRBRE mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Pada tahun 2020 pertambahan sebanyak dua syarikat dari Lembah Klang dan dua belas syarikat dari Negeri Johor yang menyertai skim ini. Ini menjadikan keseluruhan peserta yang menyertai skim ini adalah sebanyak 53 syarikat berbanding pada tahun 2019 iaitu 39 syarikat.

Self-Regulated System by Regulated Entities (SRBRE) Scheme

SRBRE is a facilitator for exporters to perform their own grading and grade verification for commodities under the GPL Regulations. FAMA is responsible for monitoring the implementation of this scheme to ensure that companies with SRBRE status comply with the regulations that have been set. In 2020, an increase of 2 companies from the Klang Valley and 12 companies from the State of Johor participated in this scheme. This brought the total number of participants in this scheme to 53 companies compared to 39 companies in 2019.



Penerangan SRBRE dan Pemeriksaan GPL di Negeri Johor
Providing Information on SRBRE and GPL Inspection in Johor





Kursus Dan Latihan SRBRE (*Self Regulated By Regulated Entities*) Kepada Jurugred Pengeksport
SRBRE (Self Regulated By Regulated Entities) Courses and Training Provided to Graders of Exporters

Teknologi Maklumat

FAMA memberikan keutamaan dalam pembangunan, pengurusan sistem dan pemantauan infrastruktur bagi memenuhi keperluan dan mematuhi piawaian terbaik ICT dalam pelaksanaan aktiviti dan fungsi FAMA. Sehubungan dengan itu beberapa sistem baharu telah dibangunkan bagi memperkasakan pendigitalan perkhidmatan dalam talian *end-to-end* (E2E). Selain itu, kaedah pemasaran yang dilakukan secara tradisional kini telah berubah menjadi lebih kreatif seiring dengan perkembangan teknologi digital.

Information Technology

FAMA gives priority to the development, system management and monitoring of infrastructure to meet the needs and comply with the best ICT standards in the implementation of FAMA activities and functions. In this regard, several new systems have been developed to strengthen the digitalisation of end-to-end online services (E2E). In addition, traditional marketing methods have now changed to be more creative in line with the development of digital technology.

Rajah 43: Pendigitalan FAMA
Figure 43: FAMA Digitalisation



Bagi memastikan pemasaran produk agromakanan yang lebih cekap, FAMA telah membangunkan sistem pemasaran digital bersepadu sejajar dengan globalisasi pendigitalan dunia perniagaan masa kini dan berusaha menyediakan perkhidmatan ICT kepada warga FAMA sekaligus merealisasikan pendigitalan FAMA untuk golongan sasar.

To ensure more efficient marketing of agro-food products, FAMA developed an integrated digital marketing system in line with the globalisation of the business world today and strives to provide ICT services to FAMA staff while realising FAMA digitalisation for the target groups.

Antara aktiviti yang telah dijalankan bagi menambahbaik infrastruktur rangkaian serta meningkatkan kualiti capaian rangkaian adalah dengan menaiktaraf sistem rangkaian di 22 Pusat Operasi FAMA seluruh negara. Selain itu, Sistem Virtualization turut dinaiktaraf bagi memastikan *Virtual Machine* (VM) yang menempatkan sistem-sistem FAMA beroperasi pada tahap optimum dan mengurangkan gangguan capaian pada sistem. Perolehan komputer turut dilakukan bagi memudahkan kakitangan FAMA menjalankan tugasan yang dipertanggungjawabkan.

Among the activities that were carried out to improve the network infrastructure and improve the quality of network access was to upgrade the network system at 22 FAMA Operations Centres throughout the country. In addition, the Virtualisation System was also upgraded to ensure that the Virtual Machine (VM) that houses FAMA systems operates at optimum levels and reduces access disruption to the system. Procurement of computers was also done to facilitate FAMA staff to carry out the tasks entrusted to them.

Rajah 44: Lokasi Sistem Rangkaian di Pusat Operasi FAMA yang Telah Dinaiktarafkan
Figure 44: Location of the Network System at the Upgraded FAMA Operations Centres



Rajah 45: Bilangan Perolehan Komputer
Figure 45: Number of Computer Procurement



Rajah 46: Senarai Sistem Baharu
Figure 46: List of New Systems



Sistem Agrofas

Sistem Agrofas adalah sistem pemantauan dan perekodan suhu bilik sejuk FAMA berdasarkan *Internet of Things* (IoT). Setiap bilik sejuk ditetapkan pada suhu yang berbeza bergantung kepada jenis barangan atau komoditi. Pemantauan suhu secara berterusan penting bagi memastikan kualiti komoditi berada dalam tahap terbaik dan mengelakkan daripada rosak. Notifikasi akan dihantar kepada pengguna jika terdapat perubahan suhu yang telah ditetapkan pada setiap bilik sejuk.

Agrofas System

The Agrofas system is a FAMA cold room temperature monitoring and recording system based on the Internet of Things (IoT). Each cold room is set at a different temperature depending on the type of goods or commodity. Continuous temperature monitoring is important to ensure that the quality of the commodity is at its best and prevent damage. A notification will be sent to the user if there is a temperature change from the pre-set level in each cold room.

Rajah 47: Skrin Sistem Agrofas
Figure 47: Agrofas System Screen



Sistem i-Pemasar

Sistem i-Pemasar ditawarkan kepada pengguna awam untuk memohon perkhidmatan yang disediakan oleh FAMA secara atas talian. Pengguna awam boleh mendapat makluman dan juga mengurus akaun pengguna dengan mudah dan cepat.

Modul-modul ini dibina memfokuskan kepada Pendaftaran Akaun Pengguna Awam dan Permohonan Perkhidmatan atau program anjuran FAMA. Maklumat daripada keseluruhan modul digunakan oleh sistem yang lain dari segi pengendalian peserta dan pemohon usahawan FAMA bagi mengelakkan pertindihan peserta.

i-Pemasar System

The i-Pemasar system is offered to public users to apply for services provided by FAMA online. Public users can get alerts and even manage user accounts easily and quickly.

These modules are built focusing on Public User Account Registration and Service Application or FAMA sponsored programmes. Information from the entire module is used by other systems in terms of handling participants and FAMA entrepreneur applicants to avoid duplication of participants.

Rajah 48: Skrin Sistem i-Pemasar
Figure 48: i-Pemasar System Screen



Sistem AGROFun

Sistem AGROFun ini memfokuskan kepada transaksi jualan tanaman produk segar daripada pengeluar terus kepada pembeli bagi menyelesaikan isu rantaian pemasaran melalui teknologi *blockchain*. Sistem AGROfun ini juga dibangunkan dengan tujuan untuk mengubah pendekatan *Buyer of the last resort* kepada *Seller of the last resort* di mana FAMA bertindak sebagai fasilitator dalam mengatur pasaran di antara pengeluar dan pemasar.

Ini sekaligus mengurangkan *tier* pemasaran dengan penentuan harga secara terus oleh petani kepada pembeli. Petani turut dapat mengurangkan kerugian, pelupusan, dan masalah stok kerana pengeluar berupaya untuk memasarkan barang keluaran terus daripada ladang ke pengguna. Menerusi sistem ini, maklumat pengeluaran, pemasar, lokasi pasaran dan logistik dapat diketahui dengan tepat dan terkini.

AGROFun System

The AGROFun system focuses on the sale of fresh produce from producers directly to buyers to solve marketing chain issues through blockchain technology. The AGROfun system was also developed with the aim of changing the approach of Buyer of the last resort to Seller of the last resort where FAMA acts as a facilitator in arranging the market between producers and marketers.

This in turn reduces the marketing tier with direct pricing by farmers to buyers. Farmers are also able to reduce losses, disposals, and stock problems because producers are able to market their products directly from the farm to consumers. Through this system, production, marketer, market location and logistics information can be known accurately and up-to-date.

Rajah 49: Skrin Petani Sistem AGROFun
Figure 49: AGROFun System Farmer Screen



Log Masuk Petani *Farmer Login*	Pendaftaran Petani *Farmer Registration*	Laman Utama Graf *Supply & Demand* *Main Page, Supply & Demand Graph*

Rajah 50: Skrin Pembeli Sistem AGROFun
Figure 50: AGROFun System Buyer Screen



Log Masuk Pembeli *Buyer Login*	Pembeli Masuk Butiran Peribadi *Buyer Enters Personal Details*	Pembeli Cari Produk *Buyer Searches for Products*

Sistem AGRIM

AGRIM adalah merupakan sistem berupaya mengendalikan aktiviti dalam talian yang berupa jualan produk hasilan proses, pendaftaran usahawan, permohonan usahawan. Sistem ini menyediakan *business box* kepada usahawan bagi menjalankan dan menguruskan peniagaan mereka yang merangkumi sistem POS, inventori, invois, pengurusan stok, pelaporan dan gerbang pembayaran.

Selain itu, sistem ini berupaya menjana laporan bagi pengeluaran produk, bahan mentah dan stok yang dikeluarkan oleh usahawan dan juga kilang serta pusat operasi segar. Usahawan turut mendapat manfaat dari segi pengurusan perniagaan yang lebih cekap dan sistematik serta membantu pihak FAMA memantau usahawan yang berdaftar di bawah FAMA seterusnya diperluaskan kepada semua usahawan di bawah MAFI.

AGRIM System

AGRIM is a system capable of handling online activities in the form of sales of processed products, registration of entrepreneurs and entrepreneur applications. The system provides a business box for entrepreneurs to run and manage their business, which includes POS system, inventory, invoicing, stock management, and reporting and payment gateway.

In addition, this system is able to generate reports for the production of products, raw materials and stocks issued by entrepreneurs as well as factories and fresh operations centres. Entrepreneurs also benefit in terms of more efficient and systematic business management as well as helping FAMA monitor entrepreneurs registered under FAMA and then extended to all entrepreneurs under MAFI.

Rajah 51: Skrin Sistem AGRIM
Figure 51: AGRIM System Screen





Sistem AgroBiz

Sistem Pengurusan Penyewaan (AgroBiz) membolehkan pengguna mendapatkan perkhidmatan lot niaga bagi kemudahan sewa fasiliti di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) FAMA Kelantan. Pengguna awam sama ada individu atau syarikat berupaya untuk menempah kemudahan lot pejabat, dewan, lot kiosk, ruang pameran dan bilik seminar. Sistem ini akan diperluaskan di lokasi lain seperti RTC Perak dan Medan Niaga Satok pada masa akan datang. Sistem ini membantu RTC Kelantan dalam menguruskan penyewa dengan lebih efisien dan efektif.

AgroBiz System

The Rental Management System (AgroBiz) enables users to obtain commercial lot services for facility rental facilities at the Kelantan FAMA Rural Transformation Centre (RTC). Public users whether individuals or companies are able to book the facilities of office lots, halls, kiosk lots, exhibition spaces and seminar rooms. The system will be expanded to other locations such as RTC Perak and Medan Niaga Satok in the future. This system helps RTC Kelantan in managing tenants more efficiently and effectively.

Rajah 52: Skrin Sistem AgroBiz
Figure 52: AgroBiz System Screen



Portal FAMATV

Portal FAMATV adalah portal yang dibangunkan dan bertindak sebagai Pusat Maklumat Digital FAMA. Portal ini berperanan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan informasi FAMA dengan lebih cepat dan berkesan secara atas talian. Selaras anjakan paradigma kepada pendigitalan dan modenisasi, portal ini menjadi antara pusat kepada hebahan kandungan yang berkualiti seperti berita, aktiviti dan promosi.

FAMATV Portal

The FAMATV portal has been developed to act as the FAMA Digital Information Centre. This portal serves to increase the effectiveness of the delivery of FAMA services and information more quickly and effectively online. In line with the paradigm shift to digitalisation and modernisation, this portal has become one of the centres for the dissemination of quality content such as news, activities and promotions.

Rajah 53: Portal FAMATV
Figure 53: FAMATV Portal



ANAK SYARIKAT
SUBSIDIARIES

FAMA Corporation Sdn Bhd (FAMACorp)

FAMA Corporation Sdn Bhd atau FAMACorp merupakan anak syarikat kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), sebuah agensi pemasaran di bawah MAFI. Syarikat ini telah diperbadankan pada 15 Ogos 1994. FAMACorp berperanan untuk mewujudkan pemangkin dan pembolehdaya suasana sedemikian rupa supaya pemasaran komoditi, produk keluaran pertanian dan industri asas tani dapat berkembang di dalam dan luar negara yang seterusnya mampu meningkatkan daya saing usahawan ke peringkat yang lebih baik.

Objektif anak syarikat ini adalah:-

i. Menjadi pemangkin untuk memaksimum pengeluaran produk pertanian dan hortikultur industri asas tani tempatan serta memaksimum penggunaannya dalam industri berasas pertanian negara.
ii. Memposisi produk pertanian dan hortikultur tempatan sebagai produk pilihan di pasaran tempatan dan antarabangsa.

FAMA Corporation Sdn Bhd (FAMACorp)

FAMA Corporation Sdn Bhd or FAMACorp is a subsidiary of the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), a marketing agency under MAFI. The company was incorporated on 15 August 1994. FAMACorp's role is to create a catalyst and enabler environment so that the marketing of commodities, agricultural products and agro-based industries can grow locally and abroad, which in turn can increase the competitiveness of entrepreneurs.

Subsidiary's objectives are:-

i. To be a catalyst to maximise the production of agricultural and horticultural products of the local agro-based industry as well as to maximise its use in the country's agro-based industry.
ii. To position local agricultural and horticultural products as products of choice in the local and international markets.

Rajah 54: Prestasi Jualan Mengikut Pecahan Segmentasi FAMA Corporation Sdn Bhd bagi Tahun 2020
Figure 54: Sales Performance by Segmentation Breakdown for FAMA Corporation Sdn Bhd for 2020



Import dan Urusniaga Segar

Aktiviti import yang dijalankan oleh FAMACorp meliputi dua komoditi utama iaitu kobis dan kelapa. Prestasi jualan bagi aktiviti import ini mengalami kemerosotan berikutan polisi baharu dan kawalan serta pemeriksaan ketat di semua pelabuhan antarabangsa termasuk Malaysia. Perkara ini menyebabkan kelewatan pelepasan barang dan penangguhan jadual kapal. Bagi tahun 2020, prestasi jualan mencatatkan peratus penurunan sebanyak 8.4 peratus.

Impak besar yang berlaku adalah pembekalan dalam negara bagi dua komoditi adalah terhad ke seluruh negara sekaligus kesan terhadap kenaikan harga komoditi di pasaran. Pada suku tahun ketiga, aktiviti import dan urusniaga segar mengalami fasa pemulihan berikutan aliran dan pengurusan kemasukan kontena yang bertambah baik. Akan tetapi, kos pengurusan dan pengendalian meningkat kerana dokumen dan pemeriksaan kontena di pelabuhan diperketatkan di semua pintu keluar masuk seluruh negara berikutan pandemik COVID-19. Kesan terhadap isu ini harga komoditi masih kekal tinggi berikutan peningkatan kos pengurusan pelabuhan.

Imports and Fresh Trading

The import activities carried out by FAMACorp cover two main commodities, namely cabbage and coconut. The sales performance of these imported produce deteriorated due to new policies and strict controls and inspections at all international ports, including Malaysia. This resulted in delays in the release of goods and postponements in shipping schedules. For 2020, sales performance recorded a decline of 8.4 percent.

The big impact felt was that the domestic supply of the two commodities was limited throughout the country as well as the effect on the increase in commodity prices in the market. In the third quarter, import activities and fresh trading underwent a recovery phase following improved container inflow and management. However, management and handling costs increased as documentation and container inspections at ports were tightened at all entrances and exits nationwide following the COVID-19 pandemic. The impact of this issue was that commodity prices remained high due to rising port management costs.

Rajah 55: Prestasi Jualan Import dan Urusniaga Produk Segar
Figure 55: Import Sales Performance and Fresh Product Trading



Edaran Produk Proses (AgroMas)

Aktiviti yang melibatkan edaran proses merupakan pengedaran produk AgroMas secara terus ke outlet (*offline*) dan atas talian. Peningkatan nilai jualan mendadak terjadi berikutan tingkah laku pengguna terhadap pembelian secara *panic-buying* dan nasihat kerajaan berkenaan pembelian barangan keperluan isi rumah secara pukal bagi meminimakan pergerakan. Selain itu juga, berlaku pembelian pukal oleh outlet pasaraya *hypermarket* dan *supermarket* bagi tujuan simpanan *buffer stock* outlet berikutan pembelian secara *panic-buying* oleh pengguna. Prestasi keseluruhan jualan produk AgroMas mencatatkan peningkatan sebanyak 12 peratus bagi jualan terus ke outlet (*offline*) dan secara atas talian.

Processed Product Distribution (AgroMas)

Processed product distribution covers the handling of AgroMas product distribution directly to outlets (offline) and online. There was a sharp increase in sales value due to consumer panic-buying and government advice on the purchase of household necessities in bulk to minimise movements of people. In addition, there were bulk purchases by hypermarket and supermarket outlets for the purpose of stocking up following panic-buying purchases by consumers. The overall sales performance of AgroMas products recorded an increase of 12 percent for direct sales to outlets (offline) and online for the year.



Jualan Produk AgroMas di Pasaraya
AgroMas Products Sales in Supermarkets

Peruncitan

Agrobazaar (Hentian Rehat Lebuhraya Plus)

Pada awalnya, keseluruhan outlet peruncitan yang dibangunkan oleh FAMACorp adalah sebanyak empat buah outlet peruncitan yang terletak di Perhentian Rehat Lebuhraya PLUS Arah Utara dan Selatan. Rangkaian outlet peruncitan yang dimiliki oleh FAMACorp adalah seperti berikut:-

i. Agrobazaar R&R Ayer Arah Selatan (Jejantas).
ii. Agrobazaar Seremban Arah Selatan.
iii. Agrobazaar Seremban Arah Utara.
iv. Agrobazaar Ulu Bernam.

Rangkaian outlet peruncitan Agrobazaar ini menjalankan aktiviti jualan produk makanan dan minuman (*ready-to-eat* dan *ready-to-drink*) serta produk keperluan yang bersesuaian. Outlet ini juga merupakan salah satu platfom bagi usahawan kecil untuk memasarkan produk sebelum produk dipasarkan ke pasaraya besar.

Pada suku pertama tahun 2020, prestasi empat buah outlet Agrobazaar mengalami kemerosotan yang ketara. Semua outlet diarahkan menutup premis sepanjang tempoh PKP dan mengakibatkan kemerosotan jualan selama tiga bulan. Walaupun operasi outlet peruncitan dan merentas negeri dibenarkan pada suku keempat tahun 2020, namun prestasi jualan masih tidak dapat dipulihkan berikutan kekurangan pengunjung. Ketiadaan pelancong luar seperti dari Singapura dan pelancongan berkumpulan juga merupakan salah satu sebab prestasi jualan tiada peningkatan.

Secara keseluruhannya, penurunan prestasi adalah sebanyak 11.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Kesan situasi ini mengakibatkan outlet Agrobazaar Ulu Bernam ditamatkan operasi pada bulan November tahun 2020 kerana tidak mampu menampung kos operasi yang tinggi.

Retailing

Agrobazaar (Plus Highway Rest Stops)

FAMACorp had four retail outlets located at the Northbound and Southbound Rest Stops on the PLUS Highway. The retail outlets owned by FAMACorp were as follows:-

i. Agrobazaar R&R Ayer Keroh Southbound (Overhead Bridge).
ii. Agrobazaar Seremban Southbound.
iii. Agrobazaar Seremban Northbound.
iv. Agrobazaar Ulu Bernam.

The Agrobazaar chain of retail outlets sells food and beverage products (ready-to-eat and ready-to-drink) as well as suitable essential products. These outlets are also one of the platforms for small entrepreneurs to market their products before venturing into large supermarkets.

In the first quarter of 2020, the performance of these four Agrobazaar outlets experienced a significant decline. All outlets were instructed to close their premises during the MCO period and this resulted in a sales decline for three months. In the fourth quarter of 2020, although operations of retail outlets and cross-state travel were allowed, sales performance could not be restored due to lack of visitors. The lack of foreign tourists such as from Singapore and group tourism was also one of the reasons for sluggish sales performance.

Overall, the decline in performance was 11.9 percent over the previous year. As a result of this situation, the Ulu Bernam Agrobazaar outlet was terminated in November 2020 as the outlet could not afford the high operating costs compared to sales generated.

Rajah 56: Prestasi Jualan Bagi Rangkaian Outlet Agrobazaar Hentian Rehat Lebuhraya PLUS
Figure 56: Sales Performance for the PLUS Highway Rest Stop Agrobazaar Outlet Chain





Outlet Agrobazaar Seremban Arah Utara
Seremban Northbound Agrobazaar Outlet

Agrobazaar (Pasaraya)

Rangkaian outlet Agrobazaar yang berkonsepkan pasaraya telah diwujudkan dan merupakan kolaborasi antara FAMA dan FAMACorp. Outlet ini telah dibangunkan bagi memasarkan produk hasilan pertanian serta menjadi platfom kepada usahawan kecil dan sederhana memasarkan produk. Rangkaian outlet yang telah dibangunkan adalah sebanyak tiga buah outlet iaitu:-

i. Agrobazaar Permint Jaya, Terengganu.
ii. Agrobazaar Chendering, Terengganu.
iii. Agrobazaar Rakyat Taman Sena Indah, Perlis.

Suku tahun pertama 2020 mencatatkan laporan jualan keseluruhan bagi ketiga-tiga outlet ini meningkat, impak dari situasi *panic buying* oleh pengguna di seluruh negara. Prestasi jualan keseluruhan bagi ketiga-tiga pasaraya Agrobazaar meningkat sebanyak 37 peratus berbanding tahun sebelumnya. Selain itu juga, pembekalan stok juga terjejas akibat pengurangan jumlah tenaga kerja sebanyak 50 peratus dari jumlah asal serta kekurangan bahan mentah berikutan penutupan pintu sempadan dan pelabuhan negara.

Agrobazaar (Supermarket)

A chain of Agrobazaar outlets with a supermarket concept has been established with collaboration between FAMA and FAMACorp. These outlets have been developed to market agricultural products as well as act as a platform for small and medium entrepreneurs to market products. The three outlets that have been developed are:-

i. Agrobazaar Permint Jaya, Terengganu.
ii. Agrobazaar Chendering, Terengganu.
iii. Agrobazaar Rakyat Taman Sena Indah, Perlis.

In the first quarter of 2020, the overall sales for these three outlets recorded an increase due to the impact of panic buying by consumers throughout the country. The overall sales performance of the three Agrobazaar supermarkets increased by 37 percent over the previous year. At the same time, the stock supply was insufficient due to production plants not being able to operate at normal capacity due to the constraints of 50 percent reduction in manpower as well as lack of raw materials due to the closure of border gates and ports.

Rajah 57: Prestasi Jualan Keseluruhan Rangkaian Outlet Agrobazaar (Pasaraya) FAMA Corportion Sdn Bhd bagi Tahun 2020

Figure 57: Overall Sales Performance of FAMA Corporation Sdn Bhd Agrobazaar Outlet Chain (Supermarket) for 2020







Outlet Pasaraya Agrobazaar Chendering, Terengganu
Agrobazaar Supermarket Outlet at Chendering, Terengganu



Outlet Pasaraya Agrobazaar Rakyat Taman Sena Indah, Perlis
Agrobazaar Rakyat Supermarket Outlet, Taman Sena Indah Perlis

Eksport

Prestasi jualan bagi aktiviti eksport syarikat mencatatkan penurunan sebanyak 23.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Kemerosotan ini disebabkan oleh perubahan polisi dan kawalan serta pemeriksaan ketat di pelabuhan antarabangsa termasuk Malaysia. Aktiviti eksport didapati kurang memberangsangkan berikutan kos pengurusan pelabuhan yang meningkat akibat dari dokumen tambahan pelepasan produk di pelabuhan dan kos pengendalian (*container and product inspection; reschedule vessel*) kesan dari pemeriksaan yang ketat di pelabuhan.

Export

The sales performance of the company's export activities showed a decrease of 23.3 percent over the previous year. The decline was due to changes in policies and controls as well as strict inspections at international ports, including Malaysia. Export activity was less encouraging due to increased port management costs attributed to extra product documentation requirements and handling costs (container and product inspection; vessel reschedule) in response to strict inspections at the ports.

Rajah 58: Prestasi Jualan bagi Aktiviti Eksport Produk AgroMas
Figure 58: Sales Performance of AgroMas Product Export Activities





Aktiviti memuat masuk stok AgroMas Sri Kaya Madu ke dalam Kontena
Loading activities of AgroMas Sri Kaya Madu stocks into Containers

Pengilangan

Aktiviti pengilangan pula menunjukkan peningkatan positif dari segi nilai jualan iaitu 52.4 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Ini impak dari pembelian pukal oleh pasaraya dan agen pengedar berikutan *panic buying* di seluruh negara. Kehadiran kakitangan yang dibenarkan datang bekerja hanya 50 peratus dari jumlah keseluruhan menyebabkan pengeluaran tidak dapat dilaksanakan pada kadar maksima. Masalah ini hanya dapat diatasi pada suku tahun kedua apabila kerajaan membenarkan perlaksanaan penuh bagi industri makanan.

Manufacturing

Manufacturing activity showed a positive increase in sales value of 52.4 percent compared to the previous year. This was due to the impact of bulk purchases by supermarkets and distribution agents following the panic buying in the country. However, production was not run at maximum rate due to the staff attendance being limited to only 50 percent of the total capacity. This problem was overcome in the 2nd quarter when the government allowed leeway of full capacity for the food industry.

Rajah 59: Prestasi Jualan Bagi Pengilangan Bagi Produk AgroMas dan OEM Produk Minuman
Figure 59: Sales Performance of AgroMas Product Manufacturing and OEM of Beverage Products



Jualan Dalam Talian

Prestasi jualan bagi segmentasi ini meningkat sebanyak 55 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pengguna memilih untuk berbelanja melalui platfom belian dalam talian (online) dan penghantaran terus ke rumah.

Online Sales

The sales performance for this segment increased by 55 percent over the previous year. During this period, consumers chose to shop through online shopping platforms and direct home delivery.

Rajah 60: Prestasi Jualan Secara Dalam Talian (Online) FAMA Corporation Sdn Bhd bagi Tahun 2020
Figure 60: Online Sales Performance of FAMA Corporation Sdn Bhd for 2020





Platform jualan atas talian (Online) FAMA Corporation Sdn Bhd
Online sales platform for FAMA Corporation Sdn Bhd



Jualan atas talian di Portal AEON Co. dan Shopee Malaysia
Online sales on AEON Co. Portal and Shopee Malaysia

Secara keseluruhan, prestasi jualan FAMACorp adalah RM55.4 juta bagi berakhir 31 Disember 2020 berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM51.4 juta. Pencapaian prestasi ini telah disumbangkan melalui beberapa aktiviti pengukuhan portfolio perniagaan dengan peningkatan tahap servis (*service level*) di saluran pasaran pasaraya (*offline*), penambahbaikan pengurusan import permit (AP), penambahbaikan pengeluran dan pengurusan pengilangan, pertambahan outlet peruncitan, aktiviti eksport dan penerokaan pasaran serta aktiviti promosi dalam talian (online). Penyesuaian strategi telah membantu syarikat untuk terus berdaya saing.

Overall, FAMACorp recorded a total sales value of RM55.4 million as at 31 December 2020 compared to RM51.4 million in the previous year. This performance was contributed by several business portfolio strengthening activities with increased service level in the supermarket market channel (offline), improved import permit (AP) management, improved production and manufacturing management, increased retail outlets, export activities and market exploration as well as online promotional activities. Strategy adjustments helped the company to remain competitive.

MyKopiesatu Sdn Bhd (MKSB)

MyKopiesatu Sdn Bhd (MKSB) merupakan anak syarikat milik penuh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). MKSB menyediakan platform untuk usahawan memulakan perniagaan dengan tawaran pakej perniagaan francais Kopiesatu, perniagaan perlesenan Mykopie dan Kanchong Darat Coffee (KDC). Selain itu, syarikat juga menyediakan perkhidmatan pembekalan bahan mentah kepada kafe luar mengikut keperluan mereka serta menyediakan khidmat nasihat bagi usahawan yang ingin membuka perniagaan F&B.

Pada tahun 2019 MKSB berjaya mendapatkan biji kopi tempatan Arabika Ranau Sabah dengan kerjasama FAMA Sabah. Kini kopi Arabika tempatan digunakan secara menyeluruh dengan semangat membantu petani tempatan untuk meningkatkan pengeluaran mereka.

Cabaran ekonomi domestik menunjukkan prestasi pendapatan syarikat pada tahun 2020 menurun kepada RM1.22 juta berbanding RM 1.53 juta pada tahun 2019 susulan pengurangan pelancong luar masuk ke Malaysia. Perniagaan di kawasan komersial dan tumpuan pelancong adalah paling terjejas teruk iaitu Kopiesatu R&R Ayer Keroh Selatan, Kopiesatu R&R Tapah Selatan dan di Kementerian Luar Negeri, Putrajaya. Manakala outlet usahawan yang terjejas adalah di Menara Ansar, Johor Bahru. Walau bagaimanapun syarikat berupaya mengadaptasi dengan cara perniagaan norma baharu dengan menceburi perniagaan online dengan lebih serius. Secara keseluruhan pendapatan syarikat pada tahun 2020 disumbang tinggi oleh hasil jualan oleh outlet korporat.

MyKopiesatu Sdn Bhd (MKSB)

Mykopiesatu Sdn Bhd (MKSB) is a wholly owned subsidiary of the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA). MKSB provides a platform for entrepreneurs to start a business by offering Kopiesatu franchise business packages, Mykopie licensing business and Kanchong Darat Coffee (KDC). In addition, the company also provides raw material supply services to other cafes according to their needs as well as advisory services for entrepreneurs who want to open F&B businesses.

In 2019, MKSB managed to get supplies of local Arabica Ranau Sabah coffee beans through collaboration with FAMA Sabah. Local Arabica coffee is now used extensively with the spirit of helping local farmers to increase their production.

The challenges of the domestic economy resulted in the company's revenue performance in 2020 decreasing to RM1.22 million compared to RM1.53 million in 2019 following the reduction in foreign tourists entering Malaysia. Businesses in commercial and tourist areas were the most severely affected, namely Kopiesatu R&R Ayer Keroh South, Kopiesatu R&R Tapah South and at the Ministry of Foreign Affairs, Putrajaya. Meanwhile, the affected entrepreneur outlets were in Menara Ansar, Johor Bahru. However, companies were able to adapt to the new norms of business by venturing into online businesses more seriously. Overall, the company's revenue in 2020 was contributed largely by sales revenue from corporate outlets.

Jadual 22: Nilai Jualan Outlet MyKopiesatu Sdn Bhd bagi Tahun 2020
Table 22: Sales Value of MyKopiesatu Sdn Bhd Outlets for the Year 2020

BIL. *NO.*	PERNIAGAAN / OUTLET *BUSINESS / OUTLET*	JUALAN (RM) *SALES (RM)*
1.	Outlet MinDef (Korporat) *MinDef Outlet (Corporate)*	231,226.65
2.	Outlet R&R Ayer Keroh (Korporat) *R&R Ayer Keroh Outlet (Corporate)*	141,891.41
3.	Outlet MOF (Korporat) *MOF Outlet (Corporate)*	120,440.26
4.	Sales – *Franchise/Trading* (Korporat) *Sales – Franchise/Trading (Corporate)*	118,059.82
5.	Sales – *Online* (Korporat) *Sales – Online (Corporate)*	117,950.70
6.	Outlet MAFI (Korporat) *MAFI Outlet (Corporate)*	82,961.58
7.	Outlet KLN (Korporat) *KLN Outlet (Corporate)*	65,593.80
8.	Outlet KPLB (Korporat) *KPLB Outlet (Corporate)*	50,424.53
9.	Sales – *Movan* (Korporat) *Sales – Movan (Corporate)*	31,051.91
10.	Sales – *Event* *Sales – Event*	2,943.80

Selain itu, MKSB telah membuat pengurangan kos secara drastik dengan penutupan outlet MTDC UPM Serdang dan R&R Tapah Arah Selatan. Penyerahan outlet Kanchong Darat Coffee Kementerian Pembangunan Usahawan Putrajaya dan R&R Sg Buloh Jejantas Selatan kepada usahawan juga dilaksanakan sebagai langkah strategik untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan daya saing syarikat.

In addition, MKSB made a drastic cost reduction with the closure of MTDC UPM Serdang and R&R Tapah Southbound outlets. The handing over of the Kanchong Darat Coffee outlet of the Ministry of Entrepreneur Development in Putrajaya and Sg Buloh South R&R Overhead Bridge to entrepreneurs was also implemented as a strategic measure to reduce operating costs and increase the company's competitiveness.

Jadual 23: Perbandingan Bilangan Outlet MyKopiesatu Sdn Bhd Pada Tahun 2019 dan 2020
Table 23: Comparison of the Number of MyKopiesatu Sdn Bhd Outlets in 2019 and 2020

PERKARA *SUBJECT*	KOPIESATU	MYKOPIE	KANCHONG DARAT COFFEE	JUMLAH *TOTAL*
2019 Bilangan Outlet *No. of Outlet*	**12** **8** Korporat / *Corporate* **4** Francaisi / *Franchaisee*	**14** Myagrosis	**4** **2** Korporat / *Corporate* **2** Usahawan / *Entrepreuneur*	**30** **10** Korporat / *Corporate* **20** Usahawan / *Entrepreuneur*
2020 Bilangan Outlet *No. of Outlet*	**10** **6** Korporat / *Corporate* **4** Francaisi / *Franchaisee*	**17** Myagrosis	**4** **1** Korporat UIA **3** Usahawan / *Entrepreuneur*	**31** **7** Korporat / *Corporate* **24** Usahawan / *Entrepreuneur*

Namun begitu, syarikat juga berjaya membuka beberapa outlet baru iaitu:

a) Pembukaan outlet Kanchong Darat Coffee secara mobile wagon di Universiti Islam Antarabangsa pada 3 Februari 2020;
b) Pembukaan outlet di Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak Kuala Lumpur pada 1 Jun 2020; dan

However, the company also managed to open several new outlets namely:

a) The opening of the Kanchong Darat Coffee outlet by mobile wagon at the International Islamic University on 3 February 2020;
b) The opening of an outlet at the Ministry of Defence Jalan Padang Tembak Kuala Lumpur on 1 June 2020; and



Perasmian Kiosk Kopiesatu Oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan di MinDef pada 12 Jun 2020
Inauguration of Kopiesatu Kiosk by YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Senior Minister of Defence at MinDef on 12 June 2020

c) Tiga kolej telah berminat dan menerima pakej Mykopie dari FAMA iaitu Kolej Komuniti Kepala Batas, Pulau Pinang; Politeknik Kuching Sarawak; UiTM Seri Iskandar, Perak.

c) Three colleges expressed interest and received the Mykopie package from FAMA, namely Kepala Batas Community College, Penang; Kuching Sarawak Polytechnic; UiTM Seri Iskandar, Perak.



Taklimat francais Mykopie dan demo penyediaan tempat dan air Mykopie di UiTM Seri Iskandar, Perak kepada ahli kelab MyAgrosis pada 4 Ogos 2020
Mykopie franchise briefing and Mykopie venue and water preparation demo at UiTM Seri Iskandar, Perak to MyAgrosis club members on 4 August 2020

MKSB turut melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu usahawan francaisi untuk kembali berniaga iaitu:

i. Bantuan nilai RM 1,500 dalam bentuk stok permulaan berniaga.
ii. Tiada yuran royalti dikenakan sepanjang tempoh PKP ketika perniagaan tidak benar dijalankan.
iii. Galakan membuka perniagaan secara online iaitu Grab Food dan Foodpanda serta platform atas talian POS.

MKSB also implemented various initiatives to help franchisee entrepreneurs to return to business, namely:

1) Assistance worth RM1,500 in the form of start-up stocks.
2) Exemption from royalty fees during the MCO period when the business was not permitted to be conducted.
3) Encouragement to open online businesses through Grab Food and Foodpanda as well as POS online platforms.

Syarikat telah menceburi pemasaran atas talian bagi mengadaptasi situasi ekonomi semasa. Bermula 20 April 2020 syarikat dengan kerjasama FAMA telah mula melaksanakan projek jualan produk segar dan proses secara atas talian dengan menyertai platform syarikat luar iaitu Shopee, Lazada, OurFarm dan OurShop. Perlaksanaan projek ini telah melibatkan usahawan Pasar Tani Kekal Selayang serta *MyFarm* Outlet Putrajaya serta usahawan IAT seliaan FAMA. Antara produk yang terlibat adalah buah-buahan, sayur-sayuran, ikan segar, ayam segar, daging segar, produk sejuk beku, Q-fish, produk IAT usahawan. Bayaran balik belian produk usahawan adalah dalam tempoh tiga hingga lima hari bagi membolehkan usahawan membuat pusingan stok dengan pantas.

The company also ventured into online marketing to adapt to the economic situation. Starting 20 April 2020, the company in collaboration with FAMA started implementing projects to sell fresh and processed products online by joining the platforms of external companies, namely Shopee, Lazada, OurFarm and OurShop. The implementation of this project involved entrepreneurs from the Selayang Permanent Farmers' Market and MyFarm Outlet in Putrajaya as well as agro-based industry entrepreneurs supervised by FAMA. Among the products involved were fruits, vegetables, fresh fish, fresh chicken, fresh meat, frozen products, Q-fish, and entrepreneurs' agro-based industry products. Repayment of the entrepreneurs' product purchase was within three to five days to enable the entrepreneurs to roll stocks quickly.

Hasil jualan dari 20 April hingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM159,276.29. Tumpuan diberikan di kawasan Lembah Klang. Penghantaran ke pengguna adalah menggunakan khidmat syarikat seperti Lalamove dan Goget bagi produk mudah rosak manakala syarikat J&T, Pos Laju, DHL dan Pgeon bagi produk kering. Purata penghantaran sehari adalah antara 20 hingga 100 belian sehari. Projek ini mampu meningkatkan keupayaan syarikat untuk kekal dalam industri.

Sales revenue from 20 April to 31 December 2020 was RM159,276.29. The focus was on the Klang Valley area. Delivery to consumers was enabled using the services of companies such as Lalamove and Goget for perishable products while J&T, Pos Laju, DHL and Pgeon were utilised for dry products. The average delivery per day was between 20 to 100 purchases. This project was able to enhance the company's ability to remain in the industry.



MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN

ENHANCING MANAGEMENT EFFECTIVENESS

MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN
ENHANCING MANAGEMENT EFFECTIVENESS

FAMA telah diluluskan peruntukan pembangunan tahun 2020 sebanyak RM29 juta berbanding peruntukan diterima pada tahun 2019 sebanyak RM33.82 juta. Peruntukan yang diterima adalah bagi melaksanakan projek dan program/aktiviti di sepanjang rantaian bekalan iaitu bermula dari peringkat ladang sehingga kepada pengguna.

FAMA was approved a development allocation of RM29 million for 2020 compared to the allocation of RM33.82 million in 2019. This allocation was to implement projects and programmes/activities along the supply chain, beginning from the farm level to the consumer.

Berikutan penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020, pada 27 Mac 2020, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM250 bilion yang akan memberi manfaat kepada keseluruhan rakyat Malaysia.

Following the outbreak of COVID-19 and the Movement Control Order starting 18 March 2020, the Prime Minister of Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin, on 27 March 2020 announced the People's Caring Economic Stimulus Package (PRIHATIN) worth RM250 billion which was to benefit the people of Malaysia.

Pada masa ini, peranan FAMA amat diperlukan bagi memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi dengan menyediakan infrastruktur tempat penyimpanan dan pengagihan makanan. Sehubungan itu, FAMA telah diluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta menjadikan peruntukan Pembangunan yang diterima pada tahun 2020 adalah berjumlah RM59 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) untuk Program Stok Bekalan Makanan dalam menangani kenaikan kos sara hidup rakyat.

At this time, FAMA had a crucial role to ensure that food supply remained secure and adequate by providing food storage and distribution infrastructure. In this regard, FAMA was approved an additional allocation of RM30 million under the People's Caring Economic Stimulus Package (PRIHATIN) for the Food Supply Stock Programme in addressing the rising cost of living. This brought the total development allocation received in 2020 to RM59 million.

Sumber bekalan diperolehi secara import dan bekalan tempatan khususnya daripada petani/usahawan kecil yang mengalami masalah kekurangan akses kepada pasaran khususnya di kawasan pedalaman. Kekurangan akses pasaran memberi kesan kepada pulangan harga rendah, manipulasi orang tengah, kadar susutan tinggi, kos pengeluaran meningkat dan kos pemasaran tinggi. Ini menyebabkan petani/usahawan tidak memperolehi pendapatan yang setimpal bagi hasil pertanian mereka.

Sources of supply were from imports and local supplies, especially from farmers/small entrepreneurs who suffered from lack of access to markets, especially in rural areas. Lack of market access led to low price yields, manipulation by middlemen, high depreciation rates, increased production costs and high marketing costs. This resulted in farmers/entrepreneurs not earning a decent income for their agricultural products.

Senarai projek FAMA bagi penerimaan peruntukan pada tahun 2020 berjumlah RM59 juta mengikut rantaian adalah seperti di **Rajah 61**.

*The list of FAMA projects for the distribution of allocation totalling RM59 million by chain in 2020 is shown in **Figure 61**.*

Rajah 61: Peruntukan Tahun 2020 FAMA Mengikut Rantaian Bekalan
Figure 61: FAMA Allocation Along Supply Chain in 2020



Secara keseluruhannya, pencapaian projek/program FAMA pada tahun 2020 adalah seperti di **Rajah 62**.

*The overall achievement of FAMA projects/ programmes in 2020 is shown in **Figure 62**.*

Rajah 62: Ringkasan Pencapaian Projek FAMA Sehingga 31 Disember 2020
Figure 62: Summary of FAMA Project Achievements as at 31 December 2020



Peruntukan Khas di bawah Kementerian Kewangan (B11)

Pada 27 Februari 2020, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 iaitu bertemakan "Memperkukuhkan Keyakinan, Merangsang Pertumbuhan, Melindungi Pekerjaan" bagi memastikan risiko ekonomi berkaitan penularan wabak COVID-19 dapat ditangani dengan berkesan.

Pakej Rangsangan Ekonomi yang bernilai RM20 billion ini ditunjangi oleh tiga strategi utama, iaitu:

Strategi Pertama:
Menangani Impak COVID-19.

Strategi Kedua:
Memangkin Pertumbuhan Berteraskan Rakyat; dan

Strategi Ketiga:
Menggalakkan Pelaburan Berkualiti.

Special Allocation under the Ministry of Finance (B11)

On 27 February 2020, the Prime Minister of Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, announced the Economic Stimulus Package 2020 themed "Strengthening Confidence, Stimulating Growth, Protecting Jobs" to ensure that economic risks related to the spread of the COVID-19 pandemic could be addressed effectively.

The RM20 billion Economic Stimulus Package was underpinned by three main strategies, namely:

Strategy One:
Overcoming the Impact of COVID-19.

Strategy Two:
Catalysing People-Centric Growth; and

Strategy Three:
Encouraging Quality Investment.

Sehubungan dengan itu, FAMA tidak terkecuali daripada menerima peruntukan di bawah Strategi ke-2 iaitu Memangkin Pertumbuhan Berteraskan Rakyat, Perenggan 21 iaitu meningkatkan pendapatan rakyat dan mengurangkan kos sara hidup rakyat di mana sebanyak RM10 juta diberikan kepada FAMA untuk menyediakan kemudahan simpanan makanan supaya harga dapat dikurangkan. Pecahan komponen bagi peruntukan ini adalah seperti yang berikut:

In this regard, FAMA was also provided allocations under the 2nd Strategy, which is Catalysing People-Centric Growth, under Paragraph 21 to increase people's income and reduce the cost of living whereby RM10 million was allocated to FAMA to provide food storage facilities so that prices could be reduced. The breakdown of components for this allocation is as follows:



MENAIKTARAF DEPO PENYIMPANAN DAN PENGEDARAN
UPGRADING STORAGE DEPOT AND DISTRIBUTION

Bilangan Projek / *No. of Projects* :
30



PEMBAIKAN DAN MEWUJUDKAN BILIK SEJUK
REPAIRS AND ESTABLISHMENT OF COLD ROOMS

Bilangan Projek / *No. of Projects* :
Baharu / *New* (10)
Naiktaraf / *Upgrading* (23)

Pada tahun 2020, FAMA telah terlibat secara langsung dalam pembentukan Dasar Agromakanan Negara 2.0. FAMA mempunyai peranan yang penting dalam menggerakkan DAN 2.0 terutama bagi Teras Polisi Kedua yang membabitkan pemasaran.

In 2020, FAMA was directly involved in the formulation of the National Agro-Food Policy (NAP) 2.0. FAMA had an important role in mobilising NAP 2.0, especially for the Second Policy Thrust, which involves marketing.

Berdasarkan Seksyen 2 (3) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965. Lembaga Pengarah FAMA hendaklah mengandungi anggota-anggota yang dilantik oleh Menteri seramai empat belas orang. Di sepanjang tahun 2020, Lembaga Pengarah FAMA telah bersidang sebanyak lima kali berbanding pada tahun 2019 iaitu 11 kali. Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA ini bertujuan bagi membincangkan hal-hal mengenai dasar berkaitan seperti belanjawan, perancangan program, pentadbiran, serta hal-hal lain yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah FAMA untuk memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan aktiviti di setiap peringkat mengikut seperti mana penetapan dasar dan operasi yang ada.

Pursuant to Section 2 (3) of the Federal Agricultural Marketing Authority 1965 Act, the FAMA Board of Director shall consist of fourteen members appointed by the Minister. Throughout 2020, the FAMA Board of Director met five times compared to 11 times in 2019. The purpose of the FAMA Board of Directors' meeting is to discuss relevant policy matters such as budgeting, programme planning, administration, and other matters that require the approval of the FAMA Board of Director to ensure that planning and implementation of activities at each level is in accordance with the stated policies and operations.

FAMA juga telah membantu MAFI menyediakan input jawapan Dewan Rakyat dan input jawapan Dewan Negara. Antara isu-isu yang kerap diangkat ke Parlimen ialah bantuan kepada pekebun dan isu orang tengah. Selain itu, FAMA juga menyelaras maklumbalas pihak atasan seperti Mesyuarat Pasca Kabinet, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi MAFI, Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Mesyuarat YB Menteri bersama Exco Negeri.

FAMA also assisted MAFI in preparing Dewan Rakyat and Dewan Negara reply inputs. Among the issues that were often raised in Parliament was assistance to farmers and the issue of middleman. Apart from that, FAMA also coordinated feedback for higher authorities such as the Post-Cabinet Meeting, MAFI Top Management Meeting, Policy Committee Meeting and Minister's Meeting with the State Exco.

Penyelarasan dan penyediaan taklimat telah diadakan kepada:

i. Taklimat FAMA kepada Pengerusi FAMA;
ii. Taklimat FAMA kepada YB Timbalan Menteri;
iii. Taklimat FAMA kepada Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA);
iv. Taklimat FAMA kepada Bahagian Pemasaran & Eksport (BPE), MAFI;
v. Taklimat FAMA kepada World Bank; dan
vi. Taklimat FAMA kepada Ketua Setiausaha MAFI di Dengkil.

Coordination and preparation of briefings were held for:

i. FAMA briefing to FAMA Chairman;
ii. FAMA briefing to Deputy Minister;
iii. FAMA briefing to the Federation of Malaysian Consumer Associations (FOMCA);
iv. FAMA briefing to Marketing & Export Division, MAFI;
v. FAMA briefing to the World Bank; and
vi. FAMA briefing to the Secretary General of MAFI in Dengkil.









Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Dan *Ministerial Performance Indicators* (MPI) FAMA Tahun 2020

1. Pada tahun 2020, pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan *Ministerial Performance Indicators* (MPI) FAMA adalah berdasarkan Halatuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020. Halatuju ini dirangka berasaskan tiga dimensi sektor agromakanan iaitu sekuriti makanan negara, pembangunan ekonomi luar bandar serta penggalakan pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa. Dokumen ini bertunjangkan lima halatuju utama yang akan dicapai melalui 18 strategi dan 51 inisiatif.

Achievement of FAMA's Key Performance Indicators (KPIs) and Ministerial Performance Indicators (MPI) in Year 2020

1. *In 2020, the achievement of FAMA's Key Performance Indicators (KPIs) and Ministerial Performance Indicators (MPIs) was based on the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry's Direction: Priorities and Strategies 2019-2020 document. This direction was formulated based on the three dimensions of the agro-food sector, namely national food security, rural economic development as well as the promotion of private investment and international trade. This document outlines five key directions that will be achieved through 18 strategies and 51 initiatives.*

2. Halatuju-halatuju tersebut adalah seperti berikut:

i. Halatuju Pertama (HT 1)
Memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan.

ii. Halatuju Kedua (HT 2)
Merancakkan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian.

iii. Halatuju Ketiga (HT 3)
Menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan *agropreneur* muda.

iv. Halatuju Keempat (HT 4)
Menambahbaik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan.

v. Halatuju Kelima (HT 5)
Memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah Kementerian untuk menambahbaik sistem penyampaian serta tadbir urus Kementerian.

2. The directions are as follows:

i. First Direction (HT 1)
Modernize and increase agricultural production to ensure the stability of food supply and prices in the country by giving emphasis to the paddy, ruminant and fisheries sub -sectors.

ii. Second Direction (HT 2)
Invigorate private investment in agriculture commercially as well as increase agricultural export trade.

iii. Third Direction (HT 3)
To make agriculture a sustainable, strong and profitable source of income for farmers, breeders, fishermen and young agropreneurs.

iv. Fourth Direction (HT 4)
Improve the agricultural industry ecosystem to support agricultural modernisation, private sector investment and expansion activities for farmers, breeders and fishermen.

v. Fifth Direction (HT 5)
Strengthen the organisational structure of departments and agencies under the Ministry to improve the delivery system and governance of the Ministry.

Penglibatan FAMA Dalam Halatuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

FAMA telah terlibat secara langsung kepada Halatuju Kedua (HT2) dan Halatuju Keempat (HT4). Berikut adalah Laporan Pencapaian KPI dan MPI FAMA pada Tahun 2020.

FAMA's Involvement in the Directions of the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry

FAMA was directly involved in the Second Direction (HT2) and the Fourth Direction (HT4). The following are the FAMA KPI and MPI Achievement Report for 2020.

Jadual 24: Pencapaian KPI FAMA dalam Halatuju 2
Table 24: FAMA KPI Achievements in Direction 2

HT 2: Merancakkan Penglibatan Pelaburan Swasta Dalam Pertanian Secara Komersial Serta Meningkatkan Dagangan Eksport Pertanian *HT 2: Invigorate Private Investment in Agriculture Commercially as well as Increase Agricultural Export Trade.*	Sasaran *Target* 2020	Capai Jan-Dis *Achieved Jan-Dec* 2020	% Capai *Achieved*
Meningkatkan bilangan PPL mudah alih baharu *Increase number of new mobile PPL*	9	11	122%

Jadual 25: Pencapaian MPI & KPI FAMA dalam Halatuju 4
Table 25: FAMA MPI & KPI Achievements in Direction 4

HT 4: Menambahbaik Ekosistem Industri Pertanian Untuk Menyokong Pemodenan Pertanian, Pelaburan Sektor Swasta dan Aktiviti Pengembangan Untuk Petani, Penternak dan Nelayan ***HT 4: Improve the Agricultural Industry Ecosystem to Support Agricultural Modernisation, Private Sector Investment and Expansion Activities for Farmers, Breeders and Fishermen.***	**Sasaran** ***Target*** **2020**	**Capai Jan-Dis** ***Achieved Jan-Dec*** **2020**	**% Capai** ***Achieved***
Meningkatkan nilai jualan usahawan runcit (RM Juta) *Increase sales of retail entrepreneurs (RM Million)*	RM915 juta / *million*	RM1,075.96 juta / *million*	118%
Meningkatkan nilai jualan usahawan borong (RM Juta) *Increase sales value of wholesale entrepreneurs (RM Million)*	RM697 juta / *million*	RM603.41 juta / *million*	87%
Strategi 2: Pengukuhan Saluran Pengedaran dan Pemasaran ***Strategy 2: Strengthening Distribution and Marketing Channels***			
Menambahbaik pembangunan insfrastruktur pemasaran untuk dimanfaatkan oleh para pengeluar *Improving the development of marketing infrastructure for the benefit of producers*			
i. Bilangan pusat dinaiktaraf (bilik sejuk) *Number of centres upgraded (cold rooms)*	11	11	100%
ii. Bilangan pusat GMP dan Halal *Number of centres with GMP and Halal*	5	5	100%
Memberi pendedahan kepada akses pasaran luar negara mengikut jenis komoditi terpilih dalam pelaksanaan Program Pembangunan Pasaran dan Produk Juara *Provide exposure to foreign market access according to the type of selected commodity in the implementation of the Market Development Programme and Champion Products*			
i. Penyertaan Pameran Perdagangan *Participation in Trade Exhibitions*	7	7	100%
ii. Penganjuran promosi *in-store* *Organising in-store promotions*	14	14	100%
iii. Penerokaan pasaran eksport dan pemantapan bekalan (produk segar & proses) *Export market exploration and supply stabilisation (fresh & processed products)*	12	10	100%
Inisiatif 2: Memperkenalkan Strategi Pemasaran Agromakanan ***Initiative 2: Introducing Agro-food Marketing Strategy***			
Menambah bilangan usahawan pemasar *Increase the number of entrepreneur marketers*	672	561	83%
Inisiatif 3: Mengurangkan Kebergantungan Melampau Kepada Orang Tengah ***Initiative 3: Reducing Excessive Dependence on Middlemen***			
Meningkatkan belian secara langsung bagi produk segar di bawah program KUKUH *Increase direct purchases of fresh products under the KUKUH programme*			
Kuantiti Pembekalan (MT) *Supply Quantity (MT)*	2,325	5,184	223%
Bilangan Pemasar *Number of Marketers*	99	99	100%
Bilangan Pengeluar *Number of Producers*	465	465	100%
Memperkasakan pembangunan pemasaran melalui syarikat peneraju (infra pemasaran) *Empowering marketing development through leading companies (marketing infrastructure)*	50	56	112%
Meningkatkan belian terus daripada petani (MT) *Increase direct purchases from farmers (MT)*	15,000	38,535	244%
Mempergiatkan Jualan Terus Dari Ladang (JTDL), Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak tanpa melibatkan pihak ketiga *Intensify Jualan Terus Dari Ladang (JTDL), Contract Farm Supply Strengthening Programme without involving third parties*	234	416	178%
Memperkukuh portal Agrobazaar online yang telah dibangunkan dengan meningkatkan bilangan pendaftaran pekedai baharu *Strengthen the Online Agrobazaar portal that has been developed by increasing the number of new seller registrations*	500	545	109%

MPI dan KPI FAMA tahun 2020 telah mencapai sasaran yang ditetapkan walaupun berlaku pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan perancangan awal. Namun begitu, pelbagai usaha dan tindakan telah dilaksanakan FAMA bagi memastikan perkhidmatan kepada usahawan dan pengguna telah dapat mengatasi cabaran ini. FAMA telah memposisikan dan memperkukuhkan pemasaran pertanian kepada platform digital melalui Agrobazaar Online dan platform swasta. Kesannya, usahawan dan petani telah berjaya memasarkan hasil mereka walaupun berlaku ancaman pandemik dengan norma kehidupan yang baharu.

FAMA MPI and KPIs for 2020 have achieved the set targets despite the outbreak of the COVID-19 pandemic, which affected initial planning. Nevertheless, various efforts and initiatives have been implemented by FAMA to ensure that services were provided to entrepreneurs and consumers despite challenges. FAMA also positioned and strengthened agricultural marketing on digital platforms through Agrobazaar Online and private platforms. As a result, entrepreneurs and farmers managed to market their produce despite the threat of a pandemic with a new norm of life.

Pengurusan & Pentadbiran

Pada tahun 2020, FAMA telah diperuntukkan sejumlah RM 141.16 juta bajet mengurus. **Jadual 26** menunjukkan perbandingan peruntukan mengurus FAMA tahun 2019 dan 2020, daripada peruntukan tersebut komponen emolumen telah menyumbang sebanyak 87.96 peratus daripada keseluruhan peruntukan mengurus diikuti komponen bekalan dan perkhidmatan sebanyak 12.04 peratus. **Jadual 27** menunjukkan perbandingan peruntukan mengurus FAMA bagi tahun 2019 dan 2020.

Management & Administration

*In 2020, FAMA was allocated a total of RM141.16 million under the operating budget. **Table 26** shows the comparison of FAMA's operating allocation for 2019 and 2020, of which the emolument component contributed 87.96 percent of the total operating allocation, followed by the supply and services component of 12.04 percent. **Table 27** shows the comparison of FAMA operating allocations for 2019 and 2020.*

Jadual 26: Perbandingan Peruntukan Mengurus FAMA Tahun 2019 dan 2020
Table 26: Comparison of FAMA's Operating Allocations for 2019 and 2020

KOMPONEN *COMPONENT*	2019 (RM JUTA/ *MILLION*)	2020 (RM JUTA/ *MILLION*)	PERATUSAN *PERCENTAGE* (%)
Dasar Sedia Ada *Existing Policies*	182.17	141.16	-22.51
Dasar Baharu *New Policies*	-	-	-
Dasar *One-off* *One-off Policies*	0.7	-	-100
Jumlah / *Total*	**182.87**	**141.16**	**-22.81**

Jadual 27: Perbandingan Perincian Peruntukan Mengurus Tahun 2019 dan 2020 Mengikut Komponen
Table 27: Comparison of Details of Operating Allocations for 2019 and 2020 by Component

KOMPONEN *COMPONENT*	2019 (RM JUTA/ *MILLION*)	2020 (RM JUTA/ *MILLION*)	PERATUSAN *PERCENTAGE* (%)
Emolumen *Emoluments*	124.50	124.16	-0.27
Bekalan & Perkhidmatan *Supplies & Services*	50.17	17.00	-66.12
Aset *Assets*	0.70	-	-100
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap *Grants & Fixed Charges*	4.50	-	-100
Perbelanjaan Lain *Other Expenses*	3.00	-	-100
Jumlah / *Total*	**182.87**	**141.16**	**-22.81**

Pengurusan FAMA mengucapkan tahniah kepada kakitangan yang telah mendapat pengurniaan Pingat dan Darjah Kebesaran pada tahun 2020.

The FAMA management congratulates staff that was awarded Medals and Honorary Titles in 2020.

Rajah 63: Senarai Kakitangan yang Telah Dikurniakan Pingat dan Darjah Kebesaran Mengikut Negeri Pada Tahun 2020

Figure 63: List of Staff who were Awarded Medals and Honorary Titles by State in 2020



DATO' ZAINAL ABIDIN BIN YANG RAZALLI
Ketua Pengarah FAMA
FAMA Director General
Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (D. B. N. S)
23 Januari 2020



DATUK ZAINAL ABIDIN BIN YANG RAZALLI
Ketua Pengarah FAMA
FAMA Director General
Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P. M. W.)
1 Februari 2020



KHATIJAH BINTI IBRAHIM
Pembantu Akauntan
Pusat Operasi FAMA Senawang, Negeri Sembilan
Assistant Accountant
FAMA Senawang Operations Centre, Negeri Sembilan
Pingat Jasa Kebaktian (P. J. K.)
14 Februari 2020



RIBIN BIN HJ. WAHID
Pengarah FAMA Negeri
Pejabat FAMA Negeri Sabah
State FAMA Director
Sabah State FAMA Office
Ahli Setia Darjah Kinabalu (A. S. D. K.)
3 Oktober 2020



SUUT BIN LIAS
Pembantu Ehwal Ekonomi
Pejabat FAMA Negeri Sarawak
Economic Affairs Assistant
Sarawak State FAMA Office
Pingat Perkhidmatan Terpuji (P. P. T.)
26 Februari 2020



ABD. KASSIM BIN SALIM
Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
Pejabat FAMA Daerah Keningau, Sabah
Assistant Economic Affairs Officer
Keningau FAMA District Office, Sabah
Bintang Setia Kinabalu (B. S. K.)
3 Oktober 2020



NASIP @ SALIM BIN BUGAL
Pembantu Ehwal Ekonomi
Pejabat FAMA Wilayah Persekutuan Labuan
Economic Affairs Assistant
Labuan Fed. Territory FAMA Office
Bintang Kinabalu (B. K.)
3 Oktober 2020



DAYANG AMBAH BINTI OMAR
Pembantu Tadbir
Pejabat FAMA Negeri Sabah
Administrative Assistant
Sabah State FAMA Office
Bintang Kinabalu (B. K.)
3 Oktober 2020



MOHD FAIRUZ BIN CHE WAHAB
Pengarah
Bahagian Pengurusan Ibu Pejabat
Director
Administration Division Headquarters
Bintang Khidmat Terpuji (B. K. T.)
1 November 2020



HAIRUDIN BIN YUNOS
Pegawai Khas Ketua Pengarah
Pejabat Ketua Pengarah
Special Officer to Director General
Director General's Office
Bintang Khidmat Terpuji (B. K. T.)
11 Oktober 2020

Tabung Kebajikan Kakitangan FAMA diwujudkan untuk membantu hal-hal berkaitan kebajikan kakitangan FAMA di samping memupuk semangat kerjasama dan saling bantu-membantu di kalangan kakitangan FAMA. Kadar sumbangan untuk tabung ini sekurang-kurangnya RM1.00 sebulan dan semua kakitangan digalakkan membuat sumbangan ke tabung ini melalui kaedah potongan gaji. Skop penyaluran sumbangan oleh Tabung Kebajikan Kakitangan FAMA adalah kepada kakitangan (ahli) yang ditimpa musibah seperti bencana alam, kebakaran, kecurian, kemalangan, khairat kematian kepada waris dan ahli, golongan asnaf (fakir/miskin), uzur/mempunyai penyakit kronik, kurang berkemampuan dan lain-lain.

The FAMA Staff Welfare Fund was established to assist in matters related to the welfare of FAMA staff as well as foster a spirit of cooperation and mutual help among FAMA staff. The contribution rate for this fund is at least RM1.00 per month and all staff is encouraged to make contributions to this fund through the salary deduction method. The scope of distribution of contributions by the FAMA Staff Welfare Fund is to staff (members) affected by disasters such as natural disasters, fires, theft, accidents, death benefits to heirs and members, asnaf (poor), the elderly/have chronic diseases, disabled and others.

Proses perolehan di FAMA seperti Belian Terus, Sebutharga dan Tender bagi perkhidmatan, bekalan dan kerja-kerja lain adalah tertakluk kepada pekeliling-pekeliling kerajaan berkuat kuasa seperti Peraturan Perolehan Kerajaan (PK 1 sehingga PK 8) di dalam Portal Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia dan Surat Pekeliling PP/WP 7.5 (1 Oktober 2019). Bagi menggantikan kaedah manual, Sistem Perolehan Elektronik Dinamik (SPEED) telah diperkenalkan dan dijangka dilaksanakan pada awal 2021.

The procurement process in FAMA such as Direct Purchase, Quotation and Tender for services, supplies and other works are subject to government circulars in force such as Government Procurement Regulations (PK 1 to PK 8) in the Treasury Circular Portal, Ministry of Finance Malaysia and Circular Letters PP/WP Circular 7.5 (1 October 2019). To replace the manual method, the Dynamic Electronic Procurement System (SPEED) has been introduced and is expected to be implemented in early 2021.

Jadual 28: Pelaksanaan Perolehan Tahun 2020
Table 28: Implementation of Procurement in 2020

PENGURUSAN PEROLEHAN *PROCUREMENT MANAGEMENT*	PELAKSANAAN 2020 *IMPLEMENTATION IN 2020*
• Mesyuarat Lembaga Perolehan FAMA (Tender) *FAMA Procurement Board Meeting (Tender)*	5 Kali/*Times*
• Mesyuarat Lembaga Lembaga Perolehan MAFI *MAFI Procurement Board Meeting*	-
• Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga *Quotation Committee Meeting*	64 Kali/*Times*
• Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal *Technical Committee Meeting*	39 Kali/*Times*
• Belian Terus (Kelulusan FAMA) *Direct Purchase (FAMA Approval)*	840 Kali/*Times*
• Rundingan Terus (Kelulusan Kementerian Kewangan) *Direct Negotiation (Ministry of Finance Approval)*	Tiada/*Nil*
• Rundingan Terus (PK 7 Pengecualian daripada Tatacara Perolehan Kerajaan) *Direct Negotiation (PK 7 Exemption from Government Procurement Procedures)*	12 Kali/*Times*

Pengurusan Aset merangkumi pengurusan Aset Alih dan Aset Tak Alih FAMA yang tertakluk kepada pekeliling-pekeliling berkuat kuasa iaitu Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan - Pekeliling Perbendaharaan 1PP, Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan (TPS) - Pekeliling Perbendaharaan 1PP dan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan – Pekeliling AM Bilangan 2 Tahun 2012.

Asset Management includes the management of FAMA Movable and Immovable Assets which are subject to the circulars in force, namely Government Movable Assets Management Procedures - Treasury Circular 1PP, Government Store Management Procedures (TPS) - Treasury Circular 1PP and Government Immovable Asset Management Procedures - General Circular Number 2 of 2012.

Jadual 29: Status Keseluruhan Aset Tak Alih FAMA
Table 29: Overall Status of FAMA Immovable Assets

KATEGORI ASET *CATEGORY OF ASSETS*	BILANGAN *NO.*
Hakmilik FAMA *FAMA Titles*	113
Hakmilik Kerajaan Negeri *State Government Titles*	26
Tanah Hakmilik Persekutuan (PTP) *Federal Land Titles*	11
Sewaan Bangunan Pejabat FAMA *FAMA Office Building Rental*	45
Jumlah Keseluruhan / *Total*	**195**

Jadual 30: Bilangan Tanah Hakmilik FAMA Mengikut Negeri
Table 30: Number of FAMA Land Titles by State

NEGERI *STATE*	JUMLAH *TOTAL*
Johor / *Johor*	17
Kedah / *Kedah*	8
Melaka / *Malacca*	5
Negeri Sembilan / *Negeri Sembilan*	10
Pahang / *Pahang*	17
Perak / *Perak*	11
Perlis / *Perlis*	5
Pulau Pinang / *Penang*	3
Selangor / *Selangor*	16
Terengganu / *Terengganu*	3
Kelantan / *Kelantan*	9
Sabah / *Sabah*	3
Sarawak / *Sarawak*	5
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / *Federal Territory of Kuala Lumpur*	1
Jumlah Keseluruhan / *Total*	**113**

Jadual 31: Tanah Hakmilik Kerajaan Negeri yang Diduduki FAMA
Table 31: State Government Land Occupied by FAMA

NEGERI *STATE*	DAERAH *DISTRICT*	MUKIM / BAHAGIAN *DIVISIONS*	KETERANGAN *DETAILS*
Kedah *Kedah*	Langkawi	Padang Matsirat	Pejabat FAMA Daerah Langkawi & Pusat Operasi FAMA Langkawi *Langkawi District FAMA Office & Langkawi FAMA Operations Centre*
Selangor *Selangor*	Gombak	Batu	Pasar Tani Borong Selayang *Selayang Wholesale Farmers' Market*
Perak *Perak*	Manjung	Lekir	Pasar Tani Kekal Lekir (Tanah TOL) *Lekir Permanent Farmers' Market (TOL Land)*
Perak *Perak*	Kuala Kangsar	Sungai Siput	KBS Sungai Siput *Sungai Siput Cold Room Complex*

Pengurusan Sumber Manusia

Pengurusan sumber manusia FAMA adalah melibatkan 2,310 jumlah pegawai dan kakitangan di seluruh Malaysia. Pembahagian pegawai dan kakitangan mengikut negeri adalah sepeti **Rajah 64**.

Human Resource Management

FAMA's human resource management involves 2,310 officers and staff throughout Malaysia. The division of officers and staff by state is as shown in ***Figure 64***.

Rajah 64: Jumlah Kakitangan Mengikut Negeri
Figure 64: Number of Staff by State



Pada tahun 2020 FAMA telah melaksanakan pengisian kekosongan jawatan kenaikan pangkat dan jawatan lantikan. Bilangan perjawatan FAMA dan pengisian jawatan adalah seperti yang berikut:-

In 2020, FAMA implemented the filling of vacancies for promotion and appointment posts. The number of FAMA posts and filling of posts are as follows:-

Rajah 65: Bilangan Perjawatan dan Pengisian Mengikut Kumpulan Perkhidmatan
Figure 65: Number of Posts and Filling by Service Groups



Pihak Pengurusan FAMA turut melaksanakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang pada tahun 2020 di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat-pejabat FAMA Negeri mengikut SOP yang ditetapkan. Jumlah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang pada tahun 2020 adalah seperti yang berikut:-

The FAMA Management also organised Excellent Service Award and Farewell Ceremonies in 2020 at the Headquarters and State FAMA Offices in accordance with the SOPs set. The number of recipients of the Excellent Service Award and Farewell in 2020 was as follows:-

Rajah 66: Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang
Figure 66: Number of Excellent Service Award and Farewell Recipients



Jadual 32: Perlaksanaan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Tahun 2020
Table 32: Implementation of Excellent Service Award and Farewell Ceremony in 2020

BIL. *NO.*	NEGERI *STATE*	TARIKH *DATE*
1.	Kelantan / *Kelantan*	14.6.2020
2.	Ibu Pejabat / *Headquarters*	16.6.2020 & 17.6.2020
3.	W. Persekutuan / *F. Territory*	16.6.2020 & 17.6.2020
4.	Selangor / *Selangor*	16.6.2020 & 17.6.2020
5.	Perak / *Perak*	18.6.2020
6.	Kedah / *Kedah*	22.6.2020
7.	Perlis / *Perlis*	22.6.2020
8.	Pulau Pinang / *Penang*	23.6.2020
9.	Melaka / *Malacca*	25.6.2020
10.	Negeri Sembilan / *Negeri Sembilan*	25.6.2020
11.	Johor / *Johor*	29.6.2020
12.	Terengganu / *Terengganu*	29.6.2020
13.	Pahang / *Pahang*	30.6.2020
14.	Sabah / *Sabah*	1.7.2020
15.	Sarawak / *Sarawak*	9.7.2020





Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang di Ibu Pejabat FAMA, Selayang
Excellent Service Award and Farewell Ceremony at FAMA Headquarters, Selayang

Pelantikan kakitangan baharu yang bertaraf tetap dan kontrak juga telah dilaksanakan pada tahun 2020 seperti berikut:-

The appointment of new permanent and contract staff was also implemented in 2020 as follows:-

Rajah 67: Bilangan Pelantikan Jawatan Bertaraf Tetap dan Kontrak
Figure 67: Number of Permanent and Contract Appointments



Pembangunan sumber manusia turut merangkumi program dan aktiviti seperti penerapan nilai-nilai murni, senamrobik, program pemeriksaan kesihatan serta program pengupayaan kendiri.

Human resource development also includes programmes and activities such as the application of moral values, aerobics, health screening programmes and self-empowerment programmes.

Jadual 33: Bilangan Pegawai dan Kakitangan FAMA yang Mengikuti Pendekatan Psikologi dan Kaunseling
Table 33: Number of FAMA Officers and Staff Following the Psychology and Counselling Approach

BIL. *NO.*	NAMA PROGRAM *PROGRAMME NAME*	KEKERAPAN *FREQUENCY*	BILANGAN PESERTA *NO. OF PARTICIPANTS*
1.	Pengupayaan Kendiri *Self-empowerment*	3	125
2.	Intervensi *Intervention*	4	230
3.	Anjung Psikologi *Psychology*	5	356
4.	Penerapan Nilai-nilai Murni *Application of Pure Values*	3	268
	Jumlah / *Total*	**15**	**979**



Program Senamrobik Tahun 2020 di perkarangan Ibu Pejabat FAMA
Aerobics Programme for 2020 at the FAMA Headquarters compound



Program Pemeriksaan Kesihatan FAMA Tahun 2020
FAMA Health Screening Programme for 2020



Program PROFES AKRAB FAMA
PROFES AKRAB FAMA Programme

Selain itu, Program CSR dan lawatan kepada pegawai dan kakitangan FAMA yang sakit, ditimpa kemalangan dan bencana turut dilaksanakan.

In addition, CSR programmes and visits to FAMA officers and staff who were ill, affected by accidents and disasters were also carried out.

Jadual 34: Jumlah Program CSR dan Lawatan ke atas Pegawai/Kakitangan FAMA yang Meninggal Dunia, Sakit/Kemalangan dan Bencana

Table 34: Total CSR Programmes and Visits Relating to Deaths, Illness/Accidents and Disasters of FAMA Officers/Staff

BIL. *NO.*	JENIS LAWATAN/PROGRAM *TYPE OF VISIT/ PROGRAMME*	BILANGAN (ORANG) *NUMBER*
1.	Meninggal Dunia (kakitangan/keluarga terdekat) *Deaths (staff/close family)*	2
2.	Sakit/Kemalangan (kakitangan/keluarga terdekat) *Illness/Accidents (staff/close family)*	12
3.	Bencana *Disasters*	1
4.	Program CSR *CSR Programmes*	3
5.	Mengetik Kad Perakam Waktu Terakhir *Last Time Punch Out*	8
	Jumlah / *Total*	**26**



Penyampaian Penyerahan Pengumpulan Barangan Terpakai Untuk Dana Persatuan Autisme Bersama Sekolah Menengah Setia Gombak oleh AKRAB FAMA
Presentation of Handover of Used Goods Collection for Autism Association Fund with Setia Gombak Secondary School by AKRAB FAMA



Lawatan Kebajikan pesara FAMA Tuan Haji Mohd Zabidi bin Ghazali (Mantan Pembantu Tadbir Kanan FAMA Negeri Kedah) dan isterinya Puan Hajah Latifah Othman (Mantan Pembantu Tadbir Kanan FAMA Negeri Pulau Pinang)
Welfare Visit of FAMA retirees Tuan Haji Mohd Zabidi bin Ghazali (Former Senior Administrative Assistant of FAMA Kedah) and his wife Puan Hajah Latifah Othman (Former Senior Administrative Assistant of FAMA Penang)



Penyerahan Wang Khairat dan Insuran FAMA kepada anak Allahyarham En. Azizul Rahman Md Sani kakitangan FAMA Negeri Sembilan
Handing over of FAMA Charity and Insurance to the son of the late En. Azizul Rahman Md Sani, FAMA Negeri Sembilan staff

FAMA turut mengucapkan penghargaan kepada 100 orang pegawai yang telah bersara wajib dan pilihan sepanjang tahun 2020.

FAMA also expressed appreciation to the 100 officers who retired compulsorily and electively throughout 2020.



Majlis Mengetik Kad Perakam Waktu Terakhir En. Basri bin Jasmo dan En. Samudin bin Hassan pada 9 September 2020
Last Time Punch Out Ceremony for En. Basri bin Jasmo and En. Samudin bin Hassan on 9 September 2020

Integriti

Norma baharu budaya kerja perkhidmatan awam telah diadaptasi oleh Unit Integriti FAMA bagi memastikan fungsi-fungsinya dapat dilaksanakan dengan cemerlang sewaktu pandemik. Sepanjang tahun 2020, FAMA berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti dan program berunsur pemantapan governans, integriti dan anti-rasuah beserta tindakan-tindakan punitif.

Antara aktiviti-aktiviti bersifat pemantapan nilai-nilai integriti dan pendedahan yang dijalankan adalah ceramah dan hebahan integriti.

Integrity

The new norms of the civil service work culture have been adapted by the FAMA Integrity Unit to ensure that its functions could be performed excellently during a pandemic. Throughout 2020, FAMA successfully implemented various activities and programmes to strengthen governance, integrity and anti-corruption as well as punitive actions.

Among the activities to strengthen the values of integrity and exposure carried out are talks and publicity about integrity.



Taklimat "Integriti dalam Perkhidmatan Awam" pada 23 Julai 2020 di Hotel Muzaffar, Melaka sempena program anjuran Kesatuan Kakitangan FAMA (KEKAF)
Briefing on "Integrity in the Public Service" on 23 July 2020 at Hotel Muzaffar, Melaka in conjunction with a programme organised by the FAMA Staff Union (KEKAF)







Bentuk Hebahan Integriti FAMA
Types of FAMA Integrity Publicity

Usaha ke arah meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan anti-rasuah diteruskan melalui pelaksanaan aktiviti berikut:-

Efforts towards improving the efficiency and transparency of management based on the principles of governance, integrity and anti-corruption are continued through the implementation of the following activities:-

BIL. *NO.*	PROGRAM *PROGRAMME*
1.	Penilaian pekeliling kerajaan dan pekeliling dalaman untuk diguna pakai di FAMA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal (Pekeliling) Bil. 3/2020 *Evaluation of government circulars and internal circulars to be used in FAMA through the Technical Evaluation Committee Meeting (Circular) No. 3/2020*
2.	Sesi perbincangan dengan Bahagian Regulatori FAMA berkaitan risiko rasuah bagi Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) untuk pembangunan Pelan Anti-Rasuah FAMA (OACP) *Discussion session with the FAMA Regulatory Division on corruption risk for Corruption Risk Management (CRM) for the development of the FAMA Anti-Corruption Plan (OACP)*
3.	Penilaian pekeliling kerajaan dan pekeliling dalaman untuk diguna pakai di FAMA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal (Pekeliling) Bil. 4/2020 *Evaluation of government circulars and internal circulars to be used in FAMA through the Technical Evaluation Committee Meeting (Circular) No. 4/2020*
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat FAMA *FAMA Level Anti-Corruption Committee (JAR) Meeting*

Aktiviti pematuhan serta pengesanan dan pengesahan terhadap aduan yang diterima meliputi salah laku jenayah, pelanggaran peraturan tatatertib atau etika organisasi telah dilaksanakan secara berkala dan berterusan sepanjang tahun.

Compliance activities as well as the detection and verification of complaints received covering criminal misconduct, breaches of disciplinary rules or organisational ethics were carried out periodically and continuously throughout the year.



Sebanyak 15 kes tatatertib direkodkan yang merangkumi lima kes baharu bagi tahun 2020 dan 10 kes yang masih dalam prosiding tatatertib dari tahun 2019. Daripada 15 kes tersebut, kakitangan Kumpulan Sokongan mencatatkan jumlah kes yang tertinggi dengan 66 peratus manakala Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 34 peratus. Sebanyak sembilan kes tatatertib berjaya diselesaikan yang merangkumi 60 peratus daripada jumlah kes yang direkodkan pada tahun 2020.

A total of 15 disciplinary cases were recorded comprising five new cases for 2020 and 10 cases still in disciplinary proceedings from 2019. Of the 15 cases, Support Group staff recorded the highest number of cases with 66 percent while Management and Professional Group at 34 percent. A total of nine disciplinary cases were successfully resolved which accounted for 60 percent of the total cases recorded in 2020.

Statistik hukuman yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib FAMA bagi tahun 2020 adalah seperti yang berikut:-

The punishment statistics decided by the FAMA Disciplinary Committee for 2020 are as follows:-

Rajah 68: Statistik Hukuman Tatatertib bagi Tahun 2020
Figure 68: Disciplinary Punishment Statistics for 2020



Statistik jenis pelanggaran tatatertib yang direkodkan bagi tahun 2020 adalah seperti yang berikut:-

The statistics of the types of disciplinary violations recorded for 2020 are as follows:-

Rajah 69: Statistik Jenis Pelanggaran Tatatertib yang Direkodkan bagi Tahun 2020
Figure 69: Statistics of Types of Disciplinary Violations Recorded for 2020



Kejuruteraan

Kejuruteraan FAMA berperanan dalam memastikan sistem rantaian pemasaran yang efisien melalui perlaksanaan projek pembangunan infrastruktur pemasaran disiapkan mengikut perancangan serta pengurusan kenderaan komersial yang cekap.

Projek-projek infrastruktur pemasaran yang dilaksana merangkumi kerja pembinaan bangunan baharu, kerja menaiktaraf, kerja ubahsuai, kerja pembaikan, penyelenggaraan bangunan, bilik sejuk, sistem mekanikal dan elektrikal di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN (PRE 2020), pembelian kenderaan serta pelupusan bilik sejuk dalam kategori Tidak Ekonomik untuk Diperbaiki (BER).

Engineering

FAMA Engineering plays a role in ensuring an efficient marketing system through marketing infrastructure development projects that are completed in accordance with the planning and efficient management of commercial vehicles.

The marketing infrastructure projects implemented include new building construction work, upgrading work, renovation work, repair work, building maintenance, cold rooms, mechanical and electrical systems under the PRIHATIN Economic Stimulus Package (PRE 2020), vehicle purchase and disposal of cold rooms in Uneconomical to Repair (BER) category.

Rajah 70: Ringkasan Aktiviti Kejuruteraan Tahun 2020
Figure 70: Summary of Engineering Activities in 2020



Jadual 35: Bilangan Kenderaan FAMA Bagi Tahun 2020
Table 35: Number of FAMA Vehicles in 2020

NEGERI *STATE*	PENUMPANG *PASSENGER*	PERDAGANGAN *COMMERCIAL*	MOTORSIKAL *MOTORCYCLES*	JUMLAH KESELURUHAN *TOTAL*
Ibu Pejabat / *Headquarters*	46	20	2	68
Johor / *Johor*	14	24		38
Kedah / *Kedah*	11	13		24
Kelantan / *Kelantan*	11	12	2	25
Melaka / *Malacca*	4	7		11
Negeri Sembilan / *Negeri Sembilan*	9	14		23
Pulau Pinang / *Penang*	7	7		14
Pahang / *Pahang*	11	25		36
Perak / *Perak*	7	23	4	34
Perlis / *Perlis*	6	5		11
Sabah / *Sabah*	13	16		29
Sarawak / *Sarawak*	14	15	1	30
Selangor / *Selangor*	13	23		36
Terengganu / *Terengganu*	7	12		19
Jumlah Keseluruhan / *Total*	**173**	**215**	**9**	**398**



Tapak Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) Batu 4, Port Dickson yang telah siap dinaiktaraf pada Disember 2020
Fresh Fruit Stall Site (GBBS) Batu 4, Port Dickson that was upgraded in December 2020







Bangunan tambahan di tapak sedia ada Pasar Tamu Tomborungus, Kudat Sabah yang telah siap dibina pada 11 Oktober 2020
Additional building at the existing site of Tomborungus Tamu Market, Kudat Sabah that was completed on 11 October 2020





Bilik Sejuk di Pusat Operasi Perai, Pulau Pinang yang telah dinaiktaraf dan diselenggara dengan baik
Cold Room at Perai Operations Centre, Penang that has been upgraded and maintained well



Pembelian kenderaan perdagangan baharu bagi tahun 2020
Purchase of new commercial vehicles in 2020

Pengurusan Fasiliti

Pengurusan Fasiliti berperanan untuk:

a) Melaksanakan aktiviti penyelenggaraan iaitu memulihara, menjaga, mengendali dan mengawalselia bangunan termasuklah kemudahan, kelengkapan, perkhidmatan bangunan (sivil, elektrik, air dan mekanikal) dan persekitarannya bagi memenuhi piawaian semasa, mempertahankan kualiti bangunan serta selamat digunakan;
b) Melaksanakan kerja/projek menaiktaraf dan ubahsuai bangunan dan fasiliti sesuai dengan kehendak dan keperluan pengguna;
c) Mengkoordinasi berbagai sumber, mengawal, menyelia, merancang dan memastikan semua fasiliti FAMA sentiasa berada di dalam keadaan terurus, memenuhi peraturan dan akta yang ditetapkan dan selamat digunakan; dan
d) Melaksana dan memantau pematuhan akta, peraturan dan prosedur berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebersihan.

Satu kajian Cadangan Menceriakan/Mencantikkan/Penambahbaikan Fasiliti Ibu Pejabat FAMA melalui kaedah aplikasi digital *Google Form* dan kod QR telah diadakan pada bulan September 2020. Dapatan kajian mendapati terdapat keperluan untuk FAMA mempertingkatkan kemudahan fasiliti FAMA seperti kemudahan parkir, lif, penyusunan penempatan ruang kerja kakitangan, keceriaan kaunter, lanskap, ruang menunggu tetamu dan pelawat, bilik mesyuarat, sudut informasi dan sebagainya.

Facilities Management

Facility Management has the roles of:

a) Performing maintenance activities, namely conserving, maintaining, operating and supervising buildings, including facilities, equipment, building services (civil, electrical, water and mechanical) and the environment to meet current standards, maintain building quality and safety to use;
b) Perform work/projects to upgrade and renovate buildings and facilities in accordance with the needs and requirements of users;
c) Coordinating various resources, controlling, supervising, planning and ensuring that all FAMA facilities are always in a manageable condition, comply with the rules and regulations set and safe to use; and
d) Implement and monitor compliance with acts, rules and procedures related to safety, health and hygiene.

A study on Proposals to Enliven/Beautify/Improve Facilities at FAMA Headquarters was conducted in September 2020 through Google Form digital application method and QR code. The study found that there is a need for FAMA to improve facilities such as parking, elevators, staff workspace arrangements, cheerful outlook at counters, landscaping, guest waiting areas, meeting rooms, information corners and so on.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2020:-

Among the activities that were implemented throughout the year 2020 were:-

1. Penyusunan semula penempatan kakitangan Bahagian Pemasaran Digital ke Tingkat 2, FAMA Point dan kakitangan Bahagian Pemasaran Industri Makanan ke Tingkat 2, FAMA Dot 3 berkuatkuasa pada 29 September 2020. Selain itu, penyusunan semula parkir pegawai Gred 48 ke atas di Bangunan FAMA Point, Dot 1, Dot 3 dan Dot 4.

   The reorganisation of the staff of the Digital Marketing Division to the 2nd Floor, FAMA Point, and the staff of the Food Industry Marketing Division to the 2nd Floor, FAMA Dot 3, came into effect on 29 September 2020. In addition, the reorganisation of the parking of Grade 48 and above officers took place at the FAMA Point Building, Dot 1, Dot 3 and Dot 4.

2. Kerja-kerja penyelenggaraan menaiktaraf dan ubahsuai bangunan dan fasiliti FAMA antaranya:

   Maintenance works to upgrade and renovate FAMA buildings and facilities including:

BIL. *NO.*	AKTIVITI / KERJA *ACTIVITY / WORK*	TARIKH *DATE*	LOKASI *LOCATION*
1.	Kerja-Kerja Membuka, Membekal dan Memasang Papan Tanda Carta Organisasi di Bangunan Ibu Pejabat FAMA *Dismantling, Supplying and Installation of Organisation Chart Board at FAMA Headquarters Building*	22.10.2020	FAMA Point
2.	Kerja-Kerja Mengecat Bangunan Tempat Letak Kenderaan di Bangunan Ibu Pejabat FAMA *Painting Works of the Parking Lot Building at the FAMA Headquarters Building*	24.10.2020	FAMA Point
3.	Kerja-Kerja Memasang Unit Penghawa Dingin yang Baharu di Bangunan Ibu Pejabat FAMA *Works to Install a New Air Conditioning Unit in the FAMA Headquarters Building*	14.11.2020	FAMA Point & FAMA Dot 3
4.	Kerja-Kerja Memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Bangunan FAMA Dot 1 dan FAMA Dot 3 *Work on Installing Closed Circuit Cameras (CCTV) In FAMA Dot 1 and FAMA Dot 3 Buildings*	22.10.2020	FAMA Dot 1 & FAMA Dot 3
5.	Kerja-Kerja Membuka, Membekal dan Memasang *Automatic Sliding Door* di Bangunan Ibu Pejabat FAMA *Works to Dismantle, Supply and Install Automatic Sliding Doors in the FAMA Headquarters Building*	4.12.2020	FAMA Point

3. Melaksanakan program berkaitan prosedur keselamatan dan kesihatan kakitangan seperti:

   Implementing programmes related to staff safety and health procedures such as:

BIL. *NO.*	NAMA PROGRAM *NAME OF PROGRAMME*	TARIKH & TEMPAT *DATE & PLACE*	PENCERAMAH *SPEAKER*
1.	Taklimat Keselamatan Perlindungan Dokumen Rahsia Rasmi *Official Secret Document Protection Security Briefing*	23/9/2020 (Ibu Pejabat) *(Headquarters)*	CGSO
2.	Taklimat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan *Occupational Safety and Health Briefing*	22/12/2020 (Ibu Pejabat) *(Headquarters)*	NIOSH

4. Lantikan pegawai FAMA bagi jawatan tugas berikut selaras dengan Arahan Arahan Keselamatan (Semakan & Pindaan 2017) iaitu:-

a) Pegawai Pengelas.
b) Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ)
c) Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ).
d) Pendaftar Rahsia dan Pendaftar Kecil Rahsia.
e) Jawatan Keselamatan Berjadual (JKB).
Jawatankuasa OSHCo FAMA bagi tempoh dua tahun mulai 12 Oktober 2020 hingga 11 Oktober 2022.

4. Appointment of FAMA officers for the following job positions in accordance with the Safety Instructions (Revision & Amendment 2017) namely:

a) Classifying Officer.
b) Department Security Officer (PKJ).
c) Assistant Department Security Officer (PPKJ).
d) Secret Registrar and Secret Sub-Registrar.
e) Scheduled Security Post (JKB).
FAMA OSHCo Committee for a period of two years from 12 October 2020 to 11 October 2022.

5. Untuk memastikan keselamatan dan kesihatan kakitangan dan pematuhan terhadap pelaksanaan SOP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang ditetapkan oleh kerajaan bagi menangani penularan wabak COVID-19, kod QR MySejahtera disediakan di lokasi-lokasi pintu masuk utama pejabat, dan mewajibkan warga FAMA supaya menyaring suhu badan apabila hadir bertugas ke pejabat, memakai pelitup muka serta mengamalkan penjarakan fizikal semasa bekerja.

5. To ensure the safety and health of staff and compliance with the implementation of SOPs during the period of the Movement Control Order set by the government to address the spread of COVID-19, MySejahtera QR codes were provided at the main entrance locations of the offices, and FAMA staff were required to screen body temperature when present on duty to the office, wearing face masks as well as practising physical distancing while working.

BIL. *NO.*	LOKASI *LOCATION*	LALUAN *ENTRANCE*
1.	Bangunan FAMA Point *FAMA Point Building*	Lobi Tingkat 1 dan pintu masuk Tingkat 3 *1st Floor Lobby and 3rd Floor Entrance*
2.	FAMA SAP *FAMA SAP*	Pintu masuk utama *Main Entrance*
3.	FAMA Dot 1 & Dot 3 *FAMA Dot 1 & Dot 3*	Pintu masuk utama *Main Entrance*
4.	Depoh Ibu Pejabat *Headquarters Depot*	Tangga Hadapan Kedai Agromas *Front Staircase at AgroMas Shop*

6. Sepanjang tempoh bermula September hingga Disember 2020, kerja-kerja sanitasi kuman/virus di bangunan pejabat-pejabat FAMA telah dilaksanakan di lokasi seperti yang berikut:-

6. During the period from September to December 2020, germ/virus sanitation works in FAMA office buildings were carried out at the following locations:-

BIL. *NO.*	AKTIVITI / KERJA *ACTIVITY / WORK*	TARIKH *DATE*	LOKASI *LOCATION*
1.	Kerja-Kerja Sanitasi Kuman/Virus di Kawasan Pusat Pemeriksaan Kualiti Hasil Pertanian FAMA KLIA *Germ/Virus Sanitation Works in the Area of FAMA KLIA Agricultural Product Quality Inspection Centre*	14.11.2020	FAMA KLIA
2.	Kerja-Kerja Sanitasi Kuman/Virus di Bangunan FAMA Dot 1 Dan FAMA Dot 3 *Germs/Virus Sanitation Works In FAMA Dot 1 and FAMA Dot 3 Buildings*	16.12.2020	FAMA Dot 1 & FAMA Dot 3
3.	Kerja-Kerja Sanitasi Kuman/Virus di Bangunan FAMA Dot 4 *Germ/Virus Sanitation Works in FAMA Dot 4 Building*	16.12.2020	FAMA Dot 4



Pemasangan Papan Tanda Carta Organisasi di Bangunan Ibu Pejabat FAMA
Installation of Organisation Chart Board at the FAMA Headquarters Building





Pemasangan Unit Penghawa Dingin yang Baharu di Bangunan Ibu Pejabat FAMA
Installation of New Air Conditioning Unit in the FAMA Headquarters Building







Kerja-kerja sanitasi kuman/virus di bangunan Ibu Pejabat FAMA
Germ/virus sanitation work at the FAMA Headquarters Building

Komunikasi Korporat

Komunikasi Korporat berperanan membantu meningkatkan kefahaman golongan sasar terhadap peranan, program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh FAMA khususnya dan oleh kerajaan secara amnya.

Corporate Communications

Corporate Communication's role is to help increase the target groups' understanding of the roles, programmes and services offered by FAMA in particular, and by the government in general.



PRESTASI PENCAPAIAN KOMUNIKASI KORPORAT FAMA TAHUN 2020
FAMA CORPORATE COMMUNICATION ACHIEVEMENTS IN 2020



100 kali/*times*
PENGURUSAN MAJLIS RASMI FAMA
FAMA OFFICIAL FUNCTION MANAGEMENT



48 video/*videos*
PEMBIKINAN VIDEO RASMI FAMA
PRODUCTION OF FAMA OFFICIAL VIDEOS



34 kali/*times*
VIDEO PERKHIDMATAN FAMA
FAMA SERVICES VIDEOS



5,000 kali/*times*
PUBLISITI MEDIA FAMA
MASS MEDIA PUBLICITY



4 kali/*times*
PEMANTAUAN WEBSITE FAMA
MONITORING OF FAMA WEBSITE



12 kali/*times*
PEMANTAUAN MEDIA SOSIAL FAMA
MONITORING OF FAMA SOCIAL MEDIA



21 video/*videos*
STORAGE,UPLOAD VIDEO FAMA DALAM YOUTUBE
STORAGE/UPLOAD FAMA VIDEOS ON YOUTUBE



365 hari/*days*
PEMANTAUAN *MEDIABANC* (ISENTIA)
MEDIABANC (ISENTIA) MONITORING



2,160
DAILY POSTING KE MEDIA SOSIAL FAMA
DAILY POSTING TO FAMA SOCIAL MEDIA



2 kali/*times*
KEURUSETIAAN MESYUARAT *POST CABINET*
SECRETARIAT FOR POST-CABINET MEETING



4 kali/*times*
KEURUSETIAAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH FAMA
SECRETARIAT FOR FAMA BOARD OF DIRECTORS MEETING



36 kali/*times*
TANGGUNGJAWAB KORPORAT SOSIAL FAMA
FAMA CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY



31 kali/*times*
PERKHIDMATAN GUBAHAN DAN HIASAN BUAH-BUAHAN
FRUITS DECORATION AND ARRANGEMENT SERVICES



98.7%
INDEKS KEPUASAN HATI PELANGGAN FAMA
FAMA CUSTOMER SATISFACTION INDEX

Kajian Indeks Kepuasan Hati Pelanggan bertujuan menilai keberkesanan penyampaian maklumat atau informasi kepada golongan sasar terhadap mutu perkhidmatan FAMA. Antara elemen yang diukur dalam kajian ini meliputi:-

i. Tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan agensi
ii. Jaminan perkhidmatan
iii. Promosi dan hebahan yang telah diberikan agensi
iv. Persepsi pelanggan terhadap keseluruhan agensi

The Customer Satisfaction Index study aims to evaluate the effectiveness of information delivery to the target groups and the quality of FAMA services. Among the elements measured in this study include:-

i. The level of customer satisfaction with the quality of agency services
ii. Service guarantee
iii. Promotions and announcements provided by the agency
iv. Customer perceptions of the agency as a whole

Secara keseluruhannya, Indeks Kepuasan Hati Pelanggan FAMA 2020 mencatatkan sedikit penurunan iaitu 98.07 peratus iaitu menurun sebanyak 0.22 peratus berbanding 98.29 peratus pada tahun 2019. Penurunan ini menunjukkan bahawa perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan adalah masih memberansangkan dan berkesan walaupun semasa pandemik COVID-19 melanda negara.

Overall, the FAMA 2020 Customer Satisfaction Index recorded a slight decrease to 98.07 percent, a decrease of 0.22 percent compared to 98.29 percent in 2019. This slight decrease shows that the services delivered to customers are still encouraging and effective even during the COVID-19 pandemic.

PENCAPAIAN *ACHIEVEMENTS* 2019	SASARAN *TARGET* 2020	PENCAPAIAN *ACHIEVEMENTS* 2020
98.29%	≥ 90%	98.07%

Publisiti Menerusi Media Cetak / *Publicity through Print Media*



Tunggu kelulusan PBT, MKN Negeri

Pasar segar terkawal di zon merah, kuning

KUALA LUMPUR - Sebanyak 21 pusat Pasar Segar Terkawal (PST) yang dirancang masih dalam proses kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri untuk beroperasi berikutan lokasi itu terletak dalam zon merah dan zon kuning jangkitan wabak Covid-19.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Ahmad Hamzah berkata daripada keseluruhan 97 pusat PST yang mahu dibuka, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) diperuntukkan 63 lokasi di seluruh negara melibatkan 10 pasar tani terpilih, 33 pasar tani kekal, 17 pusat operasi Fama dan tiga cawangan MyFarm.

Katanya, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pula menyediakan 34 Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (KPPK) untuk tujuan yang sama.

"Sehingga 6 April, 42 tempat Fama di seluruh Malaysia beroperasi iaitu 17 Pusat Operasi Fama, 21 Pasar Tani Kekal, tiga MyFarm Outlet dan satu lokasi Pasar Tani Terpilih. Baki 21 outlet PST dalam proses kelulusan PBT dan MKN Negeri,? katanya dalam satu kenyataan pada 7 April lalu.

Terdahulu beliau mengadakan lawatan kerja ke pusat operasi Fama di Batu 13, Jalan Klang Puchong yang turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Fama Datuk Abdul Ghariff Ramin, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Fama Mohd Anis Yasin dan Pengarah Komunikasi Korporat Fama Mohd Anzara Azizan.

Katanya, petani yang mempunyai masalah untuk memasarkan hasil pertanian mereka boleh menghubungi pusat operasi FAMA di 17 lokasi di seluruh negara.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam satu kenyataan baru-baru ini memaklumkan sebanyak 97 pusat PST akan beroperasi di seluruh negara, secara berperingkat-peringkat sehingga 14 April ini, bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercekap pengedaran makanan negara.

PST adalah gerai peruncitan Fama dan LPP, seperti pasar tani yang dijenamakan semula.

Ahmad berkata dalam pematuhan pencegahan wabak Covid-19 di 97 pusat PST, jarak sosial antara gerai berniaga dilakukan dan pintu masuk dan keluar akan dikawalselia oleh polis dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Kempen kesedaran mengenai 12 Langkah Pencegahan wabak Covid-19 untuk pengunjung dan usahawan juga diperbanyakkan dengan adanya bahan infografik mengenai perkara itu di cawangan terpilih," katanya. - BERNAMA

Orang ramai mematuhi penjarakan sosial satu meter ketika membeli barangan keperluan harian di Pasar Kajang pada 19 Mac 2020

15 April 2020 | Pasar segar terkawal di zon merah, kuning - @selangorkini
15 April 2020 | Controlled Fresh Market in the red, yellow zone - @selangorkini



Penularan COVID-19

140 premis raih jualan RM80j sepanjang PKP

FAMA, agensi pemasaran kurangkan masalah lebihan pengeluaran

Kuala Selangor: Sebanyak 140 premis, termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) mencatatkan jualan RM 80 juta sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan 18 Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata jualan membabitkan barangan segar seperti sayur, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan beberapa agensi pemasaran di bawah kementerian ini sentiasa berusaha menguruangkan masalah lebihan pengeluaran.

"Ia disebabkan permintaan berkurangan berikutan premis pemasaran dikurangkan kerana PKP," katanya pada sidang media sempena program turun padang di kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, semalam.

Bagaimanapun, kata Ronald, ada lokasi tertentu yang meghadapi lebihan pengeluaran disebabkan premis berkurangan.

"Contohnya, hotel dan restoran tidak beroperasi sepenuhnya menyebabkan permintaan *business to business* berkurangan dan sekarang, permintaan *business to consumer* sahaja," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pendekatan baharu seperti perniagaan dalam talian rancak digunakan sepanjang PKP.

"Ketika ini, FAMA berurusan dengan beberapa pemain industri yang menggunakan platform e-dagang untuk membantu pengeluar barang makanan melakukan perniagaan dalam talian.

"Dengan cara ini, diharap dapat mengurangkan isu masalah lebihan pengeluaran," katanya.

Sementara itu, mengulas lawatannya ke kawasan IADA Barat Laut Selangor, Ronald memberi jaminan bekalan beras di negara ini mencukupi sepanjang PKP.

"Lawatan ini bagi melihat bekalan beras negara sentiasa terjamin dan bertersusan.

"Malah, kedudukan kita sebagai pengeluar beras tempatan sebanyak 70 peratus dan kebergantungan terhadap beras import sebanyak 30 peratus menunjukkan Malaysia tidak akan berhadapan masalah besar dari segi bekalan beras negara walaupun dalam tempoh PKP," katanya.

Menurut Ronald, Syarikat Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) turut memaklumkan beras import seperti dari Thailand dan Vietnam bertersusan dan tidak tergangu sepanjang PKP.

"Rakyat diminta tidak melakukan pembelian panik kerana pihak kementerian dan agensi bertanggungjawab memastikan perolehan bekalan makanan sentiasa terjamin dan bertersusan," katanya.

> ***Ketika ini, FAMA berurusan dengan beberapa pemain industri yang menggunakan platform e-dagang membantu pengeluar barang makanan melakukan perniagaan dalam talian.***
>
> ***Ronald Kiandee,***
> *Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

***Kiandee (tengah) menaiki jentera menuai padi** pada program turun padang di kawasan IADA Barat Laut Selangor di Kampung Sawah Sempadan, Tanjong Karang, semalam.* (Foto BERNAMA)

19 April 2020 | 140 premis raih jualan RM80juta sepanjang PKP - @beritaharian
19 April 2020 | 140 premises obtain sales of RM90 million throughout MCO - @beritaharian

Publisiti Menerusi Radio | *Publicity through Radio*





Publisiti Menerusi Televisyen | *Publicity through Television*





Temubual eksklusif YBhg. Dato' Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA berkaitan kejayaan Agrobazaar Online di Buletin Utama pada 20 November 2020
Exclusive interview with Dato' Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Director General of FAMA, on the success of Agrobazaar Online in the Main Bulletin on 20 November 2020

Publisiti Menerusi Media Sosial | *Publicity through Social Media*

Facebook Rasmi FAMA • *FAMA Official Facebook*





Instagram FAMA • *FAMA Instagram*





Liputan Berita oleh FAMATV / *News Coverage by FAMATV*

1





2





3





Portal FAMA TV / *FAMA TV Portal*





Hebahan dan liputan media yang meluas di setiap program anjuran FAMA memberikan impak yang positif kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan secara amnya dan FAMA khususnya dalam menyampaikan dasar-dasar kerajaan. Penggunaan media sosial secara langsung dapat memberikan capaian yang lebih cepat dan meluas selain dapat menyokong sistem penyampaian dan perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan.

Extensive media publicity and coverage in each programme organised by FAMA has a positive impact on the Ministry of Agriculture and Food Industries in general, and FAMA in particular, in conveying government policies. The use of social media directly can provide faster and wider access as well as support the delivery system and services more efficiently and effectively.

Audit Dalam

Audit Dalam bertanggungjawab melaporkan penemuan Audit kepada Ketua Pengarah dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga. Terdapat tiga jenis pengauditan yang dijalankan iaitu Audit Prestasi/Pengurusan dilaksanakan untuk memastikan sumber diuruskan secara berhemah, cekap dan berkesan. Manakala Audit Pematuhan Peraturan Kewangan dan Pemeriksaan Mengejut merangkumi pemeriksaan terhadap rekod kewangan serta kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Senarai pengauditan tahun 2020 yang telah dilaksanakan setelah mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah dan Jawatankuasa Audit Lembaga adalah seperti yang berikut:

Internal Audit

Internal Audit is responsible for reporting Audit findings to the Director General and presenting them at the Board Audit Committee Meetings. There are three types of audits conducted. Performance/ Management Audits are carried out to ensure that resources are managed prudently, efficiently and effectively. Meanwhile, Financial Regulations Compliance Audit and spot checks include inspections of financial records as well as internal controls to ensure compliance with financial regulations in force.

The list of 2020 audits that were carried out after obtaining the approval of the Director General and the Board Audit Committee are as follows:

BIL. *NO.*	AKTIVITI AUDIT/LOKASI *AUDIT ACTIVITY/LOCATION*	BIL. PEJABAT DILAWATI *NO. OF OFFICES VISITED*	MASA *DURATION*
1.	Audit Prestasi / Pengurusan *Performance / Management Audit*		
	a. Peralatan Lepas Tuai *Post-harvest Equipment*	2	Feb-Mac 2020 *Feb-Mar 2020*
	b. Agrobazaar K-Shoppe *Agrobazaar K-Shoppe*	5	
	c. Karavan Tani Pasar Tani *Farmers' Market Agro-Caravans*	5	
	d. Pengurusan Kawalan Dalaman *Internal Control Management*	3	
2.	Audit Pematuhan Peraturan Kewangan *Financial Regulation Compliance Audit*		
	a. Pejabat FAMA Negeri dan Pusat Operasi *State FAMA Office and Operations Centres*	32	Jun-Dis 2020 *Jun-Dec 2020*
3.	Pemeriksaan Mengejut *Spot Checks*		
	a. Pejabat FAMA Daerah di setiap negeri *District FAMA Office in every state*	5	Jun-Dis 2020 *Jun-Dec 2020*

Ringkasan penemuan dan kelemahan yang dikenal pasti semasa pemeriksaan Audit berserta syor-syor mengatasinya telah dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk penambaikan dan tindakan. Isu-isu teguran audit merangkumi penyeliaan peralatan lepas tuai, pengurusan kawalan dalaman yang membabitkan pematuhan peraturan kewangan dan mekanisma perlaksanaan projek. Semua teguran telah diambil tindakan sewajarnya oleh bahagian-bahagian terlibat dan telah dipantau penambahbaikannya.

A summary of the findings and weaknesses identified during the audit inspection together with recommendations to overcome them were presented at the Audit Committee Meeting for improvement and action. Audit reprimand issues included post-harvest equipment supervision, management of internal controls involving financial regulatory compliance and project implementation mechanisms. The divisions involved have acted upon all reprimands accordingly and their improvement has been monitored.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut standard pengauditan yang diguna pakai dan Memorandum Rancangan Audit yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah dan Jawatankuasa Audit Lembaga. Sebanyak empat laporan Audit Prestasi, 14 laporan Audit Pengurusan Kewangan (53 FAMA Negeri & Pusat Operasi), 10 laporan Pemeriksaan Audit Mengejut.

Auditing was performed in accordance with the applicable auditing standards and the Audit Plan Memorandum, which was approved, by the Director General and the Board Audit Committee. A total of four Performance Audit reports, 14 Financial Management Audit reports (53 State FAMA & Operations Centres), and 10 Spot Check Inspection reports were prepared.

KERATAN AKHBAR
NEWSPAPER CUTTINGS

Pasar malam, pasar tani tak dibenar beroperasi

RM6 seekor

ஷோப்பி ஆன்லைன் விற்பனையிலிருந்து ரிம320,000 லாபத்தைப் பெற்றுள்ளது

Penularan COVID-19

FAMA jana jualan RM65.9 juta

Kempen lebihkan makan ulam

Food supplies adequate, action to be taken against illegal price hikes

FAMA has implemented a distribution channel for daily wet essentials such as fruits and vegetables, fish and meat

by LYDIA NATHAN

THE government will take action towards businesses including manufacturers, wholesalers and retailers that attempt to take advantage of the Covid-19 pandemic by increasing prices of essential items.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri

供民众网购外带粮食

（马六甲23日讯）甲州政府与马六甲大马联邦农业销售局配合，在冠状病毒病疫情期间，为民众提供网上和外带粮食服务。

这项措施有助于减少民众之间的聚集、接触之外，也让大家能够通过网上订购的便利，买到蔬菜和罐装食物。

局在甲州爱极乐的农业网上市集。

他说，民众也可以到甲州爱极乐Mamee厂后方的该局以drive-thru的方式购买蔬菜，但只限早上8时至下午5时，周一至周五。

"蔬菜包括每公斤2令吉50仙的马铃薯、小洋葱每公斤8令吉、大洋葱每公

Cheaper durians for locals

Johor Fama sells supply meant for export through intervention programmes

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

"We have not reached any oversupply stage as durian production in Johor is controlled and carried out in phases."

Shahid Abu Bakar

JOHOR BARU: The coronavirus (Covid-19) outbreak in China has affected the export of Musang King durian to the republic, leading to suppliers selling the fruit at lower prices to locals here.

Johor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) director Shahid Abu Bakar said the current price for premium grade durian, Musang King at plantations was between RM40 and RM45 per kg, while a market price of between RM60 and RM70 per kg.

"The export is to China duction and supply under control. "We have not reached any over supply stage as durian production in Johor is controlled and carried

Johoreans, especially durian lovers, can enjoy them prices. — Filepic

Cuaca panas jejas harumanis

Pengusaha bimbang tanaman tidak menjadi akibat kekurangan air

Bangunan baharu FAMA RM220 juta

FAMA bakal miliki pejabat korporat baharu yang akan dibina di Kelana Jaya

Oleh AZIE YAHAYA

KUALA LUMPUR

Ronald (tengah) bersama Haslina dan Kristoffer (dua dari kanan) pada Majlis Menandatangani Dokumen Kontrak Perjanjian Konsesi Projek Pembinaan Bangunan Korporat dan Pusat Agromakanan FAMA di Kuala Lumpur semalam.

pada 14 Ogos lalu telah meluluskan pembinaannya," katanya.

Beliau berkata, pembinaan bangunan itu bakal memberikan impak positif, bukan sahaja kepada kementerian, malah makna sangat besar kepada warga FAMA khususnya.

"Kakitangan FAMA semakin bertambah menyebabkan FAMA perlu berpindah pejabat dari satu tempat ke satu tempat yang lebih sesuai.

"Diharap dengan adanya bangunan baharu FAMA ini, ia akan mewujudkan sebuah ruang pejabat yang kondusif dan produktif serta mampu menempatkan

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid; Pengerusi FAMA, Datuk

telah dirancang sejak tahun 2011, namun terpaksa ditangguhkan akibat pelbagai kekangan.

New Straits Times, 22 Jan 2020

Offering land the first step to get millennials into farming

THE article "Future of Agriculture" (NST Leader, Jan 14) was an interesting read.

Being a farmer, I was amused when the writer mentioned that "Agriculture needs to be smart to 'entice' millennials into farming if we want agriculture to continue feeding the people".

Why "entice" them when we should be encouraging and giving them the necessary support to be successful farmers? A proper and conducive environment to realise their potential as farmers.

By the way, where is the land for them to start their farms?

Most don't realise that being a farmer is a long-term commitment and one has to be passionate about growing things and to love the land he is farming on.

Please don't expect them to be like me, a "landless farmer", renting land to carry out farming. And neither should we expect these millennials to squat on TOL (Temporary Occupation of Land) land, which requires a yearly renewal of their land licences.

Twenty years down the road, they may have to vacate their farms if the authorities refuse to renew their TOL licences and they may face eviction as is the case in Cameron Highlands.

To a farmer, this can be disruptive — with no income and having to start all over again from scratch. We hope the authorities will not use TOL land to "entice" these millennials into farming even if it is "free land" which can be a trap to these unsuspecting farmers.

Agriculture in Malaysia, in terms of food production, is in a neglected state, disorganised and in disarray, where small time farmers are at the mercy of the "middlemen".

"Market data indicates that the average age of Malaysian farmers to be 50 years old and the majority are in the B40 group". Why is it so? Or, are they being exploited by these "middlemen" and not by choice that they remain in the B40 group?

We have so much land in Malaysia and a small population of 30 over million compared with our Asean neighbours and yet we need to import over RM50 billion in food commodities annually to feed the nation. Something is wrong somewhere?

So where is our food security? Even in times of peace, we are over-reliant on food imports. Just imagine when at times of "tensions" when food imports are not forthcoming? So what are the solutions?

A practical solution is for our government to gazette Felcra lands and other idle lands into "permanent food production" lands instead of rehabilitating these lands with rubber or oil palm plantations.

I have to stress on the word "permanent" because farmers are not interested in undetermined type of land like TOL lands.

The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry should be given a free hand and jurisdiction to manage such lands which can be broken up into one, two, five or even 10 acre lots and strictly used for food crops.

Farmers should be given a five- or a 10-year lease to grow their food crops and an automatic renewal of lease if the farmer wishes to continue farming the land.

If the government is sincere about growing enough food to feed the nation, and reducing the annual RM50 billion food import bill, it should be actively playing a supporting role through Agrobank, Mardi and Fama, providing back-up services to these millennials. Agrobank can help out on the financial side by disbursing loans. Mardi can help out with the training of farmers and Fama with the logistics of marketing to give farmers better returns for their produce and, if possible, to do away with the "middlemen".

For over 40 years, I have been a landless farmer and I think I know what I am talking about. Even now, in my late 60s, I am still doing farming as a hobby, to enjoy my golden years as a farmer and to keep myself healthy. All these years, I have not regretted choosing farming as a profession — a noble profession.

Even banks have acknowledged my creditworthiness as a farmer by giving me a gold credit card and the fact that I don't even have to apply for one. I hope my experience can be an inspiration to all potential farmers.

FUN CHEE CHONG
Kulai, Johor

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my

Jelebu

Jual aiskrim lagi tenang

Bekas pengurus kanan kilang ada ijazah Australia berniaga kecil-kecilan di pasar tani



MOHD Affendi menjual aiskrim di Pasar Tani Kuala Klawang.

"Ketika mula berniaga, ada perasaan malu untuk memanggil pelanggan namun lama-kelamaan ia menjadi biasa," kata peniaga aiskrim di Pasar Tani Kuala Klawang di sini, Mohd Affendi Mohd Ghazali.

Mohd Affendi, 53, yang memiliki Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Universiti Southern Queensland, Australia berkata, biarpun memiliki tahap pendidikan tinggi, ia bukan halangan untuknya berniaga kecil-kecilan di pasar tani.

Katanya, dia pernah bertugas sebagai pengurus kanan di sebuah kilang elektronik di Taman Tuanku Ja'afar (TTJ), Seremban pada 1995 sebelum berhenti kerja pada 2015.

"Mengikut perancangan awal, saya berhasrat berhenti pada 2012 pada usia 45 tahun namun majikan meminta menangguh sehingga jawatan pengeluaran kilang yang mempunyai masalah itu berjaya dipulihkan.

"Disebabkan majikan pernah menaja pengajian peringkat sarjana muda, saya perlu membalas budi sebelum meletakkan jawatan pada 2015 selepas jawatan pengeluaran berjaya dipulih," katanya.

Menurutnya, selepas berhenti dia buntu kerana memikirkan apa perlu dibuat sebelum menceburi bidang perniagaan makanan.

Katanya, pada mulanya dia berniaga keropok lekor di pasar malam sekitar Seremban dan Rembau sebelum beralih menjual aiskrim pada 2016.

"Saya akui gaji sebagai pengurus kanan memang lumayan, tetapi saya lebih tenang berniaga kecil-kecilan berbanding makan gaji yang terikat dengan peraturan dan disiplin.

"Sebelum terbabit dalam perniagaan ini, saya membuat kajian dan dibantu rakan membeli kelengkapan dengan modal RM3,300 dan kini memiliki produk ais krim, No PonPon," katanya.

Menurutnya, isterinya, Nazriah Abdullah, 53, sentiasa memberi sokongan sebaik menyuarakan hasrat untuk berhenti kerja kerana mahu berniaga sendiri.

Katanya, jika ada kelapangan, isteri serta tiga anak perempuan turut membantunya berniaga dan gembira kerana mereka tidak mahu menjual aiskrim.

"Biarpun perniagaan ais krim tidak memberi keuntungan besar, saya gembira kerana usaha memajukan jenama aiskrim buatan sendiri semakin membuahkan hasil.

"Walaupun sebelum ini saya pernah menerima pelbagai tawaran kerja lain, saya sudah seronok berniaga sendiri apatah turut menerima tempahan di majlis kenduri dan keraian lain," katanya.

> *Saya lebih tenang berniaga kecil-kecilan berbanding makan gaji yang terikat dengan peraturan dan disiplin"*
> **Mohd Affendi Mohd Ghazali**

Harian Metro, 23 Jan 2020

FAMA Pahang jana hasil tani RM2 juta

KUANTAN- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang mencatatkan hasil jualan produk pertanian sebanyak RM2 juta tahun lalu menerusi Program Motosikal Tiga Roda (M3R) yang disertai 58 usahawan tani atau peraih di kawasan luar bandar.

Pengarah FAMA Pahang, Noh Nik Wan berkata, jumlah hasil pungutan itu jelas membuktikan program M3R mampu membantu usahawan di kampung memasarkan produk tani secara terus kepada penduduk di kawasan mereka.

"Kita lihat program M3R amat berkesan dalam membantu peraih menambah pendapatan dengan menjual produk tani kepada penduduk setempat dan seterusnya dipasarkan ke pusat jualan.

"Kita akan meneruskan program sama pada masa akan datang bagi membantu peraih menjana pendapatan mereka," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan dan Akujanji Intensif M3R di FAMA Pahang di sini semalam.

Pada majlis itu, tiga penerima iaitu Awis Qarnie Solleh, 28; Ainatul Mardhiah Mohd Yasin, 30, dan Sapri Subani,71, menerima M3R untuk memasarkan produk mereka di Kampung Pandan, Sungai Soi dan Sungai Isap.



Noh (kiri) menyampaikan M3R kepada Ainatul Mardhiah dan dua usahawan tani lain pada Majlis Penyerahan dan Akujanji Intensif M3R di FAMA Pahang semalam.

Sinar Harian, 25 Jan 2020

MOA arah pemeriksaan produk makanan China


SIDANG MEDIA... Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Salahuddin Ayub menjawab pertanyaan media selepas menyaksikan pertukaran dokumen Kerjasama Strategik antara Petronas dan Agrobank: Program Memperkasakan B40 semalam. • Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) menjalankan pemeriksaan ketat di semua pintu masuk negara ketika ini bagi memeriksa produk makanan import dari China.

Menteriny Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, walaupun Malaysia tidak mengimport sebarang produk makanan dari Wuhan, China, yang dikaitkan dengan penularan wabak 2019 novel Koronavirus di negara itu, dan tidak ada fakta menunjukkan berlakunya penularan wabak melalui makanan, namun kawalan keselamatan dan pemeriksaan perlu dilakukan sebagai langkah berjaga-jaga.

"Saya dimaklumkan bahawa virus ini merupakan 'human transmission' tidak melibatkan bahan makanan tetapi saya telah arahkan MAQIS buat pemeriksaan di semua pintu masuk. Paling tidak bermula hari ini mereka boleh buat pemeriksaan secara rambang dahulu dengan memilih produk tertentu seperti daging atau buah-buahan," katanya selepas hadir majlis Kerjasama Strategik Petronas dan Agrobank: Program Memperkasakan B40 di sini semalam.

Kerjasama itu melibatkan pelaburan pembiayaan RM100 juta yang diperuntukkan oleh syarikat minyak dan gas berkenaan, yang akan disalurkan dalam tempoh lima tahun dan diurus-kan oleh program kemudahan pembiayaan mikro B40 Agrobank.

Turut hadir Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Petronas Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin serta Presiden dan CEO Agrobank Khadijah Iskandar.

Salahuddin berkata, pihaknya akan sentiasa memantau perkembangan jangkitan koronavirus dan peka dengan situasi semasa.

Setakat ini, empat kes disahkan Koronavirus yang dikesan di negara ini.

Mengenai kerjasama antara Agrobank dan Petronas itu, Salahuddin menyifatkan langkah berkenaan sebagai kerjasama strategik yang membanggakan dengan menjangkakan impak besar terhadap perkembangan pertanian negara.

Katanya, dalam tempoh lima tahun Petronas akan melabur RM100 juta melalui kerjasama dengan Agrobank bagi membantu kira-kira 3,000 usahawan tani daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

"Saya akan pastikan dalam mesyuarat pascakabinet, mungkin Agrobank kena lapor terus kepada saya supaya setiap pergerakan dapat kita pantau. Saya janji amanah ini akan dijaga sebaik mungkin.

"Ini akan mempercepatkan usaha kita untuk mencapai objektif asal iaitu membantu B40 dalam masa lima tahun dengan pembiayaan mikro kredit daripada RM10,000 minimum sehingga RM300,000 maksimum," katanya.

Mengenai perancangan memperkasakan B40, Salahuddin berkata, beliau berharap Petronas turut menjalin kerjasama seumpama itu dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Menurutnya kerjasama antara dua organisasi itu bertujuan membuka ruang dan peluang kepada golongan B40 khususnya golongan terpinggir di negara ini agar taraf hidup golongan itu menjadi lebih baik.

Terdahulu ketika ucapan aluan, Khadijah menyifatkan kerjasama itu sebagai permulaan 2020 dengan suatu hasrat iaitu memperkasakan golongan B40.

"Ketika ini Agrobank mempunyai lebih 11 program pembiayaan mikro di seluruh negara meliputi aktiviti pembenihan jelapang padi, tanaman cili fertigasi, kelapa sawit, lembu tenusu, nenas, burung walit dan sebagainya. Melalui kolaborasi ini, pembiayaan boleh diberikan sehingga 100 peratus daripada keseluruhan kos operasi dengan kasar keuntungan bank terendah iaitu hanya dua peratus setahun," katanya.

– Bernama

Utusan Sarawak, 29 Jan 2020

Cuaca panas jejas harumanis

Pengusaha bimbang tanaman tidak menjadi akibat kekurangan air

Oleh NORJULIANA YAACOB

KANGAR

Rata-rata pengusaha tanaman harumanis di negeri ini resah apabila cuaca panas yang berterusan hampir dua bulan menyebabkan tanaman mereka terjejas.

Pengusaha harumanis dari Kampung Belukar, Tengku Mahmud Tengku Hussain berkata, pokok harumanis yang sudah berbunga memerlukan bekalan air mencukupi untuk menghasilkan buah yang banyak.

Katanya, bekalan air yang tidak mencukupi membuatkan bunga menjadi kering dan putik yang keluar menjadi kecut serta tidak mempunyai isi.

"Pada musim ini, kebanyakan pengusaha tanaman harumanis terpaksa mengeluarkan kos tambahan untuk menggali telaga bagi mendapatkan sumber bekalan air yang mencukupi," katanya ketika ditemui kelmarin.

Tengku Mahmud berkata, bekalan air di kebunnya telah kering dan dia terpaksa mendapatkan bekalan air daripada sumber lain.


Tengku Mahmud memangkikan tanaman harumanis di ladangnya kelmarin. Gambar kecil, Zainol Abidin.

"Musim lepas kita tidak perlu menyiram pokok dengan kerap kerana cuaca tak panas, tetapi kali ini siraman ke atas pokok perlu dilakukan sekurang-kurangnya dua kali sehari," katanya.

Mengakui masalah sama, pengusaha tanaman harumanis dari Kampung Simpang Geti, Zainol Abidin Ahmad, 65, berkata, musim panas pada tahun ini mengulangi keadaan pada tahun 2016 di mana hasil pengeluaran harumanis menurun 60 peratus berikutan kemarau yang berpanjangan.

"Sebenarnya tanaman harumanis memerlukan cuaca yang panas untuk mengeluarkan bunga selain bekalan air yang mencukupi untuk memastikan bunga berkenaan menjadi buah yang matang," katanya.

Katanya, sekiranya hasil pengeluaran harumanis menurun, dia menjangkakan harga buah berkenaan mampu mencecah sehingga RM45 sekilogram pada musim ini.

Pada tahun 2016, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengumumkan pengeluaran tanaman harumanis menurun 60 peratus akibat cuaca panas.

Berikutan itu, buah berkenaan tidak dieksport ke Jepun dan hanya menampung permintaan dalam negara.

Sinar Harian, 31 Jan 2020

Bazar Peduli Rakyat catat jualan lumayan

JELEBU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan merekodkan nilai jualan sebanyak RM126,876 menerusi program Bazar Peduli Rakyat (BPR) tahun lepas.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Bakri Sawir berkata, ia merupakan hasil keseluruhan jualan direkodkan melibatkan enam kali penganjurannya di negeri itu sejak Mei tahun lepas.

"Di Taman Kemuning, Senawang kita memperoleh nilai jualan berjumlah RM87,121 dengan penglibatan 90 usahawan tani manakala di Kampung Rawa, Lenggeng nilai jualan mencecah RM39,755 dengan penglibatan 69 usahawan tani," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Pelancaran Bazar Peduli Rakyat@Jelebu di sini kelmarin.

Turut hadir Pengarah FAMA negeri, Asmizal Jaafar; Pengarah Perikanan negeri, Halimi Abu Hanip dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri, Dr Nik Hamidah Nik Husin.

Mengenai BPR Jelebu di Kuala Klawang, Bakri berkata, ia merupakan lokasi terbaharu di negeri itu membabitkan seramai 29 usahawan yang menawarkan harga barangan keperluan harian sehingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran. - *Bernama*



FOTO: BERNAMA

Bakri (dua dari kiri) melihat buah durian ketika melancarkan Bazar Peduli Rakyat di Kuala Klawang kelmarin.

Sinar Harian, 2 Feb 2020



左起为卓志敏、里宾以及曾立雄在亚洲城农民市集推展「无现金付款计划」。

邁向電子交易模式 亞洲城農民市集小販

亚庇5日讯｜在人手一机的时代，电子钱包消费模式越来越普及化，亚洲城农民市集小贩商家也不落科技脚步后头，纷纷加入电子钱包行列，迈向无现金付款交易模式。

沙联邦农业销售局联同大马银行QRPay及Boost率先推广亚庇首个无现金交易农民市集。

拥有60个摊位的亚洲城农民市集，其中35个摊贩已登机QRPay或BOOST，让付费交易更为灵活。同时民众仍可使用传统现金付费。

沙联邦农业销售局总监里宾华希说，电子支付是一个大趋势，不仅让消费者无需携带现金就能购物，也免去商贩再携带大量现款烦恼。

「民众透过手机扫描商家专属的二维码即可完成交易，享有轻松便捷的购物体验，付费过程容易又安全。」里宾是今早出席亚洲城农民市集「无现金付款计划」推展礼，接受媒体访问时，这么表示。

他指出，电子钱包无现金交易模式，不仅方便且减少被抢劫及扒窃等罪案，加上顾客也不用特地到提款机取现金。

「无现金交易也让商贩更加清楚收入来源，更轻松打理业务；民众再也无需掏出厚重钱包或等待找钱就能带着战利品满载而归。」

有鉴于此，他表示，亚洲城农民市集超过一半商贩积极响应电子钱包，但这项措施不属于强制性，商贩仍可以自由选择。

他指出，沙巴州目前共有185个农民市集，参与商贩共有3412人。

他鼓励更多商贩加入无现金交易平台，同时也希望电子钱包能延伸到郊区市集，让更多民众也能接触这类方便又安全的服务。

在场者有大马银行Jalan Perpaduan分行经理卓志敏以及BOOST沙巴区域主管曾立雄。

See Hua Daily News, 6 Feb 2020

FAMA jamin bekalan sayur mencukupi

IPOH - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan bekalan makanan terutama sayur-sayuran yang diimport dari China tidak terjejas berikutan penularan koronavirus.

ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, pihaknya mempunyai beberapa pilihan dari negara lain.

"Sebagai contoh, kubis memang banyak kita import dari China tetapi tiada pengurangan ketara. Kita ada sumber yang lain seperti dari Indonesia," katanya kepada pemberita selepas Program MyBest Buy FAMA @ LTdL 2020 Peringkat Negeri Perak di Bandar Meru Raya di sini semalam yang dirasmikan oleh Exco Agama, Pendidikan Islam, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan Perak, Datuk Asmuni Awi.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, Program MyBest Buy FAMA @ LTdL 2020 mendapat sambutan menggalakkan dan sehingga kini nilai jualan yang dicatatkan mencecah RM450,000 iaitu menghampiri sasaran sebanyak RM1 juta yang melibatkan lima lokasi.

"Kita sebenarnya tidak perlu bimbang. Ramai pelancong yang datang pada program di KLCC, Kuala Lumpur semalam (kelmarin), begitu juga program di Terengganu. Kita tidak boleh mengembar-gemburkan berita tidak sahih mengenai koronavirus.

"Setakat ini Terengganu mencatat jualan yang tertinggi selama dua hari iaitu sebanyak RM103,000 tetapi di Perak mungkin jumlahnya boleh mengatasi Terengganu kerana setakat semalam (kelmarin), jumlah jualan berjumlah RM60,000," katanya.

Sinar Harian, 12 Feb 2020



Zainal Abidin (kiri) dan Asmuni (tiga dari kiri) melawat gerai jualan sayur-sayuran pada Program MyBest Buy FAMA @ LTdL 2020 Peringkat Negeri Perak di Bandar Meru Raya, Ipoh semalam.

農銷局與7農業者交易 簽購逾200噸西瓜南瓜

（马江20日讯）联邦农业销售局（FAMA）于日前，与7家农业者签署了一份价值超过17万令吉的西瓜和南瓜买卖协议。

登嘉楼联邦农业销售局局长法兹莫哈末在昨日出席是项买卖协议签署会表示，根据协议，签署协议的业者将供应超过200吨的西瓜和南瓜给该局。

"当我们作出协议后，一旦价格下跌，FAMA也会以协议的价格向他们购买相关农作物。"

他披露，相关西瓜和南瓜将在全马的100个FAMA零售店销售。

提到吉兰丹的西瓜倾销问题，法兹莫哈末表示相关情况已经影响了登嘉楼的西瓜价格，目前已由1月的每公斤1令吉80仙下跌50仙，至1令吉30仙。

法兹莫哈末表示，倾销在新冠肺炎爆发后发生，因新冠肺炎影响了国际对吉兰丹西瓜的需求。

Sin Chew Daily, 21 Feb 2020

Ayam RM6 seekor habis sejam

Melaka: Ayam lelong RM6 seekor habis dijual tidak sampai sejam sempena Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) di Durian Tunggal di sini, semalam.

Program anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) itu turut menawarkan pelbagai hasil tani lain yang lebih murah daripada harga pasaran.

Harga berkenaan diumumkan Exco Kerja Raya Pengangkutan dan Kemudahan Awam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Durian Tunggal, Datuk Sofi Abdul Wahab.

Sementara itu, peniaga ayam, Naza Ali berkata, dia membawa 300 ayam dan tidak menduga habis dalam tempoh sejam.

Bagaimanapun, setiap pelanggan terhad membeli seekor ayam sahaja bagi memberi peluang lebih ramai mendapatkannya.

Metro Ahad 23 Feb 2020



AYAM lelong yang disambar orang ramai, semalam.

Cheaper durians for locals

Johor Fama sells supply meant for export through intervention programmes

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

JOHOR BARU: The coronavirus (Covid-19) outbreak in China has affected the export of Musang King durian to the republic, leading to suppliers selling the fruit at lower prices to locals here.

Johor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) director Shahid Abu Bakar said the current price for premium grade Musang King at plantations was between RM40 and RM45 per kg, with a market price of between RM60 and RM70 per kg.

"Most of our export is to China but since there is a drop in demand, we have to sell it to the locals at a cheaper price.

"Johoreans, especially durian lovers, can enjoy them now at cheaper prices.

"The local demand for durian is still alright.

"We also export a small quantity of the fruit to some parts of the Middle East and the United States," he said.

Shahid added that demand for durians locally was there, with production and supply under control.

"We have not reached any over supply stage as durian production in Johor is controlled and carried out in phases.

"Tangkak currently has reached the final phase of production. Pontian will now enter the first phase of production, with the second phase expected to start in April," he said.

Shahid said Fama had also conducted a market management programme by selling durian through their intervention programmes such as My Best Buy and fresh fruit stalls (GBBS).

> "We have not reached any oversupply stage as durian production in Johor is controlled and carried out in phases.
>
> **Shahid Abu Bakar**

"Some of our entrepreneurs, for example in Pontian, also set up stalls at *pasar tani* to sell the fruits.

"Fama also assisted entrepreneurs by providing them with stalls under the GBBS programme.

"When people see the fruit sold at such programmes, they can be assured of the quality and fresh supply at cheaper prices," said Shahid, adding there were 70 GBBS in the state, with the biggest one located in Pekan Nenas, Pontian.

"Most of our GBBS are located in the districts that produce fruits such as Pontian, Muar and Batu Pahat.

"The main reasons for setting up GBBS in these districts is to provide locals with easy access to fresh and affordable fruit and to help fruit farmers generate income," he said.



Johoreans, especially durian lovers, can enjoy them now at cheaper prices. – Filepic

The Star, 13 Feb 2020

Tindakan tegas kepada peniaga Pasar Tani 'Ali Baba' lesen perniagaan

KANGAR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana peniaga pasar tani yang 'ali baba' lesen perniagaan mereka.

Pengarah Kanan Pasar Tani FAMA, Abd Rahman Mahmood berkata pihaknya telah menguatkuasakan peraturan pemilik lesen berniaga di pasar tani tidak dibenarkan menyerahkan lesen berkenaan kepada warga asing malah tidak dibenarkan mengambil pekerja warga asing.

"Kami mahu peniagā tempatan yang meniaga di tapak pasar tani di seluruh negara. Perkara yang utama pasar tani diwujudkan untuk membantu peniaga terutamanya petani memasarkan barangan mereka sebagai medan antara pengeluar dan pengguna untuk mendapatkan harga yang murah dari pasaran tempatan.

"Sebab itu kami letakkan harga barangan yang ditawarkan terutamanya barangan segar jauh lebih murah lima hingga 20 peratus berbanding pasaran runcit," katanya kepada media selepas program tinjauan mesra, Jom Kongsi Rezeki @ Pasar Tani Mega Taman Sena Indah di sini, kelmarin.

Program tersebut dirasmikan Setiausaha Kerajaan Perlis, Azman Mohd Yusof.

Abd Rahman berkata hukuman dikenakan sama seperti pelaksanaan mata demerit sehingga peniaga mencapai jumlah tertentu dan akan dihadapkan ke bahagian tribunal. - Bernama

供民众网购外带粮食

（马六甲23日讯）甲州政府与马六甲大马联邦农业销售局配合，在冠状病毒病疫情期间，为民众提供网上和外带粮食服务。

这项措施有助于减少民众之间的聚集、接触之外，也让大家能够通过网上订购的便利，买到蔬菜和罐装食物。

马六甲首席部长拿督苏来曼，今日在官方面簿发出这项最新的信息。

他希望民众别恐慌和担忧，因为大马联邦农业销售局，在全国17个地点的该局，提供这项服务，包括该局在甲州爱极乐的农业网上市集。

他说，民众也可以到甲州爱极乐Mamee厂后方的该局以drive-thru的方式购买蔬菜，但只限早上8时至下午5时，周一至周五。

"蔬菜包括每公斤2令吉50仙的马铃薯、小洋葱每公斤8令吉、大洋葱每公斤5令吉、包菜每公斤2令吉、蕃茄每公斤4令吉、红萝卜每公斤2令吉50仙，也有红辣椒、干辣椒和姜等等。"

他说，除了开车驶入该局购买，民众也可购买"我的厨房"配套的罐装、包装和瓶装食物或调味料，有快速面、杯面、米粉、饼干、三合一咖啡，配套价格介于30至150令吉。

大马联邦农业销售局官网www.agrobazaar.com.my。



马六甲大马联邦农业销售局，提供多种蔬菜选择。

Nanyang Siang Pau, 24 Mac 2020

New Sabah Times, 1 Mac 2020

Oriental Daily News, 25 Mac 2020

沈志勤促政府收购滞销农产品

怡保24日讯｜前农业部副部长沈志勤促请政府通过联邦农业销售局（FAMA），向农民收购在行动管制令期间滞销及超量的农产品，再以合理价格售卖给低收入群体。

他今日发文告表示，自政府实施行动管制令后，国内农民已因农产品滞销，还有政府部门的繁文缛节，导致运输受阻，进而面对20至30%的亏损。「彭亨州的金马仑高原及柔佛州近日也发生数宗丢弃及摧毁农产品的事件，虽然相关事件纯属个案，但足以证明行动管制令对农民所造成的打击。」

他为此呼吁农业部，通过旗下的联邦农业销售局（FAMA）推动「保证回购计划」，回购在行动管制令期间超量的农产品，减轻农民的亏损，再以合理价格将农产品卖给低收入群。

同时，沈志勤续说，大部分罗里司机如今也面对跨州及出口的准证问题，再加上许多领域停止营业，已造成许多农民无法获得种子、肥料、杀虫剂等供应，此情况料将影响农民的种植周期。

「此外，农民在管制令期间，也面对包装盒子短缺问题，因为工厂已被令关闭，农产品无法装箱及推出市场销售，所以农业部应该研究整个农业链所面对的挑战，再给予帮助，确保农民的运作不受影响，还有农产品日后的供应不会出现短缺。」

Basic items at lower prices for Melaka folk

Monthly programme aims to ease their cost of living

MELAKA: The state branch of the Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) Ministry, in collaboration with the state Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), is organising a monthly sales of basic necessities at the Melaka International Trade Centre parking lot.

Melaka KPDNHEP consumer empowerment, administration and finance section chief Nurul Asshiqah Nazri said the programme was aimed at making it easier for the people and civil servants here to purchase basic items at lower prices.

She said among the items offered at the sales programme from 9am to 6pm were sugar, flour, rice, cooking oil, vegetables, fruits and items produced by entrepreneurs under the guidance of Fama.

"The programme aims to help the B40 target group as part of the government's effort to ease the rising cost of living, and it is being implemented in collaboration with the state secretary's office.

"The Basic Needs Sales programme is being held here for the first time, and will continue to be held every month," she said after launching the programme.

"The sales programme was being held at a strategic location, surrounded by state government offices and agencies and public attractions. The date for the programme every month would be announced via various channels including KPDNHEP Melaka and Fama Facebook pages," she added.

Melaka Fama deputy director Amir Azlan Jamil said there were 26 sales booths operated by entrepreneurs from My Best Buy, Fama operations centres and marketing contracts as well as three booths under KPDNHEP.

He said the basic necessities were sold at between five and 30% below the market price, giving consumers considerable savings.

Noor Heriaty Abdul Gani, 35, said the prices of goods were slightly lower than the market prices, and this would result in much savings if the goods were purchased in large quantities.

She said the programme should be continued as it helped ease the people's cost of living. — Bernama



Nurul Asshiqah (left) checking the items on sale at the programme. — Bernama

The Star, 2 Mac 2020

Berita Harian, 20 Mac 2020

Pasar malam, pasar tani tak dibenar beroperasi

Kuala Lumpur: Semua pasar malam dan pasar tani tidak dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, manakala restoran 24 jam di bandar raya ini diarah memendekkan masa perniagaan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham A Dahlan dalam kenyataan semalam, menegaskan had masa untuk operasi restoran itu membabitkan perkhidmatan pandu lalu, penghantaran dan membawa pulang.

"Arahan ini selaras Akta 342, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Polis 1967 dan Peraturan-Peraturan Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020.

"Apa pun, ia tertakluk kepada perubahan arahan terkini dari semasa ke semasa," katanya.

Sekiranya arahan itu gagal dipatuhi, DBKL akan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik perniagaan, katanya.

Sementara itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam kenyataan berkata, semua pasar malam dan pasar tani di seluruh negara tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh perintah itu dikuatkuasakan.

Perkara itu termaktub dalam larangan perintah, iaitu semua pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya dilarang sama sekali.

"Yang disebut (benar beroperasi) iaitu pasar yang mempunyai struktur bangunan kekal tidak termasuk pasar tani dan pasar malam.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga ada mengeluarkan arahan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memastikan pasar tani tidak dibuka sepanjang tempoh dua minggu ini," katanya.

Untuk membolehkan orang ramai mendapatkan barang keperluan dari FAMA melalui pembelian secara dalam talian di www.agrobazaar.com.my.

Bagi mendapatkan ikan segar dan produk hasil perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan meneruskan jualan ikan segar di Pasar Nelayan dan bagi penduduk Lembah Klang, Putrajaya, Shah Alam dan Klang.

Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) juga menjual ikan dan produk hasil perikanan secara online melalui nekmatbiz.com.my.



Semua pasar malam tidak boleh beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19. (Foto hiasan)

Berita Harian, 30 Mac 2020



Che Abdullah (kanan) meninjau stok bekalan barangan makanan dan keperluan di Pusat Transformasi Luar Bandar Tunjung, Kota Bharu, semalam.

Rakyat diingat tidak sorok barang keperluan

Kota Bharu: Rakyat diingatkan supaya tidak menyorokkan barangan keperluan tertumpu barang dapur bagi memastikan stok bekalan mencukupi untuk semua.

Timbalan Menteri II Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata rakyat perlu bertanggungjawab dan tidak mengambil kesempatan dalam situasi negara dilanda ancaman COVID-19 seperti sekarang.

"Kita minta rakyat termasuk peniaga tidak mengambil kesempatan menyorokkan barangan atau menaikkan harga.

"Wabak ini bukan berlaku di Malaysia sahaja, tetapi seluruh dunia, maka jangan ambil kesempatan dalam kesusahan dialami semua," katanya pada sidang media di pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sini, semalam.

Che Abdullah berkata, kementerian memberi jaminan bekalan makanan mencukupi termasuk beras walaupun ada dakwaan ia hanya mampu bertahan dua bulan setengah.

Menafikan dakwaan itu, beliau menegaskan negara masih mengimport beras dari beberapa negara dan sentiasa berusaha memastikan bekalan mencukupi.

"Bekalan beras cukup untuk tempoh panjang dan kita masih mengimport dari Thailand, Kemboja, India dan beberapa lagi," katanya yang turut membuat tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong.

Beliau tidak menafikan operasi RTC Tunjong terjejas disebabkan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang mengehadkan kedatangan pengunjung, namun apa lebih utama ialah bekalan makanan untuk rakyat mencukupi.

Katanya, FAMA berperanan penting dalam membantu aspek pemasaran produk pertanian bagi memastikan bekalan makanan sampai kepada pengguna.

"Kita harap FAMA terus berperanan kerana Kelantan negeri pertanian dan RTC Tunjong adalah yang terbaik di negara.

"Kementerian turut mewujudkan bilik gerakan bagi memantau bekalan makanan dan masalah yang dihadapi pembekal dalam rantaian untuk membekalkan makanan kepada rakyat," katanya.

97 lokasi Pasar Segar di Malaysia

Pastikan kelangsungan bekalan makanan sepanjang PKP

Oleh HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM



INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

Sebanyak 97 Pasar Segar Terkawal dibuka di seluruh negara bagi tempoh PKP sehingga 14 April ini.

Sebanyak 97 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) dibuka di seluruh Malaysia sejak kelmarin bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercekapkan pengedaran bekalan makanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam satu kenyataan berkata, konsep jualan dan pengedaran PST tersebut dibuat di cawangan peruncitan terpilih secara berperingkat.

Menurutnya, pengoperasian PST melibatkan sebanyak 63 lokasi cawangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Malaysia iaitu 10 Pasar Tani Terpilih, 33 Pasar Tani Kekal, 17 Pusat Operasi FAMA dan tiga MyFarm Outlet.

Katanya, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) turut menyediakan sejumlah 34 Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (KPPK) untuk tujuan yang sama.

"Keseluruhan 97 lokasi itu akan melibatkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

"Kesemua *outlet* itu dijenamakan semula sebagai PST dan bagi fasa pertama pelaksanaan PST, sebanyak 37 *outlet* FAMA di seluruh Malaysia dan 17 buah KPPK diselia oleh LPP beroperasi sejak semalam (kelmarin), manakala dalam fasa kedua, sebanyak 10 Pasar Tani Terpilih dan 16 Pasar Tani Kekal akan beroperasi," katanya.

Menurut kenyataan itu, FAMA memfokuskan pengedaran bekalan makanan yang berkesan di sepanjang tempoh PKP dengan memperkemaskan lagi konsep jualan secara *online* iaitu Agrobazaar Online dan *offline* melalui rangkaian cawangan pemasaran terpilih.

Katanya, pelanggan digalakkan melayari portal *www.agrobazaar.com.my* untuk membuat pesanan awal atau WhatsApp secara prapesanan dan bayaran terus secara *online* bagi memudahkan urusan pengambilan di *pick-up point* dan urusan pandu lalu di cawangan terpilih.

"Ia bertujuan menjaga penjarakkan sosial seperti dinasihatkan pihak Kementerian Kesihatan bagi mencegah penularan wabak koronavirus (Covid-19).

"Jarak sosial di antara gerai-gerai yang berniaga akan dilakukan sementara pintu masuk dan keluar dikawal pihak berkuasa.

"Para pengguna dinasihatkan untuk membuat bayaran secara *online* dan tanpa tunai sama ada melalui pembayaran QR Pay dan E-wallet supaya membendung penularan wabak itu melalui wang kertas," katanya.

Setiap cawangan pemasaran FAMA ditetapkan mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Bagi pengguna yang membuat prapesanan melalui portal Agrobazaar Online atau media sosial, SOP yang perlu dipatuhi ialah pesanan melalui platform media sosial bermula jam 8 pagi hingga 4 petang dan penghantaran akan dibuat pada hari berikutnya melalui kaedah *dropship* atau *self pick up* dan bayaran melalui talian atau secara *cash of delivery* (COD)," katanya.

Sinar Harian, 4 Apr 2020

FAMA bantu petani jual hasil pertanian

ALEXANDRA LORNA

KUCHING: Pertubuhan Peladang Negeri dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah banyak membantu petani di seluruh negeri dalam menjual hasil mereka semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa wabak Covid-19.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah berkata, kedua-dua organisasi melalui unit masing-masing di peringkat daerah telah membantu mengumpulkan hasil petani.

"Mereka kemudian membawanya ke pasar sehingga menghasilkan pendapatan bagi petani," kata Uggah, semalam.

Beliau berkata, bahawa usaha seperti itu juga menguntungkan pengguna dan memastikan bekalan rantai makanan tidak terjejas semasa krisis ini.

"Misalnya, Pertubuhan Peladang, bermula 6 April hingga 16 April 2020, telah membeli sejumlah 13,462 kilogram sayur-sayuran dan 88,182 kilogram buah dari petani.

"Ini dilakukan oleh 17 unit wilayahnya di pelbagai daerah. Mereka telah membayar RM36,984.63 untuk sayur-sayuran dan RM157,321.59 untuk buah-buahan," jelas Uggah.

Uggah menambah begitu juga, FAMA juga telah menjalankan tugasnya.

"Dalam tempoh yang sama, FAMA telah membeli 1.425 kilogram sayur dengan harga RM3,342.30.

"Mereka juga membeli 19,979.5 kilogram buah dengan harga RM40,884," katanya. Uggah mengatakan kedua-dua organisasi akan terus membantu petani di negeri ini.

Beliau turut sekali lagi meminta para petani untuk pergi ke pejabat pertanian dan FAMA terdekat mereka jika mereka mengalami masalah dalam penjualan.

Uggah dalam satu kenyataan baru-baru ini mengatakan bahawa Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Pertanian Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta kepada Pertubuhan Peladang Sarawak untuk membeli hasil dari petani melalui kawasan Pertubuhan Peladang di seluruh negeri. "Selain itu sejumlah RM200,000 telah diperuntukkan kepada pejabat FAMA di seluruh negeri untuk membeli hasil petani dan untuk mengatur Pasar Tani," kata beliau.

Uggah yang juga Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Asli dan Pembangunan Wilayah menambah untuk nelayan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM600,000 kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk membeli hasil tangkapan mereka.

"Inisiatif di atas jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Sarawak sangat prihatin terhadap kebajikan petani dan nelayan.

"Mereka adalah pihak yang sangat penting dalam rantaian makanan kita dan oleh itu, kita akan mencari penyelesaian ini untuk mereka," Uggah berkata.

Dalam komennya, Setiausaha Tetap Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Asli dan Pembangunan Wilayah Edwin Abit menyifatkan kedua-dua organisasi itu sebagai barisan hadapan penting dalam membantu masyarakat dalam krisis.

"Jaringan perkhidmatan ini di seluruh rantaian bekalan yang merangkumi FAMA adalah sesuatu yang harus kita banggakan," katanya.

Utusan Sarawak, 18 Apr 2020



PERTUBUHAN Peladang Julau membeli sayur cangkuk manis seberat 168kg daripada petani sayur di Julau.

Penularan COVID-19

FAMA jana jualan RM65.9 juta

Usaha atasi isu lambakan produk tani bagi tempoh 1 hingga 19 April



Seremban: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya menjana jualan produk pertanian bernilai RM65.9 juta menerusi pusat jualan dan pemasarannya di seluruh negara, bagi tempoh 1 hingga 19 April lalu.

Ia membabitkan jualan RM22.9 juta di 45 Pasar Segar Terkawal (PST) yang beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai saluran pemasaran hasil pertanian bagi mengelak berlaku lambakan, selain jualan RM43 juta menerusi 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan 115 Agrobazaar Rakyat (ABR).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata terdapat 45 premis FAMA yang beroperasi membabitkan 17 Pusat Operasi FAMA, Pasar Tani Kekal (22) dan masing-masing tiga premis Myfarm serta Pasar Tani Terpilih Terbuka.

"Operasi PST membabitkan 490 usahawan menarik 270,000 pengunjung dengan 37,484 pembelian/penghantaran.

"Sejak pelaksanaan PKP mulai 18 Mac lalu hingga semalam, (Ahad lalu) bagi memutuskan rantaian wabak COVID-19, FAMA berjaya membantu 1,120 petani dengan kuantiti belian produk sebanyak 4,506 tan bernilai RM6.85 juta.

"Seramai 1,420 usahawan di bawah seliaan FAMA terbabit memastikan bekalan makanan sampai kepada 600,000 pengguna membabitkan 38,091 kaedah perkhidmatan secara penghantaran.

"Semua pusat jualan ini bertujuan memasarkan barangan segar, sayur-sayuran, buah-buahan, ayam dan daging serta barangan keperluan harian lain," katanya selepas melawat PST Pandu Lalu di Pusat Operasi FAMA Negeri Sembilan di Jalan Labu, di sini, semalam.

Ahmad berkata, usaha kerajaan ketika ini untuk meningkatkan dan memperkemaskan lagi aktiviti pemasaran secara dalam talian menerusi Agrobazaar Online bagi membantu petani.

Berita Harian, 21 April 2020

FAMA bantu petani terjejas pasar, jual hasil dalam talian

Johor Bahru: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor melaksanakan belian terus dari ladang, membantu mengatur jualan antara petani dan pemasar serta memperkasa aktiviti jualan dalam talian bagi membantu petani yang terjejas akibat COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan, berkata kerajaan negeri mengambil maklum mengenai kegusaran petani di negeri ini yang terkesan akibat penularan wabak itu.

Katanya, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac sehingga 5 April lalu, 100 tan hasil tanaman seperti nanas MD2, nanas Josapine, sengkuang, timun, cili merah dan sayuran berdaun di seluruh Johor yang membabitkan nilai jualan RM200,500 sudah dibeli dan dipasarkan.

"Semua produk pertanian ini dijual di Pasar Tani Segar Terkawal yang dilaksanakan di semua Pasar Tani Kekal di negeri ini, selain turut dipasarkan ke luar Johor dan menerusi jualan dalam talian di www.agrobazaaronline.com.my," katanya.

FAMA membuka lima Pasar Tani Kekal untuk beroperasi, iaitu Pasar Tani Kekal Datin Halimah yang dibuka setiap hari kecuali Selasa dari jam 8 pagi hingga 2 petang, Pasar Tani Kekal Permas Jaya (dibuka setiap hari kecuali Isnin mulai jam 7 pagi hingga 3 petang).

Pasar Tani Kekal Bukit Gambir (dibuka setiap hari dari jam 7 pagi hingga 3 petang), Pasar Tani Kekal Endau (dibuka setiap hari dari jam 7 pagi hingga 12 tengah hari) dan Pasar Komuniti & Karavan (PAKAR) Mersing (dibuka pada Jumaat dan Sabtu, dari jam 8 pagi hingga 12 tengah hari).

Bagi memudahkan pembelian, FAMA Johor juga menyediakan kemudahan pembelian secara atas talian dan pengguna boleh mengunjungi laman web atau dengan memuat turun aplikasi AgrobazaarOnline.

"Platform secara dalam talian ini antara kaedah digunakan untuk memudahkan pengguna mendapatkan bekalan dengan kualiti yang terjamin tanpa perlu risau mengenai situasi semasa, terutama dalam tempoh PKP ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Vidyananthan berkata, platform dalam talian juga menggalakkan lebih ramai petani dan usahawan untuk memasarkan hasil pertanian, seterusnya dapat menjimatkan kos operasi, dapat berdikari, selain memiliki pasaran yang lebih luas.

Utusan Sarawak, 18 April 2020

Jualan FAMA Kedah ketika PKP cecah RM11.88 juta



Isa (dua dari kanan) memantau penghantaran 300 pek Kombo Ramadan yang dibeli Abdul Azeez (kiri) untuk diagihkan kepada petugas di IPD Baling semalam.

BALING - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah berjaya mencapai nilai jualan mencecah RM11.88 juta membabitkan Pasar Segar Terkawal di negeri itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengarah FAMA Kedah, Isa Hamzah berkata, jumlah itu adalah hasil jualan kepada 189,826 orang pengguna antara 18 Mac hingga 19 April 2020.

Menurutnya, dari segi pemasaran, FAMA telah membuat belian melebihi 80 peratus hasil keluaran petani dan berjaya membuat 333 pengaturan pasaran.

"Tiada isu lambakan berlaku di Kedah walaupun dalam tempoh PKP kerana FAMA telah berjaya memasarkan lebih 80 peratus hasil petani," katanya ketika hadir ke sesi penyerahan sumbangan Kombo Ramadan petugas barisan hadapan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Baling di sini semalam.

Penyerahan disempurnakan Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Isa berkata, setakat ini Kedah mempunyai enam Pasar Segar Terkawal yang diluluskan beroperasi semasa tempoh PKP dengan prosedur operasi standard ditetapkan antaranya di Guar Chempedak, Changlun, Kuala Kedah, Kulim, Pusat Operasi FAMA Alor Setar dan Pusat Operasi FAMA Sungai Petani.

Sinar Harian, 2 Mei 2020

Sinar Harian, 3 Mei 2020

FAMA Negeri Sembilan bantu petani tebu

FOTO: BERNAMA



Ahmad (tiga dari kanan) semasa meninjau tempat proses penghasilan air tebu di Pusat Memproses Tebu Segar Simpang Durian semalam.

JELEBU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan telah membeli sebanyak 11,190 batang tebu bernilai RM17,803 daripada 24 petani yang mengusahakan tanaman tebu di sini dalam tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 22 April hingga 30 April lepas.

Pembelian itu bagi membantu petani tanaman tebu di negeri ini dalam memasarkan lebihan hasil tebu mereka disebabkan tiada penganjuran bazar Ramadan dan tebu tidak dapat dieksport ke Singapura.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan l, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, FAMA Negeri Sembilan telah mengambil inisiatif untuk memproses tebu segar yang dibeli menjadi jus tebu manis dan ia sekali gus bagi memastikan rantaian pemasaran hasil tebu tidak terputus.

"Petani tanaman tebu yang terkesan sejak pelaksanaan PKP di seluruh Negeri Sembilan adalah seramai 36 orang melibatkan keluasan tanaman berjumlah 64 hektar dan daripada jumlah itu 28 orang adalah dari daerah Jelebu, Seremban seramai tiga orang, masing-masing dua orang dari Kuala Pilah dan Rembau serta seorang dari Tampin.

"Sejak 22 April lepas hingga 30 April, seramai 24 orang petani telah menandatangani perjanjian jual beli dengan FAMA melibatkan nilai pembelian sebanyak RM17,803. Selebihnya seramai 12 pengusaha tanaman tebu lagi akan dibuat (menandatangani perjanjian jual beli) secara berperingkat dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita dalam lawatan kerjanya ke daerah Jelebu di sini, semalam.

Ahmad berkata, dua pengusaha pusat memproses tebu telah dilantik iaitu Sweetcane Enterprise di Simpang Durian, Jelebu dan Charmecanne Enterprise di Selangor bagi memproses tebu-tebu berkenaan.

"Dalam tempoh 22 April hingga 30 April lepas, pengusaha yang dilantik telah memproses dan menghasilkan 20,000 botol air tebu yang diedarkan ke pusat operasi FAMA seluruh negara sejak 28 April lepas," katanya.

Dalam lawatan kerjanya itu, Ahmad turut melawat Stesen Mardi Simpang Durian, Pusat Memproses Tebu Sweetcane Enterprise dan Pusat Kelompok Padi Skim Triang Hilir di sini. - *Bernama*

PKS perlu tingkatkan kemahiran teknologi digital



DATUK Seri Mustapa Mohamed.

KUALA LUMPUR: Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) digesa supaya lebih radikal untuk meningkatkan kemahiran teknologi digital agar seiring dengan negara maju yang lain.

Ini dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed setelah mendapati ada PKS yang belum memahami teknologi ini sehingga gagal memanfaatkannya.

"Ada PKS yang arif, cekap dan bersedia mengenai e-dagang tetapi masih ada yang belum nampak relevannya. Justeru, pendedahan akan ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemubual dalam rancangan Malaysia Hari Ini membincangkan tentang 'Norma Baharu Asas Pemulihan Covid-19" di siaran TV3.

"Inilah masanya untuk kita mengubah secara radikal terhadap gaya hidup, kaedah pelaksanaan dan strategi sejajar dunia digital terkini," katanya. Sebaliknya, Mustapa berkata PKS yang terdedah dengan teknologi digital semakin rancak mengembangkan operasi perniagaan dan mengoptimumkan produktiviti.

Mengambil contoh, bazar dalam talian, 'Agrobazaar Online' kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatatkan jualan memberangsangkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) giat mempromosi teknologi digital termasuk melalui kursus dalam talian bagi meningkatkan operasi, pengeluaran dan daya saing PKS, katanya.

Mengenai kebimbangan pelbagai pihak apabila hampir semua sektor ekonomi dibuka mulai 4 Mei, Mustapa berkata keputusan pelaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dibuat dengan teliti.

"Ada yang menyatakan ia terlalu awal, tetapi itu pandangan dan perbahasan begini biasa berlaku diperingkat awal. Tetapi bagi kerajaan, kita sudah mendapat nasihat daripada Kementerian Kesihatan.

"Sudah sampai masa untuk kita lihat kedudukan ekonomi kerana bantuan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) untuk sementara sahaja dan apa yang penting syarikat perlu dibuka kembali," jelasnya. – Bernama

Utusan Sarawak, 9 Mei 2020

விலையேற்றப் புகார்: 4,261 வர்த்தக மையங்களில் சோதனை



(பி.ஏ.கந்தையா)

ஜூமுட், மே 12- பேரா மாநிலத்தில் குறிப்பாக ஈப்போ, தெலுக் இந்தான், பாகான் டத்தோ, பத்தாங் பாடாங் ஆகிய மாவட்டங்களில் காய்கறி, மீன், கீரை வகைகள், பழங்கள் போன்ற அத்தியாவசிய உணவுப் பொருட்களின் விலை பெருமளவு அதிகரித்திருப்பதாக பயனீட்டாளர்கள் வழங்கி வரும் புகார்களை உள் நாட்டு வாணிப பயனீட்டாளர் நலத் துறை இலாகா கவனத்தில் கொண்டு, சோதனைகளை மேற் கொண்டு வருவதாக அதன் மாநில தலைமை இயக்குநர் வீ.ர விச்சந்திரன் கூறினார்.

சம்பந்தப்பட்ட வணிகர்களுக்கு இதன் தொடர்பில் எச்சரிக்கை கடிதங்கள் வழங்கப்பட்டதாகவும் அவர் கூறினார்.

விலையேற்றத்திற்கான நியாயமான காரணங்களை வணிகர்கள் தெரிவிக்க வேண்டும். மேலும், பொருட்களை வாங்கி விற்பதற்கான ரசீதுகளையும் அவர்கள் வைத்திருக்க வேண்டும் என்று அவர் அறிவுறுத்தினார்.

வர்த்தக விதிகளை மீறுவோருக்கு எதிராக அபராதத்துடன் கூடிய கடுமையான நடவடிக்கை எடுக்கப்படும் என்றும் அவர் எச்சரித்தார். விவசாய உணவுப் பொருட்கள் விற்பனை சந்தையான FAMA உடன் அணுக்கமான தொடர்பை தனது இலாகா வைத்திருப்பதாகவும் காய்கறிகள், கீரை, பழங்களின் விலையை பா%மா நிலை நிறுத்தும் என்றும் அவர் கூறினார்.

சித்தியவானில் அண்மையில் பூளூட் அரிசி மாவிற்கு விலைப் பட்டியல் வைக்காத வர்த்தகர் ஒருவருக்கு 2,000 வெள்ளி அபராதம் விதிக்கப்பட்டதை அவர் சுட்டிக்காட்டினார்.

தங்கள் இலாகா இதுவரை 361 புகார்களைப் பெற்றிருப்பதாகத் தெரிவித்த ரவிச்சந்திரன், 4,261 வர்த்தக மையங்கள், மளிகைக் கடைகளைச் சோதனையிட்டு, 8,600 வெள்ளி வரை அபராதம் விதித்துள்ளதாகக் கூறினார்.

விலை உயர்வு, வர்த்தக நிறுவனங்களின் மோசடி குறித்து பொது மக்கள் புகார் செய்ய விரும்பினால் 05-2414611 என்ற எண்ணில் தனது இலாகாவுடன் தொடர்பு கொள்ளலாம் என அவர் குறிப்பிட்டார்.

Malaysian Nanbhan 12 Mei 2020

Food supplies adequate, action to be taken against illegal price hikes

FAMA has implemented a distribution channel for daily wet essentials such as fruits and vegetables, fish and meat

by LYDIA NATHAN



The govt decided to implement the 8th EMCO in the Jalan Othman market area, Petaling Jaya, on Sunday following a spike in Covid-19 cases

THE government will take action towards businesses including manufacturers, wholesalers and retailers that attempt to take advantage of the Covid-19 pandemic by increasing prices of essential items.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) conducted checks on 25 different essential items last Sunday.

The checks were made at 1,052 business premises including 839 retailers, 183 wholesalers and 30 manufacturers.

Ismail Sabri said there are enough items to accommodate the needs of the people for the long term.

"People should not worry about the supply of food and everyday items for the fasting month of Ramadhan because I can guarantee it is enough," he said in a daily press conference yesterday.

He added the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) has implemented a distribution channel for daily wet essentials such as fruits and vegetables, fish and meat.

"From March 18 until May 10, FAMA's distribution channel involved 1,882 farmers, 1,700 entrepreneurs and 11 supermarkets, and this effort has benefitted 2.81 million people," he said.

Ismail Sabri recently announced that KPDNHEP implemented a Maximum Price Scheme starting April 14 until April 28, 2020.

Despite it only being used during festive seasons, he said the scheme initially ensured control over 12 daily essentials.

So far, KPDNHEP has received 8,145 consumer complaints between March 18 and April 11, through four various channels, including 4,140 on WhatsApp, 1,766 on E-Aduan website, 1,631 via hotline and 609 on its enforcement command centre.

Additionally, according to Ismail Sabri, Putrajaya has prepared 32.6 million face masks to be distributed across the country.

He said the face masks have been given out to states and to the district management committees through its 162 district offices to be given to households.

Meanwhile, Ismail Sabri said the government decided to implement the eighth Enhanced Movement Control Order (EMCO) in the Jalan Othman market area, Petaling Jaya, on Sunday following a spike in Covid-19 cases.

It was reported that 26 new cases of Covid-19 were reported in the area to date.

Under EMCO, residents are prohibited from leaving the designated zones for the entire period while visitors are not allowed to enter.

Ismail Sabri said the EMCO will be effective on May 10 until May 23, 2020, and will involve 2,900 residents and commercial premises.

"The Health Ministry will screen residents in stages and food aid will be given to them, so I urge residents to remain calm and fully cooperate with medical staff from the Health Ministry while following instructions from relevant authorities," he said.

The minister also advised against bringing small children to shopping malls for their own safety. Although such a restriction is not provided under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988, it is the family's responsibility to not expose the children to danger.

The Malaysian Reverse, 12 Mei 2020

Strong year for durian, sellers get helping hand from Shopee

KUALA LUMPUR: It's already the middle of the year, which also marks the durian season.

However, the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) is anticipating a lower-than-normal yield of below 300,000 metric tonnes due to high rainfall of late and manpower issues due to the Movement Control Order (MCO).

Despite the challenges, FAMA expects 2020 to be an optimistic year for the durian industry with most durian sellers foreseeing demand to remain strong domestically and internationally, especially from Singapore and China.

FAMA encourages durian industry players to embrace e-commerce to boost their sales with the new normal taking precedence, with many already going online luring durian enthusiasts to savour the king of fruits right at home.

Durian aficionados are also looking for the fruit online and the testament to this is that e-Commerce platform Shopee has noted the word "durian" trending in the keyword search on its platform, signifying consumers' interest on the fruit as the season kicks off.

Shopee said its platform has organically attracted durian farmers from across the country as they started taking their offerings of D24, Musang King, XO, Hor Lor, Udang Merah and more online. Many have been seen to be creative with their own campaigns like Duduk Rumah, Makan Durian (Stay Home, Eat Durians).

However, will the durian lovers get the same taste of the fruit like buying them from the stalls or eating them right at the orchards?

Borneo Post, 3 Jun 2020

Pemborong 'ghaib', labu jadi RM1

Fama Pahang buat promosi elak penanam labu manis di Pekan, Rompin alami kerugian

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan



LABU manis turut dihantar ke Fama Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka serta Selangor.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang kini giat mengadakan promosi menjual labu manis dengan harga serendah RM1 sebiji di Pasar Segar Terkawal (PST) di Pahang.

Timbalan Pengarah Bahagian Operasinya, Shahaddin Mohd Nor berkata, usaha itu dilakukan bagi memastikan buah dibekalkan 80 pekebun di Pekan dan Rompin mendapat pasaran secara berterusan dengan jumlah banyak.

Menurutnya, hasil pertanian itu turut dihantar ke Fama Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka serta Selangor dan kini lebih 50 tan sudah diagihkan secara berperingkat sejak tiga minggu lalu.

"Fama negeri menerima lima hingga 10 tan labu dan jumlah berkenaan dijangka bertambah, sekali gus aktiviti penghantaran terus dilakukan apabila mendapat permintaan.

"Kami menjangkakan akan membeli lebih 300 tan labu manis hasil kehasan 80 pekebun di Pekan dan Rompin dan aktiviti belian setiap setiap minggu mula dilakukan 20 Mei lalu.

"Sebelum ini pekebun memasarkan hasil labu mereka kepada seorang pemborong utama namun disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyebabkan pasaran tidak dapat dilakukan," katanya di sini, semalam.

> "Fama negeri menerima lima hingga 10 tan labu
> Shahaddin

Beliau berkata, pengeluaran labu manis di dua daerah berkenaan bertambah sekali hingga dua kali ganda pada musim kali ini dan faktor permintaan rendah menyebabkan pasaran kini agak perlahan.

Menurutnya, ini adalah kali pertama Fama membeli hasil petani terbabit.

"Kebanyakan pekebun yang mengusahakan tanaman labu itu adalah pesawah dan apabila selepas selesai musim menuai padi, mereka akan menanam labu di atas petak sawah.

"Aktiviti penanaman padi di dua daerah berkenaan dilakukan sekali setahun dan bagi memastikan lambakan labu tidak terus berlaku selepas ini, Fama mengambil keputusan menawarkan pekebun terbabit sebagai peserta ladang kontrak Fama.

"Mereka yang berminat boleh menerima tawaran itu dan mendapat beberapa kemudahan seperti semua hasil labu mereka dibeli Fama mengikut harga lantai, pengangkutan dan khidmat nasihat termasuk penyusunan jadual penanaman setiap tahun disediakan untuk mereka," katanya.

Harian Metro, 26 Jun 2020

ஆன்லைன் விற்பனையில் ஷோபி ரிம 250,000ஐ பெற்றுள்ளது

Shopee

கோலாலம்பூர், ஜூன் 21–

மலேசியா ஷோபி அதன் கூட்டாட்சி வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையம் (FAMA) மற்றும் தேசிய மீனவர் சங்கம் (NEKMAT) ஆன்லைன் வழியாக விவசாய மற்றும் மீன்வளப் பொருட்களின் விற்பனைக்கு சுமார் 250,000 டாலர்களை பெற்றுள்ளது.

விவசாயிகள் மற்றும் மீனவர்களின் நலனைப் பாதுகாப்பதற்கான நீண்டகால நடவடிக்கையாக ஆன்லைன் விவசாய மற்றும் உணவுத் துறை அமைச்சகத்துடன் கூட்டாட்சி வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையம் (FAMA), தேசிய மீனவர் சங்கம் (NEKMAT) மற்றும் மலேசியாவின் மீன்வள மேம்பாட்டு ஆணையம் ஆகியவற்றின் மூலம் அமைக்கப்பட்டது.

மலேசியா ஷாப்பியின் தலைவர் டான் மிங் கிட் இது கடந்த மாதம் அமைக்கப்பட்டதிலிருந்து, ஆன்லைன் மூலம் கிள்ளான் பள்ளத்தாக்கைச் சுற்றி 2,000 ஆர்டர்களைப் பெற்றதாக கூறினார்.

"தற்போது, கிள்ளான் பள்ளத்தாக்கு குடியிருப்பாளர்கள் நாளை மதியம் 12 மணிக்கு முன்னதாக தங்கள் ஆர்டர்களை பெறுவார்கள். வார இறுதி மற்றும் பொதுவிடுமுறை நாட்களில் தவிர, மறுநாள் தங்கள் தயாரிப்புகளைப் பெறுவார்கள்," என்று அவர் நேற்று ஓர் அறிக்கையில் கூறினார்.

தேவை அதிகரித்தால், ஈ–காமர்ஸ் தளம் மிகவும் திறமையான மற்றும் விரைவான விநியோக நேரங்களுக்கு பேச்சுவார்த்தை நடத்த விவாதங்களில் ஈடுபடத் தயாராக உள்ளது என்றார்.

இதற்கிடையில், வேளாண் மற்றும் உணவுத் துறை அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ டாக்டர் ரொனால்ட் கியாண்டி, புதிய இயல்புக்கு ஏற்ப நுகர்வோருக்கு மட்டுமல்ல, விவசாயிகள், தொழில்முனைவோர் மற்றும் மீனவர்களுக்கும் பொருந்தும் என்றார்.

"ஈ–காமர்ஸின் மூலம் நீங்கள் ஆன்லைனில் ஆர்டர் செய்ய வேண்டும் மற்றும் ஒரு குறிப்பிட்ட காலத்திற்குள் டெலிவரி செய்யப்படுகிறது.

"டெலிவரி நேரங்களை ஆழ்ந்த கலந்துரையாடல்கள் மூலம் மேம்படுத்த முடியும். ஏனெனில் இது பல கட்சிகளை உள்ளடக்கியது – தொழில் வீரர்கள், மேடை ஆபரேட்டர்கள் மற்றும் லாஜிஸ்டிக் கூட்டாளர்கள்," என்று அவர் கூறினார்.

இந்த முயற்சி நாடு முழுவதும் விரிவுபடுத்தப்படும் என்று எதிர்பார்க்கப்படுகிறது. இது 1,500 உள்ளூர் விவசாயிகள், FAMA இன் கீழ் 100 வேளாண் வணிக தொழில்முனைவோர் மற்றும் 56,000 மீனவர்களின் வாழ்வாதாரத்தில் சாதகமான தாக்கத்தை ஏற்படுத்தும்.

பொது மக்கள் விவசாய பொருள்களை வாங்க https://shopee.com.my/agrobazaar_fama மற்றும் https://shopee.com.my/nekmat.os என்ற அகப்பக்கங்களை பார்வையிடலாம்.

Tamil Malar, 21 Jun 2020

Satok Sunday Market, farmers' market in Sarawak reopen today

KUCHING: The Sunday Market at Medan Niaga Satok here and nine other farmers' markets managed by the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) across Sarawak would resume operations today, says Fama Sarawak director Datuk Mat Sani Hassan.

"The government has now given some flexibility to allow the farmers market and the weekly market to reopen. So we have decided to reopen the weekly market in the covered area here (Medan Niaga Satok) starting tomorrow (Saturday)," he said during a press conference at Fama Sarawak headquarters here.

Mat Sani said all markets could open to the public from 7am to 6pm, starting today, but they must adhere to stringent standard operating procedures including body temperature checks, wearing face masks, using sanitisers and recording information.

"We have also set up stalls within 1m or 2m of each other and placed dividers to ensure social distancing between visitors and traders," he said.

He said in Satok, almost 80 per cent of the total 584 traders were ready to return to business. — Bernama

Utusan Sarawak, 9 Jun 2020

Kempen lebihkan makan ulam

FAMA harap usaha itu tarik minat masyarakat makan ulam, sayuran tempatan

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

Pengusaha restoran dan kedai makan di negeri Kedah diminta mempelbagaikan jenis ulam-ulaman sebagai hidangan di premis mereka untuk menggalakkan pengambilan makanan lebih berkhasiat.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah, Isa Hamzah berkata, ini kerana berdasarkan *National Health & Morbidity Survey 2015* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebanyak 94 peratus penduduk di negara ini tidak mengambil buah-buahan dan sayur-sayuran dalam kuantiti mencukupi berdasarkan saranan World Health Organization (WHO).

Sehubungan itu katanya, FAMA berharap agar usaha yang dilakukan oleh pihak restoran berjaya menarik minat orang ramai terutama generasi muda mendekati makanan berkhasiat itu.

"Terdapat juga beberapa jenis ulam-ulaman yang terkenal dalam kalangan masyarakat seperti petai, jering, pucuk gajus, ulam raja dan daun pegaga, namun tidak ramai yang mengetahui khasiat dimiliki.

"Antara kandungan nutrisi ulam-ulaman ialah galian seperti mineral, vitamin utama iaitu kalsium, fosforus, besi, natrium dan kalium serta serat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan kempen 'Lebihkan Makan Ulam-Ulaman dan Sayur Tempatan' di sini semalam.

Menurutnya, terdapat pelbagai jenis ulam-ulaman yang tumbuh subur di negara ini malah ia dijual secara komersial dan menjadi sumber pendapatan kepada petani.

"Ulam juga boleh dikatakan sebagai pembuka selera dan pelengkap dalam hidangan makanan yang mana kalau di Kedah, ia dimakan dengan sambal belacan manakala Kelantan dengan budunya," katanya.

Beliau berkata, bagi menambah pengetahuan masyarakat mengenai kelebihan dan khasiat ulam-ulaman ini, orang ramai boleh mendapatkan buku *Ulam-ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat* yang telah dilancarkan oleh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pada Oktober tahun lalu.

Sementara itu, Isa berkata, FAMA Kedah berjaya mencapai nilai jualan mencecah RM23 juta membabitkan Pasar Segar Terkawal di negeri ini sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

"Jumlah itu adalah hasil jualan kepada 500,000 orang pengguna antara 18 Mac hingga 9 Jun daripada 300 peniaga di negeri ini. Buat masa ini, tiada isu lambakan berlaku di Kedah termasuk penjualan buah-buahan bermusim termasuk durian dan rambutan," katanya.



Isa (kiri) melihat Pengarah Jabatan Penyiaran Kedah, Rafini Othman menggaul nasi ulam sempena kempen 'Lebihkan Makan Ulam-Ulaman dan Sayur Tempatan' di Alor Setar semalam.

Sinar Harian, 29 Jun 2020

Peniaga pasar tani gembira barang laris

Seremban: Kira-kira 40 peniaga Pasar Tani Ampangan, di sini lega apabila ia dibuka semalam, selepas lebih tiga bulan ditutup sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

Tinjauan mendapati susunan berubah apabila kedudukan antara gerai dijarakkan 1.5 meter seperti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa.

Peniaga dikehendaki memakai pelitup muka dan sarung tangan manakala kanak-kanak tidak dibenarkan memasuki kawasan gerai.

Seorang anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) ditempatkan di pintu masuk bagi mengambil suhu badan pengunjung serta dikehendaki menulis nama dengan laluan masuk dan keluar dipisahkan.

Peniaga sayur kampung, Nor Aziah Ahmad, 55, berkata, dia lega apabila dapat berniaga semula selepas empat bulan menutup perniagaan disebabkan PKP.

"Alhamdulillah, saya dapat berniaga walaupun pada hari pertama banyak barang habis dijual," katanya yang lebih 10 tahun lalu mencari makan di situ.

Peniaga kuih, Abdul Aziz Abdul Hamid, 65, turut bersyukur kerana pasar tani beroperasi semula.

Pesara tentera itu berkata, SOP tidak menjadi isu kerana ia dapat memastikan tiada kluster baharu Covid-19 dari pasar berkenaan sekali gus memastikan peniaga dan pengunjung terselamat.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan negeri Bakri Sawir berkata, buat permulaan hanya satu pasar tani dibenarkan beroperasi di setiap daerah di negeri itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).



PENGUNJUNG Pasar Tani Ampangan memasukkan nombor giliran selepas membeli barang ke dalam kotak disediakan, semalam.

Harian Metro, 1 Jul 2020

Ourshop, FAMA bantu petani tempatan



OURSHOP AirAsia

KUALA LUMPUR: Cabang logistik AirAsia Bhd, Teleport, telah bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membantu petani tempatan menjual produk segar dan sejuk beku terus dari sumber.

Kerjasama ini dilaksanakan menerusi platform e-dagang Teleport, Ourshop.

AirAsia berkata Ourshop telah melancarkan kategori baharu yang dinamakan Ourfresh yang menawarkan produk segar dan sejuk beku terus dari sumber dengan penghantaran "dijamin sampai esok" untuk pelanggan di Lembah Klang.

Ia berkata, Ourshop telah mendaftar sebagai pedagang Agrobazaar Malaysia, di bawah FAMA, dalam usaha menyediakan bantuan dalam platform e-dagang untuk membantu petani dan peniaga dari segi pemasaran.

"Ourshop akan memaparkan lebih 200 produk petani dari pelbagai kategori termasuk buah-buahan, sayur-sayuran, ayam, daging dan ikan," katanya dalam satu kenyataan.

Ketua pemasaran Ourshop, Grace Chin berkata syarikat menyaksikan produk segar dan sejuk beku semakin berkembang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan telah mengambil keputusan untuk memperkenalkan kategori Ourfresh di bawah platform e-dagang.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Datuk Abdul Ghariff Ramin berkata kerjasama ini akan memberikan manfaat platform e-dagang yang boleh membantu dan meluaskan perniagaan pertanian lebih jauh serta memberi nilai berpatutan kepada pelanggan.- Bernama

Utusan Sarawak, 7 Jul 2020



鼓勵吃本地水果

首相丹斯里慕尤丁日理万机，周四（23日）抽空出席在国会举行的"来国会吃水果"活动。

慕尤丁（左起）抵步后，在农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪陪同下，被现场的小型榴槤展览飘出的"榴槤香"所吸引，并向前了解榴槤品种。

这场活动是由农业及食品工业部联合联邦农业销售局（FAMA），在国会新成立的多用途礼堂举办；慕尤丁随后则进入礼堂参与午宴。

China Press, 24 Jul 2020



ORANG ramai kelihatan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan dengan memakai pelitup muka ketika membeli barangan keperluan harian di pasar tani, ketika tinjauan di Kuantan semalam. Mulai 1 Ogos, kerajaan mewajibkan penggunaan pelitup muka dalam pengangkutan awam dan di tempat awam yang sesak termasuk pasar dan pasar tani. Keputusan itu dilakukan berikutan kadar peningkatan kes yang mula kembali meningkat selain pematuhan rakyat terhadap SOP semakin berkurang. •Foto BERNAMA

Utusan Sarawak, 27 Jul 2020

Mingguan Sarawak, 26 Jul 2020

ABO Trading himpun produk usahawan desa

NUR AIN OTSMAN

KUCHING: Agro Bazaar Online (ABO) Trading Sarawak di Pusat Komersial Swan Matang di sini menjadi hab pertama di Malaysia yang menghimpunkan produk usahawan luar bandar yang akan dijual secara dalam talian.

Pengurus projeknya, Zamahari Hanapi berkata, projek perintis itu adalah hasil cetusan idea daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sarawak untuk membantu usahawan luar bandar yang sukar memasarkan produk mereka.

"Projek ini masih dalam fasa pertama dan dalam masa 12 bulan akan datang, kita akan mengembangkan usaha ini ke Sarikei, Miri dan Sibu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis penyerahan Agroxpress Delivery Box Agro Bazaar Online, Pelancaran Jualan Pra-Aidiladha Agrobazaar Online dan ABO Trading Sarawak di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Pengarah FAMA Sarawak, Dato' Dr. Mat Sani Hassan serta Timbalan Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Rudzaimier Malek.Tambahnya, setakat ini, seramai 70 usahawan berjaya dihimpunkan di ABO Trading Sarawak dengan pelbagai jenis produk keluaran mereka.

"ABO Trading Sarawak menekankan penglibatan usahawan dari luar bandar seperti Lubok Antu dan Sarikei yang sebelum ini sukar untuk memasarkan hasil produk. "Dengan tertubuhnya ABO Trading Sarawak ini, maka produk usahawan berkenaan akan kita pasarkan secara dalam talian dan selepas itu, pihak kita akan menggunakan motosikal untuk menghantar barangan tersebut ke rumah pelanggan," ujarnya.

Dalam pada itu, pihaknya juga akan menyediakan latihan kepada usahawan yang kurang ilmu dalam bidang pemasaran dengan mendidik mereka dan berkongsi tips untuk memasarkan produk.

Mereka yang berminat untuk membeli atau mendapatkan produk usahawan ABO Trading Sarawak, boleh layari laman sesawang www.agrobazaar.com.my. Ia adalah hasil daripada usahawan ABO Sarawak dan peniaga tempatan yang mengetengahkan hasil kreativiti mereka bagi memenuhi citarasa pelanggan yang berbeza dalam mencari kelainan dari segi rasa, rupa bentuk dan harga.



DATO' Dr Mat Sani Hassan melancarkan Agroxpress Delivery Box Agro Bazaar Online di ABO Trading Sarawak di Pusat Komersial Swan Matang, Kuching semalam.

方便買日常用品
疫區設農民市集

（日得拉7日讯）联邦农业销售局（FAMA）将在拿坡和甘榜本当达兰开农民市集（Pasar Tani），让受到针对性强化行动管制令控管的居民购买日常用品。

吉打妇女、家庭和社会发展事务委员会主席哈丽玛顿指出，该市集会于本月9日（周日）开始营业，每周营业3天，即周日、周二和周四。

她说，这项决定是在昨早的天灾管理机构行动协调委员会的会议上议决。

她希望这项决定能够帮助当地居民，以合理价格购买到日常所需，如鱼类、蔬菜和鸡肉。

哈丽玛顿昨日到甘榜拿坡移交吉打州政府的食物援助品给受到疫情影响的民众后，召开记者会时这么指出。

她说，该市集会符合所规定的标准作业程序（SOP），也会获得有关当局和吉打州卫生局的合作。

她指出，拿坡的市集会开在乡村社区中心，而甘榜本当达兰的市集则会开在该甘榜的礼堂。

她指出，政府也成立一组队伍，让他们能够将药物带进针对性强化行动管制令区内的民众。



■哈丽玛顿（前排左）移交援助品给受影响的居民。

China Press, 8 Ogos 2020

Sabah first to hold Young Agropreneur online course

KOTA KINABALU: The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) will further extend the Young Agropreneur online marketing course nationwide, to help the group market their agricultural and agro food products.

Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said for a start Sabah had been selected as the first state to conduct the course for 50 young agropreneurs yesterday.

He said the online marketing course could be used as a platform to improve and master skills to help agropreneur groups boost their sales and revenue, especially during the Covid-19 pandemic.

"Through online sales, young entrepreneurs could sell their products to a wider market without having to go through middlemen, and this is a good opportunity for them to sell directly to consumers.

"As such, the ministry through FAMA (Federal Agricultural Marketing Authority) is encouraging young entrepreneurs to use the online medium because they are better at accessing and capitalising the Internet for business purposes," he told reporters after officiating the Sabah Young Agropreneur Online Marketing Course here yesterday.

In the meantime, Che Abdullah said the AgroBazaar platform had helped to increase sales of agricultural and agro-based products during the Movement Control Order period and entrepreneurs also view that this marketing approach must be fully utilised.

During the period, sales through AgroBazaar in Sabah recorded a collection of about RM200,000 and participation among entrepreneurs was quite encouraging, he said.

Earlier, Che Abdullah in his speech said, MAFI has allocated RM20 million with the objective to develop a total of 1,200 young agropreneurs this year, adding that under phase one, some 238 applicants have received grant approval valued at RM4.01 million. – Bernama



Che Abdullah (front, third right) with participants of the Young Agropreneur Online Marketing Course.-Bernama photo

Borneo Post, 17 Ogos 2020



ABDUL Rashid (kiri) mengedarkan Jalur Gemilang kepada pengunjung di Pasar Tani Stadium Shah Alam, semalam.

Enam lagi pasar tani

Fama Selangor kini giat kumpul usahawan untuk buka bisnes

Bernama

Shah Alam

Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Selangor akan membuka enam lagi pasar tani di negeri itu sebagai tambahan kepada 43 pasar tani yang beroperasi sejak 16 Ogos lalu.

Pengarah Fama Selangor, Abdul Rashid Bahri berkata, agensi itu kini sedang mengumpul usahawan untuk berniaga di pasar tani berkenaan.

"Segala urusan dengan pihak berkuasa tempatan kami sudah selesaikan, malah lokasi juga ditetapkan, kini hanya tinggal pendaftaran untuk usahawan. Kami yakin bulan depan dapat beroperasi," katanya pada Kempen Kibarkan Jalur Gemilang Hari Kebangsaan Ke-63 di Pasar Tani Stadium Shah Alam di sini, semalam.

Menurutnya, tiga daripada pasar tani baharu itu terletak di daerah Petaling, dua di Sepang dan satu di Kuala Langat.

Mengenai Pasar Tani Stadium Shah Alam, Abdul Rashid berkata, pasar tani setiap Ahad yang mempunyai 200 tapak niaga itu beroperasi untuk minggu ketiga.

"Kini ada 180 peniaga yang beroperasi, kami (Fama) yakin minggu depan semua usahawan yang berdaftar akan mula berniaga," katanya.

Mengulas mengenai pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)hingga 31 Disember ini, Abdul Rashid berkata, Fama Selangor akan mempergiatkan lagi usaha memasarkan hasil petani dan penternak melalui pasar taninya.

"Melihatkan keadaan ekonomi yang semakin bagus dengan semakin ramai berkunjung ke pasar tani Fama, petani dan penternak tidak akan mempunyai masalah untuk memasarkan hasil mereka," katanya

Harian Metro, 31 Ogos 2020

Borneo Post, 22 Ogos 2020



Christina greeting a couple manning a stall at Asia City Tamu.

Asia City tamu vendors satisfied with earnings

KOTA KINABALU: "So-so, Bagus and OK lah" were among the replies given by vendors when asked, "How is business?" by incumbent Api-Api Assemblywoman Datuk Christina Liew during her Wednesday visit to the Asia City Tamu offering a wide range of agricultural produce and local products.

Generally, the vendors who are farmers mainly from Papar and Tuaran and as far as Kundasang and Tenom were quite satisfied with their earnings for the day.

A vendor from Tenom told Christina that she had to make the long trip to the State capital just to make some money to support her family.

"The Tamu is one avenue to selling my fruit and vegetables," said a farmer from Kundasang.

The twice weekly Farmers' Market on Wednesday and Saturday runs from 8 am to 12 noon under the auspices of the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) and with the support of the Asia City Management Office.

"The items for sale are fresh and relatively cheaper. The seaweed, for example, is transported all the way from Semporna," noted Christina who is also caretaker Minister of Tourism, Culture and Environment.

FAMA buka pasar tani khas Temco

SUNGAI PETANI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah akan membuka pasar tani khas untuk kemudahan penduduk Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco).

Pengarahnya, Isa Hamzah berkata, Pasar Segar Terkawal itu akan dibuka apabila mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Pejabat Daerah Kuala Muda.

Menurutnya, pasar tani khas itu menyediakan barang makanan terutama barang seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran kepada penduduk di kawasan Temco terbabit.

"FAMA Kedah bersedia membuka pasar tani khas di kawasan Temco di Ambangan Heights sekiranya terdapat keperluan dan kebenaran MKN, dan Pejabat Daerah Kuala Muda," katanya di sini semalam.

Selain itu, beliau memberitahu, pelaksanaan pasar tani khas itu nanti akan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan bagi mengekang penularan Covid-19.

Katanya, FAMA Kedah sebelum ini membuka dua pasar tani khas di kawasan Temco di daerah Kubang Pasu iaitu pekarangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Napoh dan Kampung Bendang Dalam.

"Di kawasan Temco, hanya ketua keluarga yang dibenarkan keluar membeli barang termasuk di kawasan pasar tani," ujarnya.

Beliau menambah, pihaknya akan memikirkan tindakan lanjut berhubung pembukaan pasar tani khas itu selepas mendapat kebenaran daripada MKN.



KENDERAAN Jabatan Kebajikan Masyarakat membawa makanan untuk penduduk di Ambangan Heights, Amanjaya, Sungai Petani, semalam.

Utusan Malaysia, 31 Ogos 2020

Manfaatkan tanah terbiar jadi projek tani

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

SETIU – Kerajaan negeri Terengganu berhasrat memanfaatkan tanah-tanah terbiar di negeri ini untuk diusahakan dengan projek pertanian secara komersial.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Hilmi Harun berkata, sehingga kini kerajaan negeri telah mengenal pasti kira-kira 8,000 hektar tanah terbiar di seluruh negeri ini.

"Jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk mengenal pasti tanah-tanah berkenaan yang antara lain terbiar kerana pemiliknya sudah lama meninggal dunia dan tidak dituntut.

"Status tanah terbiar itu sedang diperiksa dan jika boleh (dari segi undang-undang) akan diguna pakai untuk aktiviti pertanian seperti penanaman tembikai dan labu," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau ditemui selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian Jual Beli Ladang Kontrak antara 59 pengusaha tembikai dan labu dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu di Gong Tengah, Kampung Beris Tokku dekat sini semalam.

Turut hadir Pengarah FAMA Terengganu, Fauzi Mohamed dan Pegawai FAMA Setiu, Abd. Ghani Zainal.

Selain itu, Hilmi berkata, sebanyak 856 metrik tan tembikai dan 46 metrik tan labu yang diusahakan peladang Gong Tengah akan dipasarkan FAMA Terengganu melibatkan urus niaga bernilai RM717,000.

Beliau berkata, kedua-dua tanaman berkenaan yang diusahakan di tanah seluas 51.6 hektar terbabit dijangka dapat mula ditual dalam tempoh tiga minggu lagi.

"Begitu pun, pengeluaran tembikai dan labu di seluruh negeri ini masih belum memenuhi walaupun permintaan setempat hingga terpaksa diimport dari negeri lain dan luar negara," katanya.



HILMI (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Fauzi (kanan) di Gong Tengah, Kampung Beris Tokku, Setiu semalam.

Kosmo, 26 Ogos 2020

22,360 penduduk Ambangan Heights lega dapat beli barang basah

Dua pasar segar terkawal dibuka esok

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

SUNGAI PETANI – Keresahan 22,360 penduduk di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang semakin kebahisan barang basah bakal berakhir apabila dua Pasar Segar Terkawal (PST) akan dibuka di lokasi di perumahan tersebut mulai esok.

Kesemua penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor kini menjalani perintah kuarantin di rumah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran susulan pandemik Covid-19 bagi Kluster Tawar.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Kuala Muda, Mohd. Fauzi Hashim berkata, dua pasar berkenaan membabitkan 20 peniaga yang akan dibuka di Zon Mawar pada setiap Rabu dan Sabtu, manakala di Zon Kenanga pula pada Selasa dan Jumaat dari pukul 8 pagi hingga 11.30 pagi.



KERATAN Kosmo! semalam.

"PST di Zon Mawar akan dibuka di Surau An Nur, manakala lokasi bagi Zon Kenanga masih dalam penelitian pihak kami dan wakil penduduk," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, pasar tani itu akan menjual pelbagai barang runcit dan barang basah termasuk ayam, ikan segar, sayur-sayuran serta buah-buahan yang mana bekalan dijangka mencukupi untuk kegunaan penduduk tertibat.

Katanya, pelaksanaan pasar segar itu akan dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan termasuk penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan pemeriksaan suhu badan.

"Hanya ketua keluarga dibenarkan membeli barang keperluan di pasar tani ini," ujarnya.

Sementara itu, rata-rata penduduk yang ditemui melahirkan rasa syukur dengan pembukaan dua pasar segar esok dan memudahkan ia langkah tepat bagi membantu mereka mendapatkan bekalan barang basah.

Seorang penduduk, Zarina Chik, 51, berkata, selepas ini penduduk tidak perlu merentuta bantuan keluarga dan rakan-rakan di luar untuk membeli serta menghantar barangan basah di sini.

Pekerja swasta, Aziz Amoh, 53, bersyukur kerana masalah untuk mendapatkan bekalan barangan harian dapat diselesaikan.

"Memang sukar untuk dapatkan barang keperluan, lebih-lebih lagi peniaga yang tinggal di luar kawasan ini tidak dibenarkan masuk.

"Pembukaan ini dapat menghilangkan tekanan selepas kami dikenakan arahan kuarantin di rumah," katanya.

Kosmo, 1 Sept 2020

1,000 ketua keluarga manfaatkan pembukaan PST di Zon Mawar dan Melur

Satu rahmat dapat beli barang basah

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

SUNGAI PETANI – Kira-kira 1,000 ketua keluarga dari Zon Mawar dan Melor di Ambangan Heights, Amanjaya di sini keluar mendapatkan bekalan makanan terutama barang basah di Pasar Segar Terkawal (PST) yang dibuka mulai semalam.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Kuala Muda, Mohd. Fauzi Hashim memberitahu, penduduk mula memenuhi PST yang dibuka di kawasan lapang berhampiran Surau An Nur di Zon Mawar seawal pukul 8 pagi.

"Kita menerima maklum balas yang sangat baik daripada penduduk yang sangat memerlukan PST sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran ini," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, sebanyak 12 peserta pasar tani membuka gerai dengan menjual ikan segar, ayam, buah-buahan dan sayur-sayuran.

"Sambutan yang diterima sangat menggalakkan apabila peniaga terpaksa menambah bekalan sayur untuk dijual di pasar segar ini," ujarnya.

Selain itu, katanya, dua buah lori Mai Borong juga membuka jualan barang makanan dan keperluan lain di PST.

"Selain barang makanan, lori itu juga menjual lampin pakai buang dan susu," jelasnya.

Katanya, nilai jualan pada hari pertama PST adalah kira-kira RM50,000.

Pasar itu akan dibuka di Zon Mawar pada setiap Rabu dan Sabtu, manakala Zon Kenanga pada Selasa dan Jumaat dari pukul 8 pagi hingga 11.30 pagi.

Penduduk Zon Mawar Fasa 7, Fatin Faezah Zulkifli, 31, berkata, dia berterima kasih atas kepri-hatinan kerajaan dan FAMA yang membuka PST di kawasan itu.

"Saya berasa lega apabila dapat membeli ayam, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan segar dengan harga lebih murah daripada kebiasaan.

"Walaupun barang tidak sebanyak di pasar tani, tetapi sebagai penduduk yang dikenakan PKPD, peluang dapat membeli barangan segar merupakan satu rahmat bagi kami," katanya.


PEGAWAI Daerah Kuala Muda, Abdullah Hashim (kanan) melawat gerai jualan ikan segar pada hari pertama pembukaan PST di Zon Mawar, Amanjaya, Sungai Petani semalam.

Kosmo, 3 Sept 2020

Bantu petani atasi lambakan buah

MAFI melalui FAMA bangunkan pusat pemprosesan buah di Sabah

KOTA KINABALU

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membangunkan pusat pemprosesan buah-buahan bagi membantu petani mengatasi lambakan buah-buahan di Sabah.

Menteriya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, projek itu juga bagi mendokong hasrat kerajaan untuk meningkatkan eksport negara, sekali gus menyumbang pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Selain itu, kita juga dapat memanfaatkan pusat ini untuk memasarkan buah-buahan ikonik seperti buah tarap, pomelo dan pisang Sabah kepada rakyat di Semenanjung serta eksport ke luar negara.

"Ia sekali gus memberi keyakinan kepada petani untuk memperluaskan tanaman dan meningkatkan hasil pengeluaran mereka.

"Pada masa yang sama, pusat ini dapat menggalakkan penglibatan belia untuk terlibat dalam industri pemprosesan buah-buahan," katanya pada perasmian Majlis Pecah Tanah Pusat Pemprosesan Buah-Buahan dan Kembara Agropreneur Muda di FAMA Sabah dekat sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Sementara itu, Ronald berkata, MAFI turut merancang beberapa projek bernilai RM5 juta di bawah bajet Pelan Rangsangan Ekonomi (Prihatin) di Sabah melalui FAMA, antaranya menaik taraf pusat operasi FAMA Kota Kinabalu, Pasar Tamu Tomborungus di Kudat dan pasar tamu di Kunak, selain pembangunan pusat pemprosesan buah-buahan.

Menurutnya, FAMA juga akan membekalkan buah tarap ke Semenanjung melalui udara dengan kerjasama Pos Malaysia Berhad.

"FAMA telah memperkenalkan buah tarap kepada masyarakat di Semenanjung dengan penganjuran program *My Best Buy*. Saya percaya buah tarap akan turut mendapat permintaan yang baik di Semenanjung.

"Kita juga mengeksport pisang Sabah sebanyak 20,000 tan metrik pada tahun lalu dengan nilai eksport sebanyak RM115 juta," katanya.

Dalam perkembangan berlainan, Ronald berkata, kementerian menyalurkan geran sebanyak RM7.79 juta bagi membantu seramai 534 peserta agropreneur muda di Sabah bagi menggalakkan mereka menceburi sektor pertanian.


Che Abdullah (tengah) melihat produk pertanian pada Majlis Pecah Tanah Pusat Pemprosesan Buah-Buahan dan Kembara Agropreneur Muda di FAMA Sabah dekat Kota Kinabalu semalam.

Sinar Harian, 11 Sept 2020

500 penduduk lega dapat beli bekalan

PST beri kemudahan kepada ketua keluarga di kawasan PKPD Pentadbiran dapatkan barangan harian

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SUNGAI PETANI


Penduduk berbaris untuk membeli barangan keperluan dengan mengamalkan jarak fizikal antara satu sama lain.

Kira-kira 500 penduduk terjejas di Kenanga 9, Ambangan Heights yang dikawal ketat akibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran meluahkan perasaan lega apabila mampu mendapatkan bekalan keperluan harian dengan penganjuran Pasar Segar Terkawal (PST) dalam kawasan perumahan mereka kelmarin.

Seorang penduduk, Ahmad Naufal Abdullah, 38, berkata, sejak larangan keluar zon dikuatkuasakan, ketua keluarga yang dipakaikan gelang warna putih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut tidak dibenarkan keluar dari zon perumahan terbabit.

Menurutnya, ia mendatangkan kesukaran untuk mendapatkan barangan keperluan harian memandangkan kedai runcit mahupun premis menjual barangan lain terletak di Zon Melor, kira-kira dua kilometer dari perumahan mereka.

"Alhamdulillah, atas inisiatif persatuan penduduk dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), peniaga dibenarkan memasarkan jualan melalui PST.

"Kami bersyukur dengan tindakan proaktif yang telah diambil kerana sebelum ini, perlu ke Zon Melor dan berbaris panjang untuk membeli.

"Apabila arahan larangan keluar zon bermula pula, kami tak boleh ke mana-mana namun penganjuran PST dalam kawasan perumahan kami memberi kemudahan dan keselesaan sekali gus akur arahan pihak berkuasa supaya tidak keluar rumah dan berada di zon masing-masing," katanya.

Menurutnya, inisiatif itu telah memberi kemudahan kepada ketua keluarga mendapatkan bekalan makanan terutama barangan segar seperti ikan, ayam dan sayur bagi meneruskan perintah kuarantin yang masih berbaki.

Sementara itu, peniaga sayur, Mohd Shahril Helmi Mat Saad, 35, berkata, penganjuran PST di kawasan PKPD Pentadbiran dilihat sebagai salah satu cara membantu penduduk mendapatkan bekalan.

Menurutnya, walaupun bimbang untuk memasuki kawasan PKPD Pentadbiran, namun pihaknya yakin semuanya selamat kerana pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP).

Bagi peniaga ikan, Mohd Khairil Zafri Bakri, 40, walaupun ramai peniaga enggan menyertai PST kerana bimbang penularan koronavirus (Covid-19) tetapi beliau mahu membantu penduduk terjejas mendapatkan bekalan ikan dengan niat menjual sambil membantu dan bertawakal.

"Semalam (kelmarin), jualan di zon tertentu termasuk Kenanga 9 agak menggalakkan. Jika ada permintaan, kami akan memberi kerjasama bergantung kepada keperluan penduduk," katanya.

Sambutan menggalakkan terhadap operasi PST di Zon Mawar di kawasan PKPD Pentadbiran di Amanjaya, Kedah sebelum ini mendorong FAMA membuka operasi pasar berkenaan di Zon Kenanga.

Difahamkan, PST akan dianjurkan semula di Kenanga 9 Selasa ini bagi membekalkan barangan keperluan kepada penduduk terjejas.

Penduduk Kenanga 9 antara lebih 20,000 penduduk terjejas yang tinggal di Zon Kenanga, Melor dan Mawar, Ambangan Heights, Bandar Amanjaya yang diperintahkan kuarantin sejak PKPD Pentadbiran dikuatkuasakan kerajaan bermula 28 Julai hingga 10 September 2020.

Kosmo, 1 Sept 2020

ஷோப்பி ஆன்லைன் விற்பனையிலிருந்து ரிம320,000 லாபத்தைப் பெற்றுள்ளது

கோலாலம்பூர், செப். 22–

மலேசியா ஷோப்பி அதன் கூட்டாட்சி வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையம் (FAMA) மற்றும் தேசிய மீனவர் சங்கம் (NEKMAT) ஆன்லைன் வழியாக விவசாய மற்றும் மீன்வளப் பொருட்களின் விற்பனைக்கு சுமார் 320,000 டாலர்களை பெற்றுள்ளது.

விவசாயிகள் மற்றும் மீனவர்களின் நலனைப் பாதுகாப்பதற்கான நீண்டகால நடவடிக்கையாக ஆன்லைன் விவசாய மற்றும் உணவுத் துறை அமைச்சகத்துடன் கூட்டாட்சி வேளாண் சந்தைப்படுத்தல் ஆணையம் (FAMA), தேசிய மீனவர் சங்கம் (NEKMAT) மற்றும் மலேசியாவின் மின்வளமேம்பாட்டு ஆணையம் ஆகியவற்றின் மூலம் அமைக்கப்பட்டது.

மலேசியா ஷோப்பியின் தலைவர் டான் மிங் கிட் கூறுகையில், "இது கடந்த மாதம் அமைக்கப்பட்டதிலிருந்து, ஆன்லைன் மூலம் கிள்ளான் பள்ளத்தாக்கைச் சுற்றி 2,000 ஆர்டர்களைப் பெற்றதாக கூறினார். வார இறுதி மற்றும் பொது விடுமுறை நாட்களில் தவிர, வாடிக்கையாளர்கள் தங்கள் தயாரிப்புகளைச் சரியான நேரத்தில் பெறுவார்கள்" என்று அவர் நேற்று ஒர் அறிக்கையில் கூறினார்.

இதற்கிடையில், வேளாண் மற்றும் உணவுத் துறை அமைச்சர் டத்தோ ஸ்ரீ டாக்டர் ரொனால்ட் கியாண்டி கூறுகையில், புதிய இயல்புக்கு ஏற்ப விவசாயிகள் மட்டுமல்லாமல் தொழில்முனைவோர்களும் மீனவர்களும் தங்கள் தயாரிப்புகளை ஆன்லைன் மூலம் உலகளவில் விற்பனை செய்ய ஷோப்பி உதவுகின்றது என்றார்.

"சோப்பியின் இந்த புதிய பிரசாரத்தைப் பயன்படுத்தி விவசாயிகளும் மீனவர்களும் தங்கள் வருவாயை அதிகரித்துக் கொள்ள வேண்டும்.

"ஈ-காமர்ஸின் மூலம் ஆர்டர் செய்யும் வாடிக்கையாளர்கள் தங்கள் பொருட்களை குறுகிய நேரத்தில் பெறவும் ஷோப்பி பல நடவடிக்கைகளை எடுத்து வருகின்றது.

"இந்த முயற்சி நாடு முழுவதும் விரிவுபடுத்தப்படும் என்று எதிர்பார்க்கப்படுகிறது. இது 1,500 உள்ளூர் விவசாயிகள், FAMA இன் கீழ் 100 வேளாண் வணிக தொழில்முனைவோர் மற்றும் 56,000 மீனவர்களின் வாழ்வாதாரத்தில் சாதகமான தாக்கத்தை ஏற்படுத்தும்" என்றார் அவர்.

பொது மக்கள் விவசாய பொருள்களை வாங்க https://shopee.com.my/agrobazaar_fama மற்றும் https://shopee.com.my/nekmat.os என்ற அகப்பக்கங்களை பார்வையிடலாம்.

Tamil Malar, 22 Sept 2020

FAMA komited bantu usahawan IAT pasarkan produk

LIONG CHAI LING

MIRI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) komited membantu usahawan Industri Asas Tani (IAT) memasarkan produk keluaran mereka kepada pengguna.

Pengarah FAMA Sarawak, Dato' Dr. Mat Sani Hassan berkata, pelbagai program dianjurkan bagi membuka peluang kepada usahawan IAT dalam usaha memasarkan produk masing-masing.

Katanya, antara program yang dianjurkan ialah Karnival Pengguna yang melibatkan usahawa baharu yang mempunyai produk sendiri untuk dipasarkan.

"Melalui karnival pengguna di kawasan terbuka yang menjadi tumpuan ramai juga membantu usahawan jualan promosi dan wet sampling produk mereka kepada pengunjung sementara yang diadakan di tapak Pasar Tani Coco Cabana di sini.

"Tempat ini, kita tengok dapat menarik pengunjung yang datang dan kita menggadakan pasar tani ini yang menawarkan pelbagai produk makanan dan industri asas tani," katanya.

Beliau berkata, kepada pemberita pada Program Karnival Pengguna Pembangunan Industri Asas Tani dan Pemasaran Digital di Coco Cabana di sini, semalam.

Mengenai program tersebut Mat Sani berkata, Pasar Tani Coco Cabana Miri akan beroperasi dua kali sebulan setiap hujung minggu awal dan akhir bulan.

"Program seumpama ini dianjurkan dua kali kerana ia merupakan platform kepada usahawan IAT tentamanya usahawan yang baharu memasarkan produk mereka kepada pengguna," katanya.

Pada karnival tersebut, Mat Sani turut memotong kek sempena sambutan ulang tahun FAMA yang ke-55 tahun.

Seramai 24 usahawan IAT di sekitar bahagian Miri menyertai karnival selama dua hari yang berakhir semalam.


BAGUS... Dato' Dr. Mat Sani Hassan (empat, kanan) menunjukkan tanda bagus semasa melawat tapak gerai jualan oleh usahawan Industri Asas Tani pada Program Karnival Pengguna Pembangunan Industri Asas Tani dan Pemasaran Digital di Coco Cabana di Miri, semalam.



HUBUNGAN BAIK ... Pengurus Kawasan merangkap Kaunselor Malaysia Timur CanHope, Connie Tan Lee Choo (dua, kanan) menyampaikan kuih bulan kepada Pengurus Besar Utusan Sarawak, Ivy Ngo Muk Lan semasa berkunjung ke Utusan Sarawak semalam. CanHope merupakan sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan bagi kaunseling dan khidmat sokongan kanser yang ditawarkan oleh Parkway Cancer Centre, Singapura. Turut kelihatan, Pembantu Pentadbiran CanHope, Teo Chui Hung (kanan) dan Pengurus Jualan dan Pemasaran Utusan Sarawak, Kong Hua Ming.

Utusan Sarawak, 29 Sept 2020

Fama launches Coco Cabana farmers market in Miri

Jude Toyat

MIRI: The Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) celebrated its 55th anniversary together with the official launching of Coco Cabana farmers market here yesterday.

Among the activities held during 'Karnival Pengguna – Lokasi Awam Pembangunan Industri Asas Tani & Pemasaran Digital' were cooking demonstrations, burger eating contest, promotional sale of agro-based industrial products and performances by buskers.

"We are launching the farmers market at Coco Cabana today (on Sunday) which will be held on the first and last weekend of every month as well as celebrating the 55th anniversary of Fama which falls on Sept 30," Fama Sarawak director Dato Dr Mat Sani Hassan told reporters when met at the carnival Sunday.

He commented that Coco Cabana farmers market is very interesting for visitors as it offers various agro-based industrial products and many more.


Mat Sani (sixth right) and some participants of the carnival pose for a group photo.

"Some 30 entrepreneurs participating in the carnival have received very encouraging response," he added.

Meanwhile, Coco Cabana Farmers Market chairwoman Hasni Mahidi said the twice monthly market would attract many visitors with traders offering a variety of products for sale.

"So, come in droves to Coco Cabana Miri Farmers Market every beginning and end of the month," she added.

Fama Miri officer Wan Habib Wan Drahman was also at the carnival.

Borneo Post, 29 September 2020

FAMA takes a shine to Agrobazaar online

The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)'s online marketing platform Agrobazaar Online is making its way to becoming a permanent asset after what was meant to be temporary during the COVID-19 Movement Control Order.

According to Deputy Minister of Agriculture and Food Industry YB Datuk Seri Ahmad Hamzah, as of April 30, the platform recorded sales amounting to RM1.8 million, of which RM693,000 were contributed by fresh produce segment while the rest came from agriculture-based products.

He expressed hope that more farmers would adopt the platform to market their products going forward. To date, there are 321 AKRs and 115 ABRs operating nationwide, to provide fresh produce and perishable goods to consumers.



Agrobazaar Online involves 530 entrepreneurs and it has received some 440,000 visitors as well as conducted 51,800 deliveries across the nation.

International Business Review, 7 Okt 2020

Fama to assist Pekan Nabalu pineapple farmers market crop

KOTA KINABALU: Farmers in Pekan Nabalu who are facing difficulties in marketing their pineapple crop could now breathe a sigh of relief as the Sabah Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) is prepared to help market their agricultural products.

Sabah Fama director Ripin Wahid said Fama had received complaints from a group of pineapple growers in Kampung Tomis Tiong Lokos over problems marketing pineapples during the Conditional Movement Control Order (CMCO).

"Fama together with other strategic partners are now working to help market their pineapple crops to Tawau and around Kota Kinabalu, including sales through Agrobazar online.

"Usually they (farmers) have regular market intermediaries coming to take away their harvest but during the CMCO period, there is limited movement and a smaller market," he said when contacted by Bernama here yesterday.

Pekan Nabalu is located about 73 km from Kota Kinabalu.

Ripin said the pineapple cultivation group covers 13 villages involving almost 404 hectares of crop area.

He said the pineapple harvest in the area is estimated at 1,250 metric tonnes and is expected to produce the fruit in stages.

In the meantime, Ripin said the supply of vegetables in the state is sufficient and the distribution of agricultural products is proceeding as usual in compliance with the standard operating procedures (SOP). – Bernama

Borneo Post, 21 Okt 2020

三苏巴里：柔今年1至10月400人參與網上農產品市集

（古林巴称21日讯）柔佛州农业、农基工业及乡村发展委员会主席拿督三苏巴里表示，柔州今年1月至10月共吸引400名商家参与网上农产品市集（Agrobazaar Online），在10个月内创下24万令吉的销量。

他今日在古林巴举出席由联邦农业销售局（FAMA）柔州分局主办的"网上农产品市集行销课程"推介礼后召开新闻发布会，如是透露。上述课程获50名商家参与。

体会网卖平台的益处

他说，疫情使不少商家生意受挫，他们因而体会网卖平台的益处。上述网上农产品市集也在这期间活跃起来。

"很多人想要（州政府）办农业市集，但地点和摊贩稳定性都是挑战。但网上农产品市集不同，它无需任何特别条件，给了商家机会。"

他建议，联邦农业销售局柔州分局增加更多便利设施如电子钱包，为该平台增加价值。

他提及，在行管令期间，农产品在生产方面基本问题不大，农业业者主要在销售方面面对问题，这是因为农业市集、夜市、酒店及餐厅等当时皆被迫关闭，无法做生意。

另外，他希望，柔州的疫情能稳定下来，并承诺柔州政府将致力开启边境，因为边境关闭令马新经济受到严重影响。

出席者包括联邦农业销售局柔州分局局长沙利占及吉林巴镇县长祖基菲利等。



三苏巴里（中）为课程主持推介仪式。左为沙利占，右为祖基菲利。

Sin Chew Daily, 22 Okt 2020

FAMA bantu peserta keluar garis kemiskinan



Adun Gaal meneliti produk yang dikeluarkan peserta di bawah FAMA.

Oleh ZULKEFLI HUSSIN

PASIR PUTEH: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan membantu 10 peserta e-Kasih di kawasan Parlimen Pasir Puteh dan Machang.

Timbalan Pengarahnya, Mohd Hafiz Nurulhuda berkata, peralatan berkenaan berupa mesin termasuk pembancuh (adunan) serta peti sejuk untuk menghasilkan pelbagai produk tradisional dan moden.

Katanya, sumbangan pelbagai peralatan tersebut bagi menambahkan pendapatan peserta yang bernilai lebih RM100,000.

"Bantuan terbabit diharap dapat mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan," katanya selepas majlis penyampaian bantuan peralatan kepada Norita Jusof di sini Selasa lepas.

Bantuan berkenaan disampaikan Adun Gaal, Mohd Rodzi Jaafar.

Mohd Hafiz berkata, sebelum ini seramai 210 peserta e-Kasih dari seluruh Kelantan menerima bantuan serupa sejak 2013.

Menurutnya daripada jumlah itu seramai 100 peserta sudah terkeluar dari garis kemiskinan.

"FAMA sentiasa memantau perniagaan mereka bagi dalam tempoh tiga tahun bagi memastikan setiap peserta benar-benar aktif," ujarnya.

Sementara itu Norita berkata, bantuan peralatan itu digunakan untuk menambahkan pengeluaran serbuk Asam Boi.

Katanya, beliau merancang memperluaskan pasaran produk berkenaan sehingga ke Singapura.

"Selama ini saya hanya mengusahakan produk itu secara kecil-kecilan di rumah dan memasarkan di kedai-kedai berdekatan Kampung Kemal," katanya yang juga seorang armalah.

Menurutnya juga beliau berhasrat untuk mengeluarkan pelbagai lagi produk termasuk popia frozen, cik mek frozen dan serunding ikan.

Beliau juga menyewa sebuah kedai di Bandar Pasir Puteh untuk dijadikan kilang bagi mengeluarkan pelbagai produk.

Harakah, 23 Okt 2020

வணிகர்களின் வருமானத்தை உயர்த்த உதவியுள்ளது கிளந்தான் விவசாய ஆணையம்

பாசீர் பூத்தே, அக். 24– கிளந்தான் விவசாய ஆணையம், இ–காசே (e-Kasih) நலவுதவி அமைப்பின் 10 பெறுநர்களுக்கு இந்த ஆண்டு ரிம 100,000க்கும் மதிப்புள்ள பல்வேறு உபகரணங்களை வழங்கியுள்ளது.

இவ்வுதவியானது பாசீர் பூத்தே மற்றும் மாச்சாங் நாடாளுமன்றத் தொகுதிகளில் வருமானத்தை அதிகரிப்பதற்காக வழங்கப்பட்டுள்ளன.

அதன் துணை இயக்குநர் முகமட் ஹறபில் நூருல்ஹுடா கூறுகையில், பலதரப்பட்ட பாரம்பரிய மற்றும் நவீன தயாரிப்புகளைத் தயாரிக்கும் பொருட்டு குளிர்சாதனப் பெட்டிகள், மாவை கலக்கும் கருவிகள் போன்றவை வழங்கப்பட்டுள்ளதாகவும் இச்சிறுவுதவியானது பங்கேற்பாளர்கள் தங்கள் வறுமையிலிருந்து வெளியேற உதவும் என்றும் அவர் நேற்று ஒர் அறிக்கையில் தெரிவித்தார்.

2013 முதல் இன்று வரை, கிளந்தான் முழுவதிலும் 210 இ–காசே பங்கேற்பாளர்கள் இது போன்ற உதவிகளைப் பெற்றிருக்கையில் அவற்றுள் 100 பங்கேற்பாளர்கள் வறுமைக் கோட்டிலிருந்து வெளியே வந்ததாகவும் முகமட் ஹறபில் விரிவுப்படுத்தினார்.

மேலும் அவர் கூறுகையில், மத்தியவிவசாயசந்தைப்படுத்தல் ஆணையம் பங்கேற்பாளர்களின் வணிக நடவடிக்கைகளை மூன்று வருட காலத்திற்கு கண்காணிப்பதோடு அவை செயலில் இருப்பதையும் உறுதி செய்கின்றன என்றார்.

மேலும், இத்திட்டம் வணிகர்களின் தயாரிப்புகளை சந்தைப்படுத்த உதவுவதோடு இக்கட்டான சூழல்களிலும் தேவைப்படும் பகுதிகளிலும் வழிகாட்டுதல்கள் மற்றும் உதவிகளை வழங்கிட இவ்வணையம் தயங்கிடாதுஎன அவர் நம்பிக்கைத் தெரிவித்தார்.

இதற்கிடையில், பங்கேற்பாளர்களில் ஒருவரான நொரித்தா கூறுகையில், பெறப்பட்ட புதிய உபகரணங்களுடன் தனது உற்பத்தியை அதிகரிக்க திட்டமிட்டுள்ளதாகவும் 'அசாம் போய் சீசோனிங்' (Asam Boi Seasoning) எனும் தனது தயாரிப்பை சிங்கப்பூர் வரை சந்தைப்படுத்தவுள்ளதாகவும் கூறினார்.

இவ்வளவு காலம், அதை வீட்டில் ஒரு சிறிய அளவுமட்டுமே தயாரித்து அருகிலுள்ள கெமால் கிராம கடைகளில் விற்பனை செய்தேன் என்று அவர் கூறினார்.

அவர் மேலும் பல வகையான தயாரிப்புகளையும் தயாரிக்க விரும்புவதாகவும் தெரிவித்தார். தனித்து வாழும் தாயாரான நொரித்தா கூறுகையில், பாசீர் பூத்தே நகரில் ஒரு கடையை வாடகைக்கு எடுத்துள்ளதாகவும் தனது உற்பத்தி மற்றும் உள்நாட்டுச் சந்தையை விரிவுபடுத்தும் பொருட்டு அக்கடையைத் தொழிற்சாலையாகப் பயன்படுத்துவதாகவும் கூறினார்.





Tamil Malar, 24 Okt 2020

Saran petani sertai ladang kontrak

Bagi tingkatkan lagi pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan di negara ini

Oleh SITI FATIHAH AWANG

JELI

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyarankan lebih ramai petani di seluruh negara menyertai Program Ladang Kontrak untuk meningkatkan lagi pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, sehingga kini seramai 3,245 peserta ladang kontrak yang berdaftar dengan pelbagai agensi di seluruh negara.

"Untuk hari ini (semalam), di Jeli sahaja kita buat tinjauan di ladang kontrak di bawah seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang berjaya mengusahakan tanaman jagung seluas 32 ekar di Tapak Projek Program Tadahan Rahmat Jeli 1.

"Peserta yang ada di sini seramai 20 orang dan dianggarkan 321,000 batang jagung dapat dituai sepanjang musim tanaman yang bermula pada 1 Ogos hingga 4 Oktober lalu dengan nilai anggaran jualan sebanyak RM193,000.

"Oleh sebab itu kita galakkan petani ini menyertai program ladang kontrak untuk memastikan mereka dapat memasarkan tanaman mereka sebaik mungkin dan pelbagai agensi yang ada membantu bermula dari proses penanaman sehingga ke peringkat pasaran," katanya di sini semalam.



Che Abdullah (dua dari kanan) melakukan gimik pelepasan lori yang membawa jagung dari Tapak Projek Program Tadahan Rahmat Jeli 1 untuk dipasarkan ke seluruh negara di Jeli semalam.

Terdahulu, Che Abdullah meluangkan masa lebih dua jam melawat Tapak Projek Program Tadahan Rahmat Jeli 1 di Kuala Balah di sini.

Turut hadir, Pengarah FAMA Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad, Ketua Jajahan Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli, Nik Raisnan Daud dan kakitangan FAMA Kelantan yang terlibat.

Mengulas lanjut mengenai ladang kontrak, Che Abdullah berkata, walaupun keadaan semasa kini agak genting dengan penularan koronavirus (Covid-19), namun trend terbaru iaitu pemasaran melalui dalam talian dapat membantu produk-produk tersebut terus bergerak dan sampai kepada pembeli.

Katanya, oleh sebab itu pihak kementerian menggalakkan petani, penternak dan nelayan sentiasa mendapatkan info terkini daripada agensi yang terlibat supaya mereka dapat membantu kumpulan tersebut memasarkan produk yang ada walaupun dalam tempoh penularan Covid-19 kini.

Untuk rekod di Jeli, selain Tapak Projek Program Tadahan Rahmat Jeli 1, dua lagi tapak lain yang terlibat ialah Bendang Kampung dan Bendang Bala yang mana kedua-dua kawasan ini menanam komoditi jagung di keluasan tanah hampir 150 ekar dan mampu menuai 1.5 juta batang untuk setiap musim tanaman.

Sinar Harian, 18 Okt 2020

Bantu rakyat miskin jadi usahawan

PASIR PUTEH: Kerajaan negeri akan memastikan kumpulan berpendapatan rendah yang berdaftar dalam data e-kasih dibantu bagi melepasi paras kemiskinan menerusi pelbagai projek keusahawanan.

Pengerusi . Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Saripuddin Tuan Ismail berkata, untuk itu, peruntukan sebanyak RM4 juta disediakan di bawah skim bantuan usahawan.

Katanya, Majlis Himpunan Usahawan Kelantan (MHUK) juga bertindak membantu dan membimbing bagi meningkatkan produktiviti dengan strategi pemasaran berkesan sepanjang kekangan pendemik Covid-19.

"Malah, peranan yang digerakkan pelbagai agensi kerajaan negeri dan Persekutuan memberi manfaat kepada peserta e-kasih untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Kerajaan juga memberi fokus melahirkan usahawan tani dalam kalangan belia yang menganggur dengan menyediakan bantuan peralatan dan kursus berkaitan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan Skim Rezeki Tani kepada Noriah Che Lah di Kampung Sungai Kelong di sini semalam.

Yang hadir sama Timbalan Pengarah FAMA negeri, Muhamad Fadlee Hassan.

Tuan Saripuddin berkata, terbaru, kerajaan negeri menerima bantuan one-off daripada kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.5 juta bagi membantu usahawan kecil dan pihak yang memerlukan sepanjang Covid-19.

"Setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) diagihkan RM50,000 untuk menyalurkan sumbangan sebanyak RM500 kepada ketua keluarga yang dikenal pasti benar-benar memerlukan bantuan kewangan," katanya.

Mengenai Skim Rezeki Tani, katanya, lima skop projek dilaksanakan oleh peserta e-kasih iaitu dalam bidang bercucuk tanam, penternakan, perikanan, pemprosesan produk industri asas tani dan perniagaan tani.

Katanya, tahun ini 10 peserta e-kasih dipilih di daerah ini dan Machang dengan peruntukan bantuan peralatan yang diperlukan sebanyak RM100,000 dan agihan maksimum RM10,000 untuk setiap peserta.

"Peserta yang terpilih wajib menghadiri kursus berkaitan, mencatat kemajuan pelaksanaan projek dan dipantau selama tiga tahun oleh FAMA," katanya.



NORIAH Che Lah (kiri) bersama suaminya menerima peralatan membuat kuih-muih daripada Tuan Saripuddin Tuan Ismail (dua kanan) di Pasir Puteh, Kelantan semalam. – UTUSAN/TOREK SULONG

Utusan Malaysia, 29 Okt 2020

FAMA dan PKPS tandatangani MoU, bekerjasama jamin keselamatan makanan

SHAH ALAM: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semalam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk meningkatkan kerjasama pengurusan bekalan serta rantaian pemasaran sebagai jaminan keselamatan makanan.

MOU berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Datuk Abdul Ghariff Ramin secara maya dengan disaksikan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di sini, semalam.

Amirudin menyifatkan kerjasama jaminan keselamatan makanan itu sebagai kesinambungan daripada pengumumannya dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2021 pada Jumaat lepas.

Katanya kerajaan negeri menyambut baik kesediaan FAMA untuk bersama-sama merencana hala tuju strategik berkaitan isu jaminan bekalan makanan di Selangor. "PKPS sebagai anak syarikat kerajaan negeri yang menumpukan kepada sektor pertanian adalah rakan usaha sama terbaik bagi merealisasikan hasrat perkongsian pintar ini," katanya pada sidang media selepas majlis berkenaan.

Amirudin berkata kerjasama itu juga akan memberi tumpuan dalam lima aspek antaranya perkongsian infrastruktur, khidmat nasihat dan perkongsian kepakaran.

"FAMA mempunyai pusat operasi dilengkapi bilik sejuk di Kuala Selangor, Sabak Bernam, Puchong dan Dengkil yang boleh dikongsi dengan PKPS untuk menyimpan stok bekalan bagi memastikan rantaian makanan kepada penduduk di negeri ini tidak terjejas seperti mana yang dialami pada awal penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Mac lepas," katanya.

Jelas Amirudin, pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia ketika ini memberi pengajaran bahawa bekalan makanan bukan hanya tidak mencukupi sekiranya di musim perayaan atau bencana, malah ia juga boleh terjadi ketika rantaian bekalan makanan itu terganggu. — Bernama



MENANDATANGANI MEMORANDUM: Amirudin (kiri) menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Strategik 'Food Security' antara Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) secara maya di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Shah Alam, semalam. — Gambar Bernama

Utusan Borneo Sabah, 6 Nov 2020

Platform digital bantu usahawan

Agrobazaar online berjaya catat nilai jualan RM8 juta sejak 2015

KUALA LUMPUR

Selaras dengan perkembangan teknologi dan peningkatan trend pembelian secara dalam talian, Agrobazaar Online yang dibangunkan serta diuruskan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM8 juta sejak mula beroperasi pada tahun 2015.

Agrobazaar Online merupakan platform untuk usahawan-usahawan memasarkan produk serta perkhidmatan berasaskan pertanian secara maya kepada pelanggan dan pengguna.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, antara faktor mendorong kepada angka jualan itu adalah trend pembelian pengguna ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berubah kepada pembelian secara dalam talian.

"Semasa PKP pertama dikuatkuasakan, pengguna dilihat sukar untuk mendapatkan barangan segar dan keperluan dapur terutamanya hampir kesemua outlet peruncitan fizikal seperti pasar awam dan pasar tani ditutup atas arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Di kedai runcit dan pasar raya, pengguna yang perlu beratur dan dihadkan kemasukan ke dalam premis bagi menjaga penjarakan fizikal," katanya dalam kenyataan, semalam.

Justeru katanya, FAMA dengan kerjasama MKN mengambil inisiatif membuat hebahan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan segar melalui Agrobazaar Online.

"Agrobazaar Online berjaya catatkan nilai jualan RM2.17 juta mulai 18 Mac hingga 8 November lepas.

"Ia melibatkan pecahan nilai jualan produk segar dan industri asas tani (IAT) masing-masing sebanyak RM1.18 juta dan RM0.99 juta melibatkan 41,654 servis penghantaran sepanjang tempoh itu," katanya.



Usahawan dapat memasarkan produk pertanian secara online melalui AgroBazaar.

Mengulas lanjut, Zainal Abidin berkata, portal Agrobazaar Online hampir sesak dan aliran trafik untuk memasuki portal itu juga tinggi hasil impak sebaran Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang dijalankan MKN.

Atas dasar itu, katanya, FAMA bekerjasama dengan platform e-dagang lain seperti Lazada, Shopee, Foodpanda, dan lain-lain yang bertujuan memudahkan pengguna mendapatkan barangan segar.

"FAMA turut bekerjasama dengan syarikat logistik seperti Pos Malaysia, Lalamove dan Go-Get bagi memudahkan urusan pengambilan dan penghantaran bagi penjual dan pembeli.

"FAMA juga sedang merangka kolaboratif dalam melatih usahawan membangunkan sendiri laman web e-dagang melalui platform Shoppergram.Com dan eFAMAplace," katanya.

Pada masa sama, Zainal Abidin berkata FAMA telah mengadakan 49 sesi libat urus bersama usahawan di seluruh negara, sehingga Oktober lepas.

"Outlet-outlet usahawan bimbingan FAMA ini juga dijadikan sebagai tempat pengumpulan dan pemasaran dalam talian bagi pengguna mendapatkan produk agromakanan secara online.

"Selain itu, terdapat juga pembangunan Agrohub di lima lokasi baharu bagi Fasa 1 iaitu Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah yang menggunakan konsep Agrohub di MyKopie Satu, Selayang," katanya.

Jelasnya, secara keseluruhan, FAMA berjaya mencatatkan nilai jualan RM721.58 juta menerusi outlet pemasaran seperti Agrobazaar Online, Pusat Operasi FAMA/FAMA Co., Pasar Segar Terkawal/Pasar Tani Kekal (lokasi terpilih), MyFarm Outlet, Agrobazaar Kedai Rakyat dan Agrobazaar Rakyat. - *Bernama*

Sinar Harian, 27 Nov 2020

New Sarawak Tribune, 27 Nov 2020

Agrobazaar Online the way to go for entrepreneurs

KUALA LUMPUR: In line with technological developments and a rise in online purchases, the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama)'s Agrobazaar Online has managed to record RM8 million in sales since it started operations in 2015.

Agrobazaar Online is an online marketing platform for entrepreneurs to market their agricultural-based products and services to customers.

Fama director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli said among the factors contributed to the sales figure was the switch to online purchases by consumers during the movement control order (MCO).

"When the first MCO was enforced, consumers were seen to have difficulty getting fresh produce and kitchen necessities, as almost all retail outlets such as public markets and farmers' markets were closed under the directive issued by the National Security Council (MKN).

"Grocery stores and supermarkets were also flooded with consumers who needed to queue, coupled with restrictions to maintain physical distancing," he said in a statement yesterday.

Therefore, he said, Fama, in collaboration with MKN, took the initiative to offer consumers to get fresh produce through Agrobazaar Online.

"Agrobazaar Online managed to record RM2.17 million in sales from March 18 to Nov 8.

"It involves the sales of fresh products and agro-based products of RM1.18 million and RM0.99 million respectively as well as 41,654 delivery services during the period," he said.

He also said that the Agrobazaar Online portal is frequently congested due to high traffic as the result of the impact of the distribution of Short Messaging System (SMS) managed by MKN.

On that basis, he said Fama is working with other e-commerce platforms such as Lazada, Shopee, Foodpanda and others, that aimed at facilitating consumers to get fresh produce.

"Fama also works with logistics companies such as Pos Malaysia, Lalamove and GoGet to facilitate the collection and delivery of the products.

"Fama is also planning to enter a collaborative effort to provide training to entrepreneurs to develop their own e-commerce website through Shoppergram.Com and eFAMAplace platforms," he said.

As at October, Zainal Abidin said Fama had held 49 sessions involving entrepreneurs across the country.

"Fama-guided entrepreneur outlets are also served as a place for online collection and marketing for consumers to get agricultural products.

"There is also the first phase of Agrohub development in five new locations, namely, Perak, Penang, Negeri Sembilan, Johor and Sabah which use the Agrohub concept similar to MyKopie Satu, Selayang," he said. – Bernama

Bangunan baharu FAMA RM220 juta

Sinar Harian, 1 Dis 2020

FAMA bakal miliki pejabat korporat baharu yang akan dibina di Kelana Jaya

Oleh AZIE YAHAYA

KUALA LUMPUR



Ronald (tengah) bersama Haslina dan Kristoffer (dua dari kanan) pada Majlis Menandatangani Dokumen Kontrak Perjanjian Konsesi Projek Pembinaan Bangunan Korporat dan Pusat Agromakanan FAMA di Kuala Lumpur semalam.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bakal memiliki pejabat korporat baharu bernilai RM220 juta yang akan dibina di Kelana Jaya.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, projek pembinaan melalui kaedah *land swap* itu dijangka siap pada tahun 2025.

"Kaedah pembinaan projek pejabat korporat FAMA adalah melalui 'land swap' iaitu tanah milik FAMA di Johor Bahru, Johor akan dipindah milik kepada pihak pemaju setelah pembinaan bangunan tersebut siap dilaksanakan.

"Pelaksanaan projek ini tidak memberikan sebarang bebanan kewangan tambahan, malah kerajaan akan mendapat lebihan sebanyak RM60 juta daripada kaedah pertukaran tanah yang dipersetujui itu," katanya pada Majlis Menandatangani Dokumen Kontrak Perjanjian Konsesi Projek Pembinaan Bangunan Korporat dan Pusat Agromakanan FAMA di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid; Pengerusi FAMA, Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali serta Pengarah Urusan Syarikat Cita Information System Sdn Bhd, Datuk Kristoffer Nyuak Bajok.

Ronald berkata, projek pembinaan bangunan tersebut telah dirancang sejak tahun 2011, namun terpaksa ditangguhkan akibat pelbagai kekangan.

Menurutnya, pihak kementerian amat prihatin masalah yang dihadapi FAMA ketika ini dari segi mobiliti, pengurusan sumber, ruang kerja yang terhad dan kos penyewaan ruang pejabat sedia ada menelan kos yang besar.

"Menyedari perkara itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos lalu telah meluluskan pembinaannya," katanya.

Beliau berkata, pembinaan bangunan itu bakal memberikan impak positif, bukan sahaja kepada kementerian, malah makna sangat besar kepada warga FAMA khususnya.

"Kakitangan FAMA semakin bertambah menyebabkan FAMA perlu berpindah pejabat dari satu tempat ke satu tempat yang lebih sesuai.

"Diharap dengan adanya bangunan baharu FAMA ini, ia akan mewujudkan sebuah ruang pejabat yang kondusif dan produktif serta mampu menempatkan kakitangan FAMA secara berpusat," katanya.

Beliau juga berharap agar segala usaha dan perancangan FAMA sebagai peneraju utama pemasaran makanan serta hasil pertanian dapat terus dipertingkatkan.

"Ia demi memenuhi hasrat kerajaan bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk keperluan rakyat Malaysia," katanya.

Ahmad lawat Azhar Food Supplier, Pusat Memproses Makanan FAMA

Sinar Harian, 14 Dis 2020



Ahmad (tengah) diberi penerangan mengenai biji bunga roselle sebelum melalui proses penggredan bagi tujuan eksport.



Ahmad (kiri) melawat Azhar Food Supplier Sdn Bhd di Rengit, Batu Pahat yang merupakan antara usahawan berjaya di bawah bimbingan FAMA.

BATU PAHAT - Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah melawat Azhar Food Supplier Sdn Bhd di Jalan Pontian, Rengit pada Sabtu.

Beliau meluangkan masa kira-kira satu jam melihat produk yang dihasilkan Azhar Food Supplier selain turut diberikan taklimat ringkas.

Azhar Food Supplier antara usahawan yang berjaya di bawah bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Syarikat itu merupakan pengeluar, pengimport dan pemborong makanan ringan selain menjadi pusat pengumpulan produk-produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di daerah ini dan seluruh Johor.

Turut menjual pelbagai jenis kerepek, asam, kacang, kuih raya dan pelbagai jenis makanan ringan pada harga borong.

Antara produk mereka yang popular seperti keropok ubi, kerepek ubi pedas basah dan kering, kerepek pisang salai goreng, keropok tortilla, kerepek tempe sagu, kerepek ubi perisa tomato serta kuih cincin Sabah.

Terdapat dua cawangan Azhar Food Supplier iaitu di Rengit dan satu lagi di Jalan Padi Emas 6/2, Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Selepas melawat Azhar Food Supplier, Ahmad melawat Pusat Memproses Makanan FAMA Rengit.

Dalam lawatan itu, beliau dibawa melihat Kilang Pemprosesan Roselle dan Produk-produk Agromas seperti seri kaya madu, Ready to drink (RTD) durian belanda, limau kasturi dan roselle, kordial roselle, jem belimbing, nanas dan roselle.

Ahmad turut diberi pendedahan berkaitan aktiviti mendekor bunga roselle (membuang biji) untuk penggredan bunga roselle bagi tujuan eksport.

Nilai jualan RM409.2 juta sejak PKP

PST tawar produk berkualiti, harga 10 peratus lebih murah

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

JOHOR BAHRU



Ahmad (kanan) melihat produk sejuk beku dan telur ikan semasa meninjau barang keperluan serta bahan basah di PST Permas Jaya, Bandar Baru Permas, Johor Bahru pada Ahad.

Sebanyak 48 Pasar Segar Terkawal (PST) kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) seluruh negara mencatatkan nilai jualan RM409.2 juta sejak diwujudkan pada Mac hingga November lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, PST bertuah memastikan kelangsungan bekalan dan kecekapan pengedaran bekalan makanan negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Katanya, PST menawarkan sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan dan daging berkualiti serta 10 peratus lebih murah daripada tempat lain kerana tidak melalui orang tengah selain turut menjual barangan runcit serta produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"PST dibuka mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) supaya rakyat dapat berbelanja dalam keadaan selamat dan lebih terkawal," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melawat PST Permas Jaya, Bandar Permas Jaya di sini pada Ahad.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Muhamad dan Pengarah FAMA Johor, Shahrizan Sudirman.

Ahmad berkata, FAMA belum bercadang menambah bilangan PST tahun depan kerana jumlah sedia ada sudah mencukupi walaupun mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Katanya, terdapat lima PST di negeri ini melibatkan 273 usahawan yang berjaya mencatatkan nilai jualan RM26 juta iaitu PST Datin Halimah dan PST Permas Jaya di Johor Bahru, PST Bukit Gambir di Muar serta PST Mersing dan PST Endau di Mersing.

"Nilai jualan PST di Johor sejak Mac lalu meningkat setiap bulan iaitu RM41,233 pada Mac, RM342,556 (April), RM652,224 (Mei), RM321,778 (Jun), RM252,442 (Julai), RM282,566 (Ogos), RM224,760 (September), RM265,122 (Oktober) dan RM280,013 (November)," ujarnya.

PST Permas Jaya, kata Ahmad, mula beroperasi pada 1 Februari lalu dengan kos pembinaan RM2.5 juta di atas kawasan seluas kira-kira 0.6 hektar yang menempatkan 82 lot kedai dengan 37 peniaga.

FAMA juga katanya, memperluaskan perkhidmatan dalam tempoh PKP dikuatkuasakan dengan menawarkan jualan PST secara atas talian menerusi portal Agrobazaar Online yang mendapat sambutan positif.

Sebagai contoh, katanya, di Johor sahaja barang jualan PST mencatat nilai jualan RM242,000.

Durian tidak lagi bergelar 'raja buah'

Utusan Malaysia, 17 Dis 2020

EKSKLUSIF

Oleh AMREE AHMAD
utusanrnews@mediamulia.com.my



MASALAH cuaca, harga tinggi dan pengeluaran tidak konsisten menyebabkan durian kurang mendapat sambutan pada tahun ini.

PUTRAJAYA: Popularit durian yang gah sebagai raja segala buah tahun ini nampaknya mulai 'dicabar' oleh buah-buahan lain termasuk mangga harumanis, rambutan dan dokong.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjelaskan, permintaan durian bukan sahaja jatuh dari segi nilai jualan keseluruhan, malah kuantiti di pasaran tempatan.

"Penurunan dipengaruhi perubahan cuaca tidak menentu, pengeluaran buah tidak konsisten dan sentimen harga yang tinggi di pasaran," jelas agensi itu di sini semalam.

Tiga faktor itu jelas FAMA, menjadi cabaran bagi memperoleh bekalan berterusan di samping perlu meminimumkan kos belian yang semakin meningkat.

FAMA menambah, meskipun pandemik Covid-19 muncul, aktiviti pembelian di peringkat ladang masih berlaku berikutan permintaan tinggi terutama perniagaan jualan secara dalam talian.

Berdasarkan data untuk tahun ini sehingga Oktober lalu, penjualan durian kampung diuruskan agensi itu merekodkan kejatuhan terbesar dengan nilai keseluruhannya RM82,682.

Sebanyak 8,401 kilogram durian jenis tersebut dijual oleh FAMA di seluruh negara berbanding 72,419 kilogram dengan nilai pasaran RM469,603 sepanjang tahun lepas.

Durian kampung pernah meraih rekod tertinggi pada 2018 iaitu 182,595 kilogram dengan nilai RM974,220, melonjak tinggi daripada 2017 iaitu hanya 19,472 kilogram dengan RM248,284.

Turut menerima nasib yang sama ialah durian klon apabila setakat Oktober lepas, cuma 8,974 kilogram dengan nilai pasaran RM191,374 dijual oleh pihak FAMA.

Padahal sepanjang tahun lalu, sebanyak 48,712 kilogram dengan nilai RM635,805 dicatatkan manakala pada 2018, durian itu pernah pecah rekod sebanyak 94,212 kilogram dengan nilai RM906,452.

Sementara itu pada 2017, meskipun durian klon hanya dijual sebanyak 34,574 kilogram, nilainya mencecah RM872,182 berikutan harga yang amat tinggi di pasaran seluruh negara ketika itu.

Mangga Harumanis rekod jualan tertinggi

Utusan Malaysia, 18 Dis 2020

PUTRAJAYA: Pertama dalam sejarah, rakyat Malaysia mula beralih selera apabila lebih banyak membeli mangga Harumanis dan rambutan berbanding durian di pasaran tempatan.

Perkara yang boleh dianggap agak luar biasa itu dilaporkan hasil data urus niaga oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sepanjang tahun ini setakat akhir Oktober lalu.

Rekod agensi tersebut menunjukkan dari segi nilai jualan, mangga yang cukup sinonim dengan imej Perlis itu mencatatkan angka tertinggi daripada buah-buahan lain.

Ia merekodkan RM446,739 berbanding durian gred premium iaitu musang king sekadar RM182,848, selain durian klon sejumlah RM191,372 dan durian kampung pula cuma RM82,682.

Uniknya, rekod jualan ketiga-tiga jenis durian popular itu di seluruh negara turut diatasi rambutan yang mencatatkan nilai sebanyak RM327,673 bagi tempoh masa sama.

Ironi secara keseluruhan, angka jualan direkodkan tahun ini meskipun tanpa mengambil kira dua bulan terakhir, menunjukkan kejatuhan ketara berbanding data agensi itu pada tahun lepas.

Misalnya, mangga Harumanis pada tahun lalu berjaya dijual FAMA sebanyak RM691,055 iaitu melonjak besar berbanding hanya sejumlah RM607,724 (2018) dan RM312,309 (2017).

Begitu juga rambutan jatuh sedikit berbanding sepanjang tahun lepas FAMA merekodkan nilai jualan RM406,415, naik daripada sebelumnya RM310,426 (2018) dan RM180,805 (2017).

Meskipun ia tertinggi dari segi kuantiti iaitu 133,347 kilogram pada tahun ini, tetapi merosot daripada 222,186 kilogram (2019), 121,831 kilogram (2018) dan 41,339 kilogram (2017).

Tidak ketinggalan mangga harumanis yang mencatatkan 26,797 kilogram iaitu jatuh berbanding tahun lalu sebanyak 45,876 kilogram, manakala 42,153 kilogram (2018) dan 20,489 kilogram (2017).

Uniknya, kuantiti dokong tahun ini lebih baik daripada durian dengan 56,079 kilogram, namun, turun berbanding 116,189 kilogram (2019), 80,843 kilogram (2018) dan 3,886 kilogram (2017).



KALENDAR PERISTIWA FAMA 2020

FAMA CALENDAR OF EVENTS 2020





JANUARI / *JANUARY*













1 **16 Januari / *January***
Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pemasaran Pertanian FAMA (FMAC) di Ibu Pejabat FAMA, Selayang
FAMA Agricultural Marketing Advisory Committee (FMAC) Meeting at FAMA Headquarters, Selayang

2 **20 Januari / *January***
Seminar Sasaran Kerja Tahunan (SKT) FAMA Tahun 2020 di Mercure Hotel, Selayang
FAMA Annual Work Target Seminar (SKT) for 2020 at Mercure Hotel, Selayang

3 & 4 **21 Januari / *January***
Kejohanan Futsal Piala Pengerusi FAMA
FAMA Chairman's Cup Futsal Tournament

5 **24 Januari / *January***
Perhimpunan Warga Kerja FAMA Negeri Sembilan
Assembly of Negeri Sembilan FAMA Employees

6 **28 Januari / *January***
Program *Corporate Social Responsibility* FAMA
FAMA Corporate Social Responsibility Programme

FEBRUARI / *FEBRUARY*













1 **6 Februari / *February***
Program *My Best Buy* di lokasi perlumbaan *Le Tour de Langkawi* (LTDL) 2020, Sabah
My Best Buy Programme at the race location of Le Tour de Langkawi (LTDL) 2020, Sabah

2 **7 Februari / *February***
Kunjungan Hormat KP FAMA ke Pejabat YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal
Courtesy Visit of FAMA DG to the Office of YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal

3 & 4 **15 Februari / *February***
Program *My Best Buy* di lokasi perlumbaan *Le Tour de Langkawi* (LTDL) 2020, Langkawi
My Best Buy Programme at the race location of Le Tour de Langkawi (LTDL) 2020, Langkawi

5 **27 Februari / *February***
Kunjungan Pengerusi & KP FAMA di Pusat Pengumpulan Ladang Kuala Kangsar
Visit of FAMA Chairman & DG to Kuala Kangsar Farm Collection Centre

6 **27 Februari / *February***
Penyerahan Bantuan kepada Usahawan Bimbingan FAMA di Program FAMA Fest, Parit Buntar
Handing-over of Assistance to FAMA Guidance Entrepreneurs at the FAMA Fest Programme, Parit Buntar

MAC / *MARCH*













1 **2 Mac / *March***
Lawatan Kerja Ketua Setiausaha, MOA ke Ibu Pejabat FAMA, Selayang
Working Visit of the MOA Secretary General, to FAMA Headquarters, Selayang

2 **3 Mac / *March***
Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kelab Sukan & Kebajikan FAMA (KSKF) Kali Ke-36
36th Bi-Annual General Meeting of FAMA Sports & Welfare Club (KSKF)

3 **13 Mac / *March***
Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi FAMA Berhad (KOFAMA) Kali Ke-20
20th Annual General Meeting of Koperasi FAMA Berhad (KOFAMA)

4 **19 Mac / *March***
Kunjungan YB. Menteri dan YB. Timbalan Menteri 1 Pertanian dan Industri Makanan ke MFO, Putrajaya
Visit of YB. Minister and YB. Deputy Minister 1 Agriculture and Food Industries to MFO, Putrajaya

5 **23 Mac / *March***
Mesyuarat Ketua Pengarah Bersama Pengarah FAMA Negeri menerusi Tele Sidang
Meeting of the Director General with the State FAMA Directors via Teleconference

6 **28 Mac / *March***
Kaunter Serahan Barang Pandu Lalu di MFO, Putrajaya
Drive-through Goods Delivery Counter at MFO, Putrajaya

APRIL / *APRIL*













1 **2 April / *April***
Majlis Perpisahan Pengerusi FAMA, YBhg. Sr. Tuan Haji Ishak bin Ismail
Farewell Ceremony of FAMA Chairman, YBhg. Sr. Tuan Haji Ishak bin Ismail

2 **2 April / *April***
Lawatan YB. Timbalan Menteri II Pertanian dan Industri Makanan ke Pusat Operasi Dengkil
Visit of YB. Deputy Minister II Agriculture and Food Industries to Dengkil Operations Centre

3 **7 April / *April***
Lawatan YB. Timbalan Menteri 1 Pertanian dan Industri Makanan ke Pusat Operasi Puchong
Visit of YB. Deputy Minister 1 Agriculture and Food Industries to Puchong Operations Centre

4 **9 April / *April***
Program *Corporate Social Responsibility* FAMA di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak
FAMA Corporate Social Responsibility Programme at the Gombak District Police Headquarters

5 **15 April / *April***
Program *Corporate Social Responsibility* FAMA di Perbadanan Pengurusan Kos Rendah Fasa 1 Taman Tun Teja, Rawang
FAMA Corporate Social Responsibility Programme at Taman Tun Teja Low Cost Management Corporation Phase 1, Rawang

6 **20 April / *April***
Lawatan YB. Timbalan Menteri 1 Pertanian dan Industri Makanan ke Pejabat FAMA Negeri Sembilan
Visit of YB. Deputy Minister 1 Agriculture and Food Industries to the Negeri Sembilan FAMA Office

MEI / *MAY*













1 **4 Mei / *May***
Ketibaan Pengerusi baru FAMA, YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Hj Mohd Fakeh di Ibu Pejabat FAMA
Arrival of the new Chairman of FAMA, YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Hj Mohd Fakeh at the FAMA Headquarters

2 **12 Mei / *May***
Penyampaian Sumbangan kepada Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah, Cheras
Presentation of Donations to Tengku Budriah Children's Home, Cheras

3 **19 Mei / *May***
Sumbangan Hari Raya kepada Kakitangan FAMA
Hari Raya Contribution to FAMA Staff

4 **20 Mei / *May***
Sumbangan *Corporate Social Responsibility* FAMA oleh YB. Menteri Pertanian dan Industri Makanan
FAMA Corporate Social Responsibility Contribution by YB. Minister of Agriculture and Food Industries

5 **21 Mei / *May***
Penyerahan Zakat kepada Asnaf
Handing-over of Zakat to Asnaf group

6 **21 Mei / *May***
Lawatan YB. Menteri Pertanian dan Industri Makanan ke Cawangan Kopiesatu, Paragon Utama, Selangor
Visit of YB. Minister of Agriculture and Food Industries to Kopiesatu Branch, Paragon Utama, Selangor

JUN / *JUNE* • JULAI / *JULY*













1 **4 Jun / *June***
Kunjungan YB. Menteri Pertanian dan Industri Makanan di Ibu Pejabat FAMA, Selayang
Visit of YB. Minister of Agriculture and Food Industries to FAMA Headquarters, Selayang

2 **16 Jun / *June***
Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) & Jasamu Dikenang Tahun 2020 bagi Kakitangan Ibu Pejabat, FAMA Negeri Selangor dan FAMA WP Kuala Lumpur
Presentation of Excellent Service Award (APC) & Jasamu Dikenang for the Year 2020 for Headquarters, FAMA Selangor and FAMA WP Kuala Lumpur Staff

3 **22 Julai / *July***
Majlis Perasmian Bengkel Pembangunan Dokumentasi *Hazard Analysis & Critical Control Point* (HACCP) di Mercure Hotel, Selayang
Opening Ceremony of Hazard Analysis & Critical Control Point (HACCP) Documentation Development Workshop at Mercure Hotel, Selayang

4 **23 Julai / *July***
Jom Makan Buah @ Parlimen
Let's Eat Fruit @ Parliament

5 & 6 **24 Julai / *July***
Jualan *My Best Buy* dalam Norma Baharu
My Best Buy Sales under New Norm

JULAI / *JULY* • OGOS / *AUGUST*

1


2


3


4


5


6


1 **25 Julai / *July***
Lawatan Pengerusi FAMA di premis Agrobazaar K-Shoppe Sinar Arza Enterprise
Visit of FAMA Chairman to Agrobazaar K-Shoppe Sinar Arza Enterprise premises

2 **25 Julai / *July***
Lawatan Pengerusi FAMA ke premis Gerai Buah- Buahan Segar Zamferdaus Enterprise
Visit of FAMA Chairman to Zamferdaus Enterprise Fresh Fruit Stall premises

3 **25 Julai / *July***
Lawatan Pengerusi FAMA ke Ladang Fertigasi Cili Peserta Ladang Kontrak FAMA di Sabak Bernam
Visit of FAMA Chairman to the Chili Fertigation Farm of FAMA Contract Farming Participant in Sabak Bernam

4 **25 Julai / *July***
Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli (*Forward Agreement*) antara FAMA dan Peserta Ladang Kontrak
Forward Agreement Signing Ceremony between FAMA and Contract Farming Participants

5 & 6 **3 Ogos / *August***
Program Korban FAMA
FAMA Korban Programme

OGOS / *AUGUST* • SEPTEMBER / *SEPTEMBER* • OKTOBER / *OCTOBER*













1 **12 Ogos / *August***
Mesyuarat bersama Pengarah FAMA Negeri di Ibu Pejabat FAMA, Selayang
Meeting with State FAMA Directors at the FAMA Headquarters, Selayang

2 **25 September / *September***
Sesi Pembentangan Video Pendek Digital Zone Apprentice (DZA) Piala Ketua Pengarah
Digital Zone Apprentice (DZA) Director General's Cup Short Video Presentation Session

3 & 4 **30 September / *September***
Perhimpunan Bulanan FAMA Bil. 2/2020 & Majlis Sambutan Ulang Tahun FAMA ke-55
FAMA Monthly Assembly No. 2/2020 & FAMA 55th Anniversary Celebration

5 & 6 **2 Oktober / *October***
Kunjungan Menteri Kewangan, YB. Senator Dato' Sri Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz di Pasar Tani Putrajaya
Visit of the Minister of Finance, YB. Senator Dato' Sri Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz to the Putrajaya Farmers' Market

NOVEMBER / *NOVEMBER* • DISEMBER / *DECEMBER*

1



2



3



4



5



6



1 & 2 **5 November / *November***

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara FAMA dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

Signing Ceremony of Memorandum of Understanding between FAMA and Selangor Agricultural Development Corporation

3 **30 November / *November***

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Bangunan FAMA

Signing Ceremony of Memorandum of Understanding on FAMA Building

4 **30 November / *November***

Penyerahan Komputer kepada Pertubuhan Khidmat Masyarakat Cacat Penglihatan Malaysia

Handing-over of Computers to the Malaysian Visually Impaired Community Service Organisation

5 & 6 **28 Disember / *December***

Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA Kali Ke-271 Bil. 5/2020

271st FAMA Board Meeting No. 5/2020

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

FINANCIAL REPORT AND STATEMENT

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

FINANCIAL REPORT AND STATEMENT OF FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY (FAMA) FOR THE YEAR ENDED 31st DECEMBER 2020

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL REPORT AND STATEMENT

Pada tahun 2020, peruntukan geran tahunan mengurus yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk Lembaga berjumlah RM178,370,000 dan peruntukan pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM59,000,000.

Penyata Kewangan FAMA berakhir pada 31 Disember 2020 menunjukkan jumlah pendapatan keseluruhan termasuk lain-lain pendapatan berjumlah RM249,073,689. Pendapatan ini dijana daripada pemberian geran mengurus kerajaan berjumlah RM129,516,500, geran pembangunan yang dilunaskan berjumlah RM65,709,854, pendapatan daripada jualan berjumlah RM35,977,420, pendapatan daripada sewaan berjumlah RM7,419,309, dan lain-lain pendapatan berjumlah RM10,450,606.

Sepanjang tahun 2020, jumlah perbelanjaan keseluruhan FAMA pula mencecah RM302,078,786. Pada akhir tahun kewangan FAMA, penyata pendapatan menunjukkan kurangan atas pendapatan berjumlah RM53,005,097.

In 2020, the annual operating grant allocation approved by the Ministry of Finance Malaysia for the Authority amounted to RM178,370,000 and the development allocation received was RM59,000,000.

FAMA's Financial Statements for the year ended 31 December 2020 showed total income, including other income, amounting to RM249,073,689. This income was generated from government operating grants amounting to RM129,516,500, amortised development grants amounting to RM65,709,854, income from sales amounting to RM35,977,420, income from rental amounting to RM7,419,309, and other income amounting to RM10,450,606.

Throughout 2020, the total expenditure of FAMA reached RM302,078,786. At the end of the FAMA financial year, the income statement showed a shortfall on income amounting to RM53,005,097.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 38.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat

sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 32 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
5 OKTOBER 2021

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH (AKAUN KUMPULAN)

Kami **DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HJ. MOHD FAKEH** dan **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN YANG RAZALLI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)** pada **31 Disember 2020** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

Nama : **DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HJ. MOHD FAKEH**
Gelaran : Pengerusi
Tarikh : 4 OCT 2021

.....

Nama : **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN YANG RAZALLI**
Gelaran : Ketua Pengarah
Tarikh : 4 OCT 2021

Bertempat di Ibu Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

Saya, **OMAR SHARAFY BIN MOHD YUSSOF**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Bandar Baru Selayang, Selangor)
pada.....04 OCT 2021.....)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
MALAYSIA
No. PJS : B307
MOHANNA A/L RENGASAMY
No. Sijil Amalan Peguam : BCM / M / 920
Tempoh Lantikan :
1.1.2019 - 31.12.2021
THE LAW OFFICE OF MOHANNA & CO
2A, JALAN 2/8
BANDAR BARU SELAYANG,
68100 BATU CAVES, SELANGOR

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan * Federal Agriculture Marketing Authority

Penyata Kedudukan Kewangan
Pada Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	NOTA	KUMPULAN 2020 RM	KUMPULAN 2019 RM Dinyatakan Semula	FAMA 2020 RM	FAMA 2019 RM
ASET					
Aset Semasa					
Wang di Bank dan Runcit	3	39,791,453	35,733,890	35,285,079	31,703,054
Simpanan Jangka Pendek	4	162,149,673	192,871,412	160,570,655	191,342,150
Pinjaman Komputer dan Kenderaan	5	753,270	633,073	753,270	633,073
Penghutang Perniagaan dan Pelbagai	6	17,948,864	20,884,899	12,978,545	14,404,917
Penghutang Syarikat Subsidiari	7	-	-	11,011,084	11,291,053
Stok Perniagaan	8	7,678,529	7,674,403	2,229,956	2,654,664
Bayaran Terdahulu dan Pertaruhan Bayaran	9	1,999,979	2,130,350	1,999,979	2,130,350
Jumlah Aset Semasa		**230,321,768**	**259,928,027**	**224,828,568**	**254,159,261**
Aset Bukan Semasa					
Pinjaman Komputer dan Kenderaan	5	1,245,782	1,266,034	1,245,782	1,266,034
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	10	-	-	6,898,260	9,029,003
Pelaburan	11	137,500	137,500	-	-
Hartanah, Loji dan Peralatan	12	473,280,988	476,570,728	471,146,036	475,207,722
Aset Tak Ketara	13	2,207,100	2,764,800	2,207,100	2,764,800
Projek Dalam Pelaksanaan	14	18,476,836	10,320,433	18,476,836	10,320,433
Jumlah Aset Bukan Semasa		**495,348,206**	**491,059,495**	**499,974,014**	**498,587,992**
JUMLAH ASET		**725,669,974**	**750,987,522**	**724,802,582**	**752,747,253**
TOLAK : LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai	15	34,310,093	35,916,468	29,392,519	31,967,270
Geran Pembangunan Tertunda	16	111,149,569	84,793,018	111,149,569	84,793,018
Liabiliti Sewa Beli	17	354,092	158,528	-	-
Peruntukan Cukai		4,590,332	3,343,839	4,590,332	3,283,869
Peruntukan Manfaat Kakitangan	18	2,538,086	2,964,640	2,538,086	2,964,640
Jumlah Liabiliti Semasa		**152,942,172**	**127,176,493**	**147,670,506**	**123,008,797**
Liabiliti Bukan Semasa					
Liabiliti Sewa Beli	17	1,061,910	487,715	-	-
Peruntukan Manfaat Kakitangan	18	15,281,926	14,660,910	15,281,926	14,660,910
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		**16,343,836**	**15,148,625**	**15,281,926**	**14,660,910**
Jumlah Liabiliti		**169,286,008**	**142,325,118**	**162,952,432**	**137,669,707**
ASET BERSIH		**556,383,966**	**608,662,404**	**561,850,150**	**615,077,546**
DIBIAYAI OLEH :					
AKAUN-AKAUN TERKUMPUL					
Akaun Mengurus	19	25,775,705	72,447,776	25,775,705	72,447,776
Akaun Pembangunan	20	459,190,878	475,909,706	459,190,878	475,909,706
Akaun Perniagaan	21	62,489,222	53,580,351	66,868,117	58,780,120
Akaun Pembangunan Usahawan	22	7,065,450	4,989,944	7,065,450	4,989,944
Akaun Pinjaman Komputer		450,000	450,000	450,000	450,000
Akaun Pinjaman Kenderaan		2,500,000	2,500,000	2,500,000	2,500,000
		557,471,255	609,877,777	561,850,150	615,077,546
Kepentingan Minoriti		(846,583)	(850,387)	-	-
Rizab Terjemahan Pertukaran Asing		(240,706)	(364,986)	-	-
		-			
		556,383,966	**608,662,404**	**561,850,150**	**615,077,546**

Nota-Nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini

Penyata Prestasi Kewangan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	NOTA	KUMPULAN 2020 RM	KUMPULAN 2019 RM Dinyatakan Semula	FAMA 2020 RM	FAMA 2019 RM
Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran	23	198,159,751	244,075,341	198,159,751	244,075,341
Hasil Urusniaga Pertukaran	24	102,646,282	116,328,147	50,913,938	58,895,389
		300,806,033	360,403,488	249,073,689	302,970,730
Perbelanjaan	25	(352,998,751)	(357,387,034)	(302,078,786)	(299,966,722)
(Kurangan) / Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai	26	(52,192,718)	3,016,454	(53,005,097)	3,004,008
Cukai	27	(1,152,741)	1,825,935	(1,306,463)	2,062,449
Zakat		(141,423)	(238,999)	-	(185,812)
(Kurangan) / Lebihan Pendapatan Selepas Cukai		(53,486,882)	4,603,390	(54,311,560)	4,880,645
Agihan Keuntungan Kepada:					
Entiti mengawal		(53,490,686)	4,686,591	-	-
Kepentingan Minoriti		3,804	(83,201)	-	-
(Kurangan) / Lebihan Pendapatan Tahun Semasa		(53,486,882)	4,603,390	(54,311,560)	4,880,645

Penyata Aliran Tunai
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	NOTA	KUMPULAN		FAMA	
		2020 RM	2019 RM Dinyatakan Semula	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
(Kurangan) / Lebihan Sebelum Cukai dan Zakat		(52,192,718)	3,016,454	(53,005,097)	3,004,008
Pelarasan Bukan Tunai :					
Hasil daripada geran		(129,716,500)	(183,516,400)	(129,716,500)	(183,516,400)
Pelunasan geran		(65,709,854)	(57,923,872)	(65,709,854)	(57,923,872)
Hapuskira aset		-	78,108	-	-
Peruntukan rosotnilai pelaburan		-	-	2,380,743	-
Hutang lapuk (terpulih)/dihapuskira		(16,742)	(182,375)	-	-
Susutnilai hartanah, loji & peralatan		18,778,624	19,113,444	18,273,101	18,811,257
Pelunasan Aset Tak Ketara		557,700	-	557,700	-
(Keuntungan) / Kerugian pelupusan aset		(75,848)	312,792	(206,910)	309,153
Peruntukan Manfaat Kakitangan		3,159,102	1,794,015	3,159,102	1,794,015
Perbelanjaan Faedah		30,189	12,687	-	-
Rosotnilai Aset Kewangan		383,054	295,989	383,054	194,438
Peruntukan Hutang Ragu		1,373,892	-	-	-
Peruntukan Rosotnilai Stok		(214,887)	(372,146)	(214,887)	(372,146)
Rosot nilai oleh jumlah terhutang dari syarikat induk		31,281	-	-	-
Hasil daripada Faedah		(5,277,071)	(6,453,050)	(5,225,851)	(6,423,767)
Hasil daripada Dividen		-	(27,500)	-	-
Pengecualian hutang disebabkan oleh pihak berkaitan		(430,103)	-	-	-
Rizab Terjemahan		1,137	90	-	-
Kerugian sebelum perubahan modal kerja		**(229,318,745)**	**(223,851,764)**	**(229,325,400)**	**(224,123,314)**
Perubahan dalam modal kerja;					
Pergerakan Bersih Inventori		210,761	1,836,413	639,595	2,016,334
Pergerakan Bersih Penghutang		1,482,802	7,423,468	1,043,319	1,570,863
Pergerakan Bersih Penghutang Subdisdiari		-	-	279,969	(115,973)
Pergerakan Bersih Pendahuluan & Pinjaman Kakitangan		30,426	56,757	30,426	56,757
Pergerakan Bersih Pemiutang		(674,822)	(5,664,430)	(2,145,122)	(322,711)
Tunai yang telah digunakan dalam aktiviti operasi		**(228,269,578)**	**(220,199,556)**	**(229,477,213)**	**(220,918,044)**
Pembayaran zakat		(141,423)	(238,999)	-	(185,812)
Pembayaran Manfaat Kakitangan		(2,964,640)	(1,831,413)	(2,964,640)	(1,831,413)
Pembayaran Cukai		(176,550)	(170,000)	-	-
Penerimaan Bayaran Balik Cukai		3,372	355,115	-	-
Pembayaran Faedah		(30,189)	(12,687)	-	-
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		**(231,579,008)**	**(222,097,540)**	**(232,441,853)**	**(222,935,269)**

Nota-Nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini

Penyata Aliran Tunai (sambungan)
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	NOTA	KUMPULAN		FAMA	
		2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Penerimaan Faedah		5,277,071	6,453,050	5,225,851	6,423,767
Penerimaan Dividen		-	27,500	-	-
Pembelian Hartanah, Loji & Peralatan	12	(4,953,899)	(3,302,734)	(4,472,569)	(2,701,511)
Penambahan Projek Dalam Perlaksanaan	14	(17,395,375)	(17,236,337)	(17,395,375)	(17,236,337)
Pindahan Aset		-	-	-	-
Hasil Penjualan Hartanah, Loji & Peralatan		323,025	106,903	273,025	95,507
Penambahan Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari		-	-	(250,000)	(750,000)
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan		**(16,749,178)**	**(13,951,618)**	**(16,619,068)**	**(14,168,574)**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Penerimaan Geran daripada Kerajaan		221,871,451	233,197,573	221,871,451	233,197,573
Penerimaan daripada Pemiutang Sewa Beli		-	345,500	-	-
Pembayaran kepada Pemiutang Sewa Beli		(207,441)	(90,594)	-	-
Pengeluaran Simpanan Tetap Yang Dicagarkan		-	-	-	-
Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan		**221,664,010**	**233,452,479**	**221,871,451**	**233,197,573**
Pergerakan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		**(26,664,176)**	**(2,596,679)**	**(27,189,470)**	**(3,906,270)**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun					
Pada Awal Tahun		228,605,302	231,201,981	223,045,204	226,951,474
Pada Akhir Tahun		**201,941,126**	**228,605,302**	**195,855,734**	**223,045,204**
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI;-	28				
Simpanan Tetap dengan institusi kewangan	4	162,149,673	192,871,412	160,570,655	191,342,150
Wang di Bank & Runcit	3	39,791,453	35,733,890	35,285,079	31,703,054
JUMLAH		**201,941,126**	**228,605,302**	**195,855,734**	**223,045,204**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan * Federal Agriculture Marketing Authority

Penyata Perubahan Aset Bersih
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

KUMPULAN	NOTA	Disebabkan oleh Pemilik Entiti Yang Mengawal								
		Akaun Mengurus	Akaun Pembangunan	Akaun Perniagaan	Akaun Pembangunan Usahawan	Akaun Pinjaman Komputer	Akaun Pinjaman Kenderaan	Rizab Terjemahan Pertukaran Asing	Kepentingan Minoriti	JUMLAH
		RM	RM	RM Dinyatakan Semula	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Dana Terkumpul Pada 1 Januari 2019										
Seperti Yang Dilaporkan Dahulu		63,809,869	474,181,181	61,785,015	3,024,398	450,000	2,500,000	(355,049)	(767,186)	604,628,228
Kesan Pemakaian MPSAS		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan Tahun Lepas		-	(551,760)	-	-	-	-	-	-	(551,760)
Seperti Yang Dinyatakan Semula		63,809,869	473,629,421	61,785,015	3,024,398	450,000	2,500,000	(355,049)	(767,186)	604,076,468
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		8,028,388	1,139,804	(6,447,147)	1,965,546	-	-	-	(83,201)	4,603,390
Pindahan Wang Kepada / Daripada		609,519	1,140,481	(100,000)	-	-	-	-	-	1,650,000
Pelarasan Modal Pusingan		-	-	(1,650,000)	-	-	-	-	-	(1,650,000)
Pelarasan		-	-	(7,517)	-	-	-	-	-	(7,517)
Perbezaan Terjemahan Pertukaran Asing		-	-	-	-	-	-	(9,937)	-	(9,937)
Pindahan Aset Tetap		-	-	-	-	-	-	-	-	-
		8,637,907	2,280,285	(8,204,664)	1,965,546	-	-	(9,937)	(83,201)	4,585,936
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2019		72,447,776	475,909,706	53,580,351	4,989,944	450,000	2,500,000	(364,986)	(850,387)	608,662,404
Pelarasan Tahun Lepas	33	(93,705)	718,026	-	-	-	-	-	-	624,321
Seperti Yang Dinyatakan Semula		72,354,071	476,627,732	53,580,351	4,989,944	450,000	2,500,000	(364,986)	(850,387)	609,286,725
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		(46,588,366)	(5,672,166)	(3,305,660)	2,075,506	-	-	-	3,804	(53,486,882)
Pindahan Wang Kepada/Daripada		-	(11,764,688)	11,764,688	-	-	-	-	-	-
Perubahan Modal Pusingan		-	-	351,298	-	-	-	-	-	351,298
Pelarasan		-	-	88,545	-	-	-	-	-	88,545
Perbezaan Terjemahan Pertukaran Asing		-	-	-	-	-	-	124,280	-	124,280
Terimaan Aset Tetap		10,000	-		-	-	-	-	-	10,000
Pindahan Akaun		-	-	10,000	-	-	-	-	-	10,000
		(46,578,366)	(17,436,854)	8,908,871	2,075,506	-	-	124,280	3,804	(52,902,759)
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2020		25,775,705	459,190,878	62,489,222	7,065,450	450,000	2,500,000	(240,706)	(846,583)	556,383,966

Nota-Nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini

Penyata Perubahan Aset Bersih

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

FAMA	NOTA	Akaun Mengurus	Akaun Pembangunan	Akaun Perniagaan	Akaun Pembangunan Usahawan	Akaun Pinjaman Komputer	Akaun Pinjaman Kenderaan	Rizab Terjemahan Pertukaran Asing	Kepentingan Minoriti	JUMLAH
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Dana Terkumpul Pada 1 Januari 2019		63,809,869	474,181,181	66,790,730	3,024,398	450,000	2,500,000	-	-	610,756,178
Seperti Yang Dilaporkan Dahulu										
Kesan Pemakaian MPSAS		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan Tahun Lepas		-	(551,760)	-	-	-	-	-	-	(551,760)
Seperti Yang Dinyatakan Semula		63,809,869	473,629,421	66,790,730	3,024,398	450,000	2,500,000	-	-	610,204,418
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		8,028,388	1,139,804	(6,253,093)	1,965,546	-	-	-	-	4,880,645
Pindahan Wang Kepada / Daripada		609,519	1,140,481	(100,000)	-	-	-	-	-	1,650,000
Perubahan Modal Pusingan		-	-	(1,650,000)	-	-	-	-	-	(1,650,000)
Pelarasan		-	-	(7,517)	-	-	-	-	-	(7,517)
Terimaan Aset Tetap		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan Akaun		-	-	-	-	-	-	-	-	-
		-	-	-	-	-	-	-	-	
		8,637,907	2,280,285	(8,010,610)	1,965,546	-	-	-	-	4,873,128
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2019		72,447,776	475,909,706	58,780,120	4,989,944	450,000	2,500,000	-	-	615,077,546
Pelarasan Tahun Lepas	33	(93,705)	718,026	-	-	-	-	-	-	624,321
Seperti Yang Dinyatakan Semula		72,354,071	476,627,732	58,780,120	4,989,944	450,000	2,500,000	-	-	615,701,867
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		(46,588,366)	(5,672,166)	(4,126,534)	2,075,506	-	-	-	-	(54,311,560)
Pindahan Wang Kepada / Daripada		-	(11,764,688)	11,764,688	-	-	-	-	-	-
Perubahan Modal Pusingan		-	-	351,298	-	-	-	-	-	351,298
Pelarasan		-	-	88,545	-	-	-	-	-	88,545
Terimaan Aset Tetap		10,000	-	-	-	-	-	-	-	10,000
Pindahan Akaun		-	-	10,000	-	-	-	-	-	10,000
		(46,578,366)	(17,436,854)	8,087,997	2,075,506	-	-	-	-	(53,851,717)
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2020		25,775,705	459,190,878	66,868,117	7,065,450	450,000	2,500,000	-	-	561,850,150

Nota-Nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan * Federal Agriculture Marketing Authority

Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

FAMA	NOTA	Akaun Mengurus	Akaun Pembangunan	Akaun Perniagaan	Akaun Pembangunan Usahawan	Akaun Pinjaman Komputer	Akaun Pinjaman Kenderaan	Rizab Terjemahan Pertukaran Asing	Kepentingan Minoriti	JUMLAH
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Dana Terkumpul Pada 1 Januari 2019		63,809,869	474,181,181	66,790,730	3,024,398	450,000	2,500,000	-	-	610,756,178
Seperti Yang Dilaporkan Dahulu										
Kesan Pemakaian MPSAS		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan Tahun Lepas		-	(551,760)	-	-	-	-	-	-	(551,760)
Seperti Yang Dinyatakan Semula		63,809,869	473,629,421	66,790,730	3,024,398	450,000	2,500,000	-	-	610,204,418
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		8,028,388	1,139,804	(6,253,093)	1,965,546	-	-	-	-	4,880,645
Pindahan Wang Kepada / Daripada		609,519	1,140,481	(100,000)	-	-	-	-	-	1,650,000
Perubahan Modal Pusingan		-	-	(1,650,000)	-	-	-	-	-	(1,650,000)
Pelarasan		-	-	(7,517)	-	-	-	-	-	(7,517)
Terimaan Aset Tetap		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan Akaun		-	-	-	-	-	-	-	-	-
		-	-	-	-	-	-	-	-	
		8,637,907	2,280,285	(8,010,610)	1,965,546	-	-	-	-	4,873,128
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2019		72,447,776	475,909,706	58,780,120	4,989,944	450,000	2,500,000	-	-	615,077,546
Pelarasan Tahun Lepas	33	(93,705)	718,026	-	-	-	-	-	-	624,321
Seperti Yang Dinyatakan Semula		72,354,071	476,627,732	58,780,120	4,989,944	450,000	2,500,000	-	-	615,701,867
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		(46,588,366)	(5,672,166)	(4,126,534)	2,075,506	-	-	-	-	(54,311,560)
Pindahan Wang Kepada / Daripada		-	(11,764,688)	11,764,688	-	-	-	-	-	-
Perubahan Modal Pusingan		-	-	351,298	-	-	-	-	-	351,298
Pelarasan		-	-	88,545	-	-	-	-	-	88,545
Terimaan Aset Tetap		10,000	-	-	-	-	-	-	-	10,000
Pindahan Akaun		-	-	10,000	-	-	-	-	-	10,000
		(46,578,366)	(17,436,854)	8,087,997	2,075,506	-	-	-	-	(53,851,717)
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2020		25,775,705	459,190,878	66,868,117	7,065,450	450,000	2,500,000	-	-	561,850,150

Nota-Nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan Ini

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Lembaga sepanjang tahun kewangan adalah untuk menyelia, menyelaras, mengawalselia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian di Malaysia. Ini termasuklah pengimportan dan pengeksportan keluaran pertanian, mengadakan kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasaran tersebut dan perkara-perkara bersangkutan dengannya. Kegiatan utama tersebut meliputi program-program berikut:

a. Khidmat Pemasaran Urusniaga
b. Transformasi Outlet Peruncitan
c. Penyediaan dan Pengukuhan Ruang Pasaran Pasar Tani dan Karavan Tani
d. Pengukuhan Pusat Pemprosesan Agromakanan Yang Berakreditasi dan Halal
e. Pembangunan Piawaian Pemasaran Keluaran Hasil Pertanian
f. Pembangunan Keupayaan Pemasar dan Kualiti Produk Agromakanan
g. Galakan Pasaran
h. Perluasan Akses Pasaran Menerusi Pembangunan Pasar Tani Kekal
i. Pengukuhan Rangkaian Peruncitan Pasar Tamu di Sabah dan Sarawak
j. Portal Agrobazaar.com.my
k. Pembangunan Usahawan Pengedar Produk
l. Pusat Jualan Agrobazaar

Semua aktiviti Lembaga di sepanjang rantaian di atas merupakan tanggungjawab sosial dan tidak bermotifkan keuntungan.

Manakala kegiatan utama syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah memasarkan produk keluaran hasil-hasil pertanian, mengeksport buah-buahan, peruncitan barangan makanan proses dan produk pengguna, pengeluaran produk berasaskan kopi serta mengimport dan mengedar kobis.

Penyata Kewangan FAMA yang telah diaudit diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui Resolusi yang bertarikh 04 Oktober 2021.

Penyata kewangan bagi setiap entiti di dalam Kumpulan diterjemahkan menggunakan mata wang fungsian, iaitu mata wang utama yang digunakan dalam operasi entiti. Mata wang fungsian agensi adalah Ringgit Malaysia di mana urusan jualan dan belian biasanya menggunakan Ringgit Malaysia, penerimaan daripada operasi dan dana daripada aktiviti kewangan dijana dalam Ringgit Malaysia.

Penyata Kewangan disatukan ini disediakan menggunakan mata wang Ringgit Malaysia (RM), sebagai mata wang fungsian dan mata wang pelapor bagi Kumpulan.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan disatukan disedia berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Penyata kewangan disatukan telah disediakan berdasarkan kepada kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan. Asas-asas penyediaan bagi penyata kewangan disatukan adalah seperti di bawah:

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING

a) Penyatuan

Penyatuan penyata kewangan merangkumi penyata kewangan induk dan penyata kewangan syarikat subsidiari. Syarikat subsidiari adalah entiti yang dikawal oleh entiti induk. Kawalan wujud apabila entiti induk mempunyai kuasa untuk mengawal polisi kewangan dan operasi syarikat subsidiari dan memperolehi manfaat daripadanya. Pelaburan dalam syarikat subsidiari diakaunkan pada nilai kos tolak kerugian penjejasan terkumpul di dalam penyata kewangan syarikat secara berasingan.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan polisi perakaunan yang seragam bagi urusniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama. Kepentingan tak mengawal ditunjukkan di dalam ekuiti dalam penyata kewangan disatukan, berasingan daripada ekuiti pemilik kepada entiti induk. Kepentingan tak mengawal juga ditunjukkan secara berasingan dalam penyata prestasi kewangan disatukan.

Semua baki dalam Kumpulan, transaksi, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan. Penyata kewangan disatukan hanya menunjukkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja.

b) Pengiktirafan Hasil

Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

i) Geran, Denda, Lesen Dan Permit

Kumpulan mengiktiraf hasil daripada geran, denda, lesen dan permit apabila ianya berlaku dan kriteria pengiktirafan aset dipenuhi. Jika terdapat sesuatu syarat atau kondisi berkaitan penerimaan hasil yang memerlukan pembayaran daripada penerimaan hasil tersebut setelah sesuatu syarat atau kondisi itu dipenuhi, geran tertunda perlu diiktiraf sebaliknya.

Hasil daripada urusniaga bukan pertukaran yang lain diiktiraf apabila manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan berkaitan aset tersebut akan mengalir kepada entiti dan akan dinilaikan pada nilai saksama.

ii) Geran Mengurus

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat atau kondisi masa hadapan yang tertentu seperti geran mengurus akan terus diiktiraf sebagai hasil.

iii) Geran Pembangunan

Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut peratusan projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

Mengikut MPSAS 23, geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu hendaklah diiktiraf sebagai liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai terbaik amaun yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh pelaporan.

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

b) Pengiktirafan Hasil (Sambungan)

Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran

i) Jualan Barang

Hasil daripada jualan barang diiktiraf apabila risiko dan manfaat pemilikan barang tersebut telah dipindah daripada pembeli biasanya setelah barang itu dihantar dan hasil boleh diukur dengan tepat dan terdapat manfaat ekonomi dan potensi perkhidmatan berkaitan dengan transaksi akan mengalir kepada Kumpulan.

ii) Sewaan Barang, Sewaan Tapak, Lot Perniagaan, Lot Pejabat Dan Bangunan

Hasil sewa akan diiktiraf atas asas akruan berdasarkan syarat perjanjian penyewaan.

iii) Faedah Diterima

Hasil faedah daripada pelaburan, simpanan tetap dan simpanan semasa diiktiraf atas asas akruan.

c) Cukai

Perbelanjaan cukai diiktiraf sebagai untung atau rugi dalam penyata prestasi kewangan. Cukai boleh dibayar atas untung boleh cukai bagi tempoh semasa dan ke belakang diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa sehingga ianya dibayar.

Jika jumlah cukai yang dibayar melebihi jumlah cukai bagi tempoh semasa dan ke belakang, lebihan itu diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada nilai yang dijangka untuk dibayar atau dituntut, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang termaktub bagi tahun kewangan tersebut.

Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP)

Pelaksanaan CBP berkuatkuasa pada 1 April 2015. Sebagai agensi kerajaan yang terlibat dalam pemasaran keluaran pertanian, FAMA tidak terkecuali dan dikehendaki mematuhi Akta CBP 2014. Implikasi kepada Kumpulan adalah seperti berikut:

i*) Cukai Output*

Pembekalan barang seperti keluaran pertanian seperti buah-buahan dan sayur-sayuran adalah tertakluk kepada CBP berkadar sifar (0%) manakala pembekalan selain daripada sayuran dan buahan seperti pengedaran barangan proses dan sewaan tertakluk kepada CBP berkadar 6%.

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

c) Cukai (Sambungan)

ii) Cukai input

FAMA menanggung CBP yang dikenakan pembekal bagi perolehan perkhidmatan dalam menjalankan operasinya. FAMA boleh menuntut nilai CBP yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar 6%. Nilai cukai CBP yang boleh dituntut atau dibayar kepada Kastam DiRaja Malaysia direkodkan sebagai belum terima dan belum bayar dalam penyata kedudukan kewangan.

Walaubagaimanapun CBP telah diturunkan kepada sifar (0%) bagi semua barangan mulai 1 Jun 2018 dan diganti dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP) mulai 1 September 2018.

iii) Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP)

Pelaksanaan CJP berkuatkuasa pada 1 September 2018 selepas pemasuhan Akta CBP 2014, FAMA tidak terkecuali dan dikehendaki mematuhi Akta CJP 2018 bagi transaksi yang melibatkan pengeluaran produk pengilangan.

d) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan kos bagi membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Apabila terdapat bahagian penting daripada hartanah, loji dan peralatan perlu diganti, bahagian aset tersebut akan diiktiraf sebagai aset dengan kadar susutnilai yang berasingan.

Pembelian harta modal bernilai RM2,000 dan ke atas bagi setiap unit akan dipermodalkan kecuali bagi perabot, hamparan, perhiasan yang tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual.

Susutnilai hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Alat dan Mesin	20%
Alatan Pejabat	20%
Bangunan	2.5%
Ubahsuai Bangunan	2.0%
Ubahsuai Bangunan Sewa	mengikut tempoh sewaan
Gerai	20%
Kandang Lembu/Kambing	20%
Kenderaan	20%
Kolam Ikan	50%
Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)	10%
Tanah Pajakan	mengikut tempoh tahun pajakan
Tangki Minyak	7.5%

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

d) Hartanah, loji dan peralatan (Sambungan)

Susutnilai tidak diperuntukkan bagi tanah pegangan kekal dan kerja dalam pembinaan.

Jika terdapat tanda perubahan ketara pada aset, nilai sisa dan tempoh berguna akan disemak dan dilaras secara prospektif sekiranya perlu.

Kumpulan menyahiktiraf item hartanah, loji, dan peralatan dan/atau bahagian penting daripada aset semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaannya.

Keuntungan atau kerugian daripada nyahiktiraf aset tersebut (ditentukan daripada perbezaan penerimaan bersih pelupusan dengan nilai aset dibawa) diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

e) Aset tak ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan.

Aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Pelunasan aset tak ketara adalah berdasarkan jangka hayat 5 tahun.

f) Rosotnilai aset bukan kewangan

i) Rosotnilai aset penjanaan tunai

Pada tarikh penyata kewangan, Kumpulan akan menyemak sekiranya terdapat petunjuk terhadap kemerosotan nilai aset. Jika terdapat petunjuk kemerosotan nilai atau apabila ujian kemerosotan nilai aset diperlukan, Kumpulan menganggar nilai boleh pulih aset tersebut. Nilai boleh pulih aset adalah nilai tertinggi antara nilai saksama tolak kos untuk dijual dan nilai sedang digunakan.

Apabila nilai bawaan aset melebihi nilai boleh pulih aset, rosotnilai aset telah berlaku dan aset tersebut perlu diiktiraf mengikut nilai boleh pulih.

Untuk menentukan nilai boleh pulih aset, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan atas nilai semasa menggunakan kadar sebelum cukai untuk menggambarkan kadar pasaran nilai semasa wang dan risiko ke atas aset tersebut.

Untuk menentukan nilai saksama tolak kos untuk dijual, transaksi pasaran terkini diambilkira, jika ada. Jika tiada, model penilaian yang sesuai akan digunakan. Kerugian rosotnilai bagi stok diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

Nilai boleh pulih perkhidmatan aset adalah nilai tertinggi antara nilai saksama tolak kos untuk dijual dan nilai sedang digunakan.

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

f) Rosotnilai aset bukan kewangan (Sambungan)

ii) Rosotnilai aset bukan penjanaan tunai

Kumpulan menyemak sekiranya terdapat petunjuk kemerosotan nilai aset bukan penjanaan tunai pada setiap tarikh penyata kewangan. Jika terdapat petunjuk kemerosotan nilai atau apabila ujian kemerosotan nilai aset diperlukan, Kumpulan menganggar nilai boleh pulih.

Apabila nilai bawaan aset melebihi nilai boleh pulih perkhidmatan aset, rosotnilai aset telah berlaku dan aset tersebut perlu diiktiraf mengikut nilai boleh pulih perkhidmatan.

Untuk menentukan nilai boleh pulih perkhidmatan aset, Kumpulan menggunakan kaedah pendekatan kos penggantian disusutnilai. Berdasarkan kaedah ini, nilai semasa bagi baki potensi perkhidmatan aset dikira sebagai kos penggantian aset disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai dikira berdasarkan nilai yang terendah antara kos menghasilkan semula atau kos untuk menggantikannya, tolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos tersebut bagi menggambarkan baki potensi perkhidmatan aset yang telah luput atau terpakai.

Untuk menentukan nilai saksama tolak kos untuk dijual, harga aset seperti dalam perjanjian yang berkaitan, dilaraskan bagi mengambilkira kos tambahan bagi pelupusan aset tersebut. Jika tiada ikatan perjanjian, tetapi aset aktif diniagakan di pasaran, nilai saksama tolak kos aset untuk dijual adalah nilai pasaran aset tolak kos pelupusan aset. Jika tiada ikatan perjanjian dan pasaran aktif bagi aset tersebut, Kumpulan akan menentukan nilai saksama tolak kos untuk dijual melalui kaedah terbaik berdasarkan maklumat yang ada.

Bagi setiap aset, semakan dibuat pada setiap tarikh penyata kewangan sama ada terdapat petunjuk bahawa nilai rosotnilai yang telah diiktiraf masih wujud atau telah berkurangan. Jika terdapat sebarang petunjuk, Kumpulan menganggar nilai boleh pulih perkhidmatan bagi aset tersebut.

Nilai rosotnilai yang telah diiktiraf sebelum ini akan dibalikkan sekiranya terdapat perubahan terhadap cara menentukan nilai boleh pulih perkhidmatan bagi aset sejak kali terakhir pengiktirafan rosotnilai bagi aset tersebut dibuat.

Nilai untuk dibalikkan adalah terhad supaya nilai bawaan aset tidak melebihi nilai boleh pulih perkhidmatan atau nilai bawaan aset tolak susutnilai terkumpul tanpa pengiktirafan rosotnilai pada tahun sebelumnya. Nilai dibalikkan ini direkodkan sebagai lebihan atau kurangan.

g) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan atau agensi menjadi pihak dalam peruntukan kontrak instrumen.

Semasa pengiktirafan awal, aset kewangan dinilaikan pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian terbentuk, yang memberi kesan terhadap transaksi kewangan bagi pihak berlawanan dalam perjanjian.

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

g) Aset Kewangan (Sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop MPSAS 29 atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Perbezaan nilai saksama diiktiraf sebagai untung atau rugi.

i) Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian

Jika nilai saksama bagi instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tidak dapat diperolehi dengan tepat tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksama pada tarikh terakhir instrumen tersebut boleh dinilai dengan tepat dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada kos ini ditolak rosotnilai sehingga nilai saksama yang tepat boleh diperolehi.

ii) Aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur dengan amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos pelunasan aset kewangan dan peruntukan pendapatan faedah ke atas tempoh berkaitan.

Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa hadapan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau apabila sesuai, dalam tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iii) Aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diperoleh dengan tepat tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung dengan instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan pelaksanaan instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

iv) Rosotnilai aset kewangan

Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai.

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

g) Aset Kewangan (Sambungan)

iv) Rosotnilai aset kewangan (Sambungan)

Bukti objektif adalah termasuk:

→ hutang tertunggak melebihi setahun.
→ kesukaran kewangan yang ketara oleh penghutang.
→ kemungkinan penghutang akan muflis.

Bagi kategori aset kewangan tertentu, seperti penghutang perniagaan, jika telah ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam Kumpulan yang mempunyai ciri risiko kredit yang serupa dan akan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Rosotnilai aset kewangan bagi penghutang Akaun Perniagaan dibuat secara am ke atas bukti hutang yang melebihi 1 tahun pada kadar 100%.

Kerugian rosotnilai, berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, dinilaikan pada perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang telah didiskaunkan pada kadar faedah berkesan aset tersebut.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah berlaku ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik di mana Kumpulan atau agensi akan terima jika aset ia dijual pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

v) Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesaikan, atau pihak Kumpulan atau agensi memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain. Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

h) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan di bawah skop MPSAS 29 dikategorikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian atau pinjaman, yang mana yang berkenaan.

Kumpulan menentukan kategori liabiliti kewangan semasa pengiktirafan awal. Semua liabiliti kewangan diiktiraf pada nilai saksama, dan bagi liabiliti kewangan jenis pinjaman, ia perlu ditambah dengan kos transaksi secara langsung.

Liabiliti kewangan Kumpulan adalah termasuk pemiutang dagangan dan pemiutang pelbagai, overdraf bank, pinjaman dan kontrak jaminan kewangan.

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

h) Liabiliti kewangan (Sambungan)

Pengiktirafan liabiliti kewangan selepas pengiktirafan awal adalah bergantung kepada kategorinya:

i) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah termasuk liabiliti kewangan untuk diniagakan, liabiliti kewangan dikenalpasti semasa pengiktirafan awal pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan dikategorikan sebagai untuk diniagakan jika ia diperolehi dengan rancangan untuk menjualnya semula dalam jangka masa pendek. Keuntungan atau kerugian atas liabiliti yang diniagakan diiktiraf sebagai untung atau rugi.

ii) Pinjaman

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos rosotnilai menggunakan kaedah faedah berkesan. Pendapatan atau kerugian diiktiraf sebagai lebihan atau kurangan apabila liabiliti dinyahiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan melalui proses rosotnilai.

Kos rosotnilai diperolehi dengan mengambilkira nilai diskaun atau premium atas pengambilalihan dan bayaran atau kos sebagai kadar faedah efektif yang penting.

iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi berkaitan kontrak telah diselesaikan, dibatalkan atau telah tamat tempoh.

Apabila liabiliti kewangan ditukar atas syarat yang diperbaharui atau syarat yang ditukar kondisinya, perubahan ini dianggap sebagai penyahiktirafan dan liabiliti baru perlu diwujudkan dan sebarang perbezaan atas nilai bawaan hendaklah diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

i) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi yang boleh ditukar kepada amaun tunai yang diketahui tertakluk kepada risiko pertukaran nilai yang tidak ketara.

Bagi tujuan penyata aliran tunai disatukan, tunai dan kesetaraan tunai adalah termasuk tunai dan simpanan jangka pendek seperti yang dimaksudkan di atas dan baki bersih overdraf bank serta menggunapakai kaedah tidak langsung.

Simpanan jangka pendek merujuk kepada simpanan untuk tempoh 12 bulan dan ke bawah.

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

j) Stok

Stok dinilaikan pada harga kos semasa pengiktirafan awal. Bagi stok yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran (secara percuma atau pada kos nominal), kos tersebut adalah dinilaikan pada nilai saksama semasa tarikh perolehan.

Stok dinilaikan pada nilai terendah antara kos belian dan anggaran harga jualan dalam keadaan biasa operasi tolak anggaran kos untuk menyiapkan dan kos diperlukan untuk membuat jualan dan pengedaran.

Kos stok terdiri daripada semua kos belian, kos penukaran dan kos lain yang dilibatkan dalam membawa stok ke lokasi dan keadaan semasanya. Jika sesuatu stok tidak dapat dinilai pada nilai terendah antara kos dan belian dan anggaran kos jualan, stok tersebut akan dinilai pada anggaran kos penggantian.

Kos berlaku bagi membawanya ke sesuatu tempat dan kos bagi mengubah stok kepada keadaan tertentu diakaunkan seperti berikut:

→ bahan mentah : kos belian menggunakan kaedah kos purata berwajaran.
→ stok siap dan stok separa siap : kos bahan mentah langsung dan kos upah langsung dan sebahagian overhed kilang berdasarkan kadar kapasiti operasi yang normal.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, stok dinilaikan untuk memastikan jika terdapat tanda-tanda rosotnilai. Jika stok dirosotnilaikan, nilai bawaan dikurangkan kepada nilai jualan ditolak kos untuk menyiap dan membuat jualan, kerugian rosotnilai diiktiraf serta merta di dalam penyata prestasi kewangan.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan yang berikutnya, Kumpulan dan Lembaga akan membuat penilaian semula harga jualan tolak kos untuk menyiapkan dan membuat jualan. Jika terdapat tanda bahawa kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf pada tahun kebelakangan tidak lagi wujud, atau terdapat bukti bahawa terdapat peningkatan harga jualan tolak kos menyiapkan dan membuat jualan disebabkan keadaan ekonomi tertentu, kerugian rosotnilai dibalikkan setakat mana nilai bawaan baru adalah yang terendah antara kos dan harga jualan tolak kos menyiapkan dan membuat jualan.

Stok diiktiraf sebagai belanja jika digunakan dalam menjalankan operasi Kumpulan.

k) Peruntukan

Peruntukan direkodkan apabila Kumpulan mempunyai obligasi (secara undang-undang atau kewajipan konstruktif) berdasarkan sejarah lepas, adalah berkemungkinan pengaliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan adalah diperlukan bagi menyelesaikan obligasi dan dengan syarat bahawa anggaran yang tepat terhadap obligasi itu dapat dibuat.

Apabila Kumpulan menjangkakan sebahagian atau semua peruntukan akan dituntut semula, contohnya dalam kontrak insuran, nilai tuntutan semula akan direkodkan sebagai aset hanya setelah jumlah bayaran balik sudah pasti akan berlaku. Semua nilai bersih perbelanjaan berkaitan dengan peruntukan akan ditunjukkan dalam penyata prestasi kewangan.

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

k) Peruntukan (Sambungan)

Liabiliti luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka, tetapi maklumat berkenaan liabiliti luar jangka akan didedahkan dalam nota penyata kewangan.

l) Perubahan pada polisi perakaunan

Kumpulan mengiktiraf kesan perubahan polisi perakaunan kepada rekod perakaunan secara aplikasi retrospektif. Kaedah merekodkan kesan perubahan secara aplikasi prospektif dilakukan sekiranya pelaksanaan secara retrospektif adalah tidak munasabah.

m) Manfaat kakitangan

Kumpulan terlibat dalam menguruskan 2 jenis pelan manfaat persaraan tentu. Pelan caruman tentu ialah pelan persaraan dimana Kumpulan membayar sejumlah caruman tetap kepada pihak ketiga.

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat caruman kepada Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kumpulan tiada kewajipan konstruktif atau kewajipan undang-undang untuk membayar lebih daripada nilai caruman yang telah ditetapkan. Caruman tersebut direkodkan sebagai belanja dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh perkhidmatan pekerja diterima.

Pelan manfaat tentu adalah nilai manfaat persaraan yang akan diterima oleh pekerja selepas bersara bergantung kepada tempoh perkhidmatan yang diberikan dan gaji terakhir yang diterima. Gantian cuti rehat (GCR) adalah pelan manfaat tentu yang perlu ditanggung sepenuhnya oleh Lembaga berdasarkan formula pengiraan yang telah ditetapkan dalam pekeliling yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia.

Liabiliti diiktiraf berdasarkan nilai yang dijangka perlu dibayar sekiranya Lembaga mempunyai kewajipan undang-undang atau kewajipan konstruktif untuk membayar sebagai gantian kepada perkhidmatan yang telah diberikan pekerja dengan syarat nilai yang tepat dapat diperolehi.

Pengiraan jumlah peruntukan manfaat kakitangan berdasarkan kepada umur persaraan paksa setiap kakitangan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2003 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 2018.

Peruntukan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang

Peruntukan manfaat pekerja jangka pendek adalah bayaran GCR kepada kakitangan tetap yang akan bersara secara paksa dalam tempoh satu tahun daripada tahun kewangan semasa. Manakala, manfaat jangka panjang pula adalah bayaran GCR yang melebihi 1 tahun.

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

n) Transaksi mata wang asing

Urusniaga dalam mata wang asing dicatatkan dalam Ringgit Malaysia sebagai mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh transaksi.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, item-item monetari yang menggunakan mata wang asing diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh berkenaan. Perbezaan pertukaran diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Kadar tetap asas yang digunakan dalam terjemahan kadar tukaran asing adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
1 US Dollar	4.02	4.20
1 SGD	3.04	3.08

o) Pihak berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan adalah individu atau entiti yang berkeupayaan secara sendiri atau berkumpulan untuk mengenakan kawalan atau menyebarkan pengaruh bererti ke atas Kumpulan dan sebaliknya.

Ahli kepada Kumpulan pengurusan utama dianggap sebagai pihak berkaitan yang terdiri daripada AHLI LEMBAGA PENGARAH.

p) Maklumat bajet

Bajet tahunan yang didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan ini hanya merujuk kepada bajet tahunan mengurus bagi entiti yang mengawal sahaja iaitu Lembaga kerana bajet bagi entiti yang dikawal tidak didedahkan kepada awam.

Bajet mengurus tahunan disediakan berdasarkan asas tunai berubah manakala penyata kewangan disediakan mengikut asas akruan. Nilai bajet yang ditunjukkan merupakan nilai yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi tahun semasa.

q) Pengurusan risiko kewangan

Kumpulan berusaha untuk meminimakan risiko kewangan. Aset kewangan yang mungkin akan dibeli adalah tunai atau apa-apa yang setara tunai, dan simpanan tetap daripada institusi-institusi yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan.

Liabiliti kewangan yang mungkin ada pada Kumpulan pula selain daripada pemiutang perniagaan adalah overdraft bank.

i) Risiko matawang asing

Kumpulan terdedah kepada risiko mata wang asing disebabkan oleh aktiviti operasinya yang kadangkala melibatkan perniagaan eksport atau import dengan pihak di luar negara. Selain itu, transaksi dengan syarikat subsidiari di Singapura menggunakan matawang berbeza daripada matawang tempatan iaitu Ringgit Malaysia (RM).

2.1 POLISI - POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

q) Pengurusan risiko kewangan (Sambungan)

ii) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah berlaku apabila kemungkinan terdapat perubahan terhadap nilai instrumen kewangan akibat daripada perubahan kadar faedah. Kumpulan tidak mempunyai aset dan liabiliti yang bergantung terhadap perubahan ketara kadar faedah.

iii) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko akibat daripada kegagalan satu pihak yang terlibat dalam instrumen kewangan untuk mematuhi syarat atau perjanjian yang menyebabkan satu pihak lagi mengalami kerugian. Kumpulan terdedah kepada risiko kredit atas penghutang perniagaannya.

Kumpulan meminimakan risiko kredit dengan memperkenalkan Manual Kawalan Kredit yang perlu dipatuhi dalam operasi perniagaan. Manual Kawalan Kredit menghuraikan tatacara pengurusan kredit melibatkan pemberian kelulusan kredit, had dan tempoh kredit serta pemantauan kredit.

iv) Risiko kecairan

Kaedah Kumpulan untuk menguruskan risiko kecairan adalah memastikan aset cair sentiasa cukup bagi menampung liabiliti bila diperlukan. Tunai dipastikan sentiasa cukup untuk menampung belanja operasi dengan membuat anggaran aliran tunai.

3. WANG DI BANK DAN RUNCIT

	KUMPULAN		FAMA	
	2020	2019	2020	2019
	RM	RM Dinyatakan Semula	RM	RM
Wang di Bank	39,474,565	35,390,472	35,033,504	31,463,131
Wang Runcit	274,422	318,836	209,109	215,341
Wang Dalam Perjalanan	42,466	24,582	42,466	24,582
	39,791,453	35,733,890	35,285,079	31,703,054

Wang dalam perjalanan merupakan sejumlah wang yang dibayar oleh pejabat FAMA kepada pejabat FAMA yang lain. Bayaran ini diterima oleh pejabat FAMA yang berkenaan pada tahun yang berikutnya.

4. SIMPANAN JANGKA PENDEK

	KUMPULAN		FAMA	
	2020	2019	2020	2019
	RM	RM	RM	RM
Simpanan Tetap dengan institusi kewangan berikut :				
Affin Bank Berhad	-	30,742,199	-	30,742,199
Agrobank	40,237,595	32,573,432	40,237,595	32,573,432
Ambank	1,579,018	1,529,262	-	-
Bank Islam Malaysia Berhad	20,035,672	-	20,035,672	-
Bank Pembangunan	4,052,055	20,624,088	4,052,055	20,624,088
Bank Rakyat	12,528,249	3,581,518	12,528,249	3,581,518
Bank Simpanan Nasional	20,645,268	45,007,969	20,645,268	45,007,969
Malayan Banking Berhad	100,745	25,364,670	100,745	25,364,670
MBSB Bank Berhad	10,621,678	3,816,358	10,621,678	3,816,358
Maybank Islamic Berhad	1,007,524	2,380,045	1,007,524	2,380,045
Public Islamic Bank	445,260	447,033	445,260	447,033
RHB Bank	30,248,191	26,804,838	30,248,191	26,804,838
Malaysia Berhad (SME)	20,648,418	-	20,648,418	-
	162,149,673	192,871,412	160,570,655	191,342,150

5. PINJAMAN KOMPUTER DAN KENDERAAN

	KUMPULAN / FAMA	
	2020	2019
	RM	RM
Pinjaman Komputer		
Baki pada 1 Januari	359,731	417,980
Campur : Pengeluaran pinjaman yang telah diluluskan	186,100	138,500
Faedah Pinjaman	12,687	14,393
	558,518	570,873
Tolak : Pembayaran balik oleh peminjam	(206,516)	(211,142)
Baki pada 31 Disember	352,002	359,731
Pinjaman Kenderaan		
Baki pada 1 Januari	1,539,376	1,411,437
Campur : Pengeluaran pinjaman yang telah diluluskan	594,600	496,200
Faedah Pinjaman	59,828	53,670
	2,193,804	1,961,307
Tolak : Pembayaran balik oleh peminjam	(546,754)	(421,931)
Baki pada 31 Disember	1,647,050	1,539,376
	1,999,052	1,899,107
Pinjaman komputer dan kenderaan terdiri daripada ;		
a) Pinjaman komputer dan kenderaan yang perlu dibayar selepas 12 bulan	1,245,782	1,266,034
b) Pinjaman komputer dan kenderaan yang perlu dibayar dalam masa 12 bulan	753,270	633,073
	1,999,052	1,899,107

6. PENGHUTANG PERNIAGAAN DAN PELBAGAI

	KUMPULAN		FAMA	
	2020	2019	2020	2019
	RM	RM	RM	RM
		Dinyatakan Semula		
Penghutang Perniagaan	27,119,869	28,572,702	18,582,349	19,188,839
Tolak :				
Rosotnilai Aset Kewangan	(18,313,045)	(17,542,353)	(12,907,236)	(13,510,435)
	8,806,824	11,030,349	5,675,113	5,678,404
Penghutang Pendahuluan	145,196	250,445	145,196	250,445
Penghutang Pelbagai	8,996,844	9,604,105	7,158,236	8,476,068
	17,948,864	20,884,899	12,978,545	14,404,917

Penghutang Perniagaan mengandungi penghutang dari urusniaga yang dilaksanakan oleh pusat-pusat operasi dan syarikat subsidiari. Penghutang ini merupakan hutang-hutang oleh syarikat, persatuan dan individu kepada FAMA.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

7. PENGHUTANG SYARIKAT SUBSIDIARI

Amaun ini merupakan hutang yang terhasil dari transaksi urusniaga yang biasa. lanya tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh berbayar yang tetap.

8. STOK PERNIAGAAN

	KUMPULAN		FAMA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Stok Perniagaan	6,729,267	6,867,533	1,280,694	1,847,794
Stok Bahan Campuran	949,262	806,870	949,262	806,870
	7,678,529	7,674,403	2,229,956	2,654,664

Ini merupakan stok pemiagaan yang melibatkan Akaun Urusniaga sahaja. Akaun Mengurus, Pembangunan dan Kumpulan Wang Pembangunan Usahawan tidak mempunyai sebarang pegangan stok pemiagaan.

9. BAYARAN TERDAHULU DAN PERTARUHAN BAYARAN

	KUMPULAN / FAMA	
	2020 RM	2019 RM
Bayaran Terdahulu	9,871	24,427
Pertaruhan Bayaran	1,990,108	2,105,923
	1,999,979	2,130,350

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	FAMA	
	2020 RM	2019 RM
Pelaburan dalam syarikat subsidiari - pada kos	19,630,412	18,880,412
Tambahan Pelaburan Tahun Semasa	250,000	750,000
	19,880,412	19,630,412
Peruntukan rosotnilai saham asal dalam syarikat subsidiari	(12,982,152)	(10,601,409)
	6,898,260	9,029,003

Peruntukan rosotnilai telah dibuat ke atas saham syarikat subsidiari yang bertujuan menunjukkan nilai sebenar pelaburan dalam tahun semasa dan telah diambilkira di dalam penyata kewangan Lembaga pada tahun yang sama

11. PELABURAN

	KUMPULAN	
	2020 RM	2019 RM
Saham Tidak Tersenarai		
Pelaburan - Kos	137,500	137,500
Tolak : Peruntukan Pengurangan Nilai	-	-
Nilai Pasaran	137,500	137,500
Jumlah Nilai Pasaran	137,500	137,500

Nilai pelaburan berjumlah RM137,500 merupakan pelaburan yang dibuat oleh FAMA Corporation Sdn. Bhd. Dalam syarikat yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia iaitu Konsortium Pasar Borong Sdn. Bhd. sebanyak 13.75% pegangan ekuiti.

12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

A. KUMPULAN

KOS	Tanah	Bangunan	Ubahsuai	Alat dan Mesin	Alat Pejabat/ Perabot	Kenderaan	Sistem	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1/1/2020	50,533,224	575,252,163	868,227	35,067,337	948,224	54,723,257	1,974,544	719,366,976
Tambahan	-	-	121,984	1,077,389	55,750	4,528,375	147,600	5,931,098
Dari WIP	417,304	8,671,490	-	-	-	-	150,181	9,238,975
Pemberian	10,000	-	-	-	-	-	-	10,000
Pelarasan	332,022	(3)	-	-	-	-	-	332,019
Jualan	-	-	-	-	-	(223,458)	-	(223,458)
Pelupusan	-	(242,746)	(185,526)	(155,964)	(132,577)	(1,393,018)	-	(2,109,831)
Pada 31/12/2020	51,292,550	583,680,904	804,685	35,988,762	871,397	57,635,156	2,272,325	732,545,779

SUSUTNILAI TERKUMPUL	Tanah	Bangunan	Ubahsuai	Alat dan Mesin	Alat Pejabat/ Perabot	Kenderaan	Sistem	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1/1/2020	5,667,614	152,688,445	681,201	32,967,793	664,937	48,549,614	1,576,644	242,796,248
Susutnilai Semasa	338,715	14,610,322	63,973	758,269	105,469	2,573,083	328,793	18,778,624
Pelarasan	(223,968)	5,593	(5,593)	-	-	-	-	(223,968)
Jualan	-	-	-	-	-	(157,362)	-	(157,362)
Pelupusan	-	-	-	(9,637)	-	(1,919,114)	-	(1,928,751)
Pada 31/12/2020	5,782,361	167,304,360	739,581	33,716,425	770,406	49,046,221	1,905,437	259,264,791
BAKI BUKU BERSIH	45,510,189	416,376,544	65,104	2,272,337	100,991	8,588,935	366,888	473,280,988

KOS	Tanah	Bangunan	Ubahsuai	Alat dan Mesin	Alat Pejabat/ Perabot	Kenderaan	Sistem	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM Dinyatakan Semula
Pada 1/1/2019	45,948,160	559,734,806	1,258,832	33,972,566	915,644	53,428,834	1,974,544	697,233,386
Tambahan	-	126,450	116,502	1,119,261	55,988	1,819,533	-	3,237,734
dari WIP	4,585,064	15,562,269	-	-	-	-	-	20,147,333
Pelarasan	-	(171,362)	-	-	-	-	-	(171,362)
Pelupusan	-	-	(507,107)	(24,490)	(23,408)	(525,110)	-	(1,080,115)
Pada 31/12/2019	50,533,224	575,252,163	868,227	35,067,337	948,224	54,723,257	1,974,544	719,366,976

SUSUTNILAI TERKUMPUL	Tanah	Bangunan	Ubahsuai	Alat dan Mesin	Alat Pejabat/ Perabot	Kenderaan	Sistem	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM Dinyatakan Semula
Pada 1/1/2019	5,375,971	138,147,237	677,625	32,112,844	552,288	46,170,808	1,228,474	224,265,247
Susutnilai Semasa	291,643	14,555,575	68,988	844,599	112,649	2,852,012	348,170	19,073,636
Pelarasan	-	(14,367)	-	18,614	-	34,243	-	38,490
Pelupusan	-	-	(65,412)	(8,264)	-	(507,449)	-	(581,125)
Pada 31/12/2019	5,667,614	152,688,445	681,201	32,967,793	664,937	48,549,614	1,576,644	242,796,248
BAKI BUKU BERSIH	44,865,610	422,563,718	187,026	2,099,544	283,287	6,173,643	397,900	476,570,728

12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

B. FAMA

KOS	Tanah	Bangunan	Ubahsuai	Alat dan Mesin	Alat Pejabat/ Perabot	Kenderaan	Sistem	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1/1/2020	50,533,224	575,009,417	317,034	34,869,161	-	53,423,875	1,974,544	716,127,255
Tambahan	-	-	-	896,837	-	3,428,131	147,600	4,472,568
Dari WIP	417,304	8,671,490	-	-	-	-	150,181	9,238,975
Pemberian	10,000	-	-	-	-	-	-	10,000
Pelarasan	332,022	(3)	-	-	-	-	-	332,019
Jualan	-	-	-	-	-	(223,458)	-	(223,458)
Pelupusan	-	-	-	(9,639)	-	(1,307,419)	-	(1,317,058)
Pada 31/12/2020	51,292,550	583,680,904	317,034	35,756,359	-	55,321,129	2,272,325	728,640,301

SUSUTNILAI TERKUMPUL	Tanah	Bangunan	Ubahsuai	Alat dan Mesin	Alat Pejabat/ Perabot	Kenderaan	Sistem	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1/1/2020	5,667,614	152,571,412	310,672	32,788,579	-	48,004,612	1,576,644	240,919,533
Susutnilai Semasa	338,715	14,605,497	7,549	743,082	-	2,249,465	328,793	18,273,101
Pelarasan	(223,968)	5,593	(5,593)	-	-	-	-	(223,968)
Jualan	-	-	-	-	-	(157,362)	-	(157,362)
Pelupusan	-	-	-	(9,637)	-	(1,307,402)	-	(1,317,039)
Pada 31/12/2020	5,782,361	167,182,502	312,628	33,522,024	-	48,789,313	1,905,437	257,494,265
BAKI BUKU BERSIH	45,510,189	416,498,402	4,406	2,234,335	-	6,531,816	366,888	471,146,036

KOS	Tanah	Bangunan	Ubahsuai	Alat dan Mesin	Alat Pejabat/ Perabot	Kenderaan	Sistem	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1/1/2019	45,948,160	559,492,060	769,441	33,749,900	-	52,510,607	1,974,544	694,444,712
Tambahan	-	126,450	-	1,119,261	-	1,390,800	-	2,636,511
dari WIP	4,585,064	15,562,269	-	-	-	-	-	20,147,333
Pelarasan	-	(171,362)	-	-	-	-	-	(171,362)
Pelupusan	-	-	(452,407)	-	-	(477,532)	-	(929,939)
Pada 31/12/2019	50,533,224	575,009,417	317,034	34,869,161	-	53,423,875	1,974,544	716,127,255

SUSUTNILAI TERKUMPUL	Tanah	Bangunan	Ubahsuai	Alat dan Mesin	Alat Pejabat/ Perabot	Kenderaan	Sistem	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1/1/2019	5,375,971	138,036,273	353,454	31,937,732	-	45,701,655	1,228,474	222,633,559
Susutnilai Semasa	291,643	14,549,506	22,630	832,233	-	2,728,584	348,170	18,772,766
Pelarasan	-	(14,367)	-	18,614	-	34,243	-	38,490
Pelupusan	-	-	(65,412)	-	-	(459,870)	-	(525,282)
Pada 31/12/2019	5,667,614	152,571,412	310,672	32,788,579	-	48,004,612	1,576,644	240,919,533
BAKI BUKU BERSIH	44,865,610	422,438,005	6,362	2,080,582	-	5,419,263	397,900	475,207,722

12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Termasuk di bawah adalah Hartanah, Loji dan Peralatan seperti berikut :

	FAMA	
	2020	**2019**
	RM	**RM**
Tanah		
a) Tanah Mukim Ampangan, Negeri Sembilan	826,210	826,210
b) Tanah RTC Kota Bharu, Kelantan	8,588,343	8,588,343
c) Tanah Medan Niaga Satok, Sarawak	581,792	581,792
d) Tanah PPH, Kluang, Johor	3,636,652	3,636,652
e) Tanah Pejabat FAMA Negeri Johor, Johor	6,511,525	6,511,525
f) Tanah Kilang Memproses Kelapa di Bagan Datoh, Perak	212,849	212,849
	20,357,371	20,357,371

Tanah di atas adalah atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Pihak Lembaga masih dalam proses permohonan mendapatkan hak pajakan tanah tersebut daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Putrajaya sebagai agensi pengguna melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tanah Kilang Memproses Kelapa di Bagan Datoh, Perak telah diluluskan dan premium perolehan tanah telah dibayar pada 18 Januari 2016, namun Geran Hakmilik masih belum dikeluarkan.

Tanah RTC Kota Bharu telah diluluskan dan premium perolehan tanah telah dibayar pada 17 Disember 2019, Geran Hakmilik Sementara telah dikeluarkan pada 19 Februari 2020

13. ASET TAK KETARA

A. KUMPULAN

KOS	Sistem Interaktif	Cap Dagang	Jumlah
	RM	RM (Dinyatakan Semula)	RM (Dinyatakan Semula)
Pada 1/1/2020	2,764,800	-	2,764,800
Tambahan	-	-	-
Pelunasan / rosotnilai	(557,700)	-	(557,700)
Pada 31/12/2020	2,207,100	-	2,207,100

KOS	Sistem Interaktif	Cap Dagang	Jumlah
	RM	RM (Dinyatakan Semula)	RM (Dinyatakan Semula)
Pada 1/1/2019	2,699,800	-	2,699,800
Tambahan	65,000	-	65,000
Pelunasan / rosotnilai	-	-	-
Pada 31/12/2019	2,764,800	-	2,764,800

B. FAMA

KOS	Sistem Interaktif	Cap Dagang	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 1/1/2020	2,764,800	-	2,764,800
Tambahan	-	-	-
Pelunasan / rosotnilai	(557,700)	-	(557,700)
Pada 31/12/2020	2,207,100	-	2,207,100

KOS	Sistem Interaktif	Cap Dagang	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 1/1/2019	2,699,800	-	2,699,800
Tambahan	65,000	-	65,000
Pindahan	-	-	-
Pemberian	-	-	-
Pelunasan / rosotnilai	-	-	-
Jualan	-	-	-
Pelupusan	-	-	-
Pada 31/12/2019	2,764,800	-	2,764,800

14. PROJEK DALAM PELAKSANAAN

	KUMPULAN/FAMA	
	2020	2019
	RM	RM
Pada 1 Januari	10,320,433	13,060,071
Pelarasan	3	-
Penambahan dalam tahun semasa	17,395,375	17,442,893
Pindahan ke hartanah, loji dan peralatan	(9,238,975)	(20,147,333)
Pindahan ke aset tidak ketara	-	-
Projek batal yang dicajkan ke penyata pendapatan	-	(35,198)
Pada 31 Disember	18,476,836	10,320,433

Jumlah amaun ini merupakan perbelanjaan sebenar terkumpul bagi kos bangunan dan kelengkapan, kos membersihkan tapak bangunan, harta tanah serta bayaran yang berkaitan dan bayaran pembangunan sistem.

15. PEMIUTANG PERNIAGAAN DAN PELBAGAI

	NOTA	KUMPULAN		FAMA	
		2020	2019	2020	2019
		RM	RM Dinyatakan Semula	RM	RM
Pemiutang Perniagaan		8,434,400	8,922,927	4,238,673	4,378,887
Pemiutang Pelbagai dan Akruan		11,372,953	12,512,126	10,651,106	13,106,968
Pemiutang Pelbagai Dana Ditindik	30	10,978,080	10,627,295	10,978,080	10,627,295
Pertaruhan Penerimaan		3,524,660	3,854,120	3,524,660	3,854,120
		34,310,093	35,916,468	29,392,519	31,967,270

16. GERAN PEMBANGUNAN TERTUNDA

Pendapatan Tertunda FAMA merupakan geran pembangunan yang diterima daripada kerajaan bagi projek-projek khas pembangunan dan geran yang masih belum dilunaskan pada tahun semasa.

	KUMPULAN/FAMA	
	2020	2019
	RM	RM
Geran Kerajaan Tertunda pada 1 Januari	84,793,018	93,036,717
Geran Pembangunan bagi tahun semasa	92,066,405	49,681,173
Tolak : Geran Pembangunan Dilunaskan		
Geran Dilunaskan bagi tahun semasa	(65,709,854)	(57,923,872)
Pelarasan Tahun Lepas	-	(1,000)
Geran Tertunda pada 31 Disember	111,149,569	84,793,018

17. LIABILITI SEWA BELI

	KUMPULAN	
Bayaran minimum bagi liabiliti sewa beli adalah seperti berikut :	2020	2019
	RM	RM
Dalam masa 1 tahun	403,614	182,244
Lebih dari 1 tahun tetapi kurang dari 5 tahun	1,212,750	363,693
Lebih dari 5 tahun	-	204,366
	1,616,364	750,303
Caj kewangan masa hadapan	(200,362)	(104,060)
Nilai semasa pinjaman	1,416,002	646,243
Dalam masa 1 tahun	354,092	158,528
Lebih dari 1 tahun tetapi kurang dari 5 tahun	1,061,910	314,670
Lebih dari 5 tahun	-	173,045
	1,416,002	646,243

18. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	KUMPULAN / FAMA	
	2020	2019
	RM	RM
Gantian Cuti Rehat		
Baki pada 1 Januari	17,625,550	17,662,948
Kurangan Peruntukan Tahun Lepas	-	-
	17,625,550	17,662,948
Peruntukan Tahun Semasa	3,159,102	1,794,015
Bayaran Dalam Tahun Semasa	(2,964,640)	(1,831,413)
Baki pada 31 Disember	17,820,012	17,625,550
Dianalisa seperti berikut :		
Manfaat Jangka Pendek - dalam tempoh 12 bulan	2,538,086	2,964,640
Manfaat Jangka Panjang - dalam tempoh melebihi 12 bulan	15,281,926	14,660,910
	17,820,012	17,625,550

19. AKAUN MENGURUS

	KUMPULAN / FAMA	
	2020	2019
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	72,447,776	63,809,869
Pelarasan Tahun Lepas	(93,705)	-
Kurangan Bagi Tahun Semasa	(46,588,366)	8,028,388
	25,765,705	71,838,257
Pelarasan	10,000	609,519
Baki pada 31 Disember	25,775,705	72,447,776

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

20. AKAUN PEMBANGUNAN

	KUMPULAN / FAMA	
	2020	2019
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	475,909,706	474,181,181
Pelarasan Tahun Lepas	718,026	(551,760)
Lebihan Bagi Tahun Semasa	(5,672,166)	1,139,804
	470,955,566	474,769,225
Pelarasan	(11,764,688)	1,140,481
Baki pada 31 Disember	459,190,878	475,909,706

21. AKAUN PERNIAGAAN

	KUMPULAN		FAMA	
	2020	2019	2020	2019
	RM	RM	RM	RM
		Dinyatakan Semula		
Baki pada 1 Januari	53,580,351	61,785,015	58,780,120	66,790,730
Kurangan Bagi Tahun Semasa	(3,305,660)	(6,447,147)	(4,126,534)	(6,253,093)
	50,274,691	55,337,868	54,653,586	60,537,637
Perubahan Modal Pusingan	12,115,986	(1,750,000)	12,115,986	(1,750,000)
Pindahan Aset	10,000	-	10,000	-
Pelarasan	88,545	(7,517)	88,545	(7,517)
Baki pada 31 Disember	62,489,222	53,580,351	66,868,117	58,780,120

22. AKAUN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN USAHAWAN

	KUMPULAN / FAMA	
	2020	2019
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	4,989,944	3,024,398
(Kurangan) Bagi Tahun Semasa	2,075,506	1,965,546
	7,065,450	4,989,944
Perubahan Modal Pusingan	-	-
Baki pada 31 Disember	7,065,450	4,989,944

23. HASIL URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

	KUMPULAN / FAMA	
	2020	2019
	RM	RM
Pemberian Geran Kerajaan	129,716,500	183,516,400
Geran Pembangunan Dilunaskan	65,709,854	57,923,872
Pendapatan Lesen dan Permit	2,733,397	2,635,069
	198,159,751	244,075,341

24. HASIL URUSNIAGA PERTUKARAN

	KUMPULAN		FAMA	
	2020	2019	2020	2019
	RM	RM	RM	RM
		Dinyatakan Semula		
Faedah Simpanan Semasa / Tetap	5,204,548	6,355,704	5,153,337	6,355,704
Faedah Pinjaman	72,515	68,063	72,515	68,063
Jualan	86,683,842	94,906,672	35,977,420	37,964,997
Sewaan / Perkhidmatan	7,496,594	13,018,356	7,419,309	13,018,356
Pendapatan Pelbagai	2,291,357	1,488,269	2,291,357	1,488,269
Pendapatan Lain Syarikat Subsidiari	897,427	491,083	-	-
	102,646,282	116,328,147	50,913,938	58,895,389

Hasil pendapatan pelbagai merupakan hasil sewaan daripada gerai-gerai usahawan FAMA yang tidak tetap seperti GBBS, M3R dan AKR. Kadar sewaan yang dikenakan adalah kadar minima sahaja bertujuan membantu usahawan meningkatkan pendapatan. Perbezaan ketara dalam pendapatan pelbagai berikutan pembatalan hak deposit penjualan tanah di Sepang dan pendapatan outlet jualan pasar segar terkawal. Jumlah pendapatan sewaan pada tahun semasa menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding tahun sebelum susulan pemberian pengecualian sewaan kepada usahawan dalam tempoh moratorium seperti saranan kerajaan.

25. PERBELANJAAN

	NOTA	KUMPULAN		FAMA	
		2020	2019	2020	2019
		RM	RM	RM	RM
			Dinyatakan Semula		
Gaji, Elaun dan Kos Kakitangan	31	125,472,946	128,581,116	120,632,348	122,946,091
Perkhidmatan dan Bekalan		49,045,321	48,738,364	49,045,321	48,738,364
Projek Geran Pembangunan		53,938,204	42,191,351	53,938,204	42,191,351
Kos Jualan		71,892,737	80,443,736	29,694,359	33,023,845
Perbelanjaan Jualan dan Pentadbiran		14,578,700	20,772,847	14,578,700	20,772,847
Susutnilai & Pelunasan		19,336,324	19,112,127	18,830,801	18,811,257
Lain-lain Perbelanjaan		12,978,310	13,482,967	15,359,053	13,482,967
Perbelanjaan Syarikat Subsidiari		5,756,209	4,064,526	-	-
		352,998,751	357,387,034	302,078,786	299,966,722

26. LEBIHAN / (KURANGAN) SEBELUM CUKAI

Lebihan / (kurangan) sebelum cukai adalah selepas dicajkan / (dikredit) seperti berikut:

	KUMPULAN		FAMA	
	2020	2019	2020	2019
Belanja Hutang Ragu	1,756,946	194,438	383,054	194,438
Yuran Audit	118,412	188,337	60,049	60,049
Susutnilai Hartanah, Loji & Peralatan	18,778,624	19,193,838	18,273,101	18,811,257
Sewaan Pejabat & Pelbagai	10,406,269	12,769,600	9,928,108	12,162,460
Elaun Ahli Lembaga Pengarah	656,103	780,183	543,503	582,345
Peruntukan Manfaat Kakitangan	3,159,102	1,794,015	3,159,102	1,794,015
Kos Kewangan	61,196	54,057	-	-
Pendapatan Dividen & Faedah	(5,277,062)	(6,481,619)	(5,225,851)	(6,423,767)
Pendapatan Sewaan Lain	(7,496,594)	(1,242,629)	(7,419,309)	(1,182,840)
Rosotnilai stok	(214,887)	(372,146)	(214,887)	(372,146)
Kerugian / (Keuntungan) Pelupusan Aset	(75,848)	312,792	(206,910)	309,153
Rosot nilai pelaburan syarikat subsidiari	-	-	2,380,743	-
Pelunasan Aset Tak Ketara	557,700	-	557,700	-

27. CUKAI

	KUMPULAN		FAMA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Peruntukan Cukai Tahun Semasa	1,306,463	1,541,704	1,306,463	1,541,704
Lebihan Peruntukan Tahun Sebelum	-	(3,604,153)	-	(3,604,153)
Belanja Cukai Syarikat Subsidiari	(153,722)	236,514	-	-
	1,152,741	(1,825,935)	1,306,463	(2,062,449)

Penyamaan perbelanjaan cukai dengan kadar cukai pendapatan :

	KUMPULAN		FAMA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
(Kurangan) / Lebihan sebelum cukai dan zakat	(52,192,718)	3,016,454	(53,005,097)	3,004,008
i. Cukai pada kadar cukai berkanun sebanyak 24% (2019:24%)	(13,114,934)	658,282	(12,721,223)	720,962
ii. Kesan kadar cukai dalam negara asing	(59,033)	-	-	-
iii. Perbelanjaan yang tidak dibenarkan	5,696,465	7,997,680	5,165,128	6,591,992
iv. Pendapatan yang tidak dikenakan cukai	(4,246,646)	(7,626,843)	(4,169,077)	(5,771,250)
v. Pendapatan yang dikenakan cukai	1,306,463	-	1,306,463	-
Kerugian cukai yang tidak diiktiraf	11,234	411,627	-	-
vi. Pembalikan perbezaan sementara	(176,080)	-	(39,516)	-
vii. Terlebih peruntukan tahun sebelum	-	(3,604,153)	-	(3,604,153)
viii. Cukai tertunda (liabiliti) tidak diiktiraf sepanjang tahun	11,764,688	236,515	11,764,688	-
ix. Kerugian yang diserap	(29,416)	100,957	-	-
	1,152,741	(1,825,935)	1,306,463	(2,062,449)

Peruntukan cukai FAMA yang dibuat adalah bagi cukai ke atas pendapatan faedah simpanan tetap yang diterima pada tahun semasa sebanyak 24%. Semua pendapatan yang diterima oleh FAMA telah dikecualikan cukai kecuali faedah simpanan tetap. Permohonan pengecualian cukai FAMA mulai tahun 2018 telah ditolak pada 18 Februari 2021 dan FAMA telah tertakluk untuk menjelaskan pembayaran tunggakan cukai untuk tahun 2018 hingga 2020. FAMA telah dibenarkan untuk membuat bayaran cukai secara ansuran mulai bulan April tahun 2021.

28. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN		FAMA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Simpanan Jangka Pendek	162,149,673	192,871,412	160,570,655	191,342,150
Wang di Bank dan Runcit	39,791,453	35,733,890	35,285,079	31,703,054
	201,941,126	228,605,302	195,855,734	223,045,204

29. PENYATA PENYESUAIAN DAN PERBANDINGAN BAJET

	FAMA 2020		
	RM Operasi	RM Pelaburan	RM Jumlah
Belanja Sebenar	163,357,649	-	163,357,649
Pesanan Tempatan (tertunggak)	7,954,448	-	7,954,448
Jumlah Keseluruhan	171,312,097	-	171,312,097

Peruntukan Mengurus yang telah diluluskan oleh Kementerian kepada FAMA bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM178,370,000. Daripada jumlah tersebut, FAMA telah dikenakan sekatan perbelanjaan sebanyak RM49,840,000 melalui Notis Penyekatan Peruntukan Mengurus Bil. 62 Tahun 2020 yang bertarikh 6 Oktober 2020. Rayuan telah dikemukakan oleh FAMA kepada MOF melalui MAFI dan telah diberi pelepasan sekatan berjumlah RM986,000 sahaja.

FAMA telah mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM171,312,097 dalam tahun semasa dengan lebihan perbelanjaan sebanyak RM41,796,097 yang telah ditampung melalui sumber dalaman FAMA.

Bagi lebihan belanja perkhidmatan dan bekalan, butiran utama adalah melibatkan perbelanjaan penyelengaraan dan pembaikan kecil.

30. PEMIUTANG PELBAGAI DANA DITINDIK

	KUMPULAN / FAMA	
	2020 RM	2019 RM
Projek Khas Pagoh	869,588	669,588
Program Memperkasakan Usahawan Bumiputra	2,356,092	2,356,092
Industri Padi Beras - Empangan Paya Peda Terengganu	7,341,736	7,341,736
Stok Penimbal Beras	366,954	366,954
Agri - BDC	43,710	43,711
NKEA - Pertanian	-	(955)
Program Strategic Reform Initiative Q4	-	(23,911)
NKEA - (EPP 11) Penanaman Padi Diluar Jelapang	-	(125,803)
NKEA - (EPP 11) Insentif Kepada Petani	-	(117)
	10,978,080	10,627,295

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

31. PERBELANJAAN KAKITANGAN

	KUMPULAN		FAMA	
	2020	2019	2020	2019
Bilangan kakitangan pada 31 Disember				
Tetap	2,509	2,370	2,509	2,370
Sementara	192	223	192	223
	2,701	2593	2,701	2,593

Pecahan perbelanjaan kakitangan adalah seperti berikut :

	KUMPULAN		FAMA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Gaji dan Upahan	78,068,422	79,323,342	78,068,422	79,323,342
Elaun Kakitangan	25,924,697	25,060,423	25,924,697	25,060,423
Elaun Lebih Masa	2,954,017	4,804,895	2,954,017	4,804,895
Caruman Pencen, KWSP dan PERKESO	13,685,212	13,757,431	13,685,212	13,757,431
Perbelanjaan Syarikat Subsidiari	4,840,598	5,635,025	-	-
	125,472,946	128,581,116	120,632,348	122,946,091

32. KEPENTINGAN MINORITI & SYARIKAT SUBSIDIARI

Kepentingan minoriti ini merupakan bahagian kepentingan minoriti terhadap modal dan rizab Syarikat Susidiari FAMA Corp

Subsidiari FAMA adalah seperti berikut :

Nama Syarikat	Negara Ditubuhkan	Kegiatan Utama	Kepentingan 2020	Kepentingan 2019
FAMA Corporation Sdn. Bhd.	Malaysia	Memasarkan produk keluaran hasil-hasil pertanian, mengeksport buah-buahan, peruncitan barangan makanan proses dan produk pengguna, perkilangan kopi dan mengimport dan mengedar kobis.	100%	100%
MyKopieSatu Sdn. Bhd.	Malaysia	Terlibat dalam perniagaan menyediakan kopi dan aktiviti francais biji kopi.	100%	100%

Subsidiari FAMA Corporation Sdn. Bhd. adalah seperti berikut :

Nama Syarikat	Negara Ditubuhkan	Kegiatan Utama	Kepentingan 2020	Kepentingan 2019
Konsortium Induk Edar Sdn. Bhd.	Malaysia	Mengimport dan mengedar kobis	56%	56%
FR Agro-Lanskap Sdn. Bhd.	Malaysia	Tidak beroperasi	100%	100%
KOP-FAMA Sdn. Bhd.	Malaysia	Tidak beroperasi	100%	100%
FAMA Agro Bazaar (Singapore) Pte. Ltd.	Singapura	Peruncitan barangan makanan, minuman dan produk pengguna, kafetaria dan restoran	100%	100%

Kesemua akaun-akaun syarikat subsidiari dan Kumpulan syarikat subsidiari diaudit oleh Firma Akauntan Awam Bertauliah, Malaysia kecuali akaun FAMA Agro Bazaar (Singapore) Pte. Ltd.
Penyediaan dan pengauditan bagi akaun FAMA Agro Bazaar (Singapore) Pte.Ltd. telah dibuat berpandukan *Companies Act, Cap. 50 (the "Act")* dan *Financial Reporting Standards di Singapura (FRSs).*

33. PELARASAN TAHUN LEPAS

Dalam tahun 2019, terdapat salahnyata dalam akaun harta, loji dan peralatan serta perbelanjaan yang diselaraskan mengikut aplikasi prospektif. Kesan-kesan pembentangan ke atas penyata kewangan adalah seperti berikut :

	FAMA		
	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	**Pelarasan RM**	**Seperti dinyatakan semula RM**
Penyata Kedudukan Kewangan			
Pada 31 Disember 2019			
Hartanah, loji dan peralatan			
Kos	719,366,976	332,019	719,698,995
Susutnilai Terkumpul	(242,796,248)	223,968	(242,572,280)
Projek Dalam Perlaksanaan	10,320,433	3	10,320,436
Akaun Mengurus	(72,447,776)	93,705	(72,354,071)
Akaun Pembangunan	(475,909,706)	(718,026)	(476,627,732)
Penyata Prestasi Kewangan			
Perbelanjaan	(357,387,034)	68,331	(357,318,703)

	FAMA		
	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	**Pelarasan RM**	**Seperti dinyatakan semula RM**
Penyata Kedudukan Kewangan			
Pada 31 Disember 2019			
Hartanah, loji dan peralatan			
Kos	716,127,255	332,019	716,459,274
Susutnilai Terkumpul	(240,919,533)	223,968	(240,695,565)
Projek Dalam Perlaksanaan	10,320,433	3	10,320,436
Akaun Mengurus	(72,447,776)	93,705	(72,354,071)
Akaun Pembangunan	(475,909,706)	(718,026)	(476,627,732)
Penyata Prestasi Kewangan			
Perbelanjaan	(299,966,722)	68,331	(299,898,391)

33. PELARASAN TAHUN LEPAS (SAMBUNGAN)

Dalam tahun kewangan 2019, terdapat salah nyata dalam penyata kewangan syarikat subsidiari yang diselaraskan mengikut aplikasi retrospektif. Kesan-kesan pembentangan ke atas penyata kewangan adalah seperti berikut:

		KUMPULAN		
		Seperti dilaporkan sebelum ini	Pelarasan	Seperti dinyatakan semula
		RM	RM	RM
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019	**Nota**			
Aset Bukan Semasa				
Hartanah, Loji dan Peralatan	12	476,614,482	(43,754)	476,570,728
Aset Tak Ketara	13	2,767,440	(2,640)	2,764,800
Aset Semasa				
Penghutang Perniagaan dan Pelbagai	6	21,126,818	(241,919)	20,884,899
Wang di Bank dan Runcit	3	34,927,310	806,580	35,733,890
Liabiliti Semasa				
Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai	15	35,671,813	244,655	35,916,468
Kerugian Terkumpul	21	53,306,739	273,612	53,580,351
Penyata Prestasi Kewangan Pada 31 Disember 2019				
Penyata Pendapatan Komprehensif	26	2,742,842	273,612	3,016,454
Nota Kepada Hartanah, Loji dan Peralatan	12	476,614,482	(43,754)	476,570,728

34. KOMITMEN MODAL

Jumlah penglibatan modal projek pembangunan FAMA untuk tanah dan bangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah telah dikontrakkan dan tidak diambilkira di dalam Penyata Kewangan adalah seperti berikut :

	FAMA	
	2020	2019
	RM	RM
Diluluskan dan Telah Dikontrakkan	37,773,147	40,051,625
	37,773,147	40,051,625

35. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Untuk tujuan penyata kewangan ini , pihak-pihak adalah adalah dianggap berkaitan kepada Kumpulan atau FAMA sekiranya Kumpulan atau FAMA mempunyai keupayaan secara langsung atau tidak langsung untuk mengawal atau mengawal bersama pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau FAMA dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti FAMA sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama termasuk semua pengarah Kumpulan dan ahli pengurusan kanan Kumpulan.

Menurut Akta 141 FAMA , bilangan pengurusan tertinggi FAMA ialah 14 orang terdiri daripada 8 orang dari Kementerian /Jabatan /Agensi dan 6 orang pegawai lantikan politik

	FAMA	
	2020	**2019**
	RM	**RM**
Transaksi dengan Pengurusan Tertinggi FAMA		
Gaji & Elaun Pengurusan Tertinggi	543,503	582,345
Bilangan Pegawai Pengurusan Tertinggi	14 orang	14 orang
Transaksi dengan Syarikat-Syarikat Subsidiari		
Jumlah Transaksi Jualan Dengan Anak Syarikat	964,557	1,515,194
Jumlah Transaksi Belian Dengan Anak Syarikat	6,722,099	5,239,485

36. PERISTIWA SELEPAS TEMPOH KEWANGAN

MPSAS 14 menyatakan "Sesebuah entiti yang menyediakan dan menbentangkan penyata kewangan mengikut asas perakaunan akruan hendaklah menggunapakai Piawaian ini dalam perakaunan untuk pendedahan, peristiwa selepas tarikh pelaporan".

Peristiwa selepas tarikh pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan dan tidak memuaskan yang berlaku antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Dua jenis peristiwa boleh dikenal pasti:

i) Peristiwa yang membuktikan keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa pelarasan selepas tarikh pelaporan): dan

ii) Peristiwa yang menunjukkan keadaan yang wujud selepas tarikh pelaporan (peristiwa pelarasan selepas tarikh pelaporan).

Berdasarkan penyata kewangan FAMA dan Kumpulan, kedua-duanya tidak mempunyai masalah dari segi kemampuan mengawal liabilitinya kerana mempunyai aset semasa bersih dan kecairan aset yang baik.

Pendapatan sewaan premis pemasaran FAMA telah berkurang berikutan daripada penularan Covid 19 yang melanda pada pertengahan Februari 2020. Pengurangan adalah disebabkan oleh kemudahan pengecualian bayaran sewa yang telah diluluskan oleh pengurusan tertinggi FAMA dalam tempoh pandemik bertujuan meringankan bebanan usahawan yang terjejas pendapatannya. Dijangkakan pendapatan FAMA pada tahun berikutnya akan bertambah berikutan tamatnya tempoh moratorium.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY
Ministry of Agriculture and Food Industries

Bangunan FAMA Point, Lot 17304,
Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor.

03-6126 2020
fama@fama.gov.my
www.fama.gov.my
@FAMA.Malaysia
@FAMA_Malaysia
fama.malaysia
famatv.com.my